Mempertingkatkan kemudahan dan prasarana bekalan elektrik bagi menyokong pembangunan keseluruhan daerah terutamanya sektor perindustrian.	Beberapa perancangan oleh TNB telah dikenal pasti bagi meningkatkan kemudahan bekalan elektrik daerah Temerloh. Projek tersebut dijangka mampu menyokong pembangunan keseluruhan daerah.
Mempertingkatkan aksesibiliti penggunaan dan kadar penembusan sistem maklumat, telekomunikasi dan ICT terutamanya ke seluruh pelusuk daerah pedalaman.	Pembekalan data oleh pihak SKMM mendapati beberapa pembangunan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sedang giat dijalankan bagi mencapai kadar penembusan sistem telekomunikasi di daerah Temerloh yang dijangka akan memberi impak kepada ekonomi serta sosial yang lebih berkualiti serta mengaplikasi Konsep Bandar Pintar dari segi kemudahan komunikasi

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Memastikan sistem pembetungan yang digunapakai adalah moden, bersih, selamat dan penghasilan influen mengikut piawaian alam sekitar dan WHO.	Pada masa kini, sistem pembetungan bagi kawasan pedalaman dan kawasan bandar yang lama di daerah Temerloh masih lagi menggunakan sistem tangki septik komunal (CST), tangki septik persendirian (IST) dan primitif (*Pour Flush*). Terdapat 90 loji rawatan kumbahan awam di kawasan kajian dan 2 NPS (*Network Pump Stations*). Perancangan oleh pihak IWK untuk membina loji rawatan serantau untuk kawasan tadahan pembetungan meliputi bandar Temerloh dan Mentakab pada tahun 2040.
Penempatan bandaran perlu mengadakan pengurusan sisa pepejal yang bersepadu, moden, sistematik dan tidak mencemarkan alam sekitar.	Sisa pepejal daerah Temerloh dihantar ke Tapak Pelupusan Sanitari Belengu Halt yang moden dan sistematik serta mempunyai fasiliti yang hampir lengkap dengan adanya sistem MRF, *Leachate Treatment Plant, Composting Wind Row.*
Pengangkutan dan Lalu Lintas	
Cadangan Pemajuan Jalan Raya: a. Cadangan Naik Taraf Jalan 40m b. Cadangan Jalan Baru 30m c. Cadangan Naik Taraf Jalan 30m d. Cadangan Jalan Baru 20m e. Cadangan Naik Taraf Jalan 20m	i. Cadangan pemajuan jalan yang belum sepenuhnya dilaksanakan akibat beberapa faktor termasuk kekangan peruntukan. ii. Cadangan menaik taraf jalan di bawah 40m seperti pada Jalan FT2 termasuk cadangan pemajuan RMKe-12, JKR kepada 4 lorong. iii. Pembinaan jambatan kedua Temerloh juga termasuk dalam fasa menaik taraf jalan FT2. iv. Ancaman banjir dikenal pasti pada 44 lokasi jalan pada tahun 2020 hingga 2021. v. Sebanyak 17 projek pemajuan jalan sama ada jalan baharu dan naik taraf jalan telah dicadangkan di peringkat RMKe-12. vi. Isipadu trafik tertinggi pada seksyen jalan FT02 di stesen JKR CR803 (28,679) dan FT87 di CR808 (18,486) serta FT2 di CR801 (15,498) kenderaan/16-jam. vii. Tahap keupayaan jalan menunjukkan tahap perkhidmatan (LOS) A pada Jalan FT87 (CR808). Namun, (LOS) F di Jalan FT2 (CR803) dan LOS E di (CR801). viii. Kadar purata pertumbuhan isi padu trafik menunjukkan nilai penurunan sebanyak -0.76%.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Cadangan Rel Keretapi Laju	Pembinaan *East Coast Rail Link* (ECRL) Seksyen B sedang giat dibangunkan dan perancangan stesen di Mentakab untuk berintegrasi bersama laluan KTMB.
Cadangan Pengangkutan Air	i. Pengangkutan air sedia ada melalui pesisir Sungai Pahang ke beberapa destinasi mengikut kehendak penumpang. ii. Aktiviti *river cruise* telah dilaksanakan namun perkhidmatan terhenti sementara semasa tempoh PKP. iii. Kekurangan kemudahan jeti terutamanya untuk tujuan keselamatan.
Cadangan Pembinaan Jambatan Baru Merentasi Sungai Pahang	i. Secara keseluruhannya, dua cadangan jambatan baru diklasifikasikan belum dilaksanakan/dalam perancangan. ii. Tiga projek jambatan telah berjaya disiapkan antara tahun 2018 dan 2019. Dua projek jambatan dan 1 jalan masuk baru telah mendapat kelulusan dan dalam pra-pembinaan.
Cadangan Sirkulasi Kawasan Pusat Bandar Temerloh dan Mentakab	i. Cadangan sirkulasi terdahulu tertumpu di pusat bandar Temerloh. ii. Aliran trafik di pusat bandar Temerloh agak sesak di beberapa bahagian jalan terutamanya pada waktu puncak tengahari dan lengang di bahagian jalan bandar yang lain bergantung kepada aktiviti komersial. iii. Aliran trafik terganggu kerana kebergantungan pada kereta sangat tinggi dan melengah-lengah untuk mendapatkan TLK.
Cadangan Jenis Persimpangan	i. Secara keseluruhannya, terdapat sebelas (11) cadangan persimpangan bergantung kepada tahap penggunaan dan hierarki jalan. ii. Empat lokasi telah melaksanakan jenis persimpangan lampu isyarat.
Cadangan Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS)	i. Beberapa lokasi jalan utama yang masih menggunakan mod *timer* bagi sistem lampu isyarat. ii. Penggunaan CCTV dalam aspek keselamatan di jalan raya tertumpu di dalam pusat bandar Temerloh dan aset dipantau oleh PDRM.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Cadangan Laluan Perkhidmatan Bas Dalam Bandar dan Antara Bandar (termasuk kekerapan perkhidmatan, hentian bas)	Tiada liputan perkhidmatan bas dalam bandar disediakan dan hanya satu syarikat beroperasi menyediakan perkhidmatan bas antara bandar meliputi laluan Bentong – Mentakab – Temerloh. Faktor: kekurangan permintaan perkhidmatan bas henti-henti, liputan perkhidmatan bas, penyampaian maklumat, keadaan bas yang uzur dan sebagainya.
Maklumat Pengguna Perkhidmatan Bas	Penyampaian maklumat pada masa ini hanya bergantung kepada notis makluman di terminal utama bas henti-henti.
Cadangan Temerloh *Integrated Transport Terminal* (TITT)	Perancangan awal RT untuk mengintegrasikan Terminal Rel dan Terminal bas. Perancangan terkini yang masih dalam pertimbangan ialah pembangunan Terminal Sentral di Seri Kemuning.
Perhutanan, Pertanian , Perikanan dan Penternakan	
Meningkatkan produktiviti tanaman getah	Pihak RISDA menguruskan 19,764 hektar tanaman getah yang disertai 8,131 pekebun di daerah Temerloh. Manakala terdapat kawasan seluas 920.22 hektar ditanam dengan tanaman getah di Kawasan FELDA. Model Perancangan Strategik RISDA (MPSR 2.0) 2021-2025 antara lain mensasarkan untuk meningkatkan produktiviti tanaman getah dan pendapatan pekebun kecil.
Meningkatkan produktiviti dusun	Keluasan tanaman buah-buahan daerah Temerloh 15,533.33 hektar. TKPM Lanchang merupakan pusat utama penanaman buah-buahan terutama buah nangka berkualiti tinggi.
Memaksimumkan kegunaan tanah dengan projek integrasi tanaman getah /ternakan	Aktiviti integrasi tanaman getah dan ternakan di dalam skim RISDA Daerah Temerloh agak rendah.
Ternakan ikan dalam sangkar	Terdapat 451 pengusaha ikan dalam sangkar di sepanjang Sungai Pahang.
Pemulihan tanah/ sawah terbiar (ACDA)	Terdapat 348 lot seluas 469.89 hektar tanah sawah masih terbiar di daerah Temerloh.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Meningkatkan produktiviti kelapa sawit	Kelapa sawit merupakan tanaman utama di daerah Temerloh dengan keluasan 43,409.00 hektar dusahakan oleh pelbagai pihak seperti FELDA, FELCRA, PKPP dan syarikat perladangan swasta. Tanaman komoditi ini menyumbang pulangan pendapatan yang baik hasil daripada produktiviti dan harga pasaran yang meningkat.
Memaksimumkan kegunaan tanah dengan projek integrasi kelapa sawit /ternakan.	Pada masa ini aktiviti integrasi kelapa sawit/ternakan hanya diusahakan oleh 51 pekebun di skim FELDA Jengka 23 dan Jengka 25.
Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ternakan (Fidlot) Padang Ragut Paya Luas	Sehingga kini daerah Temerloh hanya mempunyai sebuah TKPM iaitu TKPM Lanchang. Rizab haiwan secara keseluruhan berkeluasan 2,230.71 hektar dan tahap penggunaan untuk kawasan padang ragut dan ternakan agak rendah.
Membangunkan industri buah-buahan di Ladang Pertanian Moden Lanchang	Tahap pembangunan TKPM Lanchang adalah pesat dan diusahakan oleh dua kategori usahawan iaitu Usahawan TKPM dan TKPM Swasta. Nangka merupakan tanaman utama diikuti pisang dan pelbagai limau. Nilai pengeluaran buah-buahan ialah 4,309.4 metrik tan pada tahun 2020.
Membangunkan ladang buah-buahan baharu oleh FELDA	Sebahagian besar kawasan perladangan FELDA masih diusahakan dengan tanaman kelapa sawit sebagai tanaman tunggal.
Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC)	Pada masa ini pihak FAMA hanya mempunyai sebuah pusat yang menjalankan perkhidmatan urusniaga hasil pertanian yang terletak di Pusat Operasi FAMA Lanchang.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Perindustrian dan Perniagaan	
Cadangan kawasan perindustrian baharu (pembesaran) dan kawasan IKS khususnya: i. Pembesaran Taman Perindustrian Temerloh, Taman Perindustrian Songsang dan Taman Perindustrian Kg. Sempadan. ii. Kawasan Perindustrian Baru Lanchang, Kawasan Perindustrian Baru Simpang Songsang dan Kawasan Perindustrian Mentakab. iii. IKS Seberang Temerloh, IKS Kerdau, IKS Lanchang dan IKS Kuala Krau. iv. Pelabuhan Darat Temerloh.	**Cadangan Pembangunan Perindustrian** i. Cadangan pembesaran Taman Perindustrian Temerloh, Taman Perindustrian Songsang dan Taman Perindustrian Kg. Sempadan masih belum dilaksanakan. Adalah disyorkan cadangan ini diteruskan bagi menggalakkan dan mengawal pembangunan perindustrian di kawasan kajian. ii. Cadangan kawasan perindustrian baharu di Lanchang, Simpang Songsang dan Mentakab masih belum dilaksanakan. Adalah disyorkan cadangan tapak bagi ketiga-tiga lokasi dikaji semula berasaskan keperluan semasa dan masa hadapan (2035) serta arah tuju pembangunan industri berasaskan RS Negeri Pahang 2050. iii. Cadangan IKS Kerdau, IKS Lanchang dan IKS Kuala Krau masih belum dilaksanakan. Hanya sebahagian kawasan bagi cadangan IKS Seberang Temerloh telah dilaksanakan. Adalah disyorkan cadangan ini diteruskan dan dikaji semula kesesuaian tapak cadangan seiring dengan trend pembangunan semasa dan keperluan masa hadapan (2035). iv. Cadangan Pelabuhan Darat Temerloh berhampiran Taman Perindustrian Temerloh masih belum dilaksanakan. Adalah disyorkan cadangan ini diteruskan serta dikaji kesesuaian tapak cadangan seiring dengan pembangunan infrastruktur pengangkutan di masa hadapan terutama dengan pembinaan jajaran ECRL.
Cadangan zon guna tanah perniagaan pusat bandar Temerloh, Simpang Songsang, Seberang Temerloh, Mentakab, Simpang Kerdau, Kuala Krau dan Lanchang.	**Cadangan Pembangunan Perniagaan** i. Cadangan pembangunan kawasan / zon perniagaan di Simpang Songsang, Mentakab dan Simpang Kerdau masih belum dilaksanakan dan kesesuaian tapak cadangan perlu dikaji semula seiring dengan trend pembangunan semasa dan keperluan masa hadapan (2035). ii. Sebahagian kecil cadangan kawasan perniagaan di Lanchang, Seberang Temerloh, bandar Temerloh dan Kuala Krau telah dilaksanakan dan ia perlu diteruskan seiring dengan tren pembangunan semasa dan keperluan masa hadapan (2035).

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Perumahan	
Memajukan kawasan-kawasan yang berpotensi untuk perumahan terutamanya di kawasan seberang Temerloh hingga ke sempadan Maran, bandar Temerloh hingga ke Mentakab dan Simpang Songsang hingga ke sempadan Jerantut.	Telah terdapat pertambahan kawasan perumahan di ketiga-tiga kawasan yang dicadangkan ini, tetapi masih terdapat banyak kawasan yang telah dizonkan sebagai guna tanah cadangan perumahan belum dibangunkan sehingga tamat tempoh perancangan RT ini.
Memastikan supaya penyediaan perumahan terutamanya perumahan kos rendah adalah mencukupi.	Sehingga kini, terdapat 6 jenis program perumahan mampu milik yang ditawarkan di daerah Temerloh. Ini adalah untuk memastikan semua kumpulan pendapatan boleh memiliki rumah yang selesa.
Pembangunan perumahan akan dibangunkan dengan persekitaran yang menarik serta lengkap dengan kemudahan dan infrastruktur.	Setiap permohonan Kebenaran Merancang bagi pembangunan perumahan di daerah Temerloh perlu mematuhi strategi ini bagi memperolehi kelulusan. Terdapat juga Garis Panduan Perancangan Perumahan yang perlu dipatuhi oleh semua pemaju bagi menyediakan perumahan yang lengkap dengan semua kemudahan.
Pelancongan	
Pembangunan Agro Resort	i. Pembangunan sektor ini dapat dilihat dengan Taman Kekal Pengeluaran Makananan (TKPM) yang dibangunkan pada tahun 2005 dengan keluasan fizikal 3,600 hektar. ii. Bertujuan untuk menyediakan kawasan tanaman makanan khususnya buah-buahan dan sayuran kepada negara untuk pasaran domestik, pasaran eksport dan juga menyokong aktiviti harian. iii. Dibiayai oleh kerajaan persekutuan dan diurus oleh Jabatan Pertanian Negeri Pahang. iv. Hampir 57% kawasan ini ditanam dengan tanaman nangka.
Tapak Perkhemahan Kuala Gandah	i. Kawasan ini menjadi tarikan pelancong terutama dari segi pemuliharaan dan konservasi gajah. ii. Menjadi tarikan pelancong domestik dan luar negara. iii. Merupakan salah satu penyumbang utama sumber ekonomi pelancongan di daerah Temerloh.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
ii. Membangunkan Program Homestay	Pencapaian semasa dapat dilihat dengan pembangunan ke arah perusahaan homestay/ kampungstay dan perkampungan Orang Asli iaitu: i. Homestay Desa Murni Kerdau ii. Perkampungan Orang Asli Che' Wong iii. Homestay Jengka 25 iv. Homestay Rumpun Makmur
iii. Menaik taraf Mini Zoo Temerloh	Tempat ini telah ditutup kerana tidak mendapat sambutan dan kegagalan sistem pengurusan.
Mempergiatkan Sukan Air	i. Aktiviti semasa di sepanjang Sungai Pahang hanyalah perusahaan ikan patin dan penginapan rumah rakit. ii. Aktiviti sukan air masih tidak diusahakan.
Mengekalkan kawasan hutan simpan	Rizab Hidupan Liar Krau masih dipulihara dan menjadi tempat tarikan para pelancong untuk aktiviti berkhemah, *hiking* dan kajian-kajian saintifik.
Mengekalkan produk ekopelancongan sedia ada: i. Gunung Senyum ii. Pusat Pemuliharaan Gajah Kuala Gandah iii. Pusat Pemuliharaan Hidupan Liar (Seladang) iv. Taman Rusa (Deerland)	i. Semua tempat yang dinyatakan telah dibangunkan dan menjadi lokasi tarikan pelancong. ii. Pusat Pemuliharaan Gajah Kuala Gandah merupakan lokasi yang paling mendapat sambutan pelancong dari luar negara dengan kepelbagaian aktiviti di tempat tersebut.
Agro pelancongan di sekitar Kampung Peragap (BP9)	Kajian semasa menujukkan kawasan cadangan ini tidak dibangunkan untuk aktiviti pelancongan.
Promosi serta membaiki sistem pengurusan	i. Aktiviti promosi banyak dijalankan di beberapa lokasi tarikan pelancong. ii. Terdapat banyak pihak agensi, NGO mahupun pihak-pihak yang terlibat dalam usaha untuk membangunkan produk pelancongan di daerah Temerloh.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
Pusat Bandar, Reka Bentuk Bandar dan Landskap	
KAWASAN SEMPADAN BANDAR YANG JELAS i. Cadangan kawasan sempadan perbandaran Temerloh, Mentakab, Kerdau, Kuala Krau, dan Lanchang. ii. Cadangan Sempadan Pusat Bandar Temerloh dan Mentakab.	i. Terdapat cadangan sempadan baharu bagi bandar Temerloh dan Mentakab telah disediakan berdasarkan Kajian Penentuan Sempadan Bandar (PSB) dan keluasan bandar lebih luas berbanding cadangan RT terdahulu. ii. Kajian ini mencadangkan sempadan pusat bandar baharu bagi Temerloh yang berfokus kepada aktiviti perbandaran utama sahaja.
PENINGKATAN IMEJ DAN REKA BENTUK BANDAR i. Mewujudkan identiti Jalan Tengku Bakar, Temerloh dan Jalan Tun Razak, Mentakab sebagai imej yang bercirikan warisan 'Heritage Street" dan Bazar Beli Belah. ii. Mewujudkan Identiti Jalan Sudirman (Cadangan Revitalisasi) sebagai reka bentuk berimejkan "Corporate Street" dan Moden. iii. Membangunkan tebing Sungai Pahang sebagai cadangan tambahan Kawasan Esplanade Temerloh sedia ada. iv. Cadangan pembangunan Temerloh *Central Park* di kawasan rekreasi Kubang Gajah. v. Cadangan penstrukturan semula rupa bentuk bandar.	i. Masih belum dilaksanakan. ii. Masih belum dilaksanakan. iii. Belum dibangunkan sepenuhnya dan sebahagian esplanade telah dinaik taraf dengan landskap lembut dan kejur. iv. Masih belum dilaksanakan. v. Masih belum dilaksanakan.

Sambungan

Jadual 1.2: Rumusan Pencapaian Cadangan Utama RT Daerah Temerloh 2007-2015

Cadangan Projek RT 2007-2015	Tahap Pencapaian Semasa
PENINGKATAN KUALITI LANDSKAP	
i. 'Pocket Park" di kawasan Bandar Temerloh.	i. Masih belum dilaksanakan kerana kekangan kos pelaksanaan.
ii. Cadangan pengindahan jalan-jalan utama di pusat bandar.	ii. Masih belum dibangunkan sepenuhnya dan dalam proses pelaksanaan.
iii. Cadangan 'Pedestrian Mall' di Kawasan Bandar Lama Temerloh.	iii. Masih belum dilaksanakan kerana kekangan kos pelaksanaan.
iv. Pembangunan landskap pintu masuk bagi daerah Temerloh dan pusat-pusat bandar utama.	iv. Masih belum dibangunkan sepenuhnya dan dalam proses pelaksanaan.

Gambar Bandar Temerloh

2.0

PENEMUAN UTAMA

BAHAGIAN 1: PEMBANGUNAN FIZIKAL DAERAH TEMERLOH 2020

2.1 PEMBANGUNAN DAERAH TEMERLOH YANG STRATEGIK DALAM DASAR PEMBANGUNAN SPATIAL NASIONAL, WILAYAH DAN NEGERI

Cadangan beberapa dasar pembangunan spatial di peringkat nasional, wilayah dan negeri banyak dikaitkan dengan potensi lokasi daerah Temerloh yang strategik. Ini diperkukuhkan lagi dengan ketersediaan dan pelaksanaan rangkaian perhubungan darat berimpak tinggi seperti LPT, ECRL dan pelabuhan darat. Antara dasar pembangunan spatial yang strategik termasuklah :

i. RFN4 telah mengesyorkan daerah Temerloh termasuk di dalam ZPP Jerantut-Bandar Tun Razak (Jengka)-Temerloh-Mentakab sebagai salah satu pusat pertumbuhan negara.

ii. Pelan Induk ECER 2.0 telah mengenal pasti daerah Temerloh terlibat dengan pertumbuhan Nod 7 iaitu termasuk di dalam Segitiga Pertumbuhan Pembangunan Pahang Tengah (Mentakab - Temerloh - Maran - Bera) dengan fokus kepada Hab Logistik, Perniagaan Tani dan Ekopelancongan.

iii. RSN Pahang 2050 mencadangkan daerah Temerloh dibangunkan di bawah tema Titik Tengah Semenanjung Malaysia. Tumpuan perkembangan perbandaran di kawasan petempatan dan koridor ditetapkan di antara Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab dengan memanfaatkan pembangunan rangkaian lebuh raya, rel dan pelabuhan darat.

2.2 TABURAN PENDUDUK LEBIH TERTUMPU DI DALAM KORIDOR PERBANDARAN TEMERLOH - MENTAKAB

Sejumlah besar penduduk daerah Temerloh tertumpu di BP2 Mentakab dan BP1 Perak. Pembangunan koridor perbandaran Temerloh-Mentakab merupakan penyumbang utama kepada corak tumpuan penduduk di kedua-dua BP ini. Kedua-dua BP ini secara bergabung membentuk lebih kurang 62 peratus daripada jumlah penduduk daerah.

2.3 KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK MUDA (0-14 TAHUN) YANG MENURUN

Pada tahun 2020 daerah Temerloh mempunyai penduduk berumur antara 0-14 tahun , menurun kepada 30.2% daripada 36.5% pada tahun 2010. KPPT kohot umur ini direkodkan sekadar 0.03% (**Rajah 2.1**). Senario ini antara lain menunjukkan kesan daripada peningkatan kadar penyertaan buruh di kalangan kaum wanita, kecenderungan keluarga muda untuk mempunyai bilangan anak yang kecil atas pelbagai faktor terutama ekonomi, golongan wanita yang bekerjaya dan tidak atau lambat berkahwin.

Rajah 2.1: Saiz dan Pertumbuhan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Utama 2010-2020

2010	57,956	36.5%	94,849	59.8%	5,919	3.7%
2020	58,125	30.2%	123,307	64.1%	10,968	5.7%
KPPT	0.03%		2.66%		6.36%	

Sumber : Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

2.4 GOLONGAN B40 MEMBENTUK GOLONGAN MAJORITI

Jadual 2.1 menunjukkan had pendapatan kasar bulanan isi rumah bagi daerah Temerloh pada tahun 2019. Majoriti isi rumah daerah Temerloh berada di dalam kategori kumpulan B40 iaitu seramai 18,690 isi rumah atau mewakili 43.42 peratus. Kumpulan M40 adalah seramai 17,440 isi rumah (40.52 peratus) dan 6,910 isi rumah (16.06 peratus) dalam kategori T20.

Pecahan Kategori Mengikut Had Bagi Negeri Pahang

B40	<RM3,900
M40	RM3,900 – RM7,599
T20	≥ RM7,600

Jadual 2.1 : Had Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Isi Rumah Daerah Temerloh 2019

Strata	Had Pendapatan (RM)		
	Terendah 40%	Pertengahan 40%	Tertinggi 20%
Bilangan isi rumah	18,690	17,440	6,910
%	43.42	40.52	16.06

Sumber : Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran, Pahang 2020

2.5 PERTUMBUHAN SEKTOR PEKERJAAN BERASAS PERBANDARAN YANG KUKUH

Jumlah pekerjaan di daerah Temerloh tumbuh pada kadar 2.66 peratus setahun antara tahun 2010-2020. Sektor perkhidmatan kerajaan, sosial dan persendirian merupakan penyumbang utama peluang pekerjaan dengan 16,176 pekerjaan (27.47 peratus) pada tahun 2010 dan bertambah kepada 20,420 pekerjaan (26.69 peratus) pada tahun 2020. Pembangunan dua pusat bandar utama iaitu bandar Mentakab dan bandar Temerloh telah menjadikan sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel sebagai sektor kedua terbesar. Sektor ini menyumbang 18.31 peratus jumlah pekerjaan pada tahun 2010 dan 19.99 peratus pada tahun 2020. Ini diikuti oleh sektor pembuatan menyumbang 17.82 peratus peluang pekerjaan pada tahun 2010 dan meningkat 18.69 peratus pada tahun 2020. Seterusnya, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menjadi penyumbang keempat terbesar peluang pekerjaan disebabkan oleh wujudnya ladang pertanian syarikat swasta dan agensi seperti skim FELDA, FELCRA, RISDA, TKPM Lanchang, Sungai Pahang dan kawasan Hutan Pengeluaran yang luas. Lain-lain sektor menunjukkan tahap sumbangan peluang pekerjaan yang agak kecil kerana banyak bergantung kepada saiz *thresholds* penduduk.

Struktur Pekerjaan Daerah Temerloh, 2020



2.6 PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH TEMERLOH

Terdapat lima (5) bandar telah dikenal pasti di daerah Temerloh iaitu Temerloh, Mentakab, Lanchang, Kuala Krau dan Kerdau. Berdasarkan DPN2, hanya terdapat dua (2) bandar di daerah Temerloh iaitu Temerloh sebagai bandar utama dan Mentakab sebagai bandar tempatan. Manakala Lanchang, Kuala Krau dan Kerdau telah disenaraikan sebagai Bandar Pusat Petempatan Utama berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050 dan Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2007-2015.

Jadual 2.2 : Ciri-Ciri Perbandaran

Ciri-ciri Perbandaran	Temerloh	Mentakab	Lanchang	Kuala Krau	Kerdau
Bandar Utama					
Pusat pertumbuhan ekonomi yang signifikan dalam sesebuah negeri.	✓				
Minimum 100,000 orang penduduk	✓				
Bandar Tempatan					
Memberi perkhidmatan perniagaan		✓			
Pentadbiran kepada kawasan yang lebih kecil		✓			
Saiz populasi antara 10,000 hingga 100,000 orang penduduk		✓			

Sumber: Dasar Perbandaran Negara 2

Pekan					
Menempatkan aktiviti perdagangan berskala kecil			✓	✓	✓
Mempunyai kemudahan awam			✓	✓	✓
Mempunyai aktiviti mingguan (pasar pagi / tani, pasar sehari atau pasar malam)			✓	✓	✓
Jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang			✓	✓	✓

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030



Petunjuk :

Sempadan Pertumbuhan Bandar

- Bandar Temerloh
- Bandar Mentakab
- Lanchang
- Kuala Krau
- Kerdau

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sungai Utama
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 1,500,000



Sumber :
1. Kajian Sempadan Bandar, PLANMalaysia
2. Kajian Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2007-2015

Rajah 2.2: Sempadan Pertumbuhan Bandar

2. 7 KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN YANG LUAS

Penyediaan analisis kesediaan dan kesesuaian tanah dijalankan bertujuan mengenal pasti kawasan yang sesuai dimajukan pada masa hadapan. Tiga (3) kategori dikenal pasti yang melibatkan perbezaan ciri-ciri kawasan dalam menentukan kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan iaitu seperti berikut:



Rajah 2.3 menunjukkan hasil analisis kesediaan dan kesesuaian tanah untuk daerah Temerloh. Kawasan keutamaan pembangunan tepu bina bertumpu di blok perancangan Kerdau, Jenderak, Songsang, Mentakab dan Perak.



Petunjuk :

Kategori

- Kategori 1 : Kawasan Keutamaan Pembangunan Tepu Bina (48,116.49 Hektar)
- Kategori 2 : Kawasan Boleh Dibangunkan Dengan Syarat (67,842.76 Hektar)
- Kategori 3 : Kawasan Yang Tidak Boleh Dibangunkan Dan Perlu Dipelihara (109,129.75 Hektar)

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.3 : Kesediaan dan Kesesuaian Tanah Pembangunan

2.8 KEPERLUAN PERANCANGAN KAWASAN PERUMAHAN TERANCANG

Jumlah luas keseluruhan guna tanah perumahan terancang bagi daerah Temerloh adalah seluas **888.95** hektar (46.06 peratus dari luas keseluruhan guna tanah perumahan).

Stok perumahan secara keseluruhannya berjumlah 56,217 unit dengan 54.62 peratus daripadanya merupakan perumahan terancang dan 45.38 peratus adalah rumah tidak terancang (rumah kampung).

Jadual 2.3: Keluasan Guna Tanah dan Unit Rumah Terancang

BP	Blok Perancangan	Keluasan Guna Tanah Perumahan (Hektar)	Peratus (%)	Unit Rumah Terancang
1	Perak	326.20	36.69	30,708
2	Mentakab	276.23	31.07	
3	Lebak	1.88	0.21	
4	Bangau	74.16	8.35	
5	Songsang	23.78	2.68	
6	Sanggang	39.33	4.42	
7	Lipat Kajang	24.37	2.74	
8	Kerdau	31.20	3.52	
9	Jenderak	31.57	3.56	
10	Semantan	60.23	6.76	
Jumlah		**888.95**	**100.00**	**30,708**

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian), 2021

Keluasan kawasan risiko banjir daerah Temerloh adalah kira-kira 25,270.20 hektar mewakili 11.23% daripada keluasan keseluruhan daerah Temerloh. Berdasarkan **Rajah 2.4**, didapati hampir keseluruhan taman perumahan sedia ada berada dalam kawasan berisiko banjir.

Jadual 2.4: Taman Perumahan Terlibat Banjir Januari 2021

Bil	Blok Perancangan	Jumlah Taman	Unit Rumah
1	Jenderak	2	153
2	Kerdau	2	149
3	Mentakab	12	584
4	Perak	6	102
5	Bangau	1	15
6	Lebak	1	28
7	Semantan	3	80
Jumlah Keseluruhan		**27**	**1,111**



Petunjuk :

- Perumahan Terancang
- Kawasan Risiko Banjir

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.4 : Pelan Kawasan Risiko Banjir

Jumlah penawaran adalah merujuk kepada jumlah rumah yang telah berjaya dimiliki.	Data menunjukkan peratusan penawaran rumah mampu milik jenis PKSR adalah paling tinggi disediakan iaitu 12.61%.	Jumlah keseluruhan penawaran program perumahan mampu milik yang berjaya disediakan adalah di tahap yang rendah iaitu **6.80%** sahaja.

Jadual 2.5: Jumlah Permintaan dan Penawaran Rumah Mampu Milik

Program Perumahan	Jumlah Permintaan	Jumlah Penawaran	Peratus Penawaran Berbanding Permintaan (%)
PR1MA Pahang	8,790	664	7.55
Perumahan Makmur	137	-	0
PAKR	6,281	311	4.95
PKSR	1,523	192	12.61
PPR	6,281	398	6.33
Jumlah	**23,012**	**1,565**	**6.80**

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Bahagian Perumahan), 2021 dan Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian).

Jadual 2.6: Unjuran Unit Rumah Sehingga Tahun 2035

Jangka Masa Perancangan	2021	2025	2030	2035	Jumlah Keseluruhan
Stok Kediaman Yang Diperlukan	56,217	**57,296**	**61,073**	**64,530**	-
Penggantian Segera (1.0%)	562	-	-	-	-
Penggantian Biasa (1.0%)	-	572	610	645	1,827
Perumahan Komited	517	-	-	-	517
Jumlah Keperluan Kediaman Baru	1,079	3,777	3,457	1,905	**10,218**
Jumlah Keperluan Kediaman Berdasarkan Isi Rumah (4)	48,100	51,305	54,152	55,412	-
Unjuran Penduduk	192,400	205,220	216,610	221,650	-

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian), 2021

64,530 unit rumah **diperlukan**

10,218 unit rumah perlu disediakan menjelang tahun 2035

2.9 MEMPERKUKUHKAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)

Pusat petempatan desa merupakan kawasan perkampungan tradisi yang memiliki ciri-ciri fizikal tradisonal yang kaya dengan sumber alam semula jadi. PPD di daerah Temerloh terdiri daripada 6 kategori kampung dengan jumlah keseluruhan sebanyak 384 buah kampung. Daripada jumlah tersebut, 345 merupakan kampung tradisonal. Kemudahan keperluan dari segi infrastruktur dan kemudahan perlu dipertingkatkan dan daripada jumlah 439 daripada 17,035 buah rumah merupakan rumah usang yang perlu dilihat bagi tujuan menaik taraf tanpa merosakkan ciri-ciri karakter kampung.

Kawasan pekan yang telah dikenal pasti di daerah Temerloh adalah Kuala Krau, Lanchang dan Kerdau. Kategori bagi tahap pencapaian adalah berada dalam kategori C dan D dengan jumlah aktiviti yang disediakan 34 hingga 26 aktiviti. Walau bagaimanapun, dengan penambahan dari segi aktiviti ekonomi, prasarana dan pembangunan manusia, ketiga-tiga pekan ini mampu mencapai ke arah kategori bandar pada masa hadapan.

Jenis kampung di Temerloh



Kategori Pekan

Jadual 2.7 : Tahap Pencapaian Pekan di Daerah Temerloh

Komponen Pembangunan Pekan*	Perincian Aktiviti Dalam Pekan	Pekan Kerdau	Pekan Kuala Krau	Pekan Lanchang
PEMBANGUNAN EKONOMI	Pasar mini	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit makanan dan minuman	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit peralatan rumah	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit peralatan kenderaan	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit pertanian	✓	✓	✓
	Kedai cenderamata		✓	
	Pasar / gerai / bazar	✓	✓	✓
	Pasar tani / pasar malam / pasar sehari	✓	✓	✓

	Restoran		✓	✓
	Medan Selera		✓	✓
	Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)	✓		
	Pusat pengumpulan hasil pertanian	✓		✓
	Stesen minyak		✓	✓
	Syarikat insurans			
	Pengurup wang			
	Hotel / rumah tumpangan			
	Internet cafe			
KEMUDAHAN PRASARANA	Jalan raya	✓	✓	✓
	Bekalan elektrik dan air	✓	✓	✓
	Perkhidmatan telekomunikasi	✓	✓	✓
	Stesen bas			
	Hentian bas	✓	✓	✓
	Stesen kereta api		✓	
PUSAT PERKHIDMATAN	Institusi pengajian tinggi			✓
	Sekolah menengah	✓	✓	✓
	Sekolah rendah	✓	✓	✓
	Tadika	✓	✓	✓
	Masjid	✓	✓	✓

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian).

Terdapat 3 potensi kampung yang boleh dijadikan sebagai PPD. Kampung Paya Luas merupakan kampung induk manakala Kampung Sanggang Bahagia dan Kampung Kenangan / Indah merupakan kampung rangkaian. Ketiga-tiga kampung ini mempunyai potensi disebabkan oleh komponen sedia ada yang mampu menyokong kepada pembentukan kawasan PPD serta lokasinya yang strategik.

Jadual 2.8 : Komponen Pembangunan PPD Berpotensi di Daerah Temerloh

Komponen Pembangunan		PPD		
		Kampung Paya Luas	Kampung Sanggang Bahagia	Kampung Kenangan / Indah
Pembangunan Ekonomi	Pusat pengumpulan hasil pertanian	x	x	x
	Aktiviti perniagaan runcit berskala kecil	/	/	/
Kemudahan Prasarana	Perhubungan jalan raya	/	/	/
	Bekalan elektrik dan air	/	/	/
	Perkhidmatan telekomunikasi dan ICT	/	/	/
	Hentian pengangkutan awam	x	x	x
Pusat Perkhidmatan	Kemudahan masyarakat dan rekreasi	/	/	/
	Pusat Transformasi Komuniti Bergerak	x	x	x
	Ejen Bank Berdaftar (EBB)	x	x	x
Pembangunan Manusia	Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	x	x	x
	Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	x	x	x

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian).

Mengawal Pembangunan Bandar di Sempadan Kampung

Rebakan pembangunan di kawasan bandar menjadi ancaman kepada kelestarian kawasan kampung. Terdapat 95 buah kampung yang berada berdekatan dengan kawasan sempadan bandar. Pengukuhan kawalan sempadan ini penting bagi memastikan identiti dan karakter kampung itu dapat dipelihara. Penentuan kepada kawasan sempadan kampung perlu jelas dan boleh dilihat dari sudut fizikal. Pembinaan seperti pintu gerbang, landskap dan mercu tanda yang menggambarkan identiti kampung tersebut. Reka bentuk yang menggunakan elemen kesenian Melayu Pahang terutama reka bentuk pembinaan rumah kampung perlu diterapkan bagi memastikan kesenian dan warisan Melayu Pahang tidak hilang di samping dapat mempromosikan kawasan kampung sebagai produk pelancongan.



Reka bentuk rumah Melayu Pahang

Pintu gerbang masuk ke kawasan kampung tradisi

2.10 KEPERLUAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

Rumusan Jumlah Kemudahan Masyarakat Daerah Temerloh, 2021

Pendidikan

- Sekolah Rendah: 66 buah
- Sekolah Menengah: 19 buah
- Kolej Vokasional : 2 buah
- Institusi Pengajian Tinggi : 4 buah
- Sekolah Integrasi Pendidikan Khas : 19 buah
- Tabika : 93 buah

Keselamatan

- IPD : 1 buah
- Balai Polis : 5 buah
- Pondok Polis : 2 buah
- Balai Bomba : 4 buah

Keagamaan

- Masjid : 83 buah
- Surau : 211 buah
- Tokong : 4 buah
- Kuil : 3 buah



Perkuburan

- Perkuburan Islam : 85.93 hektar
- Tanah Perkuburan Cina : 22.26 hektar



Kesihatan

- Hospital : 1 buah
- Klinik Kesihatan : 8 buah
- Klinik Desa : 24 buah
- Klinik Komuniti : 1 buah



Kemudahan Awam dan Komuniti

- Dewan Serbaguna Awam / Kompleks Komuniti : 6 buah
- Balai Raya / Pusat Komuniti : 21 buah
- Dewan Orang Ramai : 15 buah
- Perpustakaan Awam Daerah : 1 buah
- Perpustakaan Awam Cawangan : 1 buah
- Perpustakaan Desa : 3 buah
- Perpustakaan Desa Kampung : 5 buah
- Pejabat Pos : 4 buah
- Pejabat Pos Mini : 3 buah
- Pusat Latihan Dalam Komuniti (PDK) : 4 buah
- Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) : 1 buah
- Pusat Jagaan : 18 buah

Tanah Lapang dan Rekreasi

- Taman Bandar : 17.45 hektar
- Padang Permainan : 43.78 hektar
- Lot Permainan : 25.89 hektar
- Lain-lain Tanah Lapang : 41.87 hektar
- Kemudahan Sukan dan Rekreasi : 8.96 hektar
- Zon Penampan : 1,343.74 hektar
- Kawasan Hijau : 0.35 hektar
- Tanah Lapang Yang Telah Diwarta : 5.85 hektar

Jadual 2.9 : Unjuran Keperluan Kemudahan Masyarakat di Daerah Temerloh Tahun 2035

Kemudahan		Bilangan		Pertambahan / Pengurangan
		Tahun 2021	Tahun 2035	
Kemudahan Pendidikan				
	Sekolah Rendah	66	88	(+) 22
	Sekolah Menengah	19	26	(+) 7
	IPT	4	5	(+) 1
Kemudahan Kesihatan				
	Hospital	1	1	-
	Klinik Kesihatan	8	13	(+) 5
	Klinik Desa	24	58	(+) 34
Kemudahan Keselamatan				
	Ibu Pejabat Polis	1	1	-
	Balai Polis	5	18	(+) 13
	Balai Bomba	4	6	(+) 2
Kemudahan Keagamaan				
	Masjid	83	83	-
	Tokong	6	18	(+) 12
	Kuil	4	8	(+) 4
Kemudahan Perkuburan				
	Islam	85.93 hektar	85.93 Hektar	-
	Cina	22.26 hektar	22.26 Hektar	-
	India	-	2.08 Hektar	2.08 Hektar
Kemudahan Komuniti				
	Balai Raya	21	39	(+) 18
	Perpustakaan Desa	8	26	(+) 18
Tanah Lapang dan Rekreasi				
	Tanah Lapang dan Rekreasi	138.30 Hektar	270.97 Hektar	132.67 Hektar

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Kemudahan Masyarakat Sebagai Kawasan Petempatan Sementara (PPS)

Daerah Temerloh merupakan kawasan yang berada dalam risiko bencana seperti banjir. Kegunaan kemudahan masyarakat seperti sekolah, dewan dan masjid dijadikan sebagai kawasan petempatan sementara bagi penduduk yang terjejas akibat banjir. Lokasi bagi penyediaan kemudahan ini perlulah diteliti dari segi aspek perletakan serta lokasi kawasan yang tinggi bagi mengelakkannya berada dalam kawasan banjir. Kawasan PPS sedia ada di daerah Temerloh adalah sebanyak 87 pusat pemindahan yang terdiri daripada 39 buah sekolah, 38 buah dewan, 8 masjid, 1 bangunan pemindahan banjir dan 1 tapak pemindahan banjir. Pembinaan keperluan kemudahan ini pada masa hadapan terutama bagi sekolah, dewan serta masjid perlu berada luar daripada kawasan risiko bencana dan jauh daripada kawasan sungai.

Kemudahan Masyarakat Sebagai PPS

Sumber: APM, Temerloh (2020) (Panduan Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah Temerloh 2020 / 2021)

2.11 KEPELBAGAIAN JARINGAN PERHUBUNGAN DAN KEMUDAHSAMPAIAN SEMASA

Daerah Temerloh dikenali sebagai titik tengah bagi Semenanjung Malaysia dan terletak sekitar 130 km dengan anggaran tempoh perjalanan kurang dua jam dari Kuala Lumpur. Ia dihubungkan melalui dua jalan utama iaitu Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT 1) dan Jalan Persekutuan 2 (Kuantan-Temerloh-Karak) antara Kuala Lumpur dan Kuantan.

Lebuh raya tersebut turut menghubungkan bandar-bandar utama di Pahang seperti Bentong, Karak, dan Maran. Manakala ke arah Selatan, Jalan Persekutuan 10 (Jempol-Bera-Temerloh) menghubungkan daerah Temerloh ke Negeri Sembilan. Jalan Persekutuan 98 (FT98) menghubungkan ke Jerantut merupakan pintu masuk utama di bahagian utara Temerloh. Jarak antara bandar Temerloh ke lapangan terbang Kuantan dianggarkan 96km dengan tempoh masa perjalanan 1 jam 30 minit.

Jadual 2.10: Perhubungan Wilayah

Destinasi Perhubungan Wilayah			
Pusat Wilayah Negara			
Kuala Lumpur	LPT FT2	KTMB ECRL*	Temerloh Airstrip (WMBE)
Bandar Wilayah			
Kuantan	LPT FT2	ECRL*	Tiada
Daerah-Daerah Bersempadanan			
Bentong	LPT FT2 FT236 FT1500	ECRL*	Tiada
Bera	FT10	KTMB	Tiada
Maran	LPT FT2 FT1533	ECRL*	Tiada
Jerantut	FT98 C141	KTMB	Tiada
Raub	LPT FT2 FT236 FT1500	Tiada	Tiada

*Nota: * Termasuk perancangan pembangunan ECRL*

a) Pengkelasan Hierarki Jalan

Hierarki dan reka bentuk jalan berdasarkan garis panduan *A Guide on Geometric Design of Roads*, JKR di mana dua kategori utama jalan iaitu Bandar (*Urban*) dan Luar Bandar (*Rural*). Jalan Bandar ialah jalan dalam kawasan bandar merujuk kepada jalan-jalan yang berada di dalam kawasan yang diwartakan sebagai kawasan PBT atau mana-mana bandar yang mempunyai jumlah penduduk melebihi 10,000 orang. Manakala jalan Luar Bandar dibahagikan dalam 5 kategori dan terdiri daripada mana-mana jalan yang terletaknya di luar kawalan PBT, termasuk jalan-jalan yang menghubungkan kawasan PBT yang jauhnya melebihi 5km.



Jadual 2.11: Reka Bentuk dan Kategori Jalan Raya

Kategori Jalan	Piawaian	Lebar Lorong (m)	Kawalan Masuk
Jalan Bandar (*Urban Road*)			
Lebuh Raya Ekspres (*Expressway*)	U6	3.65	Penuh
Jalan Arterial (*Arterials*)	U5/U4	3.50	Separa
Jalan Pengumpul (*Collector*)	U5/U4/U3	3.50/3.50/3.25	Separa
Jalan Tempatan (*Local Street*)	U4/U3/U2/ U1	3.50/3.25/3.00/5.00*	Tiada
Jalan Luar Bandar (*Rural Road*)			
Lebuh Raya Ekspres (*Expressway*)	R6	3.65	Penuh
Lebuh Raya (*Highway*)	R5	3.50	Separa
Jalan Utama (*Primary Road*)	R5/R4	3.50	Separa
Jalan Sekunder (*Secondary Road*)	R4/R3	3.50/3.25	Separa
Jalan Kecil (*Minor Road*)	R2/R1	3.00/5.00*	Tiada

*Nota: * Menunjukkan keseluruhan lebar dua hala*

Sumber: A Guide on Geometric Design of Roads, JKR



Petunjuk :

Perkhidmatan Awam

- Terminal / Stesen Bas dan Teksi
- Stesen Keretapi
- Cadangan Stesen ECRL
- Laluan Perkhidmatan Bas Awam

Rangkaian Perhubungan

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL

Lain-Lain Petunjuk :

- Sungai Utama
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 300,000

Sumber :
1. Jabatan Kerja Raya, Daerah Temerloh
2. Bahagian Perancangan Wilayah PLANMalaysia

Rajah 2.5 : Sistem Rangkaian Perhubungan dan Pengangkutan

b) Rangkaian Jalan Raya Semasa

Kajian inventori jalan yang dijalankan terhadap jalan raya utama mengikut hierarki jalan. Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1) ialah lebuh raya ekspres dengan geometri tinggi mengikut piawaian jalan R6.

Jalan pengagih utama merupakan jalan perantara yang menghubungkan kawasan kajian ke bandar-bandar utama yang lain seperti FT2, FT10, FT87, FT88, FT98, FT236 dan termasuk jalan persekutuan FELDA/FELCRA. Jalan FT87 merupakan jalan protokol di mana ia menjadi jalan penghubung antara kawasan bandar utama Temerloh dan Mentakab.

Jadual 2.12: Inventori Fizikal Jalan Persekutuan

No. Laluan	Nama Laluan	Kategori Jalan	Bil. Lorong
E8	Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1)	Lebuh Raya Bertol	4
FT 02	Jalan Kuala Lumpur – Kuantan	Jalan Persekutuan	2-4
FT 10	Jalan Gemas – Kemayan – Temerloh	Jalan Persekutuan	2
FT 87	Jalan Temerloh – Mentakab	Jalan Persekutuan (Jalan Protokol)	4
FT 88	Jalan Sambung ke Jalan Pintas Temerloh – Mentakab	Jalan Persekutuan	2
FT 98	Jalan Temerloh – Jerantut	Jalan Persekutuan	2
FT 236	Jalan Bolok – Mempaga	Jalan Persekutuan	2
FT 427	Jalan Masuk ke Stesen VHF Kg Tok Embun	Jalan Masuk Ke Institusi Persekutuan	2
FT 1500	Mempaga/Lakum/Bukit Damar	Jalan Persekutuan FELDA	2
-	Bukit Damar (Perkampungan)	Jalan Persekutuan FELDA	2
-	Lakum (Perkampungan)	Jalan Persekutuan FELDA	2
FT 1507	Jalan Utama Jenderak	Jalan Persekutuan FELDA	2
-	Jenderak Utara	Jalan Persekutuan FELDA	2
-	Jenderak Selatan	Jalan Persekutuan FELDA	2
FT 1533	Jalan Utama Jengka Utara/Barat (Rumpun Makmur/Penghubung Barat)	Jalan Persekutuan FELDA	2
FT 1553	Jalan Jengka 25	Jalan Persekutuan FELDA	2
-	Jalan Loji Air Batu Sawar	Jalan Persekutuan FELDA	2

Sumber: Jabatan Kerja Raya, Temerloh

Contoh keadaan Jalan FT 98

Contoh keadaan Jalan FT 87

Sistem jalan pengagih sekunder menjadi penghubung kepada sistem jalan pengagih utama dan merupakan rangkaian asas jalan dalam sesebuah daerah atau kawasan pembangunan wilayah. Kebanyakan jalan negeri berada di bawah kategori ini. Manakala fungsi jalan pengagih tempatan sebagai laluan masuk utama ke kawasan kediaman, perdagangan, perindustrian dan lain-lain pembangunan.

Jadual 2.13: Inventori Jalan Negeri

Kod Jalan (JKR)	No Jalan (MARRIS)	Nama Jalan	Panjang Jalan (km)
ZON LANCHANG			
	TE0500	Jln Kg Bongsu	1.750
C124	TE0600	Jln Kg Lanar	1.278
	TE0900	Jln Bukit Rengit	5.276
C113	TE1700	Jln Kg Leleh – Sementeh	4.855
C126	TE1801	Jln Kg Tedung – Lubuk Kawah (1)	1.637
	TE1802	Jln Kg Tedung – Lubuk Kawah (2)	2.915
C115/C1	TE1900	Jln Kg Jergoh	10.102
	TE2900	Jln Masuk IKBN Lancang	0.524
	TE2800	Jln SK Lanchang	0.210
	TE1600	Jln Batu Kapur – Sungai Buluh	3.366
	TE3400	Jln Msk Pejabat Hutan Kemasul	0.929
			32.842
ZON MENTAKAB			
	TE3700	Jln Msk SM Sri Tualang	0.962
		Jln Alternatif Bukit Cermin Chatin	2.321
	TE3600	Jln Lama Bukit Bendera	0.406
	TE4100	Jln Chatin Lama	0.480
	TE2100	Jln Kg Gantok	2.049
	TE0100	Jln Kg Sanggang	3.961
	TE0800	Jln Sanggang – Lubuk Kawah	5.049
	TE3500	Jln Megat Segama	0.821
	TE3300	Jln Msk SK Mentakab Jaya	0.262
ZON BANDAR			
	TE1500	Jln Bahagia Belengu Halt	12.114
	TE2600	Jln Kg Belengu	7.468
	TE2300	Jln Seberang Temerloh – Teluk Ira	2.680
	TE4600	Jln Msk Kuaters Seberang Temerloh	0.335
	TE4300	Jln Msk Pejabat Pertanian Buntut	0.339
	TE3001	Jln Bkt Angin – Tok Muda Awang Ngah	0.588
	TE3002	Jln Bkt Angin – Tok Muda Awang Ngah	0.420
	TE3003	Jln Bkt Angin – Tok Muda Awang Ngah	0.513
C119	TE0401	Jln Simpang Songsang – Bangau	8.771
	TE0402	Jln Tanjung Keramat	0.300
		Jln Tebing Tinggi – Sanggang	0.857
			50.756
ZON KUALA KRAU			
	TE1401	Jln Kuala Mai Gong Halt	6.173
C141	TE1300	Jln Paya Luas – Perlok	26.167
	TE4400	Jln Msk Post Lompat, Kuala Krau	2.130
	TE4500	Jln Terengging Loop	2.041
			36.511

Sambungan

Jadual 2.13: Inventori Jalan Negeri

Kod Jalan (JKR)	No Jalan (MARRIS)	Nama Jalan	Panjang Jalan (km)
ZON SEBERANG TEMERLOH			
	TE2700	Jln Paya Jauh	2.061
	TE2200	Jln Kg Paya Luas	1.671
	TE3800	Jln Msk SK Tanjung Batu	1.253
	TE0700	Jln Tanjung Batu – Lebak Seberang	9.915
C127	TE3200	Jln Charuk Putting – Selindung	6.448
	TE2500	Jln RTP Awah	5.037
	TE2400	Jln Paya Pulai – Sg Gau	2.677
	TE3900	Jln Msk SM Paya Pulai	0.470
C125	TE3100	Jln Kg Guai	4.280
	TE4200	Jln Tanjung Besar	3.683
		Jln Altenatif Paya Jauh - Paya Luas	1.336
		Jln Bani Yaakob	0.456
		Jln Chenor Lama	1.477
			40.764
ZON KERDAU / JENDERAK			
	TE1100	Jln Kg Peragap	2.578
C137	TE0300	Jln Lipat Kajang	3.083
C137	TE1201	Jln Ketam Loop	7.630
C137	TE1202	Jln Ke Felcra Kerdau	0.596
C139	TE0200	Jln Kg Jenderak Loop	16.930
	TE4700	Jln Msk SK Tekal	1.612
		Jln SK Kerdau	2.043
		Jln Masjid Lipat Kajang	0.491
			34.963
ZON RUMPUN MAKMUR			
C123	TE1000	Jln Simpang Telok Ira ke Rumpun Makmur	44.650
	TE2000	Jln Msk Gunung Senyum	2.754
	TE4900	Jln Kg Krai – Paya Perak – Paya Sendayan	4.492
	TE4801	Jln Msk SK Gunung Senyum	1.102
			52.998
		Jumlah Panjang Jalan Negeri	**248.834**

Sumber: Jabatan Kerja Raya, Temerloh



Petunjuk :

Sistem Rangkaian Jalan Raya

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama

Lain-Lain Petunjuk :

- Sungai Utama
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Lebuhraya

- E8 Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1)

Sumber :
Jabatan Kerja Raya, Daerah Temerloh

Jalan Negeri

- C119 Jalan Bukit Tingkat
- C121 Jalan Simpang Songsang – Bangau
- C123 Jalan Simpang Telok Ira ke Rumpun Makmur
- C139 Jalan Kampung Jenderak Loop
- C141 Jalan Ulu Cheka

Jalan Persekutuan

- 2 Jalan Kuala Lumpur – Kuantan
- 10 Jalan Temerloh – Kemaya
- 87 Jalan Sambung ke Jalan Pintas Temerloh – Mentakab
- 98 Jalan Temerloh – Jerantut
- 1500 Mempaga/Lakum/Bukit Damar (Jalan Persekutuan Felda)
- 1535 Jalan Utama Jengka 18, 21, 23 dan 25 (Jalan Persekutuan Felda)
- 1553 Jalan Rumpun Makmur - Jengka 25

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.6 : Rangkaian Jalan Raya

2.12 KEPERLUAN PERANCANGAN PENGURUSAN BENCANA DAN KEMALANGAN

Bencana banjir turut menjejaskan kelancaran jalan raya / kereta api dan menyebabkan kerosakan pada aset jalan, landasan serta jambatan. Pemantauan selepas pasca banjir adalah sangat penting kerana terdapat kemungkinan besar ekoran banjir dan hujan yang berterusan akan mengakibatkan jalan bertakung, jalan runtuh, jalan mendap, jambatan runtuh/rosak, dan cerun runtuh. Justeru, sistem rangkaian perparitan yang baik perlu ditekankan bagi meminimumkan risiko banjir. Berikut ialah rekod senarai jalan terlibat banjir yang memerlukan pemantauan berkala sekiranya kerap berlaku takungan air.

Jadual 2.14: Senarai Jalan Terlibat Bencana Banjir Daerah Temerloh (2020-2021)

Nama Laluan	No Laluan	Lokasi (No.Seksyen)	Kawasan	Jalan Alternatif
Lebuhraya				
Lebuhraya Pantai Timur	E8	Sek. 113-115	-	Tiada
		Sek. 126.3	-	Tiada
Jalan Persekutuan				
Jalan Kuala Lumpur - Kuantan	2	Sek. 196.0	Kuala Kaung	Tiada
		Sek. 216.0	Taman Mentakab Indah	Tiada
Jalan Bera - Temerloh	10	Sek. 116.0	Kg. Tanjong Belengu	Tiada
		Sek. 117.0	Kg. Durian Tikus	Tiada
		Sek. 119.0	Kg. Tebing Tinggi	Tiada
		Sek. 123.0	Kg. Pangsenam	Tiada
		Sek. 127.0	Kg. Pengkalan Manggis	Tiada
Jalan Temerloh Mentakab	87	Sek. 3.0	SMJ (c) HWA LIAN	Tiada
		Sek. 5.0	RHB Bank Mentakab	Tiada
		Sek. 5.5	Balai Bomba Mentakab	Tiada
		Sek. 7.0	Bukit Cermin	Tiada
		Sek. 11.2	Simpang Taman Temerloh Jaya	Tiada
		Sek. 13.4	Bandar Baru Temerloh	Tiada
Jalan Temerloh Mentakab	98	Sek. 2.0	Kg. Megat Segama	Tiada
		Sek. 9.1	Kg. Peragap	Tiada
		Sek. 13.0	Kerdau	Tiada
		Sek. 14.66	Taman Pinggiran Mandi	Tiada
		Sek. 17.15	Kg. Pulai, Pasir Mandi	Tiada
		Sek. 24.88	Simpang ke Jenderak	Tiada
		Sek. 26.5	Rumah Burung Walid	Tiada
		Sek. 28.5	Caltex Kuala Krau	Tiada
		Sek. 30.0	Pekan Sehari Kuala Krau	Tiada
		Sek. 34.2	Kg. Seboi	Tiada
Jalan Utama Jenderak	1507	Sek. 1.5	Rumah Murah	Tiada
Jalan Rumpun Makmur	1533	Sek. 6.2	Kg. Padang Tengot	Tiada

Sambungan

Jadual 2.14: Senarai Jalan Terlibat Bencana Banjir Daerah Temerloh (2020-2021)

Nama Laluan	No Laluan	Lokasi (No.Seksyen)	Kawasan	Jalan Alternatif
Jalan Negeri				
Jalan Telok Ira - Rumpun Makmur	C123	Sek. 1.2	-	Seberang Temerloh-2
		Sek. 4.1	-	Seberang Temerloh-2
		Sek. 22.4 – Sek. 24.0	-	Rumpun Makmur-98
Jalan Paya Luas - Perlok	C141	Sek. 0.8	-	Pekan Kuala Krau-98
		Sek. 2.8	-	Perlok-Jerantut
Jalan Ketam Loop	-	Sek. 0.1	-	Pekan Kerdau-98
Jalan Lipat Kajang	C137	Sek. 1.4	-	Tiada
Jalan Sanggang-Lubok Kawah	C121	Sek. 3.6	Paya Banir	Jalan Sanggang-98
Jalan Songsang - Belengu	C119	Sek. 3.6	Kg.Bangau	Bangau-Bandar Temerloh & Simpang Songsang-98
Jalan Belengu	-	Sek. 4.2	-	Belengu-2 & Belengu-10
Jalan Seberang Temerloh - Telok Ira	-	Sek. 1.4	-	Seberang Temerloh-2
Jalan Kg.Batu Kapor - Sg.Buloh	-	Sek. 2.0	-	Tiada
Jalan Kg. Belengu	-	Sek. 3.2	-	Jalan Pintasan SK.Tualang
Jalan Gantok	-	Sek. 1.5	-	Jalan Kg. Raja
Jalan Megat Segama	-	Sek. 0.8	-	Tiada
Jalan Bahagia-Belengu Halt	-	Sek. 2.5	-	Laluan 2
Jalan Kg. Jenderak Loop	C139	Sek. 2.5	-	Jalan Kg. Jenderak

Sumber: Buku Pelan Tindakan Operasi Bencana Tahun 2020-2021 (Pindaan 1), JKR Pahang

Banjir di Lebuhraya Pantai Timur

Banjir di sekitar jalan bandar Temerloh

a) Kemalangan dan Keselamatan Jalan Raya

Jumlah kemalangan yang telah berlaku di negeri Pahang pada tahun 2018 sehingga 2020 adalah sejumlah 837 kes dan lebih separuh melibatkan jenis kemalangan maut (437 kes). Daerah Temerloh pula telah merekodkan 62 kes kemalangan maut dan 11 kes dalam kategori parah**. Rajah 2.7** menunjukkan statistik kemalangan jalan raya dalam tiga tahun tersebut, manakala **Rajah 2.8** menunjukkan bilangan kematian pengguna jalan di daerah Temerloh dalam tempoh yang sama. Laluan FT002 dan E8 mencatatkan kadar kemalangan maut paling tinggi dalam daerah Temerloh.

Rajah 2.7: Statistik Jenis Kemalangan Jalan Raya di Daerah Temerloh, 2018-2020



Sumber: Sistem Pengurusan Kemalangan Jalan Raya (RAMS) 2021, Kementerian Kerja Raya

Rajah 2.8: Bilangan Kematian Pengguna Kenderaan / Jalan di Daerah Temerloh, 2018-2020



Sumber: Sistem Pengurusan Kemalangan Jalan Raya (RAMS) 2021, Kementerian Kerja Raya

2.13 PENGUKUHAN TAHAP KEUPAYAAN RANGKAIAN JALAN RAYA

Trafik pada rangkaian jalan raya utama dalam daerah Temerloh telah dianalisis berdasarkan data trafik yang diperolehi daripada *Road Traffic Volume Malaysia 2020*. Senarai stesen bancian di jalan-jalan dalam daerah Temerloh yang dianalisis adalah seperti dalam **Jadual 2.15.**

Jadual 2.15: Senarai Jalan Raya Utama Bancian Trafik

No. Jalan	Nama Jalan / Lokasi	Stesen Bancian JKR
FT 2	Jalanraya Kuantan-Karak	CR801
FT 2	Jalanraya Mentakab *By-Pass*	CR802
FT 2	Jalanraya Kuantan-Temerloh (Jambatan Temerloh ke Maran)	CR803
FT 98	Jalanraya Kuantan-Temerloh-Jerantut	CR807
FT 87	Jalanraya Kuantan-Mentakab	CR808
FT 10	Jalanraya Kuantan-Temerloh-Triang	CR809

Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia

Gambar-gambar berikut menunjukkan keadaan jalan di enam stesen bancian JKR yang terdapat dalam kawasan kajian. Ia bertujuan untuk mengenal pasti tahap perkhidmatan jalan raya semasa dan tahap keupayaannya untuk menanggung permintaan trafik melalui perbandingan permintaan trafik waktu puncak semasa dengan muatan (kapasiti) jalan berkenaan.

CR801

CR802

CR803

CR807

CR809

CR808

a) Isi Padu Lalu Lintas di Jalan Utama

Analisis data isi padu trafik harian pada jalan-jalan utama dalam daerah Temerloh daripada tahun 2009 hingga 2020 telah menunjukkan ciri-ciri yang agak berbeza antara satu jalan dengan jalan yang lain dalam rangkaian jalan raya tersebut. **Jadual 2.16** menunjukkan sebahagian daripada rumusan isi padu trafik harian untuk enam stesen bancian tersebut.

- ✓ Isi padu trafik (lalu lintas) harian tertinggi berlaku pada seksyen Jalan FT2 berdekatan stesen bancian JKR CR803, iaitu 28,679 kenderaan/16-jam.
- ✓ Isi padu trafik yang tinggi pada waktu puncak di Jalan FT2 (CR803), dengan 2,369 kenderaan/jam, manakala muatan jalan di lokasi tersebut adalah hanya 2,268 kenderaan/jam.
- ✓ Permintaan trafik yang melebihi muatan jalan ini menyebabkan kesesakan berlaku pada waktu puncak dengan nilai paras perkhidmatan jalan di lokasi ini menjadi F.
- ✓ Jumlah isi padu trafik harian terendah berlaku pada lokasi stesen bancian CR 802 pada Jalan FT2 Mentakab *Bypass*, iaitu 8,152 kenderaan/16-jam. Manakala isi padu trafik waktu puncak hanya 709 kenderaan/jam berbanding kapasiti jalan yang boleh menampung 1,948 kenderaan/jam. Oleh itu, nilai paras perkhidmatan jalan di lokasi ini menjadi sangat baik, A.

Jadual 2.16: Isi Padu Lalu Lintas (Kenderaan/16-jam) di Jalan-jalan Utama, 2020

No Stesen	No. Jalan	Lokasi	Isi Padu Lalu Lintas (kend/16-j)	Isi Padu Waktu Puncak (kend/j)	Muatan Jalan (kend/j)
CR801	FT 2	Kuantan-Karak	15,498	1,529	2,136
CR802	FT 2	Mentakab *ByPass*	8,152	709	1,948
CR803	FT 2	Kuantan-Temerloh (Jambatan Temerloh ke Maran)	28,679	2,369	2,268
CR807	FT 98	Kuantan-Temerloh-Jerantut	9,338	875	2,172
CR808	FT 87	Kuantan-Mentakab	18,486	1,721	7,514
CR809	FT 10	Kuantan-Temerloh-Triang	10,612	980	2,000

Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia

Trend isi padu trafik harian dari tahun 2009 sehingga 2020 dapat dilihat pada rajah-rajah seterusnya. Graf menunjukkan penurunan pada enam stesen bancian tersebut. Lima graf mempunyai trend penurunan isi padu trafik harian adalah lebih ketara dalam tempoh terkini dari 2018 sehingga 2020.

Rajah 2.9: Isi Padu Trafik Harian (16-Jam) Pada Stesen Bancian CR801



Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 2.10: Isi Padu Trafik Harian (16-Jam) Pada Stesen Bancian CR802



Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 2.11: Isi Padu Trafik Harian (16-Jam) Pada Stesen Bancian CR803



Rajah 2.12: Isi Padu Trafik Harian (16-Jam) Pada Stesen Bancian CR807



Rajah 2.13: Isi Padu Trafik Harian (16-Jam) Pada Stesen Bancian CR808



Rajah 2.14: Isi Padu Trafik Harian (16-Jam) Pada Stesen Bancian CR809



Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia, Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

b) Komposisi Lalu Lintas di Jalan Utama

Kereta (termasuk teksi) merupakan jenis kenderaan yang paling dominan peratusannya di semua lokasi berbanding dengan jenis kenderaan lain. Motosikal pula adalah jenis kenderaan kedua tertinggi peratusannya pada lima daripada enam lokasi yang dibanci. Terdapat satu lokasi di mana peratusan lori besar adalah agak tinggi (13.7%) berbanding lokasi lain, iaitu di laluan Mentakab Bypass.

Jadual 2.17: Komposisi Lalu Lintas di Jalan Utama

No Stesen	Lokasi	Komposisi Lalu Lintas (%)					
		Kereta / Teksi	Motosi-kal	Van/ Lori Kecil	Lori Sederhana	Lori Besar	Bas
CR801	Kuantan-Karak	60.8	16.7	9.8	7.7	4.5	0.5
CR802	Mentakab *ByPass*	56.9	9.7	9.7	9.5	13.7	0.4
CR803	Kuantan-Temerloh (Jambatan Temerloh ke Maran)	74.1	13.6	6.2	3.7	2.3	0.2
CR807	Kuantan-Temerloh-Jerantut	64.5	13.4	11.3	6.1	4.1	0.7
CR808	Kuantan-Mentakab	70.0	17.8	5.8	3.5	2.6	0.3
CR809	Kuantan-Temerloh-Triang	66.1	15.3	8.0	4.5	5.5	0.6

Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia

c) Tahap Keupayaan Jalan Utama

Tiga lokasi jalan yang mempunyai Tahap Perkhidmatan A (terbaik) iaitu laluan FT2 (CR802), FT98 (CR807), dan FT87 (CR808). Ini bermakna ketiga-tiga jalan ini masih berupaya menampung permintaan trafik di masa hadapan tanpa mengalami masalah. Satu lokasi menunjukkan LOS=E di laluan Kuantan-Karak dan LOS=F di laluan Kuantan-Temerloh. Kerja-kerja pelebaran jalan dan jambatan di laluan FT2 (berfasa) dijangka dapat membantu menaikkan tahap perkhidmatan lebih baik di masa hadapan.

Jadual 2.18: Tahap Keupayaan Jalan

No Stesen	Lokasi	Jumlah (V) Lalu Lintas Pada Waktu Puncak (kend /jam)	Kapasiti Jalan (C) (kend/jam)	V/C	Tahap Perkhidmatan (LOS)
CR801	Kuantan-Karak	1,529	2,136	0.72	E
CR802	Mentakab *ByPass*	709	1,948	0.36	A
CR803	Kuantan-Temerloh (Jambatan Temerloh ke Maran)	2,369	2,268	1.04	F
CR807	Kuantan-Temerloh-Jerantut	875	2,172	0.40	A
CR808	Kuantan-Mentakab	1,721	7,514	0.23	A
CR809	Kuantan-Temerloh-Triang	980	2,000	0.49	B

Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia

d) Pertumbuhan Lalu Lintas di Jalan Utama

Berdasarkan data isi padu trafik harian untuk tahun 2010 dan 2020, hanya terdapat dua lokasi sahaja yang mempunyai kadar purata pertumbuhan tahunan yang meningkat (3.64 peratus dan 0.72 peratus). Empat lokasi yang lain menunjukkan purata pertumbuhan tahunan yang negatif (-0.3 peratus, -2.8 peratus, -3.4 peratus, -2.4 peratus). Kadar purata pertumbuhan isi padu trafik untuk keseluruhan daerah Temerloh berdasarkan analisis data yang ada menunjukkan nilai penurunan sebanyak -0.76 peratus.

Jadual 2.19: Kadar Pertumbuhan Isi Padu Lalu Lintas di Jalan Utama

No Stesen	Lokasi	Isi Padu Lalu Lintas Harian (kenderaan/16-j)			KPPT (%)
		2010	2015	2020	
CR801	Kuantan-Karak	11,771	14,874	15,498	3.64
CR802	Mentakab *ByPass*	7,173	7,606	8,152	0.72
CR803	Kuantan-Temerloh (Jambatan Temerloh ke Maran)	32,933	26,479	28,679	-0.3
CR807	Kuantan-Temerloh- Jerantut	10,740	13,220	9,338	-2.8
CR808	Kuantan-Mentakab	27,610	21,012	18,486	-3.4
CR809	Kuantan-Temerloh-Triang	14,260	12,522	10,612	-2.4
				Purata	**-0.76**

Sumber: Road Traffic Volume Malaysia 2020, Kementerian Kerja Raya Malaysia



Petunjuk :

Stesen Bancian JKR

- CR801 : Jalan Kuantan - Karak
- CR802 : Jalan Mentakab By-Pass
- CR803 : Jalan Kuantan - Temerloh
- CR807 : Jalan Kuantan – Temerloh – Jerantut
- CR808 : Jalan Temerloh – Mentakab
- CR809 : Jalan Temerloh - Triang

Tahap Perkhidmatan (LOS)

- A
- B
- E
- F

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 1,500,000



Sumber :
Highway Planning Division, KKR, Road Traffic Volume Malaysia 2020

Rajah 2.15 : Stesen Banci dan Tahap Perkhidmatan (LOS)

2.14 KEPERLUAN PENGUKUHAN PENGURUSAN LALU LINTAS

Pengurusan lalu lintas adalah penting bagi mengawal aliran trafik yang lebih lancar di jalan raya. Kajian pengurusan lalu lintas tertumpu kepada kawasan pusat bandar Temerloh, Mentakab dan Kuala Krau. Tambahan juga dengan mengambil kira jaringan jalan pusat bandar, sistem kawalan lalu lintas dan juga kemudahan serta lintasan pejalan kaki.

a) Sirkulasi Jalan

Jaringan jalan raya di antara bandar Temerloh dan Mentakab dihubungkan dengan Jalan FT87 sebagai penghubung utama. Manakala laluan FT98 menjadi perantara ke bandar Kuala Krau di bahagian utara menghubungkan dengan jalan-jalan tempatan dalam bandar.

- Pusat bandar Temerloh dihubungkan melalui jalan-jalan tempatan seperti Jalan Tengku Ismail, Jalan Tan Sri Yahya, Jalan Tok Muda Awang Ngah, Jalan Ahmad Shah dan juga Jalan Semantan yang berfungsi sebagai jalan utama dengan mengagihkan kenderaan ke pusat bandar.
- Bandar Mentakab mempunyai jaringan lingkaran laluan utama iaitu Jalan Temerloh, Jalan Karak dan Jalan Pekeliling yang mengelilingi pusat bandar tersebut serta lain-lain jalan tempatan mengagihkan kawasan komersial.
- Jaringan jalan tempatan di bandar Kuala Krau tidak terlalu kompleks dan dihubungkan dengan jalan pengagih sekunder menghala ke Damak.

Rajah 2.16 : Sirkulasi Jalan di Dalam Bandar Temerloh

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 2.17: Sirkulasi Jalan di Dalam Bandar Mentakab



Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 2.18: Sirkulasi Jalan di Dalam Bandar Kuala Krau



Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

b) Kawalan Lalu Lintas

Lampu isyarat merupakan peranti isyarat yang penting untuk melancarkan pergerakan lalu lintas dari satu arah ke satu arah yang lain terutamanya bagi menghubungkan beberapa persimpangan di satu titik pertemuan. Berikut merupakan senarai sistem lampu isyarat yang telah disediakan pada jalan raya dalam kawasan daerah Temerloh. Terdapat lapan lokasi persimpangan jalan utama yang masih menggunakan sistem mod *pre-timed.*

Jadual 2.20: Senarai Sistem Kawalan Lampu Isyarat

Bil	Lokasi	Laluan	Mod
1.	Simpang TF Mall Temerloh	FT87 - Jalan Cahaya	*Loop Sensor*
2.	Hotel Jelai Temerloh- Persimpangan Pak Sako	FT87 - Jln Tok Muda Awang Ngah	*Loop Sensor*
3.	Taman Bahagia-Persimpangan Tok Bahaman	FT87 - Jalan Bahagia	*Loop Sensor*
4.	Simpang Temerloh Jaya-Persimpangan Sudirman	FT87 - Jalan Temerloh Jaya	*Loop Sensor*
5.	Simpang Megat Segama	FT98 - Jln Kg Megat Segama	*Loop Sensor*
6.	Simpang Kerdau	FT98 - C137	*Loop Sensor*
7.	Kuala Krau	FT98 - C141	*Loop Sensor*
8.	Sekolah Chung Hwa Mentakab	FT87 - FT88	*Loop Sensor*
9.	Simpang Bukit Bendera Mentakab	FT87 - Jln Karak - Jln Bukit Bendera	*Loop Sensor*
10.	Simpang Taman Rimba	FT87 - Jln Taman Rimba	*Loop Sensor*
11.	Simpang SMK Mentakab	FT88 - Jalan Pekeliling	*Loop Sensor*
12.	Simpang Hospital Temerloh	FT2	*Pre-Timed*
13.	Simpang Industri Mentakab-JPJ	FT2 - FT88	*Pre-Timed*
14.	Simpang Songsang	FT87 - FT98	*Pre-Timed*
15.	Simpang TF Mentakab	FT87 - Jln Kg Suria - Jln Bunga Raya	*Pre-Timed*
16.	Simpang Arked Mara (Pejabat Pos Mentakab)	FT87	*Pre-Timed*
17.	Simpang Balai Polis Mentakab	FT87	*Pre-Timed*
18.	Simpang Taman Saga-Batu Kapor	FT87 - Jln Jelutong	*Pre-Timed*
19.	Simpang Karak (SMK Sri Semantan)	FT2 - FT87	*Pre-Timed*

Sumber: Jabatan Kerja Raya, Temerloh

Satu kaedah pengurusan trafik yang baik telah digunakan di bandar Mentakab, iaitu “Boleh Belok Kiri Jika Tiada Kenderaan” di persimpangan berlampu isyarat. Kaedah ini boleh mengurangkan kelewatan menunggu di persimpangan berlampu isyarat.

c) Tempat Letak Kenderaan (Tlk)

Kemudahan tempat letak kenderaan (TLK) sangat penting dalam pengurusan lalu lintas terutamanya dalam kawasan bandar. Hasil dapatan kajian adalah seperti berikut:

- TLK disediakan secara *on-street* di kawasan komersial pusat bandar Temerloh, bandar Mentakab dan bandar Kuala Krau.
- TLK berbayar secara keseluruhan di kedua bandar ini sebanyak 4,599 iaitu 3,090 di bandar Temerloh dan 1,509 di bandar Mentakab.
- Permintaan TLK tinggi di bandar Temerloh namun hanya pada sebahagian jalan sahaja seperti Jalan Dato Abu Samah, dan Jalan Ibrahim.
- Kemudahan tempat letak khas OKU turut disediakan di beberapa lokasi seperti di Terminal Utama Temerloh.
- Permintaan di bandar Mentakab dan bandar Kuala Krau adalah mencukupi dan tidak terlalu sesak pada waktu puncak. Ia menunjukkan keadaan masih terkawal dan tidak terlalu mengganggu trafik jalan raya.
- Kaedah pembayaran TLK ialah melalui kupon dan beroperasi semasa hari bekerja.

d) Kemudahan Pejalan Kaki dan Basikal

Penyediaan kemudahan pejalan kaki adalah sangat penting sebagai salah satu langkah untuk mengawal kualiti alam sekitar dan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan bermotor. Selain itu, ia dapat mengurangkan kesesakan terutamanya dalam kawasan bandar serta menggalakkan aktiviti sihat kepada masyarakat.

- Sebahagian bahu jalan tempatan di kawasan bandar Temerloh dan Mentakab telah disediakan kemudahan laluan pejalan kaki.
- Di bandar Temerloh dikenal pasti tertumpu di sekitar pusat komersial, taman rekreasi dan kawasan pentadbiran seperti Jalan Ahmad Shah, Jalan Tok Muda Awang Ngah, Jalan Ibrahim dan sebahagian jalan tempatan iaitu Jalan Semantan 1, Jalan Istana, dan Jalan Merdeka.
- Di bandar Mentakab pula dikenal pasti terdapat di sekitar jalan utama kawasan komersial seperti di bahu jalan FT87 dan Jalan Pekeliling.
- Lintasan pejalan kaki bersama lampu isyarat turut disediakan di hadapan sekolah. Namun, sebahagian kemudahan pejalan kaki mengalami kerosakan, tidak jelas, ditumbuhi semak dan tidak bersambung dengan baik selain reka bentuk fizikal yang kurang mesra untuk pengguna berkerusi roda sama ada kanak-kanak ataupun OKU.

2.15 POTENSI PEMBANGUNAN SEKITAR STESEN *EAST COAST RAIL LINK* (ECRL)

Pembangunan laluan ECRL merupakan projek yang berimpak tinggi bagi kawasan kajian dan sekitarnya. Laluan rel dengan anggaran sepanjang 665 km ini menyediakan perkhidmatan bagi penumpang dan barangan, bakal merancakkan pertumbuhan pembangunan dan sosioekonomi antara Pantai Barat dan Pantai Timur di Semenanjung Malaysia. Pembinaan bagi Seksyen B (Dungun-Temerloh) sedang giat dibangunkan dan stesen di daerah ini dirancang untuk integrasi bersama laluan KTMB.

Fakta Ringkas Projek ECRL

- **Cadangan Stesen (Pahang)**: Bentong, Temerloh, Maran, Paya Besar, Kota SAS, Kuantan Port City dan Cherating.
- **Jangka Siap** : Penghujung 2026
- **Jangka Beroperasi**: Awal 2027
- **Kelajuan Tren**: 160km/j (perkhidmatan penumpang & 80km/j (perkhidmatan kargo)
- **Kapasiti Penumpang**: 440 tempat duduk bagi satu tren
- **Tempoh Perjalanan**: 4 jam daripada Kota Bharu sehingga ITT Gombak
- **Operasi Kargo**: 12 set lokomotif elektrik & 6 set lokomotif diesel

Jadual 2.21: Kekerapan Perkhidmatan Tren Penumpang Mengikut Syor Kajian

Origin	Destinasi	2027	2037	2047
Kota Bharu	ITT Gombak	5	9	11
Kota Bharu	Jalan Kastam	1	1	2
Kota Bharu	KotaSAS	1	2	2
KotaSAS	ITT Gombak	1	3	3
Kuala Terengganu	ITT Gombak	2	4	5
Kuala Terengganu	Jalan Kastam	1	2	2

Jadual 2.22: Kekerapan Tren Barang Mengikut Syor Kajian

Origin	Destinasi	2027	2037	2047
KPC2	Maran	3	0	2
KPC2	Temerloh	2	5	7
KPC2	Serendah Baru	1	2	3
KPC2	Kapar	3	27	21
Bentong	Kapar	0	1	3
Maran	Kapar	0	3	7
Pasir Puteh	KPC2	2	2	5
Dungun	KPC2	9	17	21
Dungun	Kapar	0	5	6

Sumber: MRL Sdn Bhd
Nota: Kekerapan perkhidmatan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa, faktor permintaan dan permohonan lesen kereta api kelak.



Petunjuk :

Jenis Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Pertanian
- Tanah Kosong
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain Petunjuk :

- Stesen Keretapi
- Cadangan Stesen ECRL
- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan Daerah

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 1,500,000



Rajah 2.19 : Stesen ECRL dan Potensi Pembangunan Sekitar

2.16 KEPENTINGAN PERANCANGAN KESALINGHUBUNGAN YANG LANCAR RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM

Pengangkutan awam menjadi sistem yang penting bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian ke sesuatu kawasan dan membantu mobiliti penduduk setempat terutamanya ketika peningkatan populasi penduduk, trend urbanisasi bandar, kebergantungan pada kenderaan persendirian, cara hidup dan sebagainya.

a) Perkhidmatan Rel

Perkhidmatan kereta api di bawah Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) menjadi salah satu mod pengangkutan awam yang disediakan di dalam daerah Temerloh. Terdapat dua stesen keretapi yang beroperasi iaitu Stesen Mentakab dan Stesen Kuala Krau. Permintaan pada tahun 2019 secara keseluruhannya berjumlah 24,682 manakala pada tahun 2020 menurun sebanyak 12,441 semasa zaman pandemik Covid-19.

Stesen Kereta Api Mentakab

Ciri-ciri perkhidmatan rel:

- Stesen Mentakab telah ditambah baik dengan lebih selesa dan berkeadaan baik.
- Sistem KTMB *Integrated Ticketing System* (KITS) diperkenalkan untuk pembelian bagi perkhidmatan tren jarak jauh.
- Konsesi turut diberikan kepada pelbagai kategori seperti pelajar, warga emas 60 tahun keatas, pesara kerajaan, OKU dan sebagainya.
- KTMB dengan kerjasama MOTAC menawarkan pelbagai inisiatif.
- Kekurangan kemudahsampaian ke Stesen Mentakab sedia ada.

Rajah 2.20: Trend Permintaan Penumpang Perkhidmatan Kereta Api Tahun 2019



	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Aug	Sep	Okt	Nov	Dis
Mentakab	1357	1525	1599	1744	1487	1680	1597	1875	1547	1653	1765	2378
Kuala Krau	323	269	376	402	382	388	313	384	387	308	410	533

Sumber: Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

b) Perkhidmatan Bas

Perkhidmatan bas merupakan mod utama pengangkutan awam dan menjadi penghubung dalam dan antara bandar. Ia merupakan elemen penting bagi mewujudkan persekitaran rendah karbon dan mengurangkan kebergantungan pada kenderaan persendirian.

i. Perkhidmatan Bas Berhenti-henti

Perkhidmatan bas pada masa kini beroperasi di Terminal Bas Utama dan Terminal Bas Lurah Semantan. Terminal Bas Utama menjadi hab bagi perkhidmatan bas ekspres. Manakala Terminal Lurah Semantan menjadi hab bagi perkhidmatan bas henti-henti. Liputan perkhidmatan bas ini tidak meliputi kawasan dalam bandar.

Terminal Bas Utama di Bandar Temerloh

Jadual 2.23: Senarai Bas Berhenti-Henti

Syarikat Bas	Laluan	Bil Tempat Duduk	Status Operasi
Sri Jengka Sdn Bhd	Mentakab – Lanchang – Bentong – Bandar Karak	28	Tidak aktif
	Bandar Jengka ke Temerloh & sebaliknya.	44	Tidak aktif
	Simpang Pelangai – Bera – Temerloh dan sebaliknya	40	Tidak aktif
Kenderaan Bas Mara (Maraliner Sdn. Bhd)	Beroperasi di laluan hentian bas dan Teksi Muadzam Shah – Bera – Temerloh	40	Tidak aktif
	Lurah Bilut - Mempaga - Lanchang - Mentakab - Temerloh dan sebaliknya.	40	Tidak aktif
Tanjong Keramat Temerloh	Temerloh – Tanjong Belengu – Simpang Guai – Triang	45	Tidak aktif
	Temerloh ke FELDA Purun	45	Tidak aktif
	Temerloh – Songsang – Sungai Sanggang – Sungai Empat Kerdau – Tekal – Kuala Krau – Jerantut	45	Tidak aktif
	Temerloh – Buntut Pulau – Tanjong Belengu – Simpang Guai – FELDA Sebertak – FELDA Tementi – FELDA Kumai	45	Tidak aktif
The Pahang South Union Omnibus Company Sdn. Bhd.	Bentong – Temerloh dan sebaliknya	40-45	Masih aktif
	Bentong – Karak – Lanchang – Mentakab – Temerloh dan sebaliknya	40	Masih aktif

Sumber: Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

Hanya satu syarikat bas henti-henti sahaja yang beroperasi semasa tempoh PKP iaitu The Pahang South Union Omnibus dengan menawarkan 3 kali kekerapan perjalanan sehari. Contoh ke Temerloh bermula 8.15 pagi, dan seterusnya 1.15 petang dan berakhir 5.45 petang sahaja.

ii. Perkhidmatan Bas Ekspres

Perkhidmatan bas ekspres sangat penting kepada penduduk untuk pergerakan jarak jauh selain menawarkan harga tiket yang berpatutan dan selesa. Penumpang boleh membeli tiket melalui khidmat kaunter tiket dan pembelian secara atas talian. **Jadual 2.24** menunjukkan 27 syarikat bas ekspres yang beroperasi di Terminal Bas Utama Temerloh.

Jadual 2.24: Senarai Bas Ekspres Yang Beroperasi

Bil	Syarikat Bas Ekspres	Bil	Syarikat Bas Ekspres
1.	Temerloh - Kuala Lumpur Ekspres	15.	Matahari Ekspres
2.	Pahang Sounth Union	16.	Perdana Ekspres
3.	Transnasional	17.	Transmalaya Ekspres
4.	Utama Ekspres	18.	Cosmic Ekspres
5.	Bulan Restu Ekspres	19.	Jasa Pelangi Ekspres
6.	Metrobus Ekspres	20.	LA Holidays
7.	Sri Jengka	21.	Kesatuan Ekspres
8.	Cepat Ekspres	22.	Permata Utara Ekspres
9.	Mara Liner	23.	Economy Ekspres
10.	SE Super Expres	24.	Billion Air Ekspres
11.	Shamisha Ekspres	25.	Ayu Ekspres
12.	Swarna Bumi Ekspres	26.	Mutiara Ekspres
13.	Mahligai Ekspres	27.	A-Class Ekspres
14.	Konsortium Ekspres		-

Sumber: Majlis Perbandaran Temerloh

Rajah 2.21 menunjukkan jumlah keseluruhan permintaan penumpang pada tahun 2019 ialah 60,427 dan 31,605 pada tahun 2020. Dua terminal utama yang paling tinggi permintaan penumpang ialah dari TBS dan Larkin Sentral.

Rajah 2.21: Bilangan Penumpang Antara Terminal-Terminal Utama ke Daerah Temerloh



iii. Terminal dan Hentian Bas

Kemudahan hentian bas telah disediakan di sekitar jalan-jalan utama di dalam kawasan kajian dan kebanyakannya masih dalam keadaan yang baik. Hasil dapatan menganggarkan 184 hentian bas yang disediakan termasuk di laluan bertentangan. Terdapat perancangan Temerloh Sentral Seri Kemuning di Songsang akan menumpukan penyediaan sistem integrasi antara perkhidmatan bas dan teksi.

Hentian bas di Bandar Kuala Krau

c) Perkhidmatan Teksi Dan *E-Hailing*

Perkhidmatan teksi pula mempunyai stesen teksi berpusat di bandar Temerloh dan bandar Mentakab. Stesen teksi di bandar Temerloh bersepadu dengan terminal bas. Manakala perkhidmatan *e-hailing* dilihat turut mendapat permintaan di bandar-bandar. Perkhidmatan teksi dan *e-hailing* bekerjasama dalam menawarkan perkhidmatan melalui aplikasi telefon pintar. Tambang yang dikenakan melalui aplikasi *e-hailing* adalah berdasarkan jarak, jenis kenderaan, keadaan trafik dan jumlah permintaan pelanggan. Pada masa ini, terdapat 115 pengendali kereta teksi secara persendirian yang berdaftar termasuk di cawangan bandar Mentakab. Kereta teksi yang digunakan pada masa kini kebanyakannya menggunakan petrol.

Stesen teksi di Terminal Bas Utama di bandar Temerloh

Bangunan Persatuan Teksi di bandar Mentakab (akan berpindah)

d) Perkhidmatan Bot

Sungai Pahang ialah lokasi pengangkutan air utama penduduk kampung yang tinggal di sepanjang sungai tersebut. Terdapat perkhidmatan bot penambang yang masih beroperasi dengan bayaran yang dikenakan sekitar RM6 untuk dewasa dan RM3 kanak-kanak. Kampung Bangau dan Lubuk Kawah merupakan antara lokasi perhentian bot penambang dan penduduk boleh membuat permintaan ke destinasi mereka yang lain.

Terminal bot di Esplanade, Temerloh

Hasil lawatan tapak, masih kekurangan jeti perhentian yang disediakan selain untuk tujuan keselamatan sekiranya bencana banjir berlaku. Tambahan pula, aktiviti *river cruise* turut disediakan bermula di Esplanade Temerloh. Pelayaran di sepanjang Sungai Pahang dan pelbagai aktiviti turut boleh dinikmati oleh penduduk tempatan dan para pelancong yang melawat daerah Temerloh dengan bayaran RM80 satu jam (maksimum 8 orang satu bot). Aktiviti ini dilihat sebagai potensi untuk dipertingkatkan bagi menarik kedatangan pelancong. Perkhidmatan sewa bot juga disediakan bagi penggemar aktiviti memancing ikan di sungai. Sewaan bot fiber 14 kaki bermula dari RM100 sehari termasuk minyak dan jaket keselamatan.

2.17 PEMELIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR

Daerah Temerloh mempunyai kawasan sensitif alam sekitar yang merangkumi sumber semulajadi, sumber air, sumber tenaga, sumber warisan dan sumber makanan. Kesemua kawasan – kawasan ini perlu dilindungi dan diuruskan secara efisien bagi menjamin kelestariannya untuk jangkamasa panjang.

a) Sumber Semula Jadi



b) Sumber Air

✓ Lembangan sungai utama adalah Sungai Pahang & Sungai Semantan

✓ HSK yang dikategorikan sebagai hutan perlindungan tadahan air adalah seluas 3,163 hektar (HS Kemasul, HS Kemasul Tambahan dan HS Jengka).

✓ Terdapat 5 loji rawatan air berkeluasan 630 $km^{2.}$
✓ Penjanaan air: 6.88 juta liter sehari

c) Sumber Tenaga

Potensi yang boleh dieksploitasi di daerah Temerloh:

Janaan tenaga biojisim (sisa kelapa sawit)

Janaan tenaga biogas (Tapak pelupusan sampah).

Meningkatkan penggunaan sumber tenaga mampan melalui penjanaan tenaga solar di kawasan yang mempunyai sumber radiasi solar yang tinggi seperti di kawasan perumahan, komersial dan industri.

d) Sumber Warisan

- ✓ Daerah Temerloh mempunyai 19 tapak warisan yang berdaftar dengan Jabatan Warisan Negara.
- ✓ Terdapat gua batu kapur berusia ratusan juta tahun: Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh
- ✓ Gunung Benom turut menyimpan khazanah warisan geologi yang penting. Gunung Benom merupakan Gunung ke-2 Tertinggi di Negeri Pahang selepas Gunung Tahan. Kawasan ini mempunyai batuan metamorf bermutu tinggi
- ✓ Fosil yang direkodkan di daerah Temerloh yang memerlukan pengendalian yang cermat oleh pakar geologi.

e) Sumber Makanan

Kawasan Pertanian Tanah Kelas 2

Tanah Kelas 2 yang subur seluas **114,351.25** hektar

50.80%

Jumlah keseluruhan keluasan daerah

Rizab Haiwan

Keluasan keseluruhan Rizab Haiwan adalah **2,230.71** hektar

Semua jenis ternakan, kecuali babi untuk pengeluaran makanan hasilan ternakan seperti daging, susu dan telur serta pembiakan dan pembakaan

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

TKPM Lanchang

Keluasan: **3,600** hektar

Menyediakan kawasan tanaman makanan khususnya buah-buahan dan sayuran kepada negara untuk pasaran domestic dan eksport dan juga menyokong aktiviti hiliran.

Ternakan Akuakultur

Ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Pahang dan Sungai Semantan serta estet ikan di Lanchang meningkat pengeluaran ikan air tawar.



Petunjuk :

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.22: Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

2.18 KEPERLUAN PERANCANGAN KAWASAN RISIKO BENCANA

Banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda dan kemerosotan ekonomi setempat. Banjir berlaku terutamanya di jajaran lembangan Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Punca banjir di daerah Temerloh:

- ✓ Kadar curahan hujan yang tinggi, sama ada tempatan atau di kawasan huluan.
- ✓ Kelemahan daya tampungan sistem saliran dan pengairan
- ✓ Kemerosotan keluasan kawasan takungan semulajadi (paya)
- ✓ Petempatan di kawasan rendah dan lembangan sungai yang merupakan dataran banjir semula jadi.
- ✓ Kedudukan penempatan yang menghampiri sungai.

Lembangan sungai-sungai yang terlibat dengan isu banjir dari tempoh 2015 - 2020 adalah:

1. Sungai Pahang
2. Sungai Semantan
3. Sungai Belengu
4. Sungai Chengal
5. Sungai Dala
6. Sungai Guntung
7. Sungai Kaung
8. Sungai Kawang
9. Sungai Keladan
10. Sungai Kerdau
11. Sungai Ketam
12. Sungai Krau
13. Sungai Lipat Kajang
14. Sungai Mai
15. Sungai Peragap
16. Sungai Rabit
17. Sungai Taram
18. Sungai Tekal
19. Sungai Telok Ira
20. Sungai Temerloh
21. Sungai Terengging
22. Sungai Teris

111 Kawasan Banjir

1,551 Hektar Tebu bina di dalam Kawasan berisiko Banjir

1,111 Unit rumah + **27** Taman Perumahan + **44** Lokasi jalan

Bandar Temerloh dan kawasan sekitar yang dilanda banjir akibat limpahan air dari Sungai Pahang

Sumber: Asrol Awang - Januari 9, 2021 (BH Online)

https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/774086/banjir-pahang-26236-masih-di-pusat-pemindahan



Petunjuk :

- Risiko Rendah
- Risiko Sederhana
- Risiko Tinggi
- Sungai Utama

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.23 : Tahap Risiko Banjir Daerah Temerloh

Di daerah Temerloh, risiko geobencana yang berpotensi tanah runtuh, jatuhan batu, mendapan tanah/lubang benam dan aliran puing. Peta kawasan berisiko geobencana seperti **Rajah 2.24**.

1 TANAH RUNTUH

- **3,108.66 hektar** dikenal pasti sebagai kawasan cerun curam
- Laporan kes: 29 Oktober 2017 di Taman Bendera Intan, Temerloh (JMG, 2021)
- Kawasan berpotensi:
  1. Kawasan berkecerunan melebihi 25°
  2. Kawasan tanah tinggi melebihi 1,000 m
  3. Kawasan jajaran batu kapur (Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh)

2 JATUHAN BATU

- Tiada kes dilaporkan
- Kawasan berpotensi:
  1. Kawasan jajaran batu kapur (Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh)
  2. Kawasan pengkuarian
  3. Kawasan Bercerun- jalan, pertanian

3 MENDAPAN TANAH/LUBANG BENAM

- Tiada kes dilaporkan
- Kawasan berpotensi:
  1. Aktiviti perlombongan bawah tanah
  2. Pelarutan batuan dasar jenis batu kapur
  3. Penambakan tanah yang tidak sempurna
  4. Pengepaman air tanah

4 ALIRAN PUING

- Tiada kes dilaporkan
- Kawasan berpotensi:
  1. Lata Bujang
  2. Paya Tiram
  3. Paya Kujan



Petunjuk :

- Tahap Rendah
- Tahap Sederhana
- Tahap Tinggi
- Sungai Utama

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.24 : Kawasan Berisiko Geobencana

2.19 KEPENTINGAN SUNGAI PAHANG KEPADA PEMBANGUNAN PELBAGAI SEKTOR EKONOMI

Sungai Pahang merupakan saliran semula jadi utama yang mempunyai kepelbagaian warisan sejarah, aset dan potensi. Kewujudannya akan terus memberi manfaat kepada pembangunan terutama bagi bekalan air mentah, pertanian, perikanan, pelancongan dan perbandaran daerah Temerloh. Perancangan pembangunan Temerloh perlu melibatkan pelbagai pihak bagi memastikan potensi pembangunan strategik dapat dimanfaatkan secara mampan terutama kepada kawasan di sepanjang koridor persisirannya dan pusat-pusat pertumbuhan utama. Sungai Pahang yang mengalir sepanjang daerah Temerloh meningkatkan lagi potensi pembangunan bandar ini terutama dari aspek pelancongan, warisan dan alam semula jadi.

Aktiviti Sekitar Sungai Pahang

1. Sumber air
2. Akuakultur (ternakan ikan dalam sangkar)
3. Pertanian
4. Penempatan (perumahan & kampung)
5. Peniagaan (restoran/gerai, rumah rakit)
6. Perbandaran (Bandar Temerloh)
7. Perindustrian
8. Pelancongan (siar sungai)
9. Perlombongan pasir
10. Loji rawatan kumbahan

KUALITI AIR SUNGAI PAHANG DAN SUNGAI SEMANTAN, 2019

KATEGORI BERSIH
(IKA: 81 – 100)

27 Stesen di Sungai Pahang (IKA: 87)

4 Stesen di Sungai Semantan (IKA: 85)

IKA: Indeks kualiti air

Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2020

Kualiti air Sungai Pahang dan Sungai Semantan di daerah Temerloh masih berada pada tahap selamat untuk hidupan akuatik. Namun, terdapat pelbagai sumber punca pencemar yang berpotensi menyebabkan berlakunya penurunan kualiti air. Oleh itu, sebarang pembangunan yang dijalankan di daerah Temerloh perlu mematuhi garis panduan dan piawaian yang ditetapkan oleh pihak berwajib bagi menjamin kelestarian kualiti alam sekitar. Pengurusan sisa kumbahan dan pepejal juga perlu diperkukuhkan. Aktiviti agrikultur (pertanian, perternakan, akuakultur) yang mampan harus dipertingkatkan. Aktiviti pembangunan yang lain juga harus dilaksanakan secara mampan mengikut garis panduan dan piawaian yang ditetapkan.

2.20 KEPERLUAN PENGUKUHAN ASAS EKONOMI

a) Industri

Guna tanah perindustrian sedia ada meliputi kawasan seluas 438.53 hektar dengan tumpuan utama di BP 2 Mentakab (52.06 peratus), BP 10 Semantan (24.54 peratus), BP 5 Songsang (12.54 peratus) dan BP 1 Perak (10.66 peratus). Ia melibatkan sejumlah 217 pertubuhan industri dengan tumpuan utama di BP 2 Mentakab (61.11 peratus) dan BP 2 Perak (32.87 peratus). Jenis industri yang banyak diusahakan oleh pelabur industri adalah industri kayu, barangan kayu dan perabot (30.56 peratus), industri kertas, percetakan dan penerbitan (13.89 peratus), industri binaan logam yang direka, jentera dan peralatan (12.50 peratus) serta industri makanan dan minuman (11.11 peratus). Jenis bangunan industri yang banyak digunakan oleh pelabur adalah industri makanan dan minuman bangunan industri teres (65.56 peratus), industri sesebuah (27.15 peratus) dan bangunan industri berkembar (5.83 peratus). Kawasan kajian mempunyai ruang lantai industri seluas 321,055 meter persegi dengan tumpuan kepada industri kayu, barangan kayu dan perabut (35.82 peratus) serta industri binaan logam yang direka, jentera dan peralatan (27.33). Sejumlah 12,505 tenaga kerja terlibat dalam sektor perindustrian dengan tumpuan kepada industri kayu, barangan kayu dan perabut (29.03 peratus) serta industri binaan logam yang direka, jentera dan peralatan (26.99 peratus).

Rajah 2.25 : Guna Tanah Perindustrian



Rajah 2.26 : Jenis Industri



Rajah 2.27 : Jenis Bangunan Industri Bagi Industri Makanan dan Minuman



b) Perniagaan

Guna tanah perniagaan sedia ada meliputi kawasan seluas 156.38 hektar dengan tumpuan utama di pusat bandar Temerloh (Bandar Utama), Mentakab, Lanchang, Kuala Krau dan Kerdau (Bandar Tempatan). Sejumlah 4,595 pertubuhan perniagaan beroperasi di rangkaian pusat petempatan tersebut dengan tumpuan utama di pusat bandar Temerloh (54.19 peratus) dan Mentakab (40.30 peratus). Jenis bangunan perniagaan yang paling banyak digunakan oleh peniaga ialah bangunan kedai berderet (99.33 peratus) berbanding pejabat binaan khas (0.51 peratus) dan kompleks perniagaan (0.16 peratus) dengan jumlah ruang lantai perniagaan seluas 1,353,363 meter persegi. Bagi aktiviti perniagaan informal, sejumlah 2,830 penjaja beroperasi di kawasan kajian dengan tumpuan utama di kawasan pekan sehari (25.94 peratus), pasar malam (23.50 peratus) dan medan selera (14.63 peratus).

Rajah 2.28 : Jenis Bangunan Perniagaan Yang Paling Banyak Digunakan Oleh Peniaga



Rajah 2.29 : Kawasan Tumpuan Utama Bagi Aktiviti Perniagaan Informal



2.21 KEPELBAGAIAN PRODUK PELANCONGAN

Daerah Temerloh merupakan lokasi *day trip* dan *transit* yang terletak di negeri Pahang, berkeluasan 2,251 km² dan mempunyai 62 produk pelancongan berdasarkan hasil analisis semasa. Isu yang dapat dilihat ketika kajian ini dijalankan ialah terdapat banyak produk pelancongan namun tidak dipromosikan, dipakejkan dan diintegrasikan dengan sektor pembangunan yang lain.

Semua produk pelancongan ini akan dimasukkan kedalam pakej perlancongan sebagai usaha menghidupkan semula produk sedia ada, pemuliharaan warisan, pengurusan dan pelaksanaan. Sejumlah 28 produk pelancongan telah dikenal pasti sebagai lokasi yang mesti dikunjungi.

Pembangunan sektor pelancongan yang dibangunkan secara revolusi ini akan membentuk satu pola pelancongan yang lebih praktikal seiring penggunaan teknologi dan komunikasi berdasarkan inisiatif cadangan dalam kajian ini.

Usaha ini akan menggalakkan kemasukan jumlah pelancong sekaligus merangsang ekonomi komuniti tempatan ke tahap global.

Pembentukan landskap baharu pelancongan yang mampan boleh menjadi perangsang kepada komuniti setempat dalam mempelbagaikan usaha ini akan menggalakkan sumber ekonomi di kawasan tersebut.

Kerangka pembangunan yang sistematik pula boleh menyumbang kepada impak sosial, pembangunan sosioekonomi dan pemuliharaan alam semulajadi.

i. Produk Pelancongan Daerah Temerloh

Produk Pelancongan di Temerloh

62
Produk Pelancongan
4 kategori

- **Warisan Ketara** — 9 produk
- **Warisan Tidak Ketara** — 11 produk
- **Rekreasi** — 25 produk
- **Ekopelancongan & Agropelancongan** — 11 produk
- **Homestay/ Kampungstay/ Perkampungan Orang Asli** — 6 produk

Perkampungan Orang Asli Kg.Pian

1

WARISAN KETARA

1. Gunung Senyum
2. Kampung Lubuk Terua
3. Kampung Songsang
4. Istana Bukit Angin
5. Stesen Keretapi Kuala Krau
6. Kuala Semantan
7. Stesen Keretapi Mentakab
8. Bangunan Kedai Lama di Bandar Lama Temerloh dan Mentakab
9. Rizab Hidupan Liar Krau

WARISAN TIDAK KETARA

1. Air Mineral Gau
2. Gulai Tempoyak Ikan Patin
3. Ikan dan Daging Salai
4. Serunding Kelapa
5. Madu Kelulut
6. Pais Ikan Patin
7. Ina Kraf / Pusat Kraftangan
8. Pekan Sehari Temerloh
9. Permainan Gasing
10. Permainan Petanque
11. Kueh Paani Puri

2

REKREASI

1. Taman Tasik Bandar
2. Taman Tasik Chatin
3. Taman Kenangan
4. Taman Tema Air Kubang Gajah
5. Wadi Al Amin
6. Dataran Temerloh
7. Dataran Patin / Jambatan Gantung / Taman Esplanade
8. Hogoh De Coco
9. Permainan Skate Board
10. Stesen Titik Tengah Semenanjung Malaysia
11. Pesta / Karnival Memancing
12. Sungai Pahang
13. Riverfront
14. Eco-lodge / Rumah Rakit
15. Boardwalk
16. Boat Dock
17. Mini Stage
18. Riverside Café
19. Fun Fair
20. Fish Farm
21. Floating Café
22. Linear Park
23. Car Boot Sale
24. Kampung Bangau Tanjung
25. Pusat Akuarium Ikan Air Tawar

3 HOMESTAY /KAMPUNGSTAY/ ORANG ASLI

1. Homestay - Desa Murni
2. Homestay Jengka 25
3. Homestay Rumpun Makmur
4. Perkampungan Orang Asli Che' Wong
5. Perkampungan Orang Asli Kg. Pian
6. Perkampungan Orang Asli Kg. Penderas

4 EKOPELANCONGAN & AGRO PELANCONGAN

1. Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah
2. Deerland Park
3. Air Terjun Lata Bujang
4. Ikan Patin
5. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
6. Pusat Pemuliharaan Seladang
7. Amani Vanilla Temerloh
8. Air Terjun Paya Taram
9. Air Terjun Paya Kujan
10. Tiger Valley
11. Sarang Naga 76



ii. Perincian Cadangan Produk Pelancongan

Pembangunan sektor pelancongan diperincikan mengikut teras yang bersesuaian sebagai tindakan dan pengurusan supaya lebih praktikal melalui pelbagai inisiatif cadangan yang dicadangkan di dalam kajian ini **di Jadual 2.25: Perincian Cadangan Pelancongan**

Jadual 2.25 : Perincian Cadangan Pelancongan

Kategori Produk Pelancongan	Keterangan			
	A	B	C	D
Kategori 1 - Warisan Ketara				
1. Gunung Senyum				
2. Kampung Lubuk Terua				
3. Kampung Songsang				
4. Istana Bukit Angin				
5. Stesen Keretapi Kuala Krau				
6. Kuala Semantan				
7. Stesen Keretapi Mentakab				
8. Bangunan Kedai Lama di Bandar Lama Temerloh dan Mentakab				
9. Rizab Hidupan Liar Krau				
Kategori 1 - Warisan Tidak Ketara				
1. Air Mineral Gau				
2. Gulai Tempoyak Ikan Patin				
3. Ikan dan Daging Salai				
4. Serunding Kelapa				
5. Madu Kelulut				
6. Pais Ikan Patin				
7. Ina Kraf / Pusat Kraftangan				
8. Pekan Sehari Temerloh				
9. Permainan Gasing				
10. Permainan Petanque				
11. Kueh Paani Puri				

Sambungan...

Kategori Produk Pelancongan	Keterangan			
	A	B	C	D
Kategori 2 - Rekreasi				
1. Taman Tasik Bandar				
2. Taman Tasik Chatin				
3. Taman Kenangan				
4. Taman Tema Air Kubang Gajah				
5. Wadi Al Amin (Taman Air Berhala Gantang)				
6. Dataran Temerloh				
7. Dataran Patin / Jambatan Gantung / Taman Esplanade				
8. Hogoh De Coco				
9. Permainan Skate Board				
10. Stesen Titik Tengah Semenanjung Malaysia				
11. Pesta / Karnival Memancing				
12. Sungai Pahang				
13. Riverfront				
14. *Eco-lodge* / Rumah Rakit				
15. Boardwalk				
16. Boat Dock				
17. Mini Stage				
18. Riverside Café				
19. Fun Fair				
20. Fish Farm				
21. Floating Café				
22. Linear Park				
23. Car Boot Sale				
24. Kampung Bangau Tanjung				
25. Pusat Akuarium Ikan Air Tawar				

Sambungan…

Kategori Produk Pelancongan	Keterangan			
	A	B	C	D
Kategori 3 - Homestay / Kampunstay Dan Perkampungan Orang Asli				
1. Homestay - Desa Murni Kerdau				
2. Homestay Jengka 25				
3. Homestay Rumpun Makmur				
4. Perkampungan Orang Asli Che' Wong				
5. Perkampungan Orang Asli Kg.Pian				
6. Perkampungan Orang Asli Kg. Penderas				
Kategori 4 - Ekopelancongan & Agropelancongan				
1. Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah				
2. Deerland Park				
3. Air Terjun Lata Bujang				
4. Ikan Patin				
5. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)				
6. Pusat Pemuliharaan Seladang				
7. Amani Vanilla Temerloh				
8. Air Terjun Paya Taram				
9. Air Terjun Paya Kujan				
10. Tiger Valley				
11. Sarang Naga 76				

Nota:

Cadangan	Keterangan
A	*Promosi / Pakej / Tourism Trail*
B	*Menaik Taraf Fasiliti / Pembangunan Pelancongan*
C	*Integrasi Dengan Sektor Yang Lain / Pembangunan Fizikal*
D	*Penambahbaikan Landskap / Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Warisan*

Produk Pelancongan : Semasa
Produk Pelancongan : Cadangan Baru

2.22 GUNA TANAH PERTANIAN YANG LUAS DAN BERPOTENSI

a) Guna Tanah Tahun 2021

Pembangunan guna tanah tahun 2021 bagi daerah Temerloh mengambil kira komposisi jenis guna tanah, kawasan tumpuan pembangunan (kawasan tepu bina dan bukan tepu bina) dan corak pembangunan guna tanah berasaskan agihan aktiviti. Penumpuan utama bagi pembangunan tepu bina adalah merangkumi pengangkutan, perumahan, komersial, industri dan institusi, kemudahan masyarakat, tanah lapang dan rekreasi. Taburan secara keseluruhan guna tanah kawasan RT adalah seperti di **Jadual 2.26** dan **Rajah 2.30**.

Jadual 2.26: Komposisi Guna Tanah Tahun 2021 di Daerah Temerloh

Jumlah Guna Tanah	Luas (Hektar)	Peratus (%)
Tepu Bina		
Perumahan	1,930.16	0.86
Komersial	273.99	0.12
Industri	438.53	0.19
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,104.79	0.49
Tanah Lapang dan Rekreasi	1,482.04	0.66
Pengangkutan	6,448.09	2.86
Infrastruktur dan Utiliti	114.33	0.05
Jumlah Kecil	**11,791.93**	**5.24**
Bukan Tepu Bina		
Pertanian	93,796.23	42.12
Tanah Kosong	10,386.27	4.61
Hutan	105,150.52	46.72
Badan Air	2,961.05	1.32
Jumlah Kecil	**213,294.07**	**94.76**
Jumlah Keseluruhan	**225,086.00**	**100.00**

Sumber : Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

HUTAN
105,150.52
hektar

PERTANIAN
93,796.23
hektar

TEPU BINA
11,791.93
hektar

BADAN AIR
2,961.05
hektar



Petunjuk :

Aktiviti Pertanian

- Kelapa Sawit
- Getah
- Dusun Buah-buahan
- Tanah Tidak Diusahakan
- Tanaman Lain

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan
- TKPM Lanchang



Rajah 2.30 : Aktiviti Pertanian

Guna Tanah yang tertinggi di daerah Temerloh adalah pertanian dengan 93,796.23 (42.12%). Berdasarkan analisis, keseluruhan blok perancangan di daerah Temerloh memiliki tanah kelas 2 dimana hanya mempunyai halangan yang sangat minima kepada pertumbuhan tanaman. Perincian mengenai taburan kelas tanah pertanian kawasan RT adalah seperti berikut:

Jadual 2.27: Perincian Kelas Tanah Pertanian

Kelas Tanah	Keluasan	Peratus	Blok Perancangan	Perincian
Kelas 1	-	-	-	• Tanah yang tiada halangan atau mempunyai halangan kecil kepada pertumbuhan tanaman. • Amat sesuai bagi aktiviti pertanian seperti tanaman padi, kelapa, kelapa sawit dan tanaman jangka pendek.
Kelas 2	114,351.21 hektar	50.80%	Perak, Mentakab, Lebak, Bangau, Songsang, Sanggang, Lipat Kajang, Kerdau, Jenderak dan Semantan	• Tanah yang mempunyai satu atau lebih halangan sederhana kepada pertumbuhan tanaman. • Kesesuaiannya kurang sedikit berbanding Kelas 1. • Amalan pengurusan yang mudah termasuk kawalan hakisan serta kerja pengairan dan saliran diperlukan. • Kaya dengan sumber mineral dengan keupayaan penyerapan air yang tinggi. • Sederhana sesuai bagi pelbagai jenis tanaman terutama kelapa, getah, kelapa sawit dan tanaman jangka pendek.
Kelas 3	20,854.15 hektar	9.26%	Perak, Mentakab, Lebak, Jenderak dan Semantan	• Tanah yang mempunyai satu halangan serius kepada pertumbuhan tanaman. • Pengurusan yang tinggi diperlukan bagi membangun dan memulihkan tanah jenis ini untuk jangka masa panjang. • Amalan pengurusan tanah seperti pengawalan hakisan, pembajaan insentif dan/atau kerja-kerja pengairan dan saliran yang melibatkan kos yang sederhana perlu dijalankan. • Keupayaan penyerapan air yang tinggi dengan air larian permukaan yang sederhana. • Sesuai untuk beberapa tanaman pertanian sahaja.

Sambungan :

Jadual 2.27: Perincian Kelas Tanah Pertanian

Kelas Tanah	Keluasan	Peratus	Blok perancangan	Perincian
Kelas 4	32,255.39 hektar	14.33%	Perak, Mentakab, Bangau, Songsang, Sanggang, Lipat Kajang, Kerdau, Jenderak dan Semantan	• Tanah yang mempunyai lebih daripada satu halangan serius kepada tumbuhan tanaman. • Pengurusan yang tinggi diperlukan bagi mengekalkan penghasilan tanaman. • Kerja-kerja pemuliharaan diperlukan untuk kegunaan jangka masa panjang. • Keupayaan penyerapan air yang rendah dengan air larian permukaan yang tinggi. • Kesesuaian terhad kepada beberapa jenis tanaman seperti getah, kelapa, pisang, dan tanaman jangka pendek.
Kelas 5	57,625.25 hektar	25.60%	Perak, Mentakab, Bangau, Songsang, Sanggang, Lipat Kajang, Kerdau, Jenderak dan Semantan	• Tanah yang mempunyai sekurang-kurang satu halangan serius kepada pertumbuhan tanaman. • Tanah berpotensi untuk tumbuhan hutan sekiranya ia tidak digunakan untuk perbandaran, perlombongan atau kuari. • Keupayaan penyerapan air yang sangat rendah dengan air larian permukaan yang sangat tinggi. • Tidak sesuai untuk tanaman pertanian.

Sumber : Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Secara keseluruhan , kelas tanah pertanian 2, 3 dan 4 seluas 167,460.75 hektar melibatkan blok perancangan Perak, Mentakab, Bangau, Songsang, Sanggang, Lipat Kajang, Kerdau, Jenderak dan Semantan berpotensi untuk dibangunkan dengan mengikut kepada kesesuaian jenis tanaman. **Rajah 2.31** memaparkan keadaan kelas tanah dalam kawasan RT dan **Rajah 2.32** menunjukkan kelas tanah pertanian 2 dengan Taman Kekal Pengeluaran Makanan **(TKPM)**.



Petunjuk :

- Kelas 2 Tanah Pertanian
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.31 : Kelas 2 Tanah Pertanian dan TKPM

2.23 TKPM LANCHANG SEBAGAI SUMBER BUAH-BUAHAN UTAMA

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang merupakan sebuah projek TKPM terluas di Malaysia (**Rajah 2.4**). Secara keseluruhan, kawasan seluas 1,619.3 hektar diusahakan oleh dua kumpulan iaitu : TKPM Usahawan meliputi kawasan seluas 319.5 hektar dan TKPM Swasta seluas 1,299.8 hektar. TKPM Lanchang menghasilkan 4,309.4 metrik tan buah-buahan pelbagai jenis pada tahun 2020. Jumlah terbesar ialah buah nangka sebanyak 2,813.4 metrik tan. Buah pisang dan pelbagai jenis limau dihasilkan masing-masing sebanyak 338.7 metrik tan dan 254.2 metrik tan. Golongan TKPM Swasta menyumbang 3,301.9 metrik tan dan TKPM Usahawan sebanyak 1,088.5 metrik tan hasil pelbagai jenis buah-buahan.

Rajah 2.32: Pelan TKPM Lanchang



Sumber: Pejabat Pertanian Daerah Temerloh

2.24 PEMBANGUNAN SEKTOR PEMBUATAN BERASASKAN KAYU-KAYAN YANG KUKUH

Hasil sumber kayu-kayan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) daerah Temerloh daripada HSK berstatus Hutan Pengeluaran (sumber asli dan ladang hutan) telah menyumbang kepada kewujudan 77 kilang yang mengeluarkan pelbagai produk berasaskan kayu-kayan (**Jadual 2.28).** Jumlah ini menjadikan sektor pembuatan sebagai salah satu asas ekonomi utama daerah Temerloh khususnya dan negeri Pahang amnya. Lokasi daerah ini yang strategik menjadi faktor penyumbang kepada pemilihannya sebagai kawasan industri utama. Kilang papan dan produk perabot merupakan jenis aktiviti industri berasaskan kayu-kayan yang paling banyak terdapat di dalam daerah Temerloh.

Jadual 2.28 : Jenis Kilang Berasas Kayu Daerah Temerloh

Jenis Kilang	Bilangan
Kilang Papan	25
Kilang Papan Kecil	5
Kilang Papan Bergerak	2
Kilang Kumai	6
Kilang Papan Lapis	4
Kilang Papan Serpai	2
Kilang Papan Gentian	1
Kilang Lantai Parquet	1
Kilang Tanur Pengering	3
Kilang Loji Pengawet	2
Kilang Tanur Arang	1
Kilang Kayu Perabot	23
Kilang Palet	1
Kilang Loji Beriket	1
Jumlah	**77**

Sumber: Pejabat Perhutanan Daerah Temerloh/Bera 2021



Petunjuk :

Jenis Pengelasan

- Hutan Pengeluaran
- Hutan Tadahan Air
- Hutan Penyelidikan
- Hutan Pelajaran
- Hutan Lipur
- Hutan Dara

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan
- Rizab Hidupan Liar Krau

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 2.33 : Jenis Pengelasan HSK

2.25 KAWASAN PEMBANGUNAN SEKTOR TANAMAN AGRIKOMODITI YANG LUAS

Kawasan pertanian daerah Temerloh didominasi oleh tanaman agrikomoditi seperti kelapa sawit dan getah. Secara bergabung lebih 80 peratus daripada jumlah kawasan pertanian diusahakan dengan kedua-dua tanaman ini. Pembangunan skim FELDA, FELCRA, RISDA, PKPP dan syarikat perladangan swasta merupakan pengusaha utama tanaman agrikomoditi di daerah Temerloh. Tanaman agromakanan seperti buah-buahan meliputi kawasan lebihkurang 17.25 peratus daripada jumlah kawasan pertanian.

2.26 PEMBANGUNAN SEKTOR AKUAKULTUR YANG AKTIF

Sektor akuakultur merupakan salah-satu aktiviti ekonomi penting daerah Temerloh. Aktiviti akuakultur dijalankan secara aktif oleh 566 pengusaha. Aktiviti ternakan ikan air tawar secara sangkar di sepanjang Sungai Pahang dan Sungai Semantan membentuk jumlah terbesar iaitu 451 pengusaha. Ini diikuti oleh pengusaha kolam air tawar seramai 88 orang dan tangki simen seramai 12 pengusaha. Lain-lain kaedah akuakultur membentuk golongan yang kecil (**Jadual 2.29**). Spesies utama yang diternak adalah Patin Sangkar, Ikan Keli (Pangasianodon hypophthalmus) dan Tilapia Merah atau Nil Tilapia (Oreochromis niloticus). Bandar Temerloh yang popular dengan nama Bandar Ikan Patin menunjukkan kepentingan dan sumbangan besar sektor akuakultur kepada ekonominya.

Jadual 2.29 : Pengusaha Akuakultur Daerah Temerloh 2020

Jenis Aktiviti	Bilangan
Kolam air tawar	88
Sangkar air tawar	451
Tangki simen	12
Tangki fiber	6
Estet ikan	4
Hatcheri	2
Ikan hiasan	3
Jumlah	**566**

Sumber: Pejabat Perikanan Daerah Temerloh

2.27 TAHAP PENGGUNAAN RIZAB HAIWAN YANG RENDAH

Tahap penggunaan rizab haiwan untuk aktiviti penternakan pada masa ini agak rendah. Hanya 581.77 hektar atau mewakili 26.08 peratus daripada jumlah kawasan rizab digunakan untuk aktiviti penternakan (**Jadual 2.30**). Seramai 31 penternak terlibat dengan pelbagai jenis ternakan. Sebahagian besar kawasan yang diusahakan digunakan untuk penternakan kerbau/lembu dan kerbau/rusa. Manakala, dari segi penternak jumlah terbesar iaitu 21 orang mengusahakan ternakan kerbau/lembu. Sebahagian besar rizab haiwan digunakan untuk aktiviti lain terutama pertanian.

Jadual 2.30 : Jenis Aktiviti Rizab Haiwan, Daerah Temerloh, 2020

Jenis Aktiviti	Bil. Penternak	Luas (hektar)
Ternakan Lembu/Napier	2	202.43
Ternakan Kerbau/Lembu	21	100.24
Ternakan Kerbau	3	18.84
Ternakan Lembu	1	14.70
Ternakan Lembu/Kambing	t.m.	43.12
Ternakan Kerbau/Rusa	4	202.43
Jumlah Kecil	**31**	**581.77**
Kawasan Tidak Diusahakan atau Digunakan Untuk Aktiviti Lain (pertanian)	-	1,648.94
Jumlah	**35**	**2,230.71**
% Keluasan Kawasan Rizab Haiwan Sedia Ada Yang Aktif Untuk Aktiviti Ternakan		**26.08**

Sumber: Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Temerloh

2.28 RUMUSAN KEKUATAN, PELUANG, KELEMAHAN DAN ANCAMAN DAERAH TEMERLOH

KEKUATAN

1. Lokasi strategik serta tahap kemudahsampaian yang tinggi di peringkat wilayah dan nasional memperkukuhkan identiti Temerloh Titik Tengah Semenanjung.
2. Aksesibiliti daerah Temerloh dengan Lembah Klang dan Kuantan dihubung secara langsung melalui Lebuhraya Pantai Timur (LPT).
3. Koridor perbandaran Temerloh - Mentakab mengukuhkan pertumbuhan sektor perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel.
4. Struktur perindustrian daerah bagi produk perkayuan dan perabot serta asas perniagaan yang kukuh di rangkaian pusat petempatan utama daerah.
5. TKPM Lanchang sebagai pusat pengeluar hasil buah-buahan terbesar negara menumpukan kepada pembangunan sektor tanaman agromakanan yang luas dan established.
6. Memiliki tanah yang sangat subur dan sesuai untuk tanaman pertanian.
7. Mempunyai kawasan yang luas untuk pembangunan tepu bina terutama di dalam sempadan bandar dan pekan.
8. Mempunyai sumber biodiversiti yang tinggi (361 spesies flora dan 715 spesies fauna) serta Rizab Hidupan Liar Krau yang merupakan RHL terbesar di Semenanjung Malaysia dengan keluasan 62,395 hektar.
9. Mempunyai persisiran sungai yang boleh dibangunkan dengan aktiviti pelancongan untuk menarik pelancong.
10. Sistem infrastruktur dan utiliti serta penyediaan kemudahan masyarakat yang baik dan menyeluruh bagi keperluan penduduk.

PELUANG

1. Lokasi daerah Temerloh di Titik Tengah Semenanjung memberi peluang integrasi ekonomi dengan Wilayah Konurbasi Utama negara.
2. Pembangunan Segitiga Jengka berpotensi sebagai salah satu pusat aktiviti agrokomoditi dan agromakanan negeri dan negara.
3. Trend migrasi masuk penduduk yang agak signifikan serta terdapat peluang dan potensi bagi mengintegrasikan ekonomi wilayah antara daerah Temerloh dan Wilayah Konurbasi Utama Negara.
4. Berpotensi dalam mengguna pakai kaedah carbon offsets, Payment for Ecosystem Services (PES) dan lain-lain sebagai sumber pendapat alternatif serta berpeluang mengintegrasikan tanaman agrikomoditi dan agromakanan yang besar.
5. Berpotensi mengintegrasi tanaman agrikomoditi dan agromakanan yang besar.
6. Menjadi pusat pengeluar hasil akuakultur terbesar negeri Pahang dan berpeluang mengintegrasi aktiviti ternakan dan tanaman monokultur secara aktif.
7. Cadangan stesen ECRL dan pusat pentadbiran baharu akan merancakkan lagi pembangunan bandar Temerloh - Mentakab.
8. Pembangunan IPT di bandar Temerloh / Mentakab / Lanchang akan menjadi katalis kepada pembangunan daerah.
9. Kesediaan tanah bagi menampung keperluan pembangunan perindustrian dan perniagaan di masa hadapan.
10. Pelbagai produk pelancongan yang terkenal dan menarik dan boleh dipasarkan meluas untuk meningkatkan ekonomi daerah serta penduduk setempat.
11. Keunikan warisan di bandar Temerloh dan Mentakab berpotensi dijadikan tarikan baharu bandar.

KELEMAHAN

1. Jumlah penduduk yang agak kecil walaupun berstatus daerah kedua terbesar selepas daerah Kuantan.
2. Terdapat 111 kawasan yang sering dilanda bencana banjir terutama di sekitar lembangan Sungai Pahang.
3. Ketidakseimbangan pembangunan perumahan yang lebih mengarah ke kawasan pusat bandar sahaja.
4. Tidak mempunyai Pusat Pertumbuhan Desa (PPD).
5. Kapasiti jalan raya tidak dapat menampung kenderaan di beberapa lokasi seperti Jalan Kuantan-Karak (CR801) dan Jalan Kuantan-Temerloh (CR803) dengan LOS E-F.
6. Jalan alternatif ketika banjir masih kurang dan berlaku limitasi akses pengangkutan awam di Kawasan berkepadatan tinggi.
7. Terdapat pertubuhan industri beroperasi di luar kawasan industri terancang.
8. Sebahagian pertubuhan IKS beroperasi menggunakan teknologi konvensional dan berasaskan tenaga buruh.
9. Nilai pelaburan sektor pembuatan secara relatif di daerah Temerloh masih kecil.
10. Pembangunan pelancongan hanya tertumpu kepada beberapa produk sahaja serta kekurangan integrasi bersama sektor / pihak lain bagi menyokong pembangunan sector pelancongan.
11. Penumpuan lebih kepada beberapa tanaman monokultur utama dan masih kurang usaha ke arah memaksimumkan tanaman melalui kaedah integrasi.
12. Penternakan tertumpu di Kawasan FELDA, FELCRA dan ladang sawit milik
13. Keluasan Taman Bandaran yang disediakan kurang daripada keperluan garis panduan.

ANCAMAN

1. Pencemaran, hakisan, banjir dan mendapan di bahagian hulu ke bahagian tengah dan hilir Sungai Pahang.
2. Pembangunan bersaiz kecil / piecemeal menjadikan guna tanah tidak terancang.
3. Berlaku migrasi ke bandar lain untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik.
4. Kekurangan dana untuk kerja-kerja menaik taraf dan menambah baik sistem jalan, keselamatan dan perkhidmatan masyarakat.
5. Terdapat persaingan antara daerahdaerah berjiran bagi menarik pelaburan dalam sektor perindustrian.
6. Kedatangan pelancong dalam jumlah yang ramai di kawasan alam semula jadi menyumbang kepada kesan ekosistem sekiranya tiada *carrying capacity*.
7. Penumpuan terhadap hanya beberapa jenis tanaman tunggal atau monokultur serta kekurangan buruh ladang pertanian.
8. Kemerosotan kualiti air Sungai Pahang dan Sungai Semantan memberi kesan kepada produktiviti pengeluaran ikan sangkar serta penurunan pengeluaran hasil ternakan ikan sangkar.
9. Tahap penggunaan rizab haiwan untuk aktiviti penternakan yang masih rendah.
10. Sekolah yang mempunyai bilangan murid yang rendah di kawasan luar
11. bandar menyebabkan ia menjadi using dan tidak produktif. Berpunca dari kurangnya jumlah penduduk umur aktif di kawasan desa kerana kebanyakan mereka ini keluar dan berhijrah ke bandar untuk peluang pekerjaan yang lebih baik.
12. MPT mengalami defisit kewangan bagi 4 tahun berturut-turut (2016-2019) dan memberi kesan terhadap kemampuan pelaksanaan projek.

2.29 RUMUSAN KESELURUHAN PENEMUAN UTAMA

Secara keseluruhannya, terdapat 27 penemuan utama yang terkandung dalam bahagian ini dan diringkaskan seperti dalam Rajah di bawah:

2.1 PEMBANGUNAN DAERAH TEMERLOH YANG STRATEGIK DALAM DASAR PEMBANGUNAN SPATIAL NASIONAL, WILAYAH DAN NEGERI

i. RFN4:
Temerloh termasuk di dalam ZPP Jerantut-Bandar Tun Razak (Jengka)-Temerloh-Mentakab sebagai salah satu pusat pertumbuhan negara.

ii. Pelan Induk ECER 2.0:
Temerloh terlibat dalam Segitiga Pertumbuhan Pembangunan Pahang Tengah (Mentakab - Temerloh - Maran - Bera)

iii. RSN Pahang 2050:
Temerloh dibangunkan di bawah tema Titik Tengah Semenanjung Malaysia.

2.2 TABURAN PENDUDUK LEBIH TERTUMPU DI DALAM KORIDOR PERBANDARAN TEMERLOH - MENTAKAB

Sejumlah besar penduduk daerah Temerloh tertumpu di BP2 Mentakab dan BP1 Perak.

PENDUDUK 10,000 - 30,000 ORANG PADA TAHUN 2020

- BP9 Jenderak
- BP10 Semantan
- BP4 Bangau

PENDUDUK <10,000 ORANG PADA TAHUN 2020

- BP6 Sanggang
- BP8 Kerdau
- BP5 Songsang
- BP7 Lipat Kajang
- BP3 Lebak

KPPT 2010-2020 BP TERTINGGI

BP4 Bangau (**3.59 peratus**)

2.3 KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK MUDA (0-14 TAHUN) YANG MENURUN

Punca Penurunan Tren:

i. Peningkatan kadar penyertaan buruh di kalangan kaum Wanita
ii. Kecenderungan keluarga muda untuk mempunyai bilangan anak yang kecil
iii. Golongan wanita yang bekerjaya dan tidak atau lambat berkahwin.

2010	57,956	36.5%	94,849	59.8%	5,919	3.7%
2020	58,125	30.2%	123,307	64.1%	10,968	5.7%
KPPT	0.03%		2.66%		6.36%	

2.4 GOLONGAN B40 MEMBENTUK GOLONGAN MAJORITI

Pecahan Kategori Mengikut Had Bagi Negeri Pahang

B40	<RM3,900
M40	RM3,900 – RM7,599
T20	≥ RM7,600

2.5 PERTUMBUHAN SEKTOR PEKERJAAN BERASAS PERBANDARAN YANG KUKUH



2.6 PENGUKUHAN PUSAT PERTUMBUHAN DAERAH TEMERLOH

2.7 KESEDIAAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN YANG LUAS



2.8 KEPERLUAN PERANCANGAN KAWASAN PERUMAHAN TERANCANG

64,530 unit rumah **diperlukan**

10,218 unit rumah perlu disediakan menjelang tahun 2035

2.9 MEMPERKUKUHKAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)

2.10 KEPERLUAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN MASYARAKAT

Kemudahan		Bilangan		Pertambahan / Pengurangan
		Tahun 2021	Tahun 2035	
Kemudahan Pendidikan				
	Sekolah Rendah	66	88	(+) 22
	Sekolah Menengah	19	26	(+) 7
	IPT	4	5	(+) 1
Kemudahan Kesihatan				
	Hospital	1	1	-
	Klinik Kesihatan	8	13	(+) 5
	Klinik Desa	24	58	(+) 34
Kemudahan Keselamatan				
	Ibu Pejabat Polis	1	1	-
	Balai Polis	5	18	(+) 13
	Balai Bomba	4	6	(+) 2
Kemudahan Keagamaan				
	Masjid	83	83	-
	Tokong	6	18	(+) 12
	Kuil	4	8	(+) 4
Kemudahan Perkuburan				
	Islam	85.93 hektar	85.93 Hektar	-
	Cina	22.26 hektar	22.26 Hektar	-
	India	-	2.08 Hektar	2.08 Hektar
Kemudahan Komuniti				
	Balai Raya	21	39	(+) 18
	Perpustakaan Desa	8	26	(+) 18
Tanah Lapang dan Rekreasi				
	Tanah Lapang dan Rekreasi	138.30 Hektar	270.97 Hektar	132.67 Hektar

2.11 KEPELBAGAIAN JARINGAN PERHUBUNGAN DAN KEMUDAHSAMPAIAN SEMASA

Destinasi Perhubungan Wilayah			
Pusat Wilayah Negara			
Kuala Lumpur	LPT FT2	KTMB ECRL*	Temerloh Airstrip (WMBE)
Bandar Wilayah			
Kuantan	LPT FT2	ECRL*	Tiada
Daerah-Daerah Bersempadanan			
Bentong	LPT FT2 FT236 FT1500	ECRL*	Tiada
Bera	FT10	KTMB	Tiada
Maran	LPT FT2 FT1533	ECRL*	Tiada
Jerantut	FT98 C141	KTMB	Tiada
Raub	LPT FT2 FT236 FT1500	Tiada	Tiada

*Nota: * Termasuk perancangan pembangunan ECRL*

2.12 KEPERLUAN PERANCANGAN PENGURUSAN BENCANA DAN KEMALANGAN

Nama Laluan	No Laluan	Lokasi (No.Seksyen)	Kawasan	Jalan Alternatif
Lebuhraya				
Lebuhraya Pantai Timur	E8	Sek. 113-115	-	Tiada
		Sek. 126.3	-	Tiada
Jalan Persekutuan				
Jalan Kuala Lumpur - Kuantan	2	Sek. 196.0	Kuala Kaung	Tiada
		Sek. 216.0	Taman Mentakab Indah	Tiada
Jalan Bera - Temerloh	10	Sek. 116.0	Kg. Tanjong Belengu	Tiada
		Sek. 117.0	Kg. Durian Tikus	Tiada
		Sek. 119.0	Kg. Tebing Tinggi	Tiada
		Sek. 123.0	Kg. Pangsenam	Tiada
		Sek. 127.0	Kg. Pengkalan Manggis	Tiada
Jalan Temerloh Mentakab	87	Sek. 3.0	SMJ (c) HWA LIAN	Tiada
		Sek. 5.0	RHB Bank Mentakab	Tiada
		Sek. 5.5	Balai Bomba Mentakab	Tiada
		Sek. 7.0	Bukit Cermin	Tiada
		Sek. 11.2	Simpang Taman Temerloh Jaya	Tiada
		Sek. 13.4	Bandar Baru Temerloh	Tiada
Jalan Temerloh Mentakab	98	Sek. 2.0	Kg. Megat Segama	Tiada
		Sek. 9.1	Kg. Peragap	Tiada
		Sek. 13.0	Kerdau	Tiada
		Sek. 14.66	Taman Pinggiran Mandi	Tiada
		Sek. 17.15	Kg. Pulai, Pasir Mandi	Tiada
		Sek. 24.88	Simpang ke Jenderak	Tiada
		Sek. 26.5	Rumah Burung Walid	Tiada
		Sek. 28.5	Caltex Kuala Krau	Tiada
		Sek. 30.0	Pekan Sehari Kuala Krau	Tiada
		Sek. 34.2	Kg. Seboi	Tiada
Jalan Utama Jenderak	1507	Sek. 1.5	Rumah Murah	Tiada
Jalan Rumpun Makmur	1533	Sek. 6.2	Kg. Padang Tengot	Tiada

2.13 PENGUKUHAN TAHAP KEUPAYAAN RANGKAIAN JALAN RAYA

No. Jalan	Nama Jalan / Lokasi	Stesen Bancian JKR
FT 2	Jalanraya Kuantan-Karak	CR801
FT 2	Jalanraya Mentakab *By-Pass*	CR802
FT 2	Jalanraya Kuantan-Temerloh (Jambatan Temerloh ke Maran)	CR803
FT 98	Jalanraya Kuantan-Temerloh-Jerantut	CR807
FT 87	Jalanraya Kuantan-Mentakab	CR808
FT 10	Jalanraya Kuantan-Temerloh-Triang	CR809

2.14 KEPERLUAN PENGUKUHAN PENGURUSAN LALU LINTAS

Bil	Lokasi	Laluan	Mod
1.	Simpang TF Mall Temerloh	FT87 - Jalan Cahaya	*Loop Sensor*
2.	Hotel Jelai Temerloh- Persimpangan Pak Sako	FT87 - Jln Tok Muda Awang Ngah	*Loop Sensor*
3.	Taman Bahagia-Persimpangan Tok Bahaman	FT87 - Jalan Bahagia	*Loop Sensor*
4.	Simpang Temerloh Jaya-Persimpangan Sudirman	FT87 - Jalan Temerloh Jaya	*Loop Sensor*
5.	Simpang Megat Segama	FT98 - Jln Kg Megat Segama	*Loop Sensor*
6.	Simpang Kerdau	FT98 - C137	*Loop Sensor*
7.	Kuala Krau	FT98 - C141	*Loop Sensor*
8.	Sekolah Chung Hwa Mentakab	FT87 - FT88	*Loop Sensor*
9.	Simpang Bukit Bendera Mentakab	FT87 - Jln Karak - Jln Bukit Bendera	*Loop Sensor*
10.	Simpang Taman Rimba	FT87 - Jln Taman Rimba	*Loop Sensor*
11.	Simpang SMK Mentakab	FT88 - Jalan Pekeliling	*Loop Sensor*
12.	Simpang Hospital Temerloh	FT2	*Pre-Timed*
13.	Simpang Industri Mentakab-JPJ	FT2 - FT88	*Pre-Timed*
14.	Simpang Songsang	FT87 - FT98	*Pre-Timed*
15.	Simpang TF Mentakab	FT87 - Jln Kg Suria - Jln Bunga Raya	*Pre-Timed*
16.	Simpang Arked Mara (Pejabat Pos Mentakab)	FT87	*Pre-Timed*
17.	Simpang Balai Polis Mentakab	FT87	*Pre-Timed*
18.	Simpang Taman Saga-Batu Kapor	FT87 - Jln Jelutong	*Pre-Timed*
19.	Simpang Karak (SMK Sri Semantan)	FT2 - FT87	*Pre-Timed*

2.15 POTENSI PEMBANGUNAN SEKITAR STESEN *EAST COAST RAIL LINK* (ECRL)

Fakta Ringkas Projek ECRL

- **Cadangan Stesen (Pahang)**: Bentong, Temerloh, Maran, Paya Besar, Kota SAS, Kuantan Port City dan Cherating.
- **Jangka Siap** : Penghujung 2026
- **Jangka Beroperasi**: Awal 2027
- **Kelajuan Tren**: 160km/j (perkhidmatan penumpang & 80km/j (perkhidmatan kargo)
- **Kapasiti Penumpang**: 440 tempat duduk bagi satu tren
- **Tempoh Perjalanan**: 4 jam daripada Kota Bharu sehingga ITT Gombak
- **Operasi Kargo**: 12 set lokomotif elektrik & 6 set lokomotif diesel

2.16 KEPENTINGAN PERANCANGAN KESALINGHUBUNGAN YANG LANCAR RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM

Stesen teksi di Terminal Bas Utama di bandar Temerloh

Bangunan Persatuan Teksi di bandar Mentakab (akan berpindah)

2.17 PEMELIHARAAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR



2.18 KEPERLUAN PERANCANGAN KAWASAN RISIKO BENCANA

2.19 KEPENTINGAN SUNGAI PAHANG KEPADA PEMBANGUNAN PELBAGAI SEKTOR EKONOMI

2.20 KEPERLUAN PENGUKUHAN ASAS EKONOMI



2.21 KEPELBAGAIAN PRODUK PELANCONGAN

2.22 GUNA TANAH PERTANIAN YANG LUAS DAN BERPOTENSI

2.23 TKPM LANCHANG SEBAGAI SUMBER BUAH-BUAHAN UTAMA

i. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang merupakan sebuah projek TKPM **terluas di Malaysia.**

ii. Kawasan seluas 1,619.3 hektar diusahakan oleh dua kumpulan iaitu : **TKPM Usahawan** meliputi kawasan seluas 319.5 hektar dan **TKPM Swasta** seluas 1,299.8 hektar.

2.24 PEMBANGUNAN SEKTOR PEMBUATAN BERASASKAN KAYU-KAYAN YANG KUKUH

Jenis Kilang Berasas Kayu Daerah Temerloh

Jenis Kilang	Bilangan
Kilang Papan	25
Kilang Papan Kecil	5
Kilang Papan Bergerak	2
Kilang Kumai	6
Kilang Papan Lapis	4
Kilang Papan Serpai	2
Kilang Papan Gentian	1
Kilang Lantai Parquet	1
Kilang Tanur Pengering	3
Kilang Loji Pengawet	2
Kilang Tanur Arang	1
Kilang Kayu Perabot	23
Kilang Palet	1
Kilang Loji Beriket	1
Jumlah	**77**

2.25 KAWASAN PEMBANGUNAN SEKTOR TANAMAN AGRIKOMODITI YANG LUAS

90,044.86 Hektar
Merupakan aktiviti pertanian di daerah Temerloh

48.2%
43,409.00 Hektar
Tanaman **kelapa sawit** sebagai komponen tanaman terbesar.

33.60%
30,251.93 Hektar
Tanaman **getah** sebagai komponen tanaman kedua terbesar.

17.25%
15,533.33 Hektar
Tanaman **buah-buahan** sebagai komponen tanaman ketiga terbesar.

2.26 PEMBANGUNAN SEKTOR AKUAKULTUR YANG AKTIF

Pengusaha Akuakultur Daerah Temerloh 2020

Jenis Aktiviti	Bilangan
Kolam air tawar	88
Sangkar air tawar	451
Tangki simen	12
Tangki fiber	6
Estet ikan	4
Hatcheri	2
Ikan hiasan	3
Jumlah	**566**

2.27 TAHAP PENGGUNAAN RIZAB HAIWAN YANG RENDAH

Jenis Aktiviti Rizab Haiwan, Daerah Temerloh, 2020

Jenis Aktiviti	Bil. Penternak	Luas (hektar)
Ternakan Lembu/Napier	2	202.43
Ternakan Kerbau/Lembu	21	100.24
Ternakan Kerbau	3	18.84
Ternakan Lembu	1	14.70
Ternakan Lembu/Kambing	t.m.	43.12
Ternakan Kerbau/Rusa	4	202.43
Jumlah Kecil	**31**	**581.77**
Kawasan Tidak Diusahakan atau Digunakan Untuk Aktiviti Lain (pertanian)	-	1,648.94
Jumlah	**35**	**2,230.71**
% Keluasan Kawasan Rizab Haiwan Sedia Ada Yang Aktif Untuk Aktiviti Ternakan		**26.08**

Gambar Kawasan Pejalan Kaki di Arked Mara Temerloh

3.0

HALA TUJU TEMERLOH 2035

3.1 KERANGKA RT DAERAH TEMERLOH 2035 (PENGGANTIAN)

Pembentukan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) adalah berdasarkan kepada lima asas utama iaitu Rancangan Fizikal Negara ke-4, dasar-dasar pembangunan negara, dasar dan polisi antarabangsa, kajian-kajian baharu serta Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050.

Selain itu, penemuan kajian daripada Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan menjadi asas pertimbangan di dalam menentukan matlamat pembangunan RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian), konsep, teras, strategi, cadangan pembangunan serta indikator dan sasaran. Kaedah pendekatan kajian ini adalah selaras dengan kaedah ***Evidence Based Planning*** sebagai proses penentuan pendekatan perancangan dan pembangunan untuk menangani masalah berdasarkan objektif untuk mencapai hasil yang terbaik.



3.2 PERUNTUKAN STRATEGIK BERKAITAN DAERAH TEMERLOH

Beberapa dasar dan peruntukan di peringkat antarabangsa, negara dan tempatan yang mempunyai perkaitan kuat dengan perancangan dan pembangunan daerah Temerloh dirumuskan seperti berikut:

- ***Sustainable Development Goals* (SDGs) 2030**
- **Agenda Perbandaran Baharu (APB)**
- **Revolusi Industri 4.0 (IR-4.0)**

ANTARA YANG UTAMA

Menekankan penggunaan teknologi IR4.0 dan kaedah pertanian pintar dalam sektor agromakanan dan komoditi.

- **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB)**
- **Rancangan Malaysia K11 (RMKe-11)**
- **Program Transformasi Ekonomi (ETP)**
- **Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3)**
- **Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2)**
- **Dasar Perancangan Fizikal (DPF) Desa Negara 2030**
- **Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020**
- **Dasar Bioteknologi Negara**
- **Dasar Komoditi Negara**
- ***Smart City Framework***
- **Dasar Pembangunan Luar Bandar**
- ***Low Carbon City Framework and Assessment System (LCCF)***

ANTARA YANG UTAMA

Bandar Temerloh sebagai pusat katalis dengan fokus pertumbuhan ditekankan kepada sektor pengangkutan, perhubungan dan logistik, perindustrian dan pelancongan.

Memberi fokus kepada potensi pertanian berskala besar dan pasaran antarabangsa serta pengukuhan pembangunan pelancongan dan hospitaliti.

- **NCER *Strategic Development Plan 2021-2025***
- **Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050**
- **Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035**
- ***Local Agenda* 21**

ANTARA YANG UTAMA

Temerloh sebagai kawasan pembangunan utama dengan menyediakan pembangunan berkepadatan tinggi / bandar padat (*compact city*) di dalam sempadan bandar.

Daerah Temerloh dikenali sebagai lokasi Ikan Patin dan Titik Tengah Semenanjung Malaysia serta tagline 'INILAH PAHANG' / '*This Is Pahang*'

' THIS IS PAHANG '

- Inisiatif penjenamaan semula tema pelancongan negeri Pahang yang bertujuan memberi nafas baharu kepada sektor pelancongan negeri Pahang

TEMERLOH

- Pembangunan eko dan agro pelancongan
- Industri pelancongan Ikan Patin
- Homestay/Kampungstay dan penglibatan perkampungan Orang Asli

ECRL Daerah Temerloh

- Projek Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link* – ECRL) sepanjang 665km dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2026.
- Ia akan melalui stesen utama seperti Stesen ECRL di Temerloh sebagai pusat pertemuan sistem landasan kereta api KTMB sedia ada di Mentakab.
- Pada masa kini, pembinaan bagi jajaran Seksyen B (Dungun ke Temerloh) sedang giat dijalankan.
- Pengangkutan awam setempat dan antara bandar terutamanya ke bandar Temerloh, bandar Mentakab dan pusat pentadbiran baru Temerloh.



3.3 HALA TUJU STRATEGIK PEMBANGUNAN TEMERLOH 2035

Berdasarkan semua peruntukan di peringkat antarabangsa, nasional, wilayah dan negeri serta penemuan isu dan potensi berkaitan, daerah Temerloh dicadangkan untuk dijadikan sebagai **Pemacu Pembangunan Wilayah Timur dan Barat Semenanjung Malaysia** berdasarkan lokasinya yang terletak di titik tengah Semenanjung Malaysia meningkatkan lagi potensi daerah ini untuk dimajukan. Hala tuju strategik secara keseluruhan bagi daerah Temerloh adalah seperti berikut:

VISI PEMBANGUNAN

Daerah Temerloh Sebagai
Pemacu Pembangunan Wilayah Timur dan Barat Semenanjung Malaysia

MATLAMAT PEMBANGUNAN

"Memperkasakan Daerah Temerloh ke arah lokasi strategik pembangunan mampan, ekonomi berdaya saing dan berdaya tahan"

ASAS PEMBENTUKAN KONSEP PEMBANGUNAN

Berteknologi Tinggi, Bersepadu dan Berdaya Tahan

PENDEKATAN KONSEP PEMBANGUNAN

Pembangunan Secara Bertumpu

FLAGSHIP 1 Temerloh *Smart Valley*

- 6 *Strategi*
- 32 *Cadangan Pembangunan*

FLAGSHIP 2 Aset Asli dan Tempatan Mampan

- 4 *Strategi*
- 24 *Cadangan Pembangunan*

FLAGSHIP 3 Temerloh Teknologi Tinggi (3T)

- 5 *Strategi*
- 27 *Cadangan Pembangunan*

Cadangan pembangunan yang dicadangkan adalah berdasarkan 3 *flagship* utama yang telah dikenal pasti akan menjadi tonggak utama hala tuju strategik pembangunan dan perancangan di daerah Temerloh untuk mencapai visi dan matlamat yang telah ditetapkan. Cadangan-cadangan pembangunan yang dicadangkan juga menyokong semua teras utama (Teras 1,2 dan 3) secara langsung dan tidak langsung dan perlu dilaksanakan berdasarkan tadbir urus yang efektif dan efisien (Teras 4).

Bagi mencapai *flagship* utama bagi pembangunan daerah Temerloh, strategi-strategi pembangunan dirangka agar perancangan yang dijalankan lebih berfokus dan menghasilkan perancangan yang holistik. Cadangan pembangunan pula disusun berdasarkan strategi-strategi pembangunan yang berkaitan agar mudah diklasifikasikan perancangan yang lebih bertumpu.



3.4 KONSEP PEMBANGUNAN DAERAH TEMERLOH 2035

Berdasarkan hala tuju strategik pembangunan daerah Temerloh 2035, asas pembentukan konsep pembangunan adalah keperluan perancangan pembangunan yang berteknologi tinggi, bersepadu, dan berdaya tahan. Maka, konsep **Pembangunan Secara Bertumpu** digunakan sebagai asas pembangunan di daerah Temerloh.

"Pembangunan Secara Bertumpu" merupakan konsep pembangunan yang dipilih bagi daerah Temerloh. Konsep ini dapat memperkukuhkan fungsi dan tahap kemajuan bagi bandar dan pekan sedia ada merujuk kepada hierarki pembangunan yang telah dicadangkan tanpa menjejaskan kawasan utama untuk dipelihara seperti hutan simpanan kekal, rizab hidupan liar dan pertanian yang subur. Matlamat pembangunan daerah Temerloh dapat dicapai dengan menekankan kepada empat perkara asas iaitu:

KORIDOR PERTUMBUHAN
Hierarki dan fungsi sebagai garis panduan bagi pembangunan perbandaran

SUMBER JAYA
Keseimbangan ekologi perlu dikawal secara mampan dengan mengekalkan sumber jaya sedia ada

PEMBANGUNAN EKONOMI
Menggunakan teknologi secara optimum bagi meningkatkan tahap ekonomi semasa

SOSIAL MAMPAN
Setiap perancangan dan pembangunan perlu mampan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar

DRAF IDEA AWALAN



KONSEP KESELURUHAN



Perincian Konsep Pembangunan

– Aspek Koridor Pertumbuhan dan Sosial Mampan

Bandar Temerloh

- Berfungsi sebagai Bandar Utama (Ibu Daerah) bagi daerah Temerloh.
- Berperanan sebagai Pusat Pentadbiran Daerah dan kawasan perbandaran utama yang menempatkan pelbagai jenis institusi dan kemudahan masyarakat.
- Pusat tumpuan kawasan petempatan dan rekreasi.
- Berpotensi bagi sektor pelancongan dan warisan.

Bandar Mentakab

- Berpotensi sebagai bandar perindustrian utama daerah Temerloh.
- Kawasan perbandaran kedua selepas bandar Temerloh dan saling melengkapi.
- Pusat tumpuan aktiviti komersial.
- Berpotensi dijadikan hab pengumpulan produk berasaskan industri dan pertanian bagi daerah Temerloh dengan menjadikan laluan rel sebagai hub perhubungan.
- Cadangan laluan dan stesen ECRL menjadi pemangkin pembangunan yang dapat menarik peluang pembangunan serta pelabur bagi sektor perumahan, komersial dan industri.

Kuala Krau dan Lanchang

- Berfungsi sebagai pekan utama yang boleh menampung keperluan <10,000 penduduk.
- Memberi perkhidmatan terhad.
- Berpotensi dinaik taraf sebagai bandar sekunder yang menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur kepada penduduk.
- Berpotensi sebagai pusat pengumpulan dan pusat jualan bagi produk hiliran pertanian, penternakan dan industri desa.

Kerdau

- Berfungsi sebagai Pekan Kategori C (berdasarkan DPF Desa Negara) yang boleh menampung keperluan penduduk < 1,500 orang.
- Berperanan sebagai pusat pengumpulan bagi produk hiliran dan pertanian.
- Pusat kejiranan dengan menyediakan pelbagai kemudahan secara bertumpu.
- Aktiviti ekonomi terhad.

Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

- Kampung yang berpotensi ialah Kg. Paya Luas (Mukim Jenderak), Kg. Sanggang Bahagia (Mukim Sanggang) dan Kg. Kenangan/Indah (Mukim Semantan).
- Kawasan desa yang berpotensi untuk disediakan kemudahan infrastruktur asas kepada komuniti.
- Berperanan sebagai pusat pengumpulan bagi produk hiliran pertanian dan pelancongan.





LEMBAH PINTAR TEMERLOH

KORIDOR PERTUMBUHAN

- **Lanchang – Mentakab – Temerloh – Kerdau – Kuala Krau**
- **Tourism belt** : TKPM Lanchang – Kuala Gandah – Titik Tengah Semenanjung – *Deer Park – Tiger Valley – river cruise* (Sg Pahang – Sg Semantan)
- Pembangunan tepu bina terancang
- Kedudukan strategik Koridor Temerloh – Mentakab yang disokong dengan pelbagai kemudahan akses seperti KTM, LPT dan ECRL.

PEMBANGUNAN BANDAR BAHARU

- Cadangan penjenamaan bandar:
  - Bandar Temerloh Pintar Mampan (TPM)
- Bandar berkonsepkan *Smart City & Sponge City*
- Pembangunan bercampur dan berkonsepkan TOD & COD

✓ Hab logistik wilayah
✓ Industri berteknologi tinggi
✓ IPT (penyelidikan sumber semula jadi)
✓ Pusat pentadbiran – pusat pengurusan risiko bencana
✓ Terminal logistik bersepadu (KTM – ECRL – Bas – Kargo)
✓ Pembangunan Pelabuhan darat

Perincian Konsep Pembangunan
– Aspek Aset Semula Jadi dan Tempatan

Aset Ekologi Paya Semula Jadi
- Memelihara dan memulihara aset ekologi paya semula jadi sebagai kawasan takungan banjir di:
  - Paya Kujan
  - Paya Padang
  - Paya Keladan
  - Paya Benom
  - Di antara Kg. Sendayan dan Kg. Chempaka
  - Kg. Tedung
  - Sri Kemuning
  - Kg. Ketam
  - Sebelah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (Titik Tengah Semenanjung Malaysia)

Sungai Pahang dan Sungai Semantan Sebagai Katalis Pembangunan Ekonomi
- Memelihara dan memulihara kualiti air Sungai Pahang dan Sungai Semantan di daerah Temerloh yang masih berada pada tahap selamat untuk hidupan akuatik.
- Aktiviti yang berpotensi di sekitar sungai :
  - Sumber air
  - Akuakultur (ternakan ikan dalam sangkar)
  - Pertanian
  - Penempatan (perumahan dan kampung)
  - Peniagaan (restoran / gerai, rumah rakit)
  - Perbandaran (bandar Temerloh)
  - Perindustrian
  - Pelancongan (siar sungai)
  - Perlombongan pasir
  - Loji rawatan kumbahan

KUALITI AIR SUNGAI PAHANG DAN SUNGAI SEMANTAN, 2019

KATEGORI BERSIH
(IKA: 81 – 100)

27 Stesen di Sungai Pahang (IKA: 87)

4 Stesen di Sungai Semantan (IKA: 85)

IKA: Indeks kualiti air

Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2020



ASET EKOLOGI PAYA SEMULA JADI

1. Paya Kujan
2. Paya Padang
3. Paya Keladan
4. Paya Benom
5. Di antara Kg. Sendayan dan Kg. Chempaka
6. Kg. Tedung
7. Sri Kemuning
8. Kg. Ketam
9. Sebelah Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (Titik Tengah Semenanjung Malaysia)

ASET SUNGAI / KOLAM TAKUNGAN

- **Sungai Pahang dan Sungai Semantan** antara sungai utama di daerah Temerloh

↓

- ✓ Aktiviti mendayung perahu / perlumbaan *(river race)*
- ✓ Festival tahunan
- ✓ *Floating fish farm*
- ✓ Mengenal pasti lokasi kolam takungan bagi mengatasi masalah banjir
- ✓ Pengurusan ternakan air tawar

- ✓ Melaksanakan *River Restoration Area* bagi Sungai Pahang dan Sungai Semantan yang melibatkan keluasan 9.42 km persegi.

Sg. Pahang:

- ➢ Pulau Raya
- ➢ Kuala Krau
- ➢ Seberang Kg. Tanjung Kubu
- ➢ Kg. Jenderak
- ➢ Kg. Tanjung Pandan
- ➢ Kg. Guling Tajau
- ➢ Kg. Pasir Mandi
- ➢ Kg. Paya Baru
- ➢ Kg. Teluk Sentang
- ➢ Kg. Bintang Hulu
- ➢ Kg. Berhala Gantang
- ➢ Kg. Teluk Ira
- ➢ Kg. Bangau Tanjung
- ➢ Kg. Bangau Parit
- ➢ Kg. Tengguh

Sg. Semantan

- ➢ Sebarang Kampung Batu Kapur
- ➢ Seberang Bandar Mentakab
- ➢ Kg. Batu Dua
- ➢ Seberang Kg. Mamabang Berulang
- ➢ Kg. Lompat/ Megata Segama
- ➢ Paya Kenalau

Contoh Konsep Takungan Air yang mengaplikasikan Konsep "Sponge City"

BADAN AIR

Perincian Konsep Pembangunan

– Aspek Sumber Jaya Tempatan

Pusat Industri Utama

- Menaik taraf infrastruktur pengangkutan sedia ada di koridor perbandaran utama khususnya Laluan Persekutuan di koridor Temerloh-Mentakab, koridor Kg. Sempadan-Lanchang-Batu 5 dan koridor Songsang-Temerloh serta koridor yang menghubungkan bandar Temerloh, Mentakab dan Lanchang dengan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) serta cadangan Laluan Rel Koridor Pantai Timur (ECRL).
- Meningkatkan kemudahsampaian ke kawasan industri sedia ada selain membuka peluang baharu dalam memesatkan pembangunan industri di daerah Temerloh.

Pusat Komersial Utama

- Mengukuhkan aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di koridor Temerloh Mentakab, Kuala Krau, Lanchang dan Kerdau.
- Memperluaskan kawasan pusat perniagaan sedia ada dalam had sempadan bandar yang ditetapkan.

Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian, Penternakan dan Perikanan

- PPD berpotensi untuk dijadikan pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian, penternakan dan perikanan.
- Mengurangkan kebergantungan dengan orang tengah dan dapat meningkat nilai pendapatan secara terus.
- Mewujudkan koperasi bagi memudahkan pengurusan di samping dapat meningkatkan penjenamaan produk tempatan.
- Membangunkan aktiviti akuakultur sangkar Sungai Pahang secara kluster.
- Meningkatkan intensiti dan produktiviti kawasan ladang kelapa sawit dengan aktiviti agromakanan melalui kaedah tanaman sawit dua kembar di kawasan FELDA.
- Membangunkan kawasan berpaya yang sesuai secara mampan untuk aktiviti akuakultur.

Pusat Agromakanan dan Jaminan Makanan Negara

- TKPM Lanchang perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan zon agromakanan bertaraf antarabangsa di daerah Temerloh agar kelestarian jaminan makanan terpelihara.
- TKPM Lanchang menjadi hab untuk aktiviti pengeluaran hasil buah-buahan, pusat pemprosesan, pusat pemasaran, pengeluaran produk hiliran dan aktiviti agropelancongan.
- Menggalakkan aktiviti integrasi tanaman agrikomoditi serta agromakanan sebagai pendekatan strategik untuk menjadikan daerah Temerloh antara pengeluar produk agromakanan negeri dan negara.
- Menyediakan peluang pekerjaan, latihan dan insentif bagi tujuan meningkatkan kualiti produk dan juga produktiviti.
- Mewartakan rizab haiwan aktif dan strategik.

Pelancongan dan Warisan

- Pelancongan warisan bandar Temerloh.
- Produk pelancongan berteraskan agropelancongan dan alam semula jadi mampu menarik pelancong serta pelabur untuk mengetengahkan produk dan nilai pasaran ke peringkat nasional dan antarabangsa.
- Persisiran Sungai Pahang berpotensi dijadikan produk ekopelancongan yang sehingga kini masih mengekalkan biodiversiti dan ekosistem bagi hidupan habitat ikan air tawar / sungai.

SUMBER JAYA TEMPATAN

SUMBER HUTAN

- Guna tanah semasa **hutan yang luas** (46.72%)
- Hutan merupakan **sinki karbon / *carbon sink* (penyerap karbon) semula jadi** dan **penampung air.**
- Potensi pembangunan ekonomi hijau seperti **perdagangan karbon (*carbon trading*).**
- Pemeliharaan hutan penting untuk mengatasi masalah larian air laju yang menyebabkan **banjir.**

AGRO BELT

- TKPM Lanchang
- Produk hiliran pertanian (sawit, getah), penternakan dan industri desa.
- Tanah pertanian juga membantu menampung air daripada berlaku banjir.

↓

- ✓ Meningkatkan produktiviti & tambah nilai
- ✓ Galakan integrasi agrokomiditi dan agromakanan
- ✓ Mengekalkan kawasan sedia ada

INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI

- Bebas asap
- Mengoptimumkan penggunaan teknologi terutamanya dalam industri pembuatan
- Konsep '*ready to build*'
- Meningkatkan produktiviti

HAB LOGISTIK INDUSTRI - PEMBANGUNAN BERASASKAN KARGO

- Menambahbaik aksesibiliti
- Pengumpulan produk agro dan hasil industri
- Menerapkan pembangunan berasaskan kargo

PRODUK HILIRAN

- Produk industri hiliran berasaskan hasil pertanian termasuklah makanan, minuman dan cenderamata.
- Aktiviti perikanan yang mampan dan berteknologi.
- Pembuatan kraf tangan.



3.5 CADANGAN GUNA TANAH DAERAH TEMERLOH 2035

Cadangan guna tanah bagi RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) adalah seperti **Rajah 3.1** dan **Jadual 3.1**. Cadangan ini menjadi panduan dalam memajukan dan mengawal pembangunan oleh semua pihak yang terlibat dalam pembangunan daerah Temerloh.

Zon guna tanah pertanian merupakan guna tanah utama (44.27%) dengan majoriti adalah tanaman kelapa sawit, getah, padi, kelapa, dan tanaman jangka pendek. Guna tanah ini dikekalkan sebagai kawasan pertanian dan hanya dibenar untuk pembangunan tepu bina bagi kawasan pertanian yang terletak di dalam sempadan pertumbuhan bandar dan pekan sahaja. Ini bagi memastikan aset pertanian sedia ada terpelihara dan digunakan secara optimum terutama bagi kegunaan agromakanan dan sumber bekalan makanan negara sehingga tahun 2035.

Zon guna tanah tepu bina sebanyak 8.6% menjadi pemacu kepada pembangunan daerah Temerloh 2035. Perumahan adalah tepu bina tertinggi dengan keluasan 7,060.13 hektar. Kebanyakan zon perumahan RT Daerah Temerloh 2020 dikekalkan kerana masih belum dibangunkan sepenuhnya. Pertambahan ketara juga dicadangkan bagi zon industri seluas 1,294.90 hektar bertujuan memangkin pembangunan berteknologi tinggi serta meningkatkan ekonomi daerah.

Rajah 3.1: Pecahan Zon Guna Tanah Daerah Temerloh 2035



Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian), 2022.
Nota: Lain-lain adalah kombinasi komersial (0.65%), tanah lapang dan rekreasi (0.86%), serta infrastruktur dan utiliti (0.05%).

Jadual 3.1: Cadangan Guna Tanah Daerah Temerloh 2035

Jenis Guna Tanah	Tahun 2021		Tahun 2035		Perbezaan	
	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)	Keluasan (Hektar)	Peratus (%)
Tepu Bina						
Perumahan	1,930.16	0.86	7,060.13	3.11	5,129.97	↑ 2.25
Komersial	273.99	0.12	1,479.73	0.65	1,205.74	↑ 0.53
Industri	438.53	0.19	1,294.90	0.57	856.37	↑ 0.38
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,104.79	0.49	1,140.61	0.50	35.42	↑ 0.01
Tanah Lapang dan Rekreasi	1,482.04	0.66	1,962.03	0.86	479.99	↑ 0.20
Pengangkutan dan Lalu Lintas	6,448.09	2.86	6,480.10	2.85	32.01	↑ 0.01
Infrastruktur dan Utiliti	114.33	0.05	114.33	0.05	-	-
Jumlah Kecil	**11,791.93**	**5.24**	**19,531.83**	**8.60**		
Bukan Tepu Bina						
Pertanian	94,796.23	42.12	100,593.90	44.27	5,797.67	↑ 2.15
Tanah Kosong	10,386.27	4.61	-	-	- 10,386.27	↓ 4.61
Hutan	105,150.52	46.72	104,120.09	45.83	- 1,030.43	↓ 0.89
Badan Air	2,961.05	1.32	2,964.05	1.30	3.00	↑ 0.02
Jumlah Kecil	**213,414.68**	**94.76**	**207,678.04**	**91.40**		
Jumlah Keseluruhan	**225,086.00**	**100.00**	**227,209.87**	**100.00**		

Sumber : Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Nota:

1. *Tanah kosong merujuk kepada tanah milik / tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan sama ada tanah pertanian yang tidak diusahakan serta tanah pembangunan yang belum dibangunkan.*
   (Sumber : Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pembangunan Versi 2.0, 2019)

2. *Keluasan Daerah Temerloh 227,209.87 hektar berdasarkan persempadanan semula yang terdiri dari:*
   i. *Warta No. 897 Pindaan Sempadan Daerah Jerantut - Temerloh bertarikh 13 Mei 2021*
   ii. *Warta No. 899 Pindaan Sempadan Daerah Maran - Temerloh bertarikh 13 Mei 2021*
   iii. *Warta No. 900 Pindaan Sempadan Daerah Bera - Temerloh bertarikh 13 Mei 2021*
   iv. *Warta No. 901 Pindaan Sempadan Daerah Temerloh - Bera bertarikh 13 Mei 2021*
   v. *Warta No. 902 Pindaan Sempadan Daerah Temerloh - Bentong bertarikh 13 Mei 2021*



Petunjuk :

Blok Perancangan

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pertanian
- Tanah Kosong
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan
- Sempadan Blok Perancangan
- Rizab Hidupan Liar

Sumber :
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)



Rajah 3.2: Zon Guna Tanah Temerloh 2035

3.6 CADANGAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) DAN PELAN TINDAKAN KHAS (PTK)

Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan satu rancangan tindakan khusus untuk satu-satu kawasan yang telah dikenalpasti oleh Pihak Berkuasa Negeri / Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan. Penyediaan RKK ini adalah bertujuan untuk memajukan segera, memajukan semula, memperelokkan lagi, untuk memulihara atau juga untuk tujuan pengurusan sesebuah kawasan.

Beberapa kawasan di Daerah Temerloh telah dikenal pasti memerlukan perancangan pembangunan yang terperinci dengan penyediaan Rancangan Kawasan Khas ataupun Pelan Tindakan Khas.

Jadual 3.2 menunjukkan cadangan RKK dan PTK yang dicadangkan bagi RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian):

Jadual 3.2: Cadangan RKK dan PTK

Bil.	Cadangan RKK / PTK	Justifikasi Keperluan	Lokasi Cadangan
1.	RKK Pembaharuan Semula Bandar Mentakab (Urban Regeneration)	• Bandar Mentakab sering dilanda banjir setiap tahun telah mengakibatkan kerugian yang besar dan menggangu fungsi bandar. • Keperluan penerapan konsep pembangunan *'Sponge City'*	Bandar Mentakab (Rujuk Rajah 3.3)
2.	RKK Konservasi Gunung Senyum	• Menjadikan Gunung Senyum ini sebagai Taman Negeri dan diangkat sebagai Warisan Kebangsaan.	Gunung Senyum (Rujuk Rajah 3.4)
3.	PTK Bandar Baru Temerloh *Smart Valley (Smart City)*	• Merancang dan memperincikan cadangan pembangunan bandar baharu di Lembah Pintar Temerloh • Mengawal reka bentuk bandar untuk mencapai standard 'Smart City'.	Bandar Baru Lembah Pintar (*Smart City*) (Rujuk Rajah 3.5)
4.	PTK Kuala Krau (Petempatan Semula / Pembangunan Bandar Baru)	• Merancang petempatan semula bagi kawasan petempatan yang terjejas dengan risiko banjir. • Menaiktaraf fungsi pekan kepada bandar.	Kuala Krau (Rujuk Rajah 3.6)
5.	PTK Kerdau (Petempatan Semula / Pembangunan Bandar Baru)	• Merancang petempatan semula bagi kawasan petempatan yang terjejas dengan risiko banjir. • Menaiktaraf fungsi pekan kepada bandar.	Kerdau (Rujuk Rajah 3.7)



Petunjuk :

Jenis Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Pertanian
- Badan Air

Institusi dan Kemudahan Masyarakat

- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Perkuburan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan/ Badan Berkanun
- Kemudahan Awam
- Rumah Persatuan/ Pertubuhan

Lain-Lain Petunjuk :

- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Laluan Rentis
- Sempadan Cadangan PTK

Sumber :
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 3.3:
Cadangan Kawasan RKK Pembaharuan Semula Bandar Mentakab (*Urban Regeneration*)

Pelan Lokasi
N
Skala Pelan 1 : 400,000





Petunjuk :

Zon Guna Tanah

- Pengangkutan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain Petunjuk :

- Jalan Raya Utama
- Sungai Utama
- Sempadan Cadangan RKK
- Cadangan Kawasan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 1,000,000



Rajah 3.4: Cadangan Kawasan RKK Konservasi Gunung Senyum



Petunjuk :

Zon Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Pembangunan Bercampur
- Industri
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Pertanian
- Hutan

Lain-Lain Petunjuk :

- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan Cadangan PTK
- Sempadan Blok Perancangan

Sumber :
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 3.5:
Cadangan Kawasan PTK Bandar Baru Temerloh *Smart Valley (Smart City)*

Pelan Lokasi
N
Skala Pelan 1 : 400,000





Petunjuk :

Zon Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Pertanian

Lain-Lain Petunjuk :

- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Sungai Utama
- Sempadan Cadangan PTK

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 1,000,000



Sumber :
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 3.6: Cadangan Kawasan PTK Kuala Krau (Petempatan Semula / Pembangunan Bandar Baru)



Petunjuk :

Zon Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Pertanian

Lain-Lain Petunjuk :

- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Cadangan PTK

Sumber :
Kajian Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)

Rajah 3.7:
Cadangan Kawasan PTK Kerdau (Petempatan Semula / Pembangunan Bandar Baru)

Pelan Lokasi
Skala Pelan 1 : 400,000



Gambar Majlis Perbandaran Temerloh

4.0

PENGENALAN CADANGAN PEMBANGUNAN DAN TERAS

4.1 Pengenalan

Bab 5 hingga Bab 7 di dalam Jilid I ini menerangkan cadangan-cadangan pembangunan dalam daerah Temerloh secara terperinci dan penerangan mengenai cadangan pembangunan disediakan dalam bentuk jadual. Penyediaan jadual cadangan pembangunan mengandungi 15 perkara iaitu:

Nama Cadangan	*Tajuk utama cadangan pembangunan yang ingin dilaksanakan*
Kod Cadangan	*Rujukan singkatan cadangan pembangunan berdasarkan turutan flagship, strategi, dan tahap keutamaan cadangan.* 
Klasifikasi Cadangan	*Menentukan cadangan pembangunan diklasifikasikan sebagai **Projek** atau **Program**.*
Lokasi Cadangan	*Menyatakan kawasan terlibat sama ada mengikut BP, BPK, mukim, bandar, pekan, kampung atau lot*
Keluasan / Jarak	*Keluasan bagi setiap cadangan pembangunan dinyatakan dalam unit hektar dan jarak digunakan untuk cadangan pembangunan yang melibatkan jalan atau jambatan.*
Status Semasa	*Keadaan cadangan pembangunan itu sama ada ianya bersifat Perancangan Sedia Ada, Perancangan Baharu ataupun Perancangan Komited.*
Pernyataan Isu / Penemuan	*Isu dan penemuan yang menjadi keperluan untuk mencadangkan cadangan pembangunan tersebut.*
Fakta Asas / *Baseline*	*Menyokong kepada pernyataan isu dan penemuan bagi cadangan pembangunan*
Perincian / Inisiatif	*Perincian langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi menjayakan cadangan*
Kepentingan Cadangan	*Huraian mengenai kepentingan / faedah / impak positif yang akan dihasilkan dari cadangan*
Peneraju	*Agensi yang menyediakan peruntukan dari segi kewangan bagi pelaksanaan untuk setiap cadangan pembangunan dan menjadi pengelola utama dalam melaksanakan cadangan pembangunan dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)*
Pelaksana	*Menyenaraikan pihak yang akan terlibat dalam menjayakan / melaksanakan cadangan*

Fasa Pelaksanaan	*Penetapan fasa pelaksanaan sama ada jangka masa pendek, sederhana atau panjang meliputi 3 sela iaitu 2022-2025, 2026-2030 dan 2031-2035*
Sasaran Pencapaian	*Nilai yang boleh diukur bagi memantau pelaksanaan cadangan*
Pencapaian SDG	*Mengenalpasti jumlah pencapaian yang diperolehi untuk sesuatu cadangan pembangunan daripada 17 matlamat SDGs yang tersedia.*

Senarai Cadangan Pembangunan Dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian).

Bab ini menerangkan secara terperinci akan cadangan pembangunan yang terdapat dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian). Terdapat 82 senarai cadangan pembangunan (projek / program) dan dikategorikan kepada tiga (3) Flagship, serta disusun mengikut turutan strategi untuk setiap Flagship tersebut. Berikut merupakan senarai bagi kesemua 82 cadangan pembangunan (projek / program) yang terkandung dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian).

FLAGSHIP 1: TEMERLOH *SMART VALLEY*

LS1-U1	Pembangunan Stesen ECRL serta Terminal Rel dan Kargo Temerloh Bersepadu
LS1-U2	Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat *Smart City* (Pusat Bencana Temerloh 1)
LS1-U3	Pembangunan Hab Institusi Pendidikan Berasaskan Sumber Jaya Tempatan
LS2-U1	Pewartaan Sempadan Bandar dan Pekan
LS2-S1	Pengukuhan Fungsi Bandar
LS2-S2	Pembangunan Pintu Masuk Daerah dan Bandar
LS2-S3	Projek Landskap Perbandaran
LS2-S4	Pengurusan Kualiti Alam Sekeliling
LS2-S5	Penerapan Konsep Bandar Pintar Temerloh *(Smart Environment)*
LS3-U1	Pembangunan Perumahan Terancang Baharu
LS3-S1	Penyediaan Perumahan Mampu Milik Yang Berkualiti
LS3-S2	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)
LS3-S3	Pemeliharaan Imej Desa
LS4-U1	Pembangunan Lebuhraya Temerloh – Simpang Pelangai
LS4-U2	Pemajuan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Baharu
LS4-U3	Penaiktarafan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Sedia Ada
LS4-U4	Pembangunan Kompleks Terminal Temerloh Sentral
LS4-U5	Penyediaan Rangkaian dan Operasi Pengangkutan Awam Yang Optimum
LS4-S1	Penambahbaikan Sistem Pengurusan Lalu Lintas Sedia Ada
LS4-S2	Penyediaan *Smart Parking*

LS4-S3	Penggunaan Mobiliti Rendah Karbon
LS4-S4	Penambahbaikan Kemudahan Mobiliti Aktif Bandar
LS5-U1	Perluasan Rangkaian Talian dan Peningkatan Kadar Penembusan Sistem Maklumat, Telekomunikasi dan ICT
LS5-S1	Peningkatan Tahap Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Teknologi Hijau
LS5-S2	Peningkatan Keberkesanan Sistem Bekalan Air Terawat
LS5-S3	Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi
LS5-S4	Perancangan Loji Rawatan Kumbahan Yang Berkualiti dan Cekap
LS6-U1	Pembangunan Kemudahan Masyarakat Bersepadu
LS6-U2	Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat Seri Tualang (Pusat Bencana Temerloh 2)
LS6-S1	Pembinaan Kemudahan Pendidikan
LS6-S2	Pembinaan Kemudahan Kesihatan
LS6-S3	Peningkatan Kemudahan Keselamatan

FLAGSHIP 2: ASET ASLI DAN TEMPATAN DAERAH TEMERLOH

AS1-U1	Pengukuhan Pelan Pengurusan Risiko Bencana Banjir
AS1-U2	Pengukuhan Sistem Saliran Sedia Ada
AS1-S1	Pemantapan Sistem Saliran Sekunder
AS1-S2	Pengawalan Pembangunan di Kawasan Berisiko Banjir
AS1-S3	Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko Geobencana
AS2-U1	Pengekalan Hutan Simpanan Kekal, Zon Riparian dan Paya Semula Jadi
AS2-U2	Pemeliharaan Rizab Hidupan Liar (RHL), Rangkaian Ekologi CFS dan Habitat Hidupan Liar
AS2-U3	Pemeliharaan Kawasan Tadahan dan Sumber Bekalan Air
AS2-U4	Pengurusan Hutan Simpanan Kekal (HSK)
AS2-U5	Pembangunan Ladang Hutan Yang Mampan
AS2-U6	Pemeliharaan Sumber Warisan Asli Daerah
AS2-U7	Pemeliharaan Jaminan Sumber Bekalan Makanan Daerah
AS3-U1	Perancangan Pengurusan Pemeliharaan (*Conservation Management Plan - CMP*) Gunung Senyum ke Arah Warisan Kebangsaan
AS3-U2	Pelaksanaan Kajian Khas Ekopelancongan Temerloh
AS3-S1	Pemuliharaan Ekosistem Pelancongan
AS3-S2	Pembangunan Fasiliti Ekopelancongan Temerloh
AS3-S3	Pemerkasaan Pelancongan Budaya Orang Asli
AS3-S4	Pemuliharaan Kampung Lubuk Terua
AS3-S5	Pemuliharaan Aset Warisan Yang Berdaftar Dengan JWN
AS3-S6	Pembangunan *Heritage Street* dan *Alleys*
AS3-S7	Pembangunan Mini-Akuarium Ikan Air Tawar
AS4-U1	Pembangunan Kemudahan Pengangkutan Air
AS4-U2	Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang
AS4-U3	Pembangunan Prasarana dan Aktiviti Pelancongan Sepanjang Sungai

FLAGSHIP 3: TEMERLOH TEKNOLOGI TINGGI (3T)

TS1-U1	Inovasi Produk Pelancongan Daerah Temerloh
TS1-U2	Kepelbagaian Promosi, Pakej dan *Tourism Trail*
TS2-U1	Pembangunan Hab Logistik Wilayah
TS2-U2	Pembangunan Industri Teknologi Tinggi : Taman Teknologi Tinggi Temerloh
TS2-U3	Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru : Taman IKS Mentakab
TS2-U4	Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru : Taman IKS Lanchang
TS2-S1	Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada : Kawasan Perindustrian Seberang Temerloh
TS2-S2	Pengukuhan Pembangunan Kawasan Perindustrian Sedia Ada : Kawasan Perindustrian Kampung Sempadan
TS2-S3	Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada : Taman Perindustrian Songsang
TS2-S4	Pengawalan Aktiviti Kuari dan Perlombongan Sedia Ada dan Baru
TS3-U1	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Temerloh
TS3-U2	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Mentakab
TS3-S1	Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Lanchang
TS3-S2	Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kuala Krau
TS3-S3	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kerdau
TS4-U1	Pembangunan *Homestay / Kampungstay*
TS4-U2	Promosi Kraftangan Tempatan
TS4-S1	Pembangunan Usahawan Mikro
TS5-U1	Penaiktarafan Infrastruktur dan Utiliti TKPM Lanchang
TS5-U2	Galakan Amalan Integrasi Agrikomoditi dan Agromakanan
TS5-S1	Peningkatan Amalan Pertanian Pintar Kalangan Pekebun Kecil
TS5-S2	Peningkatan Penglibatan Agroprenuer Muda
TS5-S3	Program Pertanian Bandar
TS5-S4	Peningkatan Pemilikan Persijilan Pertanian Mampan
TS5-S5	Peningkatan Tahap Pendapatan Nelayan Sungai
TS5-S6	Pemodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar
TS5-S7	Perwartaan Rizab Haiwan

Projek Impak Tinggi (PiT)

Terdapat lapan (8) Projek Impak Tinggi (PiT) telah dikenal pasti bagi RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) iaitu:

Pembangunan Stesen ECRL serta Terminal Rel dan Kargo Temerloh Bersepadu

Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat *Smart City* (Pusat Bencana Temerloh 1)

Pengukuhan Pelan Pengurusan Risiko Bencana Banjir

Pemeliharaan Jaminan Sumber Bekalan Makanan Daerah

Perancangan Pengurusan Pemeliharaan *(Conservation Management Plan*) Gunung Senyum ke Arah Warisan Kebangsaan

Kepelbagaian Promosi, Pakej dan *Tourism Trail*

Pembangunan Hab Logistik Wilayah

Pembangunan Industri Teknologi Tinggi : Taman Teknologi Tinggi Temerloh

4.2 Teras Pembangunan

Keseluruhan cadangan pembangunan yang disediakan di dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini berasaskan kepada empat (4) teras pembangunan yang telah disediakan iaitu:

TERAS 1

Pembangunan Spatial Seimbang dan Mampan

Menggalakkan pembangunan fizikal yang seimbang dalam memberi kesejahteraan kepada alam sekitar mampan.

TERAS 2

Komuniti Inklusif dan Infrastruktur Mampan

Menyeimbangkan pembangunan perumahan, institusi dan kemudahan masyarakat dan melengkapkan penyediaan kemudahan pengangkutan, infrastruktur dan utiliti demi memberikan kemudahan kepada masyarakat dalam merangsang pembangunan ekonomi dan sosial daerah.

TERAS 3

Pembangunan Ekonomi Berdaya Saing

Mengukuhkan ekonomi daerah dalam meningkatkan daya saing dan potensi daerah ke arah yang lebih berdaya maju.

TERAS 4

Tadbir Urus Efektif dan Efisien

Menentukan kaedah terbaik untuk meningkatkan tadbir urus dan kemampuan pelaksanaan semua cadangan RT.

Walaubagaimanapun, pendekatan yang digunakan dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini menggunakan terma tiga (3) *flagship* utama yang telah dikenal pasti yang menjadi tonggak utama hala tuju strategik pembangunan dan perancangan di daerah Temerloh untuk mencapai visi dan matlamat yang telah ditetapkan. Cadangan-cadangan pembangunan yang dicadangkan juga menyokong semua teras utama (Teras 1,2 dan 3) secara langsung dan tidak langsung dan perlu dilaksanakan berdasarkan tadbir urus yang efektif dan efisien (Teras 4).

Bagi mencapai *flagship* utama bagi pembangunan daerah Temerloh, strategi-strategi pembangunan dirangka agar perancangan yang dijalankan lebih berfokus dan menghasilkan perancangan yang holistik. Cadangan pembangunan pula disusun berdasarkan strategi-strategi pembangunan yang berkaitan agar mudah diklasifikasikan perancangan yang lebih bertumpu. Perkaitan antara teras yang disediakan dengan *flagship* yang digunakan dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian) ini ditunjukkan seperti dalam **Rajah 4.1** di bawah:

Rajah 4.1: Perkaitan Teras dengan Flagship bagi Cadangan Pembangunan dalam RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)



Gambar Persekitaran Bandar Temerloh

5.0

CADANGAN PEMBANGUNAN FLAGSHIP 1

- TEMERLOH *SMART VALLEY*

5.1 FLAGSHIP 1
TEMERLOH *SMART VALLEY* (TSV)

Temerloh *Smart Valley* (TSV) merangkumi koridor pertumbuhan utama di Daerah Temerloh yang berpotensi untuk membangunkan kawasan tepu bina dengan perancangan fizikal seperti infrastruktur perhubungan, prasarana, perumahan, kemudahan masyarakat. Selain itu, elemen-elemen reka bentuk bandar akan diterapkan dan melaksanakan penambahbaikan landskap bagi menonjolkan imej dan identiti Daerah Temerloh sebagai lokasi strategik dan pusat transit Wilayah Timur dan Barat. *Flagship* ini penting bagi menggalakkan pembangunan fizikal daerah Temerloh yang seimbang dalam memberi kesejahteraan kepada alam sekitar mampan.

Senarai Strategi

Strategi 1	Membangunkan Pusat Pertumbuhan Baru Bandar Pintar (*Smart City*)
Strategi 2	Mengukuhkan Koridor Pertumbuhan
Strategi 3	Membangunkan Perumahan dan Petempatan Berdaya Huni
Strategi 4	Membangunkan Rangkaian Infrastruktur Perhubungan Tempatan dan Wilayah yang Efisien
Strategi 5	Menyediakan Prasarana Holistik
Strategi 6	Menyediakan Kemudahan Masyarakat Kondusif dan Bersepadu

5.1.1 STRATEGI 1: Membangunkan Pusat Pertumbuhan Baru Bandar Pintar *(Smart City)*

Contoh cadangan arca pintu masuk Bandar Mentakab

Illustrasi arca pintu masuk Bandar Temerloh di persimpangan

Jambatan Sultan Ahmad Shah

Jambatan Sultan Ahmad Shah dapat dilihat jelas dari cadangan landasan ECRL yang melalui Bandar Temerloh dan ia berpotensi untuk dijadikan mercu tanda khas kepada Daerah Temerloh untuk memberikan 'sense of welcoming'.

Phoenix Light Rail Bridge, Tempe

Thai–Lao Friendship Bridge

Thai–Lao Friendship Bridge

Reka bentuk perabot jalan yang unik dan menonjolkan karakter khas sesuatu tempat mampu menjadi tarikan dan memberikan 'sense of welcoming'.



Dubai Waterfall Canal

LS2-S3 Projek Landskap Perbandaran

Keperluan penyediaan nodus rekreasi dan aktiviti pelancongan untuk beriadah di hujung minggu di lokasi berdekatan pusat bandar. Tempat-tempat ini menyediakan ruang untuk berkumpul, bersukan, berkayak, berjogging, program pementasan dan sebagainya. Integrasi program ini juga disediakan untuk memeriahkan lokasi ini di samping menjadi tarikan pelancong berdekatan dan dari luar.

Terdapat tiga (3) sub cadangan bagi Projek Landskap Perbandaran bandar Temerloh iaitu:



Jadual 5.8 : Cadangan Penambahbaikan Ruang Awam Bandar

Perkara	Perincian
Nama Cadangan	Penambahbaikan Ruang Awam Bandar
Kod Cadangan	LS2-S3a
Klasifikasi Cadangan	Program
Lokasi Cadangan	i. Dataran Temerloh 1. Taman Tema Air Kubang Gajah 2. Taman Tasik Bandar 3. Taman Tasik Chatin 4. Taman Kenangan 5. Taman Tema Air Kubang Gajah 6. Wadi Al Amin 7. Dataran Patin / Jambatan Gantung / Taman Esplanade 8. Istana Bukit Angin 9. Permainan Gasing 10. Permainan Petanque 11. Permainan Skate Board
Keluasan / Jarak	-

sambungan

Perkara	Perincian	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Ruang *open space* seperti di dataran Temerloh tidak digunakan sepenuhnya dengan aktiviti-aktiviti yang mampu membentuk landskap tumpuan pelancong di pusat bandar Temerloh ii. Penggunaan pentas juga tidak dimanfaatkan sebagai *nodes* utama di kawasan bandar iii. Tempat-tempat rekreasi perlu dipelbagaikan lagi dengan aktiviti keluarga, institusi dan majlis-majlis berkonsepkan *outdoor*	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Bilangan kunjungan pelancong hanya tertumpu kepada Pekan Sehari Temerloh dan *Car Boot Sale* di hujung minggu ii. Hanya terdapat pengunjung dari kawasan sekitar sahaja	
Perincian Inisiatif	i. Mengadakan pertandingan seperti nyanyian kebangsaan , syair, sajak dan sebagainya yang melibatkan komuniti setempat / sekolah-sekolah / institusi yang berdekatan ii. Membuka peluang ekonomi melalui perniagaan *food truck* serta menarik ramai pelancong untuk datang di pusat bandar iii. Mengadakan pertandingan permainan tradisional untuk memulihara warisan permainan tradisional dan budaya iv. Aktiviti *busking* untuk memeriahkan suasana dan menarik minat golongan muda v. Aktiviti jual beli buah-buahan yang dibawa terus dari ladang TKPM sebagai usaha memperkenalkan hasil tanaman setempat vi. Mempergiatkan promosi kawasan rekreasi Dataran Tok Gajah seperti aktiviti *photoshoot* dan sebagainya vii. Menyediakan ruang-ruang untuk mengadakan majlis *outdoor* di taman-taman rekreasi viii. Menyediakan kawasan-kawasan rekreasi untuk komuniti sekitar dan pelancong ix. Mengaktifkan diri dengan sukan-sukan tempatan dan tradisional di pusat bandar. x. Tempahan sewaan tapak, bayaran sewaan dan promosi dibuat secara online (*end to end*)	
Kepentingan Cadangan	Bertujuan untuk menghidupkan suasana di kawasan sekitar untuk menarik pelancong domestik dan dari luar	

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	• Kerajaan Persekutuan • Kerajaan Negeri		
Pelaksana	• JLN • MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	-	-
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* ii. Promosi dan pakej iii. Aktiviti fizikal	-	-
Pencapaian SDG			

Kawasan Rekreasi dan Aktiviti Bandar Temerloh

Cadangan di Dataran Temerloh dan Tasik Taman Tema Air Kubang Gajah



Photoshoot

Busking

Konsep Open Space sangat sinonim dengan landskap pembangunan pusat bandar yang memerlukan 'vibes' pelancongan. Suasana yang terbuka dan aktiviti budaya setempat menjadi tarikan bagi setiap kawasan yang dikunjungi. Penyediaan ruang yang luas mampu menjadikan kawasan ini lebih menarik dengan pertandingan yang dijalankan bagi komuniti sekitar, photoshoot serta aktiviti jual beli buah-buahan yang dibawa terus dari ladang TKPM sebagai usaha memperkenalkan hasil tanaman setempat. Pengenalan kepada aktiviti 'food truck' juga akan dipergiatkan sebagai usaha menarik pelancong dengan konsep gerai makan yang lebih santai.

Fruit Stall

Food Truck

Jadual 5.9 : Penyediaan *Green Connector* dan *Urban Pocket Park*

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penyediaan *Green Connector* dan *Urban Pocket Park*	
Kod Cadangan	LS2-S3b	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Pusat Bandar Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Penataan landskap di bandar yang kurang menarik ii. Kekurangan nodus untuk dijadikan tarikan pejalan kaki di bandar. iii. Kos pembinaan taman di bandar agak tinggi	
Fakta Asas / *Baseline*	Koridor hijau sedia ada di Bandar Temerloh adalah: 1. Esplanade Temerloh 2. Dataran Tok Gajah 3. Taman Awam Tok Gajah 4. Taman Bandar Temerloh 5. Taman Kenangan 6. Dataran Temerloh	
Perincian Inisiatif	i. Mengenal pasti lokasi berpotensi untuk dijadikan sebagai *green connector* di bandar terutamanya menyambungkan kawasan tarikan di bandar. ii. Menempatkan *pocket park* di *green connector* yang dikenal pasti. iii. Mewujudkan ruang / laluan untuk berjalan / berbasikal yang lebih mesra pengguna dan menyeluruh. iv. Menghidupkan semula laluan yang tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk kemudahan pejalan kaki.	
Kepentingan Cadangan	• Menambahbaik landskap bandar. • Mengaktifkan ruang-ruang bandar yang terbiar atau suram. • Menggalakkan aktiviti berjalan kaki di bandar. • Merangkaikan kawasan tarikan di bandar dengan *green connector*	
Peneraju	• Kerajaan Persekutuan	
Pelaksana	• KPKT • JLN • MPT	

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	i. Mengenal pasti *green connector* ii. Mengenal pasti lokasi *urban pocket park*	i. Membangunkan *urban pocket park*	i. Menyediakan program di *pocket park*
Pencapaian SDG			

Cadangan *Green Connector* dan *Pocket Park*





Perletakan arca-arca unik sebagai tarikan yang menjadi nodus baharu bandar dan menyediakan ruang awam untuk berinteraksi dan rekreasi

Reka bentuk 'Green Connector' yang memberikan visual rangkaian jalan pejalan kaki yang menarik dalam bandar

Ilustrasi idea 'urban pocket park'

Jadual 5.10 : Penambahbaikan Landskap Bandar

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penambahbaikan Landskap Bandar	
Kod Cadangan	LS2-S3c	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Pusat Bandar Temerloh dan Mentakab	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Kekangan kos telah menyebabkan beberapa projek dan program landskap tidak dapat dilaksanakan. ii. Landskap semasa kurang membantu menarik perhatian pelancong ke tempat-tempat tarikan di daerah Temerloh.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat landskap lembut menarik ditanam seperti pokok doa, pokok pine, pokok dan lain-lain digunakan bagi mewujudkan *sense of welcoming, sense of direction* dan memberikan suasana teduh di jalan raya utama,laluan pejalan kaki, tempat letak kenderaan dan lain-lain. ii. Susun atur landskap lembut yang tidak teratur dan selaras.	
Perincian Inisiatif	i. Mengukuhkan reka bentuk perabot jalan dan landskap lembut supaya lebih ikonik. ii. Mengenal pasti jenis tumbuhan landskap yang menjadi ikon kepada penataan landskap di daerah Temerloh. iii. Memperkasakan laluan utama / protokol bandar dengan lebih menonjol. iv. Meletakkan kod QR di komponen landskap sebagai tujuan inventori dan pemantauan. v. Menggunakan alatan elektronik dan mekanikal seperti pencahayaan, CCTV, cermin keselamatan, penggera keselamatan dan lain-lain di ruang awam.	
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan reka bentuk bandar yang lebih berkesinambungan, selamat dan selesa. ii. Memperindahkan imej visual bandar. iii. Memastikan keadaan bandar selamat.	
Peneraju	• Kerajaan Persekutuan • Kerajaan Negeri	
Pelaksana	• KPKT • JLN • MPT	

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	i. Mengemas kini pelan induk landskap bandar Temerloh dan Mentakab. ii. 30% kerja-kerja penambahbaikan landskap dijalankan.	70% kerja-kerja penambahbaikan landskap dijalankan.	100% penambahbaikan landskap bandar disiapkan.
Pencapaian SDG			

Menambah baik reka bentuk perabot jalan dengan reka bentuk yang lebih moden selari dengan perkembangan semasa. Reka bentuk perabot haruslah jelas, mudah dibaca, warna yang menarik dan menggunakan pendekatan teknologi hijau seperti penggunaan lampu tenaga solar.

Menggunakan logo-logo bandar di setiap petunjuk jalan bagi memberikan *sense of belonging*.



Cadangan Reka Bentuk Untuk Hak Jalan 100' di jalan protokol Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab



Cadangan Reka Bentuk Untuk Hak Jalan 66' di kawasan perbandaran



Cadangan Reka Bentuk Untuk Hak Jalan 100' di *Smart City*

PENGGUNAAN *DIGITAL BILLBOARD*

- Cadangan pembangunan *digital billboard* di kawasan lapang terutama di persimpangan jalan dan kawasan pintu masuk terutama di stesen pengangkutan awam.
- Berfungsi untuk menyampaikan dan memancarkan iklan terutamanya promosi pelancongan Daerah Temerloh, isu dan berita semasa negeri khususnya mengenai Daerah Temerloh.

LS2–S4 Pengurusan Kualiti Alam Sekeliling

Dalam usaha mengejar kemajuan dan meningkatkan taraf hidup penduduk, kegiatan ekonomi dan projek-projek pembangunan tidak dapat dielakkan. Namun, permasalahan sering kali timbul akibat daripada pengabaian dan ketidakpatuhan piawaian kualiti alam sekitar. Bagi memantapkan kualiti alam sekitar di daerah Temerloh, pengukuhan pengurusan kualiti alam sekeliling (air, udara dan bunyi) perlu diperhebatkan.

Jadual 5.11 : Cadangan Pengukuhan Pengurusan Kualiti Alam Sekeliling

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pengukuhan Pengurusan Kualiti Alam Sekeliling	
Kod Cadangan	LS2–S4	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Daerah Temerloh	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Pembangunan yang tidak mampan menyumbang kepada isu pencemaran alam sekitar. ii. Sumber punca pencemaran termasuk: ✓ Sisa kumbahan dari loji rawatan kumbahan, air limpah dari kawasan kediaman, premis komersial, pasar basah, restoran dan medan selera, pusat mencuci kereta, efluen dari aktiviti ternakan haiwan ruminan, kawasan perindustrian dan kilang sawit. ✓ Sisa pepejal; pembangunan kerja-kerja tanah. ✓ Penggunaan baja dan racun berlebihan dari aktiviti agrikultur. ✓ Penebangan hutan. ✓ Pengkuarian. ✓ Pengoperasian kilang haram. ✓ Pembukaan gerai-gerai haram di sepanjang sungai. iii. Kurangnya penglibatan komuniti secara menyeluruh dalam menangani isu alam sekitar.	
Fakta Asas / *Baseline*	**KUALITI AIR, UDARA & BUNYI HINGAR, 2019** **KUALITI AIR:** IKA: 85 – 87 (Kategori Bersih) *Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2020* **KUALITI UDARA:** IPU: 51-100 (Kategori Sederhana)- 291 hari *Sumber: Jabatan Alam Sekitar, 2020* **BUNYI HINGAR:** 47.9-67.9 dBA (waktu siang) & 41.8-63 dBA (waktu malam) - Mematuhi tahap piawaian semasa *Sumber: ERE, 2020*	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Melakukan pengawasan berterusan ke atas kualiti air sungai, udara dan bunyi bising bagi memastikan alam sekitar dan sumber biodiversiti kekal terpelihara daripada menerima sebarang sumber pencemaran yang boleh memusnahkannya. • Menyediakan peruntukan penambahan kakitangan dan peralatan berteknologi bagi memantau kualiti alam sekeliling. • Menambah jawatan pegawai alam sekitar di dalam pengurusan PBT • Semua maklumat disalurkan dan diintegrasi dengan sistem Temerloh *Urban Observary* (TUO). ii. Menggalakkan aktiviti agrikultur dijalankan secara mampan bagi memastikan kualiti alam sekeliling terpelihara. • Menggalakkan semua aktiviti agrikultur komersial mendapatkan pensijilan myGAP (Amalan Pertanian Baik, Amalan Penternakan Baik, Amalan Akuakultur Baik) yang menekankan keperluan pemeliharaan alam sekitar. • Menggalakkan pekebun kelapa sawit memperolehi pensijilan MSPO (*Malaysia Sustainable Palm Oil*) atau RSPO (*Roundtable on Sustainable Palm Oil*) yang melibatkan keperluan penyediaan zon penampan dan riparian bagi kegunaan hidupan liar (darat dan akuatik). iii. Mewajibkan semua industri yang terlibat dengan pengeluaran air sisa kumbahan, pelepasan asap dan bunyi bising memasang alat pengesan pencemar automatik yang dihubungkan secara terus kepada Jabatan Alam Sekitar. Pemasangan Alat Pengesan Pencemar Automatik  iv. Mewajibkan gerai-gerai makanan di sepanjang sungai serta rumah-rumah rakit menyediakan infrastruktur pengolahan sisa kumbahan. Kebenaran merancang (KM) juga perlu disediakan bagi pembinaan gerai / restoran yang dibangunkan di kawasan koridor sungai.

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	v. Menguruskan air larian secara lestari • Memasang infrastruktur perangkap sampah yang bersesuaian seperti perangkap sampah (*log/trash boom*), perangkap pencemaran kasar (*Gross Pollution Trap*) dan jaring perangkap sampah. Cadangan kawasan adalah di Sungai Krau, Sungai Tekal, Sungai Belengu, Sungai Jenalik dan Sungai Teris, yang mana setiap sungai perlu mempunyai sekurang-kurangnya 1 struktur perangkap sampah. • Pemilihan tapak pemasangan infrastruktur perangkap sampah haruslah berdasarkan kepada kawasan tumpuan penduduk, seperti di kawasan perumahan, perindustrian dan perniagaan yang terletak di tepi sungai atau kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. • Bagi mengurangkan kemasukan sampah ke dalam sungai, penambahan infrastruktur pengumpulan sisa pepejal di daratan yang mencukupi harus dilakukan, terutamanya di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di kawasan rekreasi dan bandar. vi. Menggalakkan penglibatan komuniti tempatan dalam menjaga alam sekitar dengan berkongsi dan menyalurkan maklumat pencemaran kepada agensi berwajib. vii. Mengadakan progam kesedaran pengurusan sisa pepejal dengan menekankan pelaksanaan amalan hijau di kalangan penduduk tempatan. Selain itu, pemasangan papan tanda dan papan iklan yang memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga sungai juga harus dilakukan bagi memberi kesedaran secara berterusan kepada masyarakat.
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan daerah Temerloh bebas dari pencemaran alam sekitar serta menentukan statusnya sebagai daerah bersih. ii. Sisa pepejal yang terkumpul di dalam sungai dapat dikeluarkan, dan ini dapat melancarkan aliran air serta mengurangkan masalah bencana alam seperti banjir kilat dan memudahkan aktiviti ternakan dalam sangkar. iii. Sisa pepejal dapat dilupuskan di tempat dan cara yang betul bagi menjamin kualiti alam sekitar yang sihat serta menentukan keluaran ikan ternakan sangkar yang jamin kualitinya.. iv. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar dapat dipertingkatkan.
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. JAS

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	i. Pengurangan pengoperasian kilang / restoran haram / rumah rakit	i. Pemasangan perangkap sampah di Sungai Krau, Sungai Tekal, Sungai Belengu, Sungai Jenalik dan Sungai Teris ii. Peningkatan pengambilan pensijilan myGAP/ MSPO/ RSPO	i. Pemasangan alat pengesan pencemar automatik oleh semua pengilang/ pengusaha industri / pemaju.
Pencapaian SDG			

LS2–S5 Penerapan Konsep Bandar Pintar Temerloh (*Smart Environment*)

Konsep bandar pintar menjadi pendekatan utama bagi cadangan pusat pertumbuhan baru yang akan disokong dengan perkembangan teknologi yang membolehkan pelaksanaan lebih efisien dan menyeluruh bertujuan meningkatkan fungsi kecekapan dan produktiviti pengurusan sesebuah bandar. Dengan pelaksanaan Bandar Pintar, pelbagai manfaat dan keuntungan, termasuk potensi keuntungan kewangan dan pengurangan kos operasi boleh dikecapi dan dinikmati oleh rakyat; masyarakat itu sendiri, dan juga pihak berkepentingan dalam komuniti perniagaan serta kerajaan.

Jadual 5.12 : Cadangan Penerapan Konsep Bandar Pintar Temerloh (*Smart Environment*)

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penerapan Konsep Bandar Pintar Temerloh	
Kod Cadangan	LS2-S5	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Bandar Temerloh ii. Bandar Mentakab	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Peningkatan penduduk dan kepesatan pembangunan mengakibatkan pelbagai isu perbandaran. ✓ Rebakan kawasan tepu bina, kesesakan lalulintas & kesesakan manusia ✓ Kekangan perkhidmatan bandar seperti pengurusan sisa pepejal ✓ Banjir kilat ✓ Peningkatan penggunaan tenaga elektrik ✓ Pencemaran alam sekitar ✓ Kekurangan rumah mampu milik ✓ Peningkatan penyakit tekanan emosi dan perasaan ✓ Peningkatan tekanan gaya hidup iii. Inisiatif penyelesaian pintar bagi meningkatkan isu-isu urbanisasi dan meningkatkan kualiti hidup. Ia selaras agenda nasional dan global untuk memenuhi matlamat negara terhadap pembangunan mampan.	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	i. Pada tahun 2050, dianggarkan lebih daripada 65% populasi dunia tinggal di kawasan bandar. Dengan jumlah populasi yang tinngi, sesebuah bandar perlu mampu menyediakan keperluan asas yang mencukupi merangkumi makanan yang sihat, air yang bersih, tenaga yang mencukupi, kestabilan ekonomi, sosial dan kelestarian alam sekitar. ii. 7 komponen utama pembangunan *Bandar Pintar:* iii. Konsep bandar pintar merupakan pendekatan baru untuk menyelesaikan isu-isu perbandaran bagi meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran mampan dan selamat serta menggalakkan pengurusan bandar yang cekap melalui penggunaan ICT dan kemajuan teknologi. iv. Inisiatif penyelesaian pintar bagi meningkatkan kualiti hidup adalah selaras agenda nasional dan global ke arah hala tuju pembangunan mampan. v. Peningkatan kawasan tepu bina sebanyak 4,179.57 hektar dalam tempoh 5 tahun terutama guna tanah perumahan yang bertumpu di bandar Temerloh dan Mentakab. vi. Bencana banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh menyebabkan kerugian besar kepada mangsa banjir seperti kehilangan nyawa, penyebaran penyakit, kemusnahan harta benda, kemusnahan tanaman, kematian haiwan ternakan dan lain-lain. Kawasan yang sering dilanda banjir adalah dianggarkan seluas kira-kira 25,164 hektar yang melibatkan 111 kawasan. vii. Tapak Pelupusan Sanitari Belengu Halt menerima sekitar 190 – 250 tan sisa pepejal setiap hari dari kawasan sekitar dengan jumlah kumulatif kutipan sampah sebanyak 34,256.64 tan (Januari – Mei 2021). Daripada jumlah ini, peratusan kitar semula yang terdiri daripada kertas, botol plastik dan besi/tin adalah sangat rendah iaitu hanya 0.004% daripada jumlah keseluruhan sisa yang dilupuskan.

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	i. Mengekalkan dan memelihara kawasan hijau • Menjalankan program penanaman pokok • Menambahbaik sistem inventori pokok untuk perlindungan dan pengurusan pokok ke arah pengenalan frekuensi radio (RFID). • Memastikan pemilihan pokok yang dilindungi berdasarkan daya ketahanan, kefungsian, kos penyelenggaraan dan kadar litupan. • Melakukan inventori pokok secara berkala • Menjalankan program penanaman pokok ii. Menguruskan sisa pepejal secara bersepadu dan mampan • Melakukan pengasingan dan pengurusan sisa pepejal secara pintar • Menyediakan tong sisa pepejal pintar. • Menggalakkan inisiatif pembaharuan sisa kepada tenaga *(Waste to Energy*). **Contoh Pengurusan Sisa Pepejal Pintar di Kawasan Perbandaran** **Pembaharuan Sisa kepada Tenaga (*Waste to Energy*)** 

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	iii. Meningkatkan pengawalan kualiti udara • Melaksanakan pengawalan kualiti udara pintar (sistem pengawalan udara berpusat). • Mewajibkan semua industri skala besar yang terlibat dengan pelepasan asap memasang alat pengesan pencemar automatik yang dihubungkan secara terus kepada pihak berwajib. • Mengurangkan penggunaan kenderaaan persendirian dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam atau *e-hailing.* • Menggalakkan penggunaan kereta elektrik. iv. Meningkatkan pengawalan kualiti air • Melaksanakan pengurusan sisa kumbahan berpusat • Memperketatkan denda terhadap penyumbang pencemar • Menambah stesen pengawalan kualiti air automatik • Mewajibkan semua industri skala besar yang terlibat dengan pengeluaran air sisa kumbahan memasang alat pengesan pencemar automatik yang dihubungkan secara terus kepada pihak berwajib. • Menggalakkan kitar semula air v. Meningkatkan pengurusan risiko bencana • Mengguna pakai perancangan pintar untuk menyokong membuat keputusan perancangan dan meningkatkan pengurusan risiko bencana. • Memastikan pembangunan di kawasan berisiko tanah banjir/runtuh mengikut garis panduan yang ditetapkan dan berdaya tahan bencana yang tinggi. • Meningkatkan program kesedaran risiko bencana terhadap masyarakat. vi. Meningkatkan kecekapan tenaga dan menggalakkan penggunaan tenaga yang diperbaharui. • Menggalakkan premis kerajaan dan bangunan komersial mematuhi keperluan kecekapan tenaga. • Melaksanakan sistem grid pintar bagi meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan tenaga. • Membina kapasiti tenaga yang boleh diperbaharui. **Aplikasi Sistem Tenaga Bersepadu Berasaskan Tenaga Elektrik yang Diperbaharui** 

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	vii. Menggalakkan pembangunan bandar rendah karbon. • Mengamalkan penggunaan sumber yang efisien dan mengurangkan pembaziran. • Mengguna pakai konsep 5R (*refuse, reduce, reuse, repurpose and recycle*) dalam aktiviti harian. • Meningkatkan program memotivasikan masyarakat menjayakan pelaksanaan bandar rendah karbon. viii. Menggalakkan pengurusan air mampan dengan mengurangkan air tidak berhasil (*Non-Revenue Water*) • Menggantikan infrastruktur paip bekalan air secara berperingkat yang dilengkapi dengan teknologi dan aplikasi • Melaksanakan penyelenggaraan berkala infrastruktur bekalan air • Meningkatkan pemantau kebocoran menggunakan pengurusan bekalan saintifik. • Meningkatkan program kesedaran pengurangan pembaziran air di semua peringkat usia.

Contoh Pengurusan Air Mampan Negeri Selangor



sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan kualiti alam sekitar di kawasan perbandaran berada pada tahap optima ii. Memastikan sumber alam di kawasan perbandaran dilindungi dan dipelihara iii. Memastikan pembangunan bandar adalah berdaya tahan, rendah karbon dan gaya hidup hijau		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. JAS ii. JPS iii. JMG iv. PAIP v. TNB vi. Jabatan Landskap vii. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara viii. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ix. IWK x. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran/ Indikator Pencapaian	i. Peratusan litupan kawasan berpokok ii. Peningkatan kadar kitar semula iii. Peningkatan kualiti air (IKA: 81-100, Bersih, Kelas 1-2) dan udara (API: <50)	i. Pengurangan bencana (pelaksanaan pengurusan, pengurangan kadar bilangan / peratusan terkesan bencana) ii. Pengurangan peratusan NRW iii. Peningkatan sumber tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui	i. Kecekapan bangunan: penggunaan tenaga ii. Pengukuran kadar keamatan tenaga
Pencapaian SDG			

5.1.3 STRATEGI 3: Membangunkan Perumahan dan Petempatan Berdaya Huni

Strategi ini mengandungi satu (1) projek utama dan tiga (3) projek sokongan yang menjadi asas dalam pelaksanaan bagi membangunkan perumahan dan petempatan berdaya huni. Hal ini merangkumi perumahan terancang dan juga petempatan desa.

Reka bentuk rumah Melayu Pahang

Pembinaan rumah mampu milik menggalakkan Golongan B40 untuk memiliki kediaman sendiri. Bagi memastikan daerah ini lebih berdaya huni, keperluan kepada kemudahan infrastruktur dan masyarakat haruslah mencukupi bagi mengelak migrasi ke luar yang boleh menjejaskan perkembangan ekonomi. Hal ini selaras dengan pembangunan infrastruktur ECRL Temerloh yang menyediakan tahap kemudahsampaian yang tinggi.

Tema Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030

Pengukuhan terhadap petempatan desa perlu dipertingkat bagi memastikan pembangunan di kawasan luar bandar lebih berdaya maju di samping memelihara keunikan serta kualiti persekitaran karakter di kawasan desa.

Berikut merupakan senarai projek bagi Strategi 3 Membangunkan Perumahan dan Petempatan Berdaya Huni

Senarai Projek

LS3 – U1	Membangunkan Perumahan Terancang Baharu
LS3 – S1	Penyediaan Perumahan Mampu Milik Yang Berkualiti
LS3 – S2	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)
LS3 – S3	Pemeliharaan Imej Desa

LS3–U1 Pembangunan Perumahan Terancang Baharu

Pada tahun 2021, terdapat sejumlah 30,708 unit perumahan telah dicatatkan di sekitar daerah Temerloh. Dalam tempoh perancangan RTD Temerloh 2035 (Penggantian), bilangan keperluan perumahan ini dijangka akan meningkat kepada 64,530 unit berikutan dengan pertumbuhan penduduk daerah. Sehubungan dengan itu, kawasan perumahan baharu perlu dirancang dengan baik dan berdekatan dengan peluang pekerjaan dan kepelbagaian kemudahan perkhidmatan, serta mampu dimiliki supaya tidak berlakunya lebihan penawaran rumah yang tidak terjual.

Jadual 5.13 : Cadangan Pembangunan Perumahan Terancang Baharu

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Perumahan Terancang Baharu	
Kod Cadangan	LS3-U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Mukim Mentakab	
Keluasan / Jarak	183 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Dalam jangka masa 14 tahun akan datang, jumlah penduduk daerah Temerloh diunjurkan meningkat daripada 192,400 orang (tahun 2021) kepada 221,650 orang pada tahun 2035. ii. Senario ini seterusnya akan membawa kepada permintaan unit perumahan ekoran pertambahan penduduk. iii. Diunjurkan keperluan pertambahan unit perumahan sehingga tahun 2035 adalah sebanyak 10,218 unit rumah, dengan mengambil kira unjuran jumlah pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. RSN Pahang 2050 telah memfokuskan untuk memastikan pembangunan perumahan yang berkualiti, mampu milik dan memenuhi keperluan penduduk. ii. Dianggarkan akan terdapat permintaan unit perumahan di masa hadapan berdasarkan trend pertambahan penduduk dan aktiviti perbandaran yang makin berkembang di daerah Temerloh. iii. Cadangan pembangunan ECRL juga akan menjadi *catalyst* kepada pembangunan daerah Temerloh yang akan menyebabkan migrasi masuk penduduk ke daerah Temerloh sekaligus akan meningkatkan permintaan kediaman.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Cadangan pembangunan kawasan perumahan terancang di mukim Mentakab adalah seluas 183 hektar. ii. Pembangunan kawasan perumahan jenis banglo,berkembar, rumah bandar dan teres yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sokongan dan infrastruktur seperti dewan serbaguna, kawasan lapang, surau, kedai, *sewerage treatment plant* (stp), jalan raya serta sistem perparitan terancang, pencawang elektrik, internet, tangki air dan semua kemudahan sokongan yang diperlukan. iii. Pembangunan kawasan perumahan juga perlu bersepadu dengan pelbagai kemudahan perkhidmatan iv. Pembangunan kawasan perumahan mampan dengan menerapkan elemen *smart living* iaitu pembangunan kawasan perumahan yang menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan kualiti hidup v. Pembinaan perumahan dengan penggunaan teknologi terkini seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), IR4.0 dalam pembinaan dan sebagainya mengikut teknologi moden semasa dan akan datang tersebut. vi. Reka bentuk perumahan perlu mengambil kira reka bentuk yang bersesuaian kawasan risiko banjir dan perlu menggunakan baha ninaan kalis air dan berdaya tahan. vii. Peratusan penyediaan kediaman mengikut kategori (kos) • 70% - kos tinggi / kos sederhana • 30% - kos sederhana rendah
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti, mampu dimiliki dan berhampiran dengan kemudahan perkhidmatan ii. Menyediakan peluang untuk pemilikan rumah sama ada perumahan kos tinggi, kos sederhana dan kos sederhana rendah. iii. Pemilihan lokasi adalah dalam kawasan pembangunan utama bandar Temerloh (mukim Perak dan mukim Mentakab) dan juga berhampiran dengan kawasan stesen ECRL (kawasan TOD) dan *Smart City Temerloh*. Lokasi yang dipilih adalah berpotensi untuk menampung permintaan perumahan dimasa akan datang kesan daripada pembangunan kawasan bandar. iv. Pembangunan perumahan terancang ini akan memberi peluang kepada semua penduduk untuk mengakses semua kemudahan yang disediakan dengan mudah dan teratur di samping menjaga keselamatan penduduk di kawasan ini. v. Memastikan penyediaan kawasan perumahan yang mampan sekaligus akan meningkatkan kualiti hidup penghuni. vi. Pembangunan kawasan perumahan ini adalah sebagai projek perintis untuk di jadikan contoh kepada pembangunan kawasan perumahan akan datang iaitu kawasan perumahan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dan menggunakan teknologi moden bagi meningkatkan kualiti hidup di samping menyediakan kawasan perumahan yang berdaya huni.

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. PDT Temerloh ii. MPT iii. Pemaju swasta		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
		√	
Sasaran Pencapaian	Pihak Kerajaan Negeri Pahang mengenal pasti pelabur yang berpotensi untuk membangunkan kawasan perumahan	Pembangunan kawasan perumahan	
Pencapaian SDG			

Rajah 5.11 : Pelan Sisip Pembangunan Perumahan



Ilustrasi pembangunan perumahan di mukim Mentakab

Rajah 5.12 : Pelan Konsep Pembangunan Perumahan

Menerapkan elemen *smart internet* dan kemudahan berteknologi moden untuk meningkatkan kualiti hidup penghuni

Menyediakan kemudahan tempat perniagaan dan perniagaan konsep *e-commerce* bagi memudahkan penghuni untuk mendapatkan barangan keperluan harian dan perkhidmatan sokongan

Lokasi kawasan lapang hendaklah mudah di akses dan selamat untuk semua

Menyediakan laluan pejalan kaki / basikal yang selamat untuk semua penghuni

Lokasi perumahan kos sederhana rendah hendaklah berdekatan dengan kemudahan awam

Kawasan lapang yang disediakan boleh dwi-fungsi sebagai kawasan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir

Perlu menyediakan kemudahan STP berpusat untuk memudahkan urusan penyelenggaraan

Menyediakan zon penampan secukupnya antara zon industri dan zon perumahan

LS3–S1 Penyediaan Perumahan Mampu Milik Yang Berkualiti

Penyediaan rumah mampu milik di daerah Temerloh masih di tahap yang rendah. Oleh itu, pembinaan rumah mampu milik hendaklah diberi penekanan dan memastikan golongan yang layak untuk memiliki rumah di bawah program yang terdapat di negeri Pahang. Cadangan ini akan memudahkan pihak MPT dan PBN untuk menyediakan kawasan perumahan mampu milik dan seterusnya memastikan golongan sasar boleh memiliki rumah yang berkualiti.

Jadual 5.14 : Cadangan Penyediaan Perumahan Mampu Milik Yang Berkualiti

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penyediaan Perumahan Mampu Milik Yang Berkualiti	
Kod Cadangan	LS3-S1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Pekan Lachang, Pekan Kuala Krau dan Pekan Kerdau	
Keluasan / Jarak	109.27 hektar (Jumlah untuk 3 kawasan)	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Kekurangan penyediaan rumah mampu milik di daerah Temerloh	
Fakta Asas / *Baseline*	i. RSN Pahang 2050 telah menekankan dalam inisiatif pelaksanaan rumah iaitu memastikan penyediaan Rumah Mampu Milik Negeri Pahang di setiap daerah dengan harga menepati keperluan golongan sasaran. ii. Hanya 6.80 peratus sahaja jumlah rumah mampu milik yang telah disediakan berbanding kadar permintaan penduduk	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Cadangan pembangunan perumahan mampu milik di lokasi berikut: a) Pekan Kuala Krau – 42.06 hektar b) Pekan Kerdau – 37.21 hektar c) Pekan Lanchang – 30 hektar ii. Pembangunan kawasan mampu milik yang dilengkapi dengan semua kemudahan sokongan dan infrastruktur seperti dewan serbaguna, kawasan lapang, surau, kedai, *sewerage treatment plant* (stp), jalan raya serta sistem perparitan terancang, pencawang elektrik, tangki air, internet dan semua kemudahan sokongan yang diperlukan. iii. Menumpukan pembangunan perumahan secara berpusat di bandar atau pekan. iv. Lokasi kawasan perumahan perlu mempunyai akses dengan semua kemudahan awam serta kemudahan pengangkutan awam v. Jenis perumahan yang dicadang adalah rumah kluster dan teres jenis *landed* iaitu selaras dengan trend semasa penduduk yang lebih memilih atau gemar untuk mendiami kawasan perumahan bukan strata. vi. Pembangunan perumahan mampu milik perlu dirancang dengan sistem pengangkutan awam, kemudahan sokongan dan perlu menerapkan elemen *smart living*. vii. Pembinaan perumahan dengan penggunaan teknologi terkini seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS), Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), IR4.0 dalam pembinaan dan sebagainya mengikut teknologi tekini.
Kepentingan Cadangan	i. Menyediakan perumahan mampu milik bagi golongan sasar iaitu golongan B40 / M40 untuk memiliki rumah. ii. Memastikan penyediaan rumah mampu milik lengkap dengan semua kemudahan sokongan.
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. KPKT ii. MPT iii. PDT Temerloh iv. Pemaju Swasta

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	20% penduduk golongan sasar mampu memiliki rumah	40% penduduk golongan sasar mampu memiliki rumah	
Pencapaian SDG			

Antara contoh reka bentuk rumah mampu milik yang sesuai di daerah Temerloh



Perumahan Mampu Milik Berkonsepkan Rumah Kluster

Rajah 5.13 : Cadangan Lokasi Pembangunan Rumah Mampu Milik

Cadangan Lokasi Pembangunan RMM Pekan Kerdau



Cadangan Lokasi Pembangunan RMM Pekan Kuala Krau

Cadangan Lokasi Pembangunan RMM Pekan Lanchang



LS3–S2 Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Pengukuhan PPD ini adalah bagi memastikan keunikan dan ciri-ciri kampung dapat dipelihara serta dinaik taraf selari dengan keperluan penduduk dari segi kemudahan prasarana dan infrastruktur.

Matlamat RFN ke-4 menggariskan prinsip utama dalam kelestarian dan aspek komuniti dalam memulihara sumber semula jadi, warisan serta budaya. Perancangan itu dapat pemerkasakan kesejahteraan komuniti dalam memelihara dan menjaga kualiti persekitaran yang bersih.

Jadual 5.15 : Cadangan Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pengukuhan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)	
Kod Cadangan	LS3-S2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Pekan Kuala Krau ii. Pekan Lanchang iii. Pekan Kerdau iv. Kg. Paya Luas v. Kg. Sanggang Bahagia vi. Kg. Kenangan	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Kesediaan kemudahan masyarakat yang rendah di kawasan PPD. ii. Ketiadaan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di daerah Temerloh.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Pekan Kuala Krau hanya berada dalam kategori pekan C. ii. Pekan Lanchang dan Kerdau berada dalam kategori D.	
Perincian Inisiatif	i. Menaik taraf Pekan Lanchang dan Kerdau kepada pekan kategori C. ii. Membangunkan Pekan Kuala Krau sebagai kategori B berdasarkan potensi dan komponen pembangunan sedia ada. iii. Menaik taraf Kg. Paya Luas, Kg. Sanggang Bahagia dan Kg. Kenangan sebagai kawasan PPD.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	Melengkapkan pekan dengan komponen pembangunan yang mencukupi bagi memastikan kawasan pekan dapat berfungsi secara komprehensif dan optimum sebagai pusat perkhidmatan serta ekonomi.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. KPLB ii. BPEN iii. PDT iv. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	Pertambahan komponen pembangunan PPD di Kg Paya Luas dan Pekan Kuala Krau	Meningkatkan serta menaik taraf komponen PPD Pekan Lanchang dan Kg. Sanggang Bahagia	Pertambahan komponen PPD dan kemudahan yang lengkap pada Pekan Kerdau dan Kg Kenangan
Pencapaian SDG			

Perincian Komponen Pembangunan Pekan Mengikut Kategori

Komponen Pembangunan Pekan	Perincian Aktiviti Dalam Pekan	Kategori Pekan			
		A	B	C	D
Pembangunan Ekonomi	Pasar Mini	✓	✓	✓	
	Perniagaan runcit makanan dan minuman	✓	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit peralatan rumah	✓	✓	✓	✓
	Perniagaan runcit peralatan kenderaan	✓	✓	✓	
	Perniagaan runcit pertanian	✓	✓	✓	✓
	Kedai cenderamata	✓	✓		
	Pasar / gerai / bazar	✓	✓	✓	✓
	Pasar tani / pasar malam / pasar sehari	✓	✓	✓	✓
	Restoran	✓	✓	✓	✓
	Medan Selera	✓	✓		
	Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)	✓	✓		
	Pusat pengumpulan hasil pertanian	✓	✓	✓	
	Stesen minyak	✓	✓	✓	
	Syarikat insurans	✓			
	Pengurup wang	✓			
	Hotel / rumah tumpangan	✓	✓		
	Syarikat insurans	✓			
	Pengurup wang	✓			
	Hotel / rumah tumpangan	✓	✓		
	Internet cafe	✓	✓	✓	
Kemudahan Prasarana	Jalan raya	✓	✓	✓	✓
	Bekalan elektrik dan air	✓	✓	✓	✓
	Perkhidmatan telekomunikasi	✓	✓	✓	✓
	Stesen bas	✓	✓		
	Hentian bas	✓	✓	✓	✓
	Stesen kereta api	✓	✓		

Rajah 5.14: Cadangan Memperkukuhkan Pekan Kuala Krau Sebagai Kategori Pekan B



Kemudahan yang perlu ada bagi menjadikan Pekan Kuala Krau sebagai kategori Pekan B :

- Perusahaan kecil sederhana (PKS)
- Pusat pengumpulan hasil pertanian
- Hotel / rumah tumpangan
- Bank
- Ejen bank berdaftar
- Balai bomba
- Pusat kitar semula
- Hentian bas / teksi
- Pasar mini



Ilustrasi Cadangan Balai Bomba

Ilustrasi Cadangan Hentian Bas Kuala Krau

Ilustrasi Landskap Jalan

Rajah 5.15: Cadangan Memperkukuhkan Pekan Lanchang Sebagai Kategori Pekan C



Kemudahan yang perlu ada bagi menjadikan Pekan Lanchang sebagai kategori Pekan C :

- Perusahaan kecil sederhana (PKS)
- Pusat pengumpulan hasil pertanian
- Hotel / rumah tumpangan
- Bank
- Ejen bank berdaftar
- Balai bomba
- Pusat kitar semula
- Pasar mini
- Pusat komuniti

Ilustrasi Cadangan Pusat Komuniti (Kemudahan Awan)

Ilustrasi Cadangan Balai Bomba

Ilustrasi Cadangan Pusat Komuniti (Sukan)

Ilustrasi Cadangan Kawasan Pasar

Rajah 5.16: Cadangan Memperkukuhkan Pekan Kerdau Sebagai Kategori Pekan C



Kemudahan yang perlu ada bagi menjadikan Pekan Kerdau sebagai kategori Pekan C :

- Perusahaan kecil sederhana (PKS)
- Hotel / rumah tumpangan
- Bank
- Ejen bank berdaftar
- Pasar mini
- Perniagaan runcit peralatan rumah
- Pasar / gerai / bazaar
- Pasar tani / pasar malam / pasar sehari
- Stesen minyak

Ilustrasi Kawasan Komersial 2 Tingkat

Ilustrasi Cadangan Stesen Minyak



Ilustrasi Cadangan Pasar Basah dan Kering



Ilustrasi Cadangan Pasar Basah dan Kering

LS3–S3 Pemeliharaan Imej Desa

Karakter dan ciri-ciri kawasan petempatan desa adalah unik serta kaya dengan warisan dan kebudayaan. Kelebihan dari segi alam semula jadi serta kehidupan bermasyarakat yang harmoni perlu dijaga dan dikekalkan bagi memelihara kesejahteraan penduduk desa.

Bagi mengawal pembangunan serta menjaga kualiti kawasan desa adalah dengan mengekalkan karakter petempatan desa terutama di kampung yang berdekatan dengan kawasan bandar atau pinggir bandar. Kawalan ini perlu diperketatkan bagi memudahkan pemantauan serta mengawal rebakan bandar di samping mengetahui sempadan dengan jelas.

Jadual 5.16 : Cadangan Pemeliharaan Imej Desa

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemeliharaan Imej Desa	
Kod Cadangan	LS3-S3	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Kesemua 95 buah kampung yang telah disenaraikan yang terletak di dalam sempadan dan pinggir bandar daerah Temerloh.	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Petempatan desa yang berhampiran dengan kawasan bandar menjadi ancaman kepada rebakan bandar. ii. Kawasan pekan menjadi pusat ekonomi serta perkhidmatan desa.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 95 buah kampung yang dikenal pasti berada di kawasan pinggir bandar. ii. Jumlah kampung terlibat adalah daripada kawasan Bandar Temerloh, Bandar Mentakab, Pekan Kerdau, Pekan Kuala Krau dan Pekan Lanchang.	
Perincian Inisiatif	i. Merekodkan sempadan kampung yang telah dikenal pasti melalui Kajian Penentuan Sempadan Kampung bagi negeri Pahang dalam sistem pemetaan PDT Temerloh dan MPT bagi memudahkan kawalan pembangunan dan pengurusan. ii. Memperketatkan syarat pembangunan bercirikan perbandaran seperti skim perumahan terancang dalam sempadan kampung.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	iii. Reka bentuk yang menerapkan ciri-ciri tradisional seperti penggunaan pintu dan tingkap kayu, anjung dan reka bentuk harmoni mengikut kesesuaian suasana desa. iv. Menyediakan kawasan lapang untuk aktiviti riadah dan ruang sosial. v. Meletakkan mercu tanda sempadan kampung seperti pintu gerbang sebagai petunjuk kepada identiti kampung		
Kepentingan Cadangan	i. Mengawal rebakan bandar ke kawasan petempatan desa. ii. Sempadan kampung yang jelas dan direkodkan dalam sistem pemetaan memudahkan kawalan pembangunan serta urusan pentadbiran kampung seperti agihan peruntukan kewangan.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. KPLB ii. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	i. Pemetaan sempadan kampung ii. Pembinaan mercu tanda	i. Pembinaan mercu tanda	i. Pembinaan mercu tanda
Pencapaian SDG			

5.1.4 STRATEGI 4: Membangunkan Rangkaian Infrastruktur Perhubungan Tempatan dan Wilayah yang Efisien

Terdapat lima (5) projek utama dan empat (4) projek sokongan dalam strategik pembangunan rangkaian infrastruktur perhubungan tempatan dan wilayah. Pembentukan strategik ini adalah untuk mengukuhkan koridor pertumbuhan di Daerah Temerloh di samping membentuk corak pembangunan yang bercirikan Konsep Bandar Pintar.

Projek Pembangunan ECRL

Pertumbuhan guna tanah ekonomi daerah ke arah maju perlu disokong oleh rangkaian sistem perhubungan dan pengangkutan utama yang baik dan efisien. Jaringan infrastruktur dan perhubungan dipertingkatkan melalui penyusunan rangkaian jalan yang menyeluruh, peningkatan keupayaan dan keretapi di peringkat daerah.

Penyediaan *Smart Parking*

Berikut merupakan senarai projek bagi Strategi 4:

Senarai Projek

LS4 – U1	Pembangunan Lebuh Raya Temerloh - Simpang Pelangai
LS4 – U2	Pemajuan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Baharu
LS4 – U3	Penaiktarafan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Sedia Ada
LS4 – U4	Pembangunan Kompleks Terminal Temerloh Sentral
LS4 – U5	Penyediaan Rangkaian dan Operasi Pengangkutan Awam yang Optimum
LS4 – S1	Penambahbaikan Sistem Pengurusan Lalu Lintas Sedia Ada
LS4 – S2	Penyediaan *Smart Parking*
LS4 – S3	Penggunaan Mobiliti Rendah Karbon
LS4 – S4	Penambahbaikan Kemudahan Mobiliti Aktif Bandar

LS4 – U1 Pembangunan Lebuhraya Temerloh - Simpang Pelangai

Lokasi daerah Temerloh di Titik Tengah Semenanjung Malaysia boleh dimanfaatkan lagi dengan mewujudkan hubungan terus antara daerah ini dan wilayah barat dan selatan negara terutama pembangunan mega berimpak tinggi iaitu Malaysia *Vision Valley* (MVV) di Negeri Sembilan. MVV meliputi daerah Seremban dan Port Dickson seluas 153,411 hektar. Wilayah pertumbuhan baru ini telah disediakan pelan perancangan komprehensif sebagai wilayah selatan Lembah Klang yang mempunyai visi menjadi 'Sebuah Metropolis Bertaraf Dunia Yang Berdaya Saing, Inklusif dan Bersih'. MVV merupakan cadangan pelan transformasi yang agresif oleh kerajaan negeri dan persekutuan bersama pihak swasta untuk memastikan daerah Seremban dan Port Dickson digabungkan di dalam wilayah *Greater* Kuala Lumpur dan menjadi salah satu agenda pembangunan negara. Langkah permulaan untuk merealisasikan cadangan ini ialah dengan menghubungkan terus daerah Temerloh dengan MVV melalui pembinaan Lebuhraya Temerloh – Simpang Pelangai.

Jadual 5.17 : Cadangan Pembangunan Lebuhraya Temerloh - Simpang Pelangai

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Lebuhraya Temerloh - Simpang Pelangai	
Kod Cadangan	LS4-U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Cadangan Lebuhraya Temerloh-Simpang Pelangai	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Lokasi Daerah Temerloh yang strategik di titik tengah Semenanjung ii. Potensi untuk menghubungkan daerah Temerloh dengan bahagian barat dan selatan Semenanjung melalui cadangan Jalan *Central Spine Road* (CSR), Jalan *Southern Central Road* (SCR), Lebuhraya Broga-Simpang Pelangai dan Jalan Muadzam Shah-Simpang Pelangai (C10) dan Lebuhraya Seremban-Kuala Pilah-Sering-Temerloh (SPEX).	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Hubungan rangkaian jalan antara daerah Temerloh dan bahagian selatan Semenanjung masih melalui jalan Persekutuan. ii. Lebuh raya dan jalan utama sedia ada menghadapi kesesakan waktu puncak, ancaman banjir dan tanah runtuh.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Membina lebuh raya antara daerah Temerloh dan Simpang Pelangai melalui Felda Mengkarak. ii. Lebuhraya Temerloh–Simpang Pelangai akan dihubungkan dengan cadangan Lebuhraya Simpang Pelangai ke Broga, seterusnya dihubungkan dengan Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS). iii. Cadangan lebuh raya ini juga menyediakan persimpangan bertingkat ke Bandar Bera dan Triang yang akan dihubungkan dengan cadangan Jalan FT9 (Jalan Muadzam Shah-Simpang Pelangai). iv. Lebuhraya Temerloh-Simpang Pelangai akan dihubungkan dengan cadangan sambungan Jalan *Southern Central Road* (SCR) ke Negeri Sembilan dan selatan Semenanjung.
Kepentingan Cadangan	i. Memperkukuhkan lokasi strategik daerah Temerloh di titik tengah Semenanjung. ii. Menghubungkan daerah Temerloh dengan wilayah pertumbuhan baru iaitu MVV dan hab pengangkutan udara KLIA 1 dan KLIA 2. iii. Mengintegrasikan hubungan ekonomi antara daerah Temerloh dan bahagian barat dan selatan Semenanjung. iv. Memendekkan jangkamasa perjalanan antara daerah Temerloh dan bahagian barat dan selatan Semenanjung. v. Menyediakan laluan alternatif ke Wilayah Lembah Klang selain Lebuhraya Karak, LPT dan cadangan Lebuhraya Seremban-Kuala Pilah-Sering-Temerloh (SPEX). vi. Menyediakan laluan alternatif antara wilayah dan bandar ketika berlaku geobencana seperti banjir dan tanah runtuh. vii. Mewujudkan asas, potensi dan pemangkin kepada pembangunan luar koridor Sungai Pahang, Sungai Semantan dan kawasan berisiko banjir daerah Temerloh dan daerah Bera dalam jangkamasa panjang. viii. Menghubungkan daerah Bera ke Wilayah Lembah Klang.
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan
Pelaksana	i. LLM ii. Pemaju Swasta

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		√
Sasaran Pencapaian	Peringkat perancangan pembinaan Lebuhraya Temerloh-Simpang Pelangai siap		Peringkat pengambilan balik tanah laluan lebuh raya siap
Pencapaian SDG			

Rajah 5.17 : Cadangan Hubungan Temerloh dan Malaysia *Vision Valley*



Rajah 5.18 : Cadangan Lebuhraya Temerloh – Simpang Pelangai



LS4–U2 Pemajuan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Baharu

Penyediaan jalan raya dan jambatan merupakan elemen penting dalam pengangkutan dan lalu lintas di daerah Temerloh bagi meningkatkan jaringan perhubungan di peringkat tempatan mahupun wilayah.

Strategi ini menumpukan usaha untuk meningkatkan tahap kemudahsampaian ke daerah Temerloh. Cadangan ini bergantung kepada tahap perkhidmatan dan keutamaan mengikut permintaan semasa. Satu laluan khas bagi kenderaan berat perlu dirancang di Terminal Rel dan Kargo Temerloh Bersepadu sebagai sistem menghubungkan ke pengangkutan kargo (rel) terutamanya untuk jangka masa panjang di samping merancang laluan alternatif semasa banjir.

Jadual 5.18 : Cadangan Pemajuan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Baharu

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemajuan Infrastruktur Jalan Raya dan Jambatan Baharu	
Kod Cadangan	LS4-U2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Semua mukim daerah Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Jaringan jalan raya masih kurang menyeluruh menyukarkan perhubungan pembangunan guna tanah baharu dan antara kawasan petempatan utama. ii. Isi padu trafik tertinggi pada seksyen jalan FT02 di stesen JKR CR803 (28,679) dan FT87 di CR808 (18,486) serta FT2 di CR801 (15,498) kenderaan/16-jam (RTVM 2020) iii. Tahap keupayaan jalan menunjukkan tahap perkhidmatan (LOS) A pada Jalan FT87 (CR808). Namun, (LOS) F di Jalan FT2 (CR803) dan LOS E di (CR801). (RTVM 2020) iv. Kadar purata pertumbuhan isi padu trafik menunjukkan nilai penurunan sebanyak -0.76%. v. Ancaman banjir dikenal pasti pada 44 lokasi jalan pada tahun 2020 hingga 2021. vi. Isu terhadap semasa pemberi milikan tanah bagi pembangunan jalan-jalan baru dengan utiliti yang bercanggah dengan warta JKR.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. RSN Pahang 2050 telah mengenal pasti keperluan pembinaan jalan baru dan naik taraf jalan raya sedia ada.	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	i. RT Daerah Temerloh 2007-2015 telah mencadangkan 7 projek jalan baru dan 5 projek naik taraf jalan raya manakala 2 cadangan jambatan baru merentasi Sungai Pahang.
Kg. Orang Asli Paya Pelong (KOA)
Kg. Orang Asli Sungai Enggang (KOA)
Kg. Orang Asli Selimbar (KOA)
Kg. Orang Asli Bukit Gabang (KOA)
Kg. Orang Asli Paya Sendayan (KOA)
Kg. Gong Halt
Kg. Paya Sok
Kg. Kuala Mai
Kg. Pulau Raya
Kg. Rumpun Makmur
Kg. Paya Luas
Kg. Terengging
Kg. Kuala Krau
Kg. Gunung Senyum
Kg. Tanjung Kubu
Kg. Batu Sawar
Kg. Jenderak
Kg. Dato' Sharif Ahmad
Kg. Seri Tanjung
Kg. Benom
Kg. Kuala Tekal
Kg. Bukit Lada
Kg. Pulau Pasir Mandi
Kg. Lipat Kajang Darat
Kg. Guntong Kelibang
Kg. Masjid Lipat Kajang
Kg. Paya Taram
Kg. Kuala Kerdau
Kg. Desa Baru Purun
Kg. Telok Sentang
Kg. Peragap
Kg. Ketam
Kg. Loyang
Kg. Desa Murni Kerdau
Kg. Desa Murni Sanggang
Kg. Tan Sri Yahya
Kg. Kuala Sanggang
Kg. Paya Keladan
Kg. Bolok Hulu
Kg. Tera
Kg. Bolok Hilir
Kg. Cheri
Kg. Mempateh
Kg. Lubuk Kawah
FELDA Jenderak Utara
FELDA Jenderak Selatan
FELDA Jengka 23
FELDA Bukit Damar
FELDA Lakum
Perumahan Ladang Bee Yong
Perumahan Ladang Edenso
Skala Pelan 1 : 220,000
0 1 2 4 6 Kilometers
N
Rajah 5.33 : Lokasi Cadangan JENDELA Mukim Jenderak
Pelan Lokasi
Skala Pelan 1 : 1,500,000
Daerah Jerantut
Daerah Raub
Daerah Maran
Jenderak
Kerdau
Lipat Kajang
Semantan
Sanggang
Songsang
Mentakab
Bangau
Perak
Lebak
Daerah Bentong
Daerah Bera



Petunjuk :

- Lokasi Cadangan JENDELA di Luar Bandar (Kod D, E, F, G, H, I, dan J)
- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000



Rajah 5.34 : Lokasi Cadangan JENDELA di Luar Bandar (Kod D, E, F, G, H, I dan J)


BLOK PERANCANGAN 9 : JENDERAK
Dari Jerantut
Kg. Kuala Krau
98
Sungai Pahang
Taman Seri Desa Kuala Krau
Taman Kuala Krau
Taman Tanjung Kubu
1507
Dari Felda Jenderak
Dari Temerloh


BLOK PERANCANGAN 5 : SONGSANG
Taman Seri Mumi
Dari Kuala Krau
Kg. Desa Mumi Kerdau
98
Kg. Desa Mumi Sanggang
Kg. Orang Asli Paya Mengkuang (KOA)
Dari Temerloh
Kg. Tan Sri Yahya


BLOK PERANCANGAN 1 : PERAK
Taman Mutiara Semantan
Kg. Megat Segama
98
Dari Mentakab
88
Taman Semantan Indah
Kg. Penaki
Kg. Lompat
Kg. Paya Kechik
88
Kg. Tanjung Lesung
Dari Temerloh



Petunjuk :

- Lokasi Cadangan JENDELA di Luar Bandar (Kod L)
- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 5.36 : Lokasi Cadangan Naiktaraf Jalur Lebar Tetap (L)



Petunjuk :

- Lokasi Cadangan JENDELA di Luar Bandar (Kod M)
- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Blok Perancangan

Rajah 5.37 : Lokasi Cadangan Naiktaraf Jalur Lebar Tetap (M)

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 400,000







Rajah 5.38 : Lokasi Cadangan JENDELA (Infrastruktur Baru Jalur Lebar Tetap)

LS5–S1 Peningkatan Tahap Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Teknologi Hijau

Isu sisa pepejal adalah isu terpenting bagi mencerminkan identiti sesebuah kawasan tersebut. Faktor utama yang berkait dengan isu sisa pepejal adalah pencemaran darat dan sungai serta terjadinya kejadian banjir kilat. Tahap kesedaran penduduk tentang pentingnya amalan kitar semula masih sederhana dan masih boleh dipupuk jika adanya program-program yang bersesuaian.

Jadual 5.34 : Cadangan Peningkatan Tahap Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Teknologi Hijau

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Peningkatan Tahap Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan Teknologi Hijau Dengan Menambah Keluasan Kawasan Tapak Pelupusan Sedia Ada	
Kod Cadangan	LS5–S1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Keseluruhan Daerah Temerloh terutamanya Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab	
Keluasan / Jarak	50 ekar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Sisa pepejal dalam Daerah Temerloh dihantar ke Tapak Pelupusan Sanitari Belenggu Halt terletak di Kg Tanjung Belenggu dan berkeluaasan 100 hektar. ii. Amalan teknologi hijau di daerah Temerloh masih belum diterapkan sepenuhnya oleh penduduk. iii. Keperluan untuk tambahan kawasan tapak pelupusan bagi menampung peningkatan kuantiti sisa pepejal di masa hadapan.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Tapak Pelupusan Sanitari Belenggu Halt mempunyai kemudahan MRF, *Composting Wind Row*, 4 sel serta *Leachate Treatmen Plant.* ii. Kutipan sisa pepejal boleh mencecah 382 tan/hari di mana 102 tan terdiri daripada sisa domestik sahaja manakala selebihnya adalah kutipan dari sisa swasta yang dikutip oleh kontraktor persendirian.	

sambungan

<table>
<tr><th>Perkara</th><th colspan="3">Perincian</th></tr>
<tr><td>Perincian Inisiatif</td><td colspan="3">i. Menyediakan infrastruktur pengumpulan sisa pepejal yang mencukupi di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti kawasan rekreasi dan bandar.
ii. Mengadakan program kesedaran pengurusan sisa pepejal dengan menerapkan pelaksanaan amalan hijau dan kitar semula melalui kaedah pemisahan pada punca (segragation at source) dalam kalangan penduduk tempatan.
iii. Meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal masa nyata menggunakan teknologi dan IoT seperti
• Fleet Management (Waste Management System (Automated Vehicle Location System (AVLS)
• Smart Bin
• Sistem / Aplikasi Pengurusan Sisa Pepejal</td></tr>
<tr><td>Kepentingan Cadangan</td><td colspan="3">i. Mengawal pencemaran alam sekitar dan menjamin kualiti alam sekitar yang sihat.
ii. Menjana pendapatan sampingan hasil daripada aktiviti kitar semula.</td></tr>
<tr><td>Peneraju</td><td colspan="3">i. Kerajaan Negeri</td></tr>
<tr><td>Pelaksana</td><td colspan="3">i. JPSPN
ii. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam</td></tr>
<tr><td>Fasa Pelaksanaan</td><td>2022-2025</td><td>2026-2030</td><td>2031-2035</td></tr>
<tr><td></td><td>√
Menyediakan infrastruktur pengumpulan sisa pepejal yang mencukupi di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai</td><td colspan="2">√
Mengadakan program kitar semula melalui kaedah pemisahan pada punca (segragation at source) dalam kalangan penduduk tempatan.

√
Pelaksanaan program pengumpulan sisa elektronik isi rumah untuk mengelakkan pembuangan sisa berkenaan ke tapak pelupusan.</td></tr>
<tr><td>Sasaran / Indikator Pencapaian</td><td>Peratusan kadar kitar semula 25%</td><td>Peratusan kadar kitar semula 45%</td><td>Peratusan kadar kitar semula 65%</td></tr>
<tr><td>Pencapaian SDG</td><td colspan="3"> </td></tr>
</table>

PENEMPATAN LOKASI PUSAT KITAR SEMULA

Cadangan penempatan lokasi pusat kitar semula ini bagi meningkatkan program 3R di kalangan masyarakat. Selain itu, cadangan ini dapat mengurangkan isipadu sisa pepejal yang dibuang ke tapak pelupusan.

Contoh Tong Kitar Semula Mengikut Kategori

Contoh Pengasingan Sampah Basah dan Sampah Kitar Semula

Contoh Pusat Kitar Semula

PELUPUSAN SISA MAKANAN MELALUI KAEDAH PERKOMPOSAN SISA

Menurut laporan *Waste Management Compedium* Edisi Ketiga daripada SWCorp, sisa makanan yang terkumpul dari Tapak Pelupusan Belengu Halt adalah sebanyak 20%. Dengan terlaksananya kaedah pengkomposan sisa ini, sisa makanan tersebut dapat dikitar semula dan diolah menjadi baja kompos organik. Ini dapat merealisasikan hasrat kerajaan dan agensi berkaitan untuk mengurangkan pembuangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah. Selain itu, sisa makanan yang menjadi punca pembebasan gas metana turut dapat dikurangkan jika pengkomposan sisa dilaksanakan.

Antara komponen projek adalah:

1. **Pengkomposan sisa**
- Mensyaratkan setiap restoran, hotel dan pasar basah untuk menyediakan tong kompos dan membuang sisa makanan ke dalam tong berkenaan. Proses dan kaedah pengkomposan dilakukan sendiri oleh pemilik restoran, hotel dan pasar basah untuk dijadikan baja organik.

2. **Biodigester**
- Mempromosikan sistem biodigester dalam kalangan isi rumah yang mesra pengguna.

Konsep Pengkomposan Sisa

Contoh Kaedah Tong Kompos

ContohTong Kompos

Contoh larutan yang mengandungi microorganisma yang diperlukan untuk memulakan proses pengkomposan

Konsep Biodigester

Sumber:https://konsepbiodigesterdiagram

UNJURAN PENJANAAN SISA PEPEJAL BAGI KAWASAN BANDAR BARU LEMBAH PINTAR *(SMART CITY)*

Unjuran untuk penjanaan sisa pepejal dibuat berdasarkan andaian penjanaan sebanyak 0.8 kilogram bagi setiap orang untuk sehari. Menjelang tahun 2035, adalah dianggarkan sisa pepejal yang dijanakan di kawasan kajian adalah berjumlah 177 tan/hari. Jadual di bawah menunjukkan unjuran penjanaan sisa pepejal sehingga tahun 2035 bagi keseluruhan Mukim Perak iaitu kawasan di mana Bandar Baru Lembah Pintar *(Smart City)* dibangunkan.

Jadual 5.35 : Unjuran Penjanaan Sisa Pepejal bagi Tahun 2020-2035 (kg)

Tahun / Mukim	2020	2025	2030	2035
Perak	48.08	51.20	54.24	55.44

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)



Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)



Petunjuk :

Cadangan Perluasan

Jenis Guna Tanah

Pengangkutan

Pertanian

Hutan

Lain-Lain Petunjuk :

Laluan Rel

Sempadan Daerah

Sumber :
1. Majlis Pembandaran Temerloh, & SWCorp 2021

Rajah 5.39 : Cadangan Menambah Keluasan Kawasan Tapak Pelupusan Sedia Ada

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 400,000



LS5–S2 Peningkatan Keberkesanan Sistem Bekalan Air Terawat

Beberapa kawasan di Daerah Temerloh masih menghadapi gangguan bekalan air sama ada disebabkan oleh tekanan rendah mahupun masalah paip bocor. Kadar pembangunan yang dijangka meningkat dengan pelaksanaan projek-projek yang dirancang akan menambah tekanan ke atas permintaan bekalan air. Sumber air perlu dijaga dengan baik bagi memelihara bekalan air yang mencukupi untuk masa hadapan. Perancangan yang sistematik dalam pengurusan air adalah suatu keperluan supaya bekalan air tidak akan dibazirkan dan dapat digunakan bagi pelbagai jenis aktiviti pembangunan. Ia juga bagi menjamin setiap pengguna mendapat bekalan yang mencukupi.

Jadual 5.36 : Cadangan Peningkatan Keberkesanan Sistem Bekalan Air Terawat

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Peningkatan Keberkesanan Sistem Bekalan Air Terawat Melalui Pembinaan Loji Rawatan Air Lancang Dan Penggantian Paip Sedia Ada.	
Kod Cadangan	LS5-S2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	• Loji Rawatan Air Mempatih • Penggantian semua paip usang dalam daerah Temerloh secara berperingkat.	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Masih terdapat beberapa aktiviti di kawasan tadahan utama di dalam kawasan sub tadahan yang melibatkan aktiviti pertanian, perladangan, perlombongan pasir, perindustrian serta perusahaan sangkar ikan. ii. Masalah paip sering pecah adalah melibatkan paip dari jenis AC dan HDPE yang telah berusia melebihi 20 tahun. Ini adalah melibatkan kawasan seperti di: • Kg Terengging, Kuala Krau (paip AC 200 mm) • Jalan Bolok Hilir- Bkt Damar , Lanchang (AC 150 mm) • Jalan Triang (HDPE 355 mm) • Jalan Pekeliling, Mentakab (AC 450 mm)	

sambungan

Perkara	Perincian
Pernyataan Isu / Penemuan	• Kg Pamah Kaseh – Rumah banjir Charuk Putting / Kg Serendang (AC150 mm) • Kg Baru Cina, Mentakab (AC150mm) • Kg Bangau Tanjung hingga Kg Loyang (AC150mm) • Kg Pamah Kaseh – Rumah banjir Charuk Putting / Kg Serendang (AC150 mm) • Kg Baru Cina, Mentakab (AC150mm) • Kg Bangau Tanjung hingga Kg Loyang (AC150mm) iii. Tekanan bekalan air yang rendah yang melibatkan kawasan tinggi / di penghujung sistem retikulasi iaitu: • Kampung Sempadan, Lanchang • Kg Desa Bakti • Kg Desa Murni • Kg Paya Mengkuang (Kg Orang Asli) • Kg Sanggang Seberang • Kg Kenangan, Lanchang • Taman Tg Ampuan Afzan, Lanchang • Kg Bkt Licin (Kg Orang Asli) • Kg Sungai Leleh (Kg Orang Asli) • Kg Desa Purun • Kg Bolok, Lanchang
Fakta Asas / *Baseline*	i. Keseluruhan loji air PAIP menjana 193 juta liter sehari (JLH). Kadar pengeluaran terkini adalah berjumlah 165.7 JLH. Keperluan penggunaan adalah tidak mencukupi kerana berada di bawah kapasiti loji. ii. Pembaziran air serta kadar *Non Revenue Water (NRW)* yang tinggi iaitu sebanyak 65.27% disebabkan paip usang dan lama.
Perincian Inisiatif	i. Pembekalan air tambahan kepada penduduk Daerah Temerloh ii. Penggunaan teknologi dan IoT ke arah Sistem Pengurusan Air Pintar • Pusat Kawalan Pintar dan Sistem Pengurusan Air (contoh meningkakan penggunaan CCTV dan sensor bagi memantau pencemaran dan aras air serta kebocoran air • Adakah sistem SCADA air Pahang tersedia dengan sensor masa nyata • Smart Water Meter (pembangunan sedia ada dan baharu) • Sistem / Aplikasi Air untuk meningkatkan pengalaman pelanggan (maklumat bekalan air, kebocoran, gangguan bekalan air, bayaran dan sebagainya)
Kepentingan Cadangan	i. Menampung permintaan bekalan air pada masa akan datang supaya sentiasa mencukupi. ii. Tiada pembaziran bekalan air berlaku.

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	iii. Menambahkan sumber bekalan air di Temerloh terutamanya untuk pembangunan baru dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber luaran iv. Meningkatkan rizab bekalan air v. Mengurangkan air tanpa hasil dan meningkatkan tekanan air ke pengguna.		
Peneraju	Kerajaan Negeri		
Pelaksana	PAIP		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√ Penggantian meter SIV, meter pengguna dan pemetaan GIS & penggantian / pembaikan tangki	√ Penggantian paip usang kepada paip baru secara menyeluruh	√ Penggantian paip usang kepada paip baru secara menyeluruh
Sasaran Pencapaian	Kadar *Non Revenue Water* (NRW) sebanyak 50%	Kadar *Non Revenue Water* (NRW) sebanyak 45%	Kadar *Non Revenue Water* (NRW) sebanyak 30%
Pencapaian SDG			

Paip polietilina ketumpatan tinggi yang baharu (kiri) dan simen asbestos yang usang

Paip baharu yang sedia diganti

PEMELIHARAAN SUMBER AIR

Bagi mengelakkan masalah penutupan loji rawatan air di Daerah Temerloh, pencemaran di Sg Pahang dan Sg Semantan harus diatasi. Selaras dengan itu, bagi memastikan kuantiti dan kualiti sumber air terpelihara dari punca-punca pencemaran ini langkah-langkah berikut telah dilaksanakan :



01 Memastikan aktiviti pertanian, perladangan, perlombongan pasir, perindustrian serta perusahaan sangkar ikan dijalankan di kawasan yang ditetapkan dan dilengkapi dengan sistem rawatan efluen

02 Tindakan perundangan notis, denda, sitaan, dakwaan dan rampasan tanah terhadap pesalah laku.

03 Penubuhan Pasukan Kecemasan Pencemaran Sumber Air secara 24 jam yang sentiasa bersiapsiaga turun ke tapak bagi mengatasi dan mengurangkan kesan yang lebih teruk terhadap sungai dan loji yang ditutup akibat pencemaran.

04 Memastikan pemeliharaan rizab sungai daripada diceroboh bagi tujuan pembinaan struktur, pembuangan sampah, penternakan dan sebagainya

05 Memastikan pematuhan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) bagi aktiviti kerja tanah

06 Memastikan pematuhan aktiviti pengorekan pasir mengikut skim dan Kebenaran Bertulis Pengarah Syarikat Pengurusan Air Negeri

07 Memastikan pematuhan pihak Pemaju bagi operasi dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan swasta dan individu seperti hospital, institut pengajian tinggi dan lain-lain dengan kerjasama pihak Indah Water Konsortium (IWK), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS)

08 Melaksanakan program dialog bersama pihak berkepentingan untuk menggalakkan kerjasama di dalam penjagaan sumber air dan persekitarannya



Petunjuk :

Sistem Bekalan Air

- Loji Rawatan Air
- Water Intake

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh

Sumber :
1. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), 2021

Rajah 5.40 : Sistem Bekalan Air Daerah Temerloh

Pelan Lokasi
Skala Pelan 1 : 1,500,000



Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH)

Penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) ini boleh dikategorikan sebagai salah satu inisiatif pelaksanaan Pembangunan Kejiranan Hijau. Ia boleh diaplikasikan di bangunan swasta, kerajaan dan perumahan baru.



Komponen SPAH Bangunan seperti:

- *Catchment area* – Kawasan permukaan untuk mengumpul air hujan seperti bumbung.
- *Conveyance* – Saluran paip yang menyalur air hujan dari kawasan tadahan air ke tangki menyimpan air hujan.
- *First flush* – Sistem untuk menapis atau mengeluarkan bahan-bahan kotor dan sampah dengan menggunakan peranti yang berasingan.
- *Storage tanks* – Tangki untuk menakung air hujan.
- *Distribution* – Sistem untuk menyalurkan air hujan untuk kegunaan harian, sama ada secara graviti atau pam.

Contoh Lima Komponen SPAH Bangunan



Contoh *gutter* untuk mengalirkan air hujan ke tangki air



Contoh bakul tapisan (*basket strainer*)

Jadual 5.37 : Permintaan Air Hujan untuk Kegunaan Domestik

Kegunaan	Jenis	Purata Penggunaan	Purata Jumlah Permintaan Air Hujan
A. Dalaman			
Tandas	*Single Flush*	9 liter per curahan	120 liter sehari
	Dual Flush	6 atau 3 per curahan	40 liter sehari
Mesin Cuci Baju	*Twin Tub* (semi-auto)		40 liter sekali
	Front Loading		80 liter per cucian
	Top Loading		170 liter per cucian
Mesin Cuci Pinggan	-		20 – 50 liter per cucian
Pembersihan Umum	-	10 – 20 liter per minit	150 liter sehari
B. Luaran			
Sprinkler / Handheld Hose	-	10 – 20 liter per minit	1000 liter per jam
Drip System	-		4 liter
Hosing Path / Driveways	-	20 liter per minit	200 liter per jam
Mencuci kereta dengan *Running Hose*	-	10 – 20 liter per minit	100 – 300 liter per cucian

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (2011), 2nd Edition – Urban Stormwater Management Manual for Malaysia

UNJURAN BEKALAN AIR BAGI KAWASAN BANDAR BARU LEMBAH PINTAR *(SMART CITY)*

Unjuran kuantiti bekalan air di kawasan Bandar Baru Lembah Pintar *(Smart City)* diramalkan dengan berdasarkan unjuran penduduk di Mukim Perak. Hal ini disebabkan kuantiti penggunaan air yang digunakan adalah berkadaran terus dengan jumlah penduduk. Kadar penggunaan bekalan air yang digunakan ialah 220 liter bagi seorang penduduk per hari. Jadual di bawah menunjukkan unjuran penggunaan bekalan air sehingga tahun 2035 bagi keseluruhan Mukim Perak iaitu kawasan di mana Bandar Baru Lembah Pintar *(Smart City)* dibangunkan.

Jadual 5.38 : Unjuran Penggunaan Bekalan Air bagi Tahun 2020-2035 (Juta Liter Sehari (JLH))

Tahun / Mukim	2020	2025	2030	2035
Perak	13.222	14.080	14.916	15.246

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh (Penggantian) 2035)



Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh (Penggantian) 2035)

LS5–S3 Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi

Permintaan tenaga elektrik di Daerah Temerloh dijangka meningkat pada tahun 2035 dan dapat ditampung memandangkan terdapat usaha-usaha peningkatan kapasiti penjanaan dan sistem pengagihan. Di samping itu, terdapat juga galakan kerajaan dalam menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang lebih cekap.

Jadual 5.39 : Cadangan Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi	
Kod Cadangan	LS5-S3	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Keseluruhan Daerah Temerloh ii. PMU Baru di Kg Awah (Mukim Bangau) iii. Talian Rentis melibatkan Mukim Semantan	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Aset TNB sedia ada yang membekalkan tenaga elektrik ke Daerah Temerloh ialah PMU Songsang, Mentakab, Kawasan Industri Temerloh, Jambu Rias serta PMU Kg Awah (luar kawasan kajian). ii. Talian rentis yang melalui daerah Temerloh terdiri dari talian 132kv dan 33kv. Terdapat juga beberapa talian voltan tinggi 132kV dan 275kVV yang merentangi kawasan kajian bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik dalam kawasan Temerloh.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kawasan kajian tidak mengalami masalah gangguan elektrik yang serius dan masalah yang dihadapi adalah bersifat tempatan. ii. Indeks tahunan SAIDI 2019 bagi seluruh Semenanjung Malaysia adalah 48.21 (minit/pelanggan/tahun).	
Perincian Inisiatif	i. Pembekalan, kecekapan perkhidmatan dan pengagihan bekalan elektrik yang efisien dalam daerah Temerloh ii. Pelaksanaan dan perancangan Smart Meter di kawasan Temerloh. (Sistem Grid Pintar Dan Tarif Masa)	

sambungan

<table>
<tr><th>Perkara</th><th colspan="3">Perincian</th></tr>
<tr><td>Kepentingan Cadangan</td><td colspan="3">i. Menambah jumlah keperluan tenaga elektrik kepada kawasan sekitarnya dan menjamin keperluan pembangunan akan datang yang mencukupi.
ii. Menyediakan bekalan sumber tenaga yang mencukupi menjadi penggerak kemajuan dengan tarikan kemasukan pelabur-pelabur dari luar
iii. Menyediakan perkhidmatan bekalan elektrik tanpa gangguan</td></tr>
<tr><td>Peneraju</td><td colspan="3">Kerajaan Persekutuan</td></tr>
<tr><td>Pelaksana</td><td colspan="3">i. TNB
ii. Suruhanjaya Tenaga
iii. SEDA</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Fasa Pelaksanaan</td><td>2023-2025</td><td>2026-2030</td><td>2031-2035</td></tr>
<tr><td>√
Mengkaji rizab bagi perletakan PMU baru.
& pembinaan PMU dan PPU baru seiring dengan pertambahan permintaan bekalan.</td><td colspan="2">√
Pembinaan PMU dan PPU baru seiring dengan pertambahan permintaan bekalan &
√
Meningkatkan kapasiti PMU seiring dengan pertambahan permintaan bekalan.</td></tr>
<tr><td>Sasaran / Indikator Pencapaian</td><td>Kecekapan perkhidmatan kepada kerosakan yang dinilai melalui Indeks SAIDI dipertingkatkan.</td><td>Kecekapan perkhidmatan kepada kerosakan yang dinilai melalui Indeks SAIDI dipertingkatkan.</td><td>Penggunaan bekalan elektrik mencukupi (100%) dengan kadar permintaan.</td></tr>
<tr><td>Pencapaian SDG</td><td colspan="3">
</td></tr>
</table>

Konsep Panel Solar



Contoh Panel Solar di Institusi Pendidikan

Contoh Panel Solar di Syarikat Swasta

Contoh Panel Solar di Kediaman Persendirian

UNJURAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI KAWASAN BANDAR BARU LEMBAH PINTAR *(SMART CITY)*

Terdapat lima (5) buah Pencawang Masuk Utama (PMU) yang membekalkan bekalan elektrik ke seluruh daerah Temerloh. Buat masa kini, jumlah keseluruhan kapasiti PMU adalah sebanyak 195 MW dan masih berlebihan sebanyak 39% lagi dengan permintaan bekalan elektrik sebanyak 74.72 MW. Selain ke kawasan Bandar Baru Lembah Pintar *(Smart City)* yang akan dibangunkan kelak, PMU sedia ada juga membekalkan elektrik ke kawasan sekitar. Ini bermakna segala perancangan baharu seperti Bandar Baru Lembah Pintar *(Smart City)* djangka akan dapat ditampung buat masa kini. Namun sebagai persediaan, unjuran tenaga elektrik bagi kesemua lima (5) PMU ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah bagi memberi gambaran keperluan bekalan elektrik pada masa akan datang.

Unjuran bekalan elektrik dilakukan berdasarkan maklumat dari pihak TNB bahawa unjuran pertambahan bekalan adalah sebanyak 1.5% dari penggunaan semasa (2021). Anggaran penggunaan elektrik bagi setiap jenis kategori pengguna di bawah digunakan bagi tujuan unjuran dan diunjurkan di semua waktu penggunaan bekalan elektrik. Menjelang tahun 2035, adalah dianggarkan bekalan elektrik yang diperlukan dalam daerah Temerloh adalah berjumlah 90.40 MW. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 15.68 MW berbanding penjanaan tahun 2021. Jadual di bawah menunjukkan unjuran penggunaan bekalan elektrik sehingga tahun 2035 berdasarkan unjuran pertambahan bekalan elektrik sebanyak 1.5% *growth rate*.

Jadual 5.40 : Unjuran Penggunaan Bekalan Elektrik bagi Tahun 2021-2035 (megawatt (MW))

Nama Pencawang Masuk Utama (PMU)	Penggunaan Semasa 2021 (MW)	Unjuran Penggunaan Bekalan Elektrik mengikut Tahun (MW)		
		2025	2030	2035
PMU Songsang	14.23	15.08	16.15	17.21
PMU Mentakab	16.20	17.17	18.39	19.60
PMU Kawasan Industri Temerloh	28.10	29.79	31.89	34.00
PMU Jambu Rias	6.69	7.09	7.59	8.09
PMU Kg. Awah (Luar kawasan)	9.50	10.07	10.79	11.50
Jumlah	**74.72**	**79.20**	**84.81**	**90.40**

Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)



Sumber: Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian)



Petunjuk :

Sistem Bekalan Elekrik

- Pencawang Masuk Utama (PMU)
- Cadangan Pencawang Masuk Utama (PMU)
- Laluan Rentis
- Cadangan Laluan Rentis

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh

Sumber :
1. TNB Grid, 2021

Rajah 5.41 : Sistem Bekalan Elektrik Daerah Temerloh

Pelan Lokasi
Skala Pelan 1 : 1,500,000

LS5–S4 Perancangan Loji Rawatan Kumbahan Yang Berkualiti dan Cekap

Sistem pembetungan yang terbaik adalah dengan cara menggunakan sistem kumbahan berpusat di dalam kawasan kajian supaya memudahkan proses pengurusan sistem kumbahan. Sehingga kini, hanya terdapat 90 buah loji rawatan kumbahan awam serta 2 NPS bersambung di bawah seliaan pihak IWK dengan jumlah *population equivalents* (PE) adalah 115,363 PE pada Jun 2021. Kawasan kampung dan pedalaman masih menggunapakai sistem kumbahan lama dan tradisional.

Jadual 5.41: Cadangan Perancangan Loji Rawatan Kumbahan Yang Berkualiti dan Cekap

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Perancangan Loji Rawatan Kumbahan Yang Berkualiti dan Cekap	
Kod Cadangan	LS5-S4	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Keseluruhan Daerah Temerloh terutamanya Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Kebanyakan sistem pembetungan daerah Temerloh masih lagi menggunakan sistem tangki septik komunal (CST), tangki septik persendirian (IST) dan primitif (*pour flush*) terutama di kawasan perkampungan yang jauh dari bandar. ii. Semua sistem ini tidak mematuhi piawaian efluen akhir yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). iii. IWK mengawal selia dan menyelenggara loji- loji rawatan kumbahan awam. Bagi loji rawatan kumbahan persendirian, CST, IST dan *pour flush* di bawah tanggungjawab individu / persendirian.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Hanya terdapat 90 buah loji rawatan kumbahan awam serta 2 NPS bersambung di bawah seliaan pihak IWK dengan jumlah *population equivalents* (PE) adalah 115,363 PE ii. Lokasi Loji Enap Cemar bagi daerah Temerloh adalah di Taman Bukit Bendara (CTF) – HTH079	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Penyediaan rizab khas untuk tapak komited loji rawatan sisa kumbahan kapasiti >100,000 PE ii. Kajian kebolehlaksanaan sistem Mini *Regionalisation Sewage Treatment Plant* Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab		
Kepentingan Cadangan	i. Mencapai tahap pengurusan sisa kumbahan yang lebih efisien dan sedia dipantau pihak berkuasa ii. Mengurangkan punca pencemaran tanah serta badan air disebabkan pembebasan sisa kumbahan secara terus tanpa rawatan.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) ii. Indah Water Konsortium (IWK)		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√ Penyediaan rizab khas untuk untuk tapak komited loji rawatan sisa kumbahan kapasiti >100,000 PE √ Kajian kebolehlaksanaan serta pelaksanaan sistem Mini *Regionalisation Sewage Treatment Plant* Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab		√ Cadangan Pelaksanaan Sistem Pembetungan Serantau *(Regional)* bagi Bandar Temerloh dan Bandar Mentakab
Sasaran Pencapaian	Kemudahan tapak komited bagi sistem kumbahan	Pelaksanaan kajian serta lantikan perunding	Kadar pencemaran badan air / sungai serta tanah berkurangan
Pencapaian SDG			



Petunjuk :

- Loji Rawatan Kumbahan

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 1,500,000



Rajah 5.42 : Sistem Pembetungan Daerah Temerloh

Tangki septik dan tandas curah yang tidak diselenggara akan menyebabkan pencemaran sumber air di sungai dan air bawah tanah akibat daripada lebihan enapcemar yang melimpah keluar. Bagi kawasan luar bandar dan pedalaman, tangki septik perlu dikosongkan sekali dalam dua tahun.

Bagi mengawal punca-punca pencemaran daripada sistem pembetungan ini, beberapa langkah perlu dilaksanakan seperti:

- Kempen kesedaran bagi membuat penyedutan tangki septik individu dan komunal sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun.
- Pemantauan dan penyelenggaraan secara berjadual bagi kawasan yang pernah mendapat perkhidmatan penyelenggaraan dan penyedutan tangki septik individu dan tandas curah.

Contoh pengosongan tangki septik yang dilakukan oleh pemilik premis

Terdapat banyak rumah-rumah kampung dan perumahan lama yang menggunakan sistem tandas curah dan tangki septik yang menggunapakai piawaian lama. Penambahbaikan pada sistem kumbahan ini perlu dilaksanakan agar punca-punca pencemaran daripada sistem pembetungan ini dapat dikawal. Antara komponen cadangan ini adalah:

- Pembangunan baru yang ingin dibangunkan harus menggunakan tangki yang mengikut standard terkini dari SPAN. Salah satu contoh Tangki Septik PE "MF", direka bentuk untuk menawarkan proses rawatan sebagai sistem tangki septik konvensional atau sistem berpenapis seperti yang dispesifikasikan oleh Jabatan Standard Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Contoh Tangki Septik PE "MF"

- Penggantian tangki di rumah-rumah yang menggunapakai sistem pembetungan lama kepada tangki septik individu standard secara berperingkat. Lokasi yang dicadangkan bermula dari rumah-rumah di kawasan hulu *intake water* di mana Kualiti Air di kawasan ini berada pada tahap Standard A. Keadaan ini bagi memastikan Kualiti Air di bahagian hulu dijaga dengan baik.
- Menyediakan Pelan Induk Rangkaian Sistem Kumbahan secara komprehensif. Pelan induk akan menyatakan lokasi loji rawatan kumbahan, penyambungan paip dan perancangan ke arah loji kumbahan bersifat *regional*.

Contoh Infografik Tangki Septik



5.1.6 STRATEGI 6: Menyediakan Kemudahan Masyarakat Kondusif dan Bersepadu

Pembangunan Pusat Pertumbuhan Baru Bandar Pintar *(Smart City)* juga turut memerlukan penyediaan kemudahan masyarakat yang berfungsi untuk kesejahteraan penduduk di daerah Temerloh. Kemudahan masyarakat yang kondusif akan memberi kesan yang baik untuk aktiviti harian penduduk. Cadangan kemudahan masyarakat yang diterangkan dalam bahagian ini mempunyai komponen pembinaan secara bersepadu dan secara integrasi supaya penggunaan tanah di daerah Temerloh dapat dibangunkan secara optimum berpandukan garis panduan perancangan yang terkini yang telah disediakan PLANMalaysia.

Jadual 5.42: Keperluan Penambahan Kemudahan Masyarakat bagi Tahun 2035

Kemudahan	Jumlah pada Tahun 2021	Keperluan bagi Tahun 2035	Keperluan penambahan
Kemudahan Pendidikan			
Sekolah Rendah	66	88	(+) 22
Sekolah Menengah	19	26	(+) 7
IPT	4	5	(+) 1
Kemudahan Kesihatan			
Klinik Kesihatan	8	13	(+) 5
Klinik Desa	24	58	(+) 34
Kemudahan Keselamatan			
Ibu Pejabat Polis	1	1	-
Balai Polis	5	18	(+) 13
Balai Bomba	4	6	(+) 2
Kemudahan Keagamaan			
Masjid	83	83	(+) 2 **
Tokong	6	18	(+) 12
Kuil	4	8	(+) 4
Kemudahan Komuniti			
Balai Raya	21	39	(+) 18
Perpustakaan Desa	8	26	(+) 18

*Nota: ** Keperluan penambahan masjid bagi bandar baharu Smart City.*

Sebanyak empat (5) cadangan projek pembangunan yang telah dicadangkan dalam bahagian ini yang terdiri daripada dua (2) projek utama dan tiga (3) projek sokongan seperti yang ditunjukkan di bawah:



Senarai strategi

LS6 – U1	Pembangunan Kemudahan Masyarakat Bersepadu
LS6 – U2	Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat Seri Tualang (Pusat Bencana Temerloh 2)
LS6 – S1	Pembinaan Kemudahan Pendidikan
LS6 – S2	Pembinaan Kemudahan Kesihatan
LS6 – S3	Peningkatan Kemudahan Keselamatan

LS6-U1 Pembangunan Kemudahan Masyarakat Bersepadu

Cadangan pembangunan kemudahan masyarakat bagi daerah Temerloh ini adalah secara vertikal (menegak) dalam plot tanah yang lebih kecil dengan nisbah plot yang tinggi. Cadangan pembangunan vertikal ini adalah bagi menyesuaikan keadaan semasa kawasan daerah ini yang sering terlibat dengan bencana banjir dan supaya cadangan kemudahan awam ini dapat beroperasi secara optimum walaupun dilanda bencana banjir.

Kaedah yang digunakan bagi cadangan pembangunan vertikal ini adalah secara **bersepadu** dengan kemudahan awam lain yang bersesuaian dan diterangkan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.43: Cadangan Pembangunan Kemudahan Masyarakat Bersepadu

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Kemudahan Masyarakat Bersepadu	
Kod Cadangan	LS6-U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Inisiatif 1: Lot 388 dan 1893, Mukim Perak Inisiatif 2: Lot 20191, Mukim Perak. Inisiatif 3: Mukim Perak	
Keluasan / Jarak	Inisiatif 1: 1.85 hektar Inisiatif 2: 15 hektar Inisiatif 3: Anggaran 5 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
	/	Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keperluan perancangan terbaharu iaitu secara vertikal bagi kemudahan masyarakat adalah berdasarkan keadaan semasa daerah dan mengikut garis panduan perancangan yang terkini. ii. Bencana banjir yang berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Pembangunan kemudahan masyarakat bersepadu melibatkan beberapa kemudahan masyarakat yang digabungkan dalam satu bangunan mengikut garis panduan perancangan terkini. ii. Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Klinik kesihatan (Jenis 1, 2, 3), Klinik Komuniti dan Bit Polis boleh dibangunkan secara bersepadu dan vertikal.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	**Inisiatif 1:** i. Cadangan pembangunan sekolah kompleks di Lot 1893, Mukim Perak yang merangkumi sebuah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah. **Inisiatif 2:** i. Cadangan pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama **Inisiatif 3:** i. Mencadangkan pendekatan pembangunan kemudahan Pendidikan yang bersepadu dengan kemudahan lain seperti kemudahan kesihatan, keselamatan dan komuniti. ii. Pembinaan kemudahan masyarakat bersepadu di dalam satu kompaun kawasan yang sama yang merangkumi: • Sekolah rendah • Pusat komuniti (Jenis 1) • Klinik komuniti • Bit polis		
Kepentingan Cadangan	i. Memenuhi keperluan semasa dan akan datang bagi penduduk di daerah Temerloh. ii. Meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk di daerah Temerloh dari segi kualiti pendidikan, kesihatan dan keselamatan. iii. Cadangan pembangunan bersepadu ini boleh digunakan secara *'multi-used space'* di mana ianya turut berperanan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) apabila berlakunya banjir di daerah Temerloh.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. BPEN ii. Jabatan Pendidikan Negeri. iii. Pejabat Kesihatan Negeri. iv. Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh. v. Pejabat Kesihatan Daerah Temerloh		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	-	√
Sasaran Pencapaian	-	-	Pembangunan dua blok bangunan kemudahan masyarakat bersepadu secara vertikal.

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

Contoh pembangunan kemudahan masyarakat bersepadu



Illustrasi Pembangunan Kemudahan Msyarakat Secara Vertikal (Bersepadu)

LS6-U2 Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat Seri Tualang (Pusat Bencana Temerloh 2)

Banjir sering berlaku di daerah Temerloh hampir setiap tahun dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda serta menjejaskan kehidupan penduduk setempat. Oleh itu, pembinaan kemudahan guna sama berpusat yang juga turut berpotensi sebagai Pusat Pemindahan Tetap (PPT) dicadangkan bagi daerah Temerloh. Berpandukan Garis Panduan Perancangan (GPP) Bandar Berdaya Tahan Bencana Di Malaysia (2019), pusat pemindahan tetap perlu disediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit bagi daerah berisiko bencana. Pusat bencana daerah pertama telahpun dicadangkan dalam cadangan LS1-U2 iaitu di *Smart City*. Bagi cadangan LS6-U2 ini pula, cadangan pusat bencana daerah yang kedua dicadangkan di Seri Tualang iaitu melalui pembinaan kompleks sukan dan klinik desa yang dibangunkan secara berpusat yang mempunyai dua fungsi iaitu pertama, sebagai kemudahan pada waktu biasa dan kedua, sebagai PPT pada musim bencana. Perincian cadangan ditunjukkan seperti di bawah:

Jadual 5.44 : Cadangan Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat Seri Tualang

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat Seri Tualang	
Kod Cadangan	LS6-U2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Seri Tualang	
Keluasan / Jarak	27 ekar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
		Perancangan Baharu
	/	Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Bencana banjir yang berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh. ii. Taburan banjir yang terjadi di daerah Temerloh berlaku dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Disember.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Tiada kawasan Pusat Pemindahan Tetap (PPT) di daerah Temerloh sebagai persediaan menghadapi bencana terutamanya bencana banjir. ii. Pembinaan kemudahan guna sama secara berpusat berpotensi menjadi Pusat Pemindahan Tetap (PPT) pada musim bencana selain berperanan sebagai kemudahan masyarakat yang umum pada hari biasa.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Komponen cadangan yang akan dibangunkan adalah sebuah kompleks sukan di Seri Tualang yang juga merupakan projek komited oleh Majlis Perbandaran Temerloh (MPT) yang dilengkapi dengan kemudahan sokongan seperti padang bola, surau, gelanggang badminton yang luas, tempat letak kenderaan (TLK) yang banyak dan tersusun. ii. Komponen kedua yang akan dibina adalah sebuah klinik desa berhampiran dengan kompleks sukan yang turut mempunyai padang yang luas yang dikongsi dengan kompleks sukan. iii. Kedua-dua komponen ini turut dilengkapi kemudahan wifi yang menyeluruh dengan penyediaan pusat internet komuniti (PIK)		
Kepentingan Cadangan	i. Menyediakan kemudahan guna sama berpusat yang dikongsi dengan pembangunan sekitar. ii. Menjimatkan kos pembinaan kemudahan yang lain di mana kemudahan berpusat ini boleh digunakan oleh pembangunan sekitar kawasan cadangan. iii. Pengurusan bencana di daerah Temerloh akan lebih efisien. iv. Meningkatkan tahap keselamatan dan kesiapsiagaan mangsa bencana di daerah Temerloh.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. Majlis Sukan Negara ii. Pejabat Kesihatan Negeri. iii. Pejabat Kesihatan Daerah Temerloh		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Pembinaan kompleks sukan dan klinik desa	-

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	



Pembinaan kompleks sukan dan klinik desa yang dilengkapi dengan kemudahan dan dijadikan sebagai Pusat Bencana Temerloh 2

LS6-S1 Pembinaan Kemudahan Pendidikan

Kemudahan pendidikan adalah penting bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan dari aspek pencapaian ilmu serta peningkatan modal insan dalam kalangan penduduk, khususnya di daerah Temerloh. Berdasarkan unjuran penduduk hingga tahun 2035, sebanyak 19 unit sekolah rendah dan lima unit sekolah menengah diperlukan bagi daerah Temerloh. Permintaan sekolah rendah telah dicadangkan di dalam cadangan LS6 – U1. Oleh yang demikian, cadangan pembinaan sekolah baharu akan memfokuskan kepada pembinaan sekolah menengah. Cadangan pembinaan sekolah menengah yang baru ini akan mengambilkira beberapa perancangan terbaharu yang akan diadaptasikan bagi menyesuaikan keadaan daerah Temerloh yang terletak dalam kawasan bencana banjir. Pembinaan sekolah baharu ini akan digunakan secara *'multi-used space'* iaitu sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sebagai kesiapsiagaan risiko bencana dan kecemasan. Huraian terperinci bagi cadangan ini ditunjukkan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.45 : Cadangan Pembinaan Sekolah Menengah

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembinaan Sekolah Menengah	
Kod Cadangan	LS6-S1a	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Inisiatif 1: Bandar Baru Lembah Pintar. Inisiatif 2: Mukim Perak Inisiatif 3: Mukim Mentakab. Inisiatif 4: Mukim Jenderak.	
Keluasan / Jarak	Inisiatif 1, 2, 3, 4: Anggaran 30 ekar untuk satu sekolah menengah	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Bencana banjir yang berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh. ii. Keperluan kepada perancangan baru dalam pembinaan kemudahan pendidikan bagi kawasan yang sering menghadapi bencana banjir, dengan mematuhi garis panduan perancangan.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Fakta Asas / *Baseline*	i. Sekolah berpotensi dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS). ii. Sekolah disiapsiaga dengan ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian bagi menangani situasi kecemasan seperti: • Tapak perhimpunan kecemasan *(emergency assembly point).* • Laluan kecemasan seperti tangga dan susur tangga kedua. • Padang sekolah yang luas dan selamat untuk helikopter mendarat.		
Perincian Inisiatif	i. Sebanyak 6 unit sekolah menengah yang diperlukan dalam daerah Temerloh yang meliputi mukim Perak (1 unit), mukim Mentakab (3 unit) dan mukim Jenderak (2 unit). ii. Menyediakan sekolah menengah yang dilengkapi dengan kemudahan sokongan sebagai persediaan menghadapi bencana banjir seperti bot pelampung, khemah *partition* dan bekalan elektrik alternatif seperti *mobile generator* sekiranya tiada elektrik. iii. Menyediakan tangki simpanan air bersih mencukupi untuk menampung bilangan mangsa bencana dalam tempoh menduduki pusat tersebut sekurang-kurangnya tujuh hari. iv. Menambah bilangan tandas sementara bagi pusat pemindahan sementara.		
Kepentingan Cadangan	i. Memenuhi keperluan kemudahan pendidikan yang turut meningkatkan kesejahteraan penduduk di daerah Temerloh. ii. Menyokong kepada tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko bencana dan kecemasan.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. Kementerian Pendidikan Malaysia ii. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang iii. Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh iv. JKR v. PDT Temerloh vi. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	-
Sasaran Pencapaian	Pembinaan lima unit sekolah menengah.	Pembinaan satu unit sekolah menengah.	-

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

Penyediaan peralatan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir di sekolah

Jadual 5.46 : Cadangan Pembinaan Sekolah Rendah

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembinaan Sekolah Rendah	
Kod Cadangan	LS6-S1b	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Bandar Baru Lembah Pintar. ii. Mukim Perak iii. Mukim Mentakab. iv. Mukim Bangau	
Keluasan / Jarak	Anggaran 10 ekar (untuk satu sekolah rendah)	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keperluan kepada perancangan baru dalam pembinaan kemudahan pendidikan bagi kawasan yang sering menghadapi bencana banjir, dengan mematuhi garis panduan perancangan.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Sekolah berpotensi dijadikan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS). ii. Sekolah disiapsiaga dengan ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian bagi menangani situasi kecemasan seperti: • Tapak perhimpunan kecemasan *(emergency assembly point).* • Laluan kecemasan seperti tangga dan susur tangga kedua. • Padang sekolah yang luas dan selamat untuk helikopter mendarat.	
Perincian Inisiatif	i. Sebanyak 20 unit sekolah menengah yang diperlukan dalam daerah Temerloh yang meliputi mukim Perak (9 unit), mukim Mentakab (10 unit) dan mukim Jenderak (1 unit). ii. Menyediakan sekolah rendah yang dilengkapi dengan kemudahan sokongan sebagai persediaan menghadapi bencana banjir seperti bot pelampung, khemah *partition* dan bekalan elektrik alternatif seperti *mobile generator* sekiranya tiada elektrik. iii. Menyediakan tangki simpanan air bersih mencukupi untuk menampung bilangan mangsa bencana dalam tempoh menduduki pusat tersebut sekurang-kurangnya tujuh hari. iv. Menambah bilangan tandas sementara bagi pusat pemindahan sementara.	

sambungan

<table>
<tr><th>Perkara</th><th colspan="3">Perincian</th></tr>
<tr><td>Kepentingan Cadangan</td><td colspan="3">i. Meningkatkan tahap keselamatan penduduk semasa bencana berlaku.
ii. Menyediakan kualiti kesihatan yang baik kepada penduduk di daerah Temerloh.
iii. Meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana banjir.</td></tr>
<tr><td>Peneraju</td><td colspan="3">i. Kerajaan Negeri</td></tr>
<tr><td>Pelaksana</td><td colspan="3">i. MPT
ii. KKM
iii. Jabatan Kesihatan Negeri
iv. Jabatan Kesihatan Daerah
v. Jabatan Agama Islam Negeri Pahang
vi. Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
vii. Pihak Swasta</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Fasa Pelaksanaan</td><td>2023-2025</td><td>2026-2030</td><td>2031-2035</td></tr>
<tr><td>√</td><td>√</td><td>√</td></tr>
<tr><td>Sasaran Pencapaian</td><td>Pembinaan 5 unit buah sekolah rendah</td><td>Pembinaan 8 unit buah sekolah rendah</td><td>Pembinaan 7 unit buah sekolah rendah</td></tr>
<tr><td>Pencapaian SDG</td><td colspan="3">
</td></tr>
</table>

LS6-S2 Pembinaan Kemudahan Kesihatan

Kemudahan kesihatan menawarkan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh agensi awam serta swasta bagi kegunaan masyarakat tempatan di sesuatu kawasan. Antara kategori kemudahan kesihatan yang telah dinyatakan dalam garis panduan perancangan adalah klinik kesihatan yang diperincikan mengikut jenis seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual F1.43**. Unjuran penduduk di daerah Temerloh mendapati keperluan kepada kemudahan kesihatan iaitu klinik kesihatan adalah sebanyak lima (5) unit diperlukan yang meliputi kawasan mukim Perak (2 unit) dan mukim Mentakab (3 unit). Pembinaan klinik kesihatan baharu yang dicadangkan adalah jenis 4 dan 5 seperti yang ditunjukkan dan diterangkan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 5.47 : Kategori Kemudahan Kesihatan

Kategori	Perincian
Institusi perubatan khas/ Institusi khas	Institusi perubatan khas merupakan hospital yang menyediakan penjagaan yang khusus kepada sesuatu penyakit/perkhidmatan contohnya IPR dan IKN manakala institusi khas ialah kemudahan kesihatan bukan hospital yang menyediakan perkhidmatan sokongan perubatan contohnya PDN.
Hospital Negeri	Hospital yang memberikan perkhidmatan kepakaran asas dan sub-kepakaran
Hospital Pakar Major	Hospital yang memberikan perkhidmatan kepakaran asas dan sub- kepakaran
Hospital Pakar Minor	Hospital yang memberikan perkhidmatan kepakaran asas
Hospital Tanpa Pakar	Perkhidmatan perubatan asas tanpa pakar. Perkhidmatan kepakaran diberikan melalui inisiatif hospital kluster dan lawatan pakar secara berkala
Klinik Kesihatan Jenis 1, 2 dan 3	• KK Jenis 1, 2 dan 3 adalah jenis klinik kesihatan yang disediakan dalam kawasan Bandar Global/ Wilayah/ Negeri. • Jumlah tadahan penduduk bagi penyediaan KK jenis ini adalah tertinggi iaitu 30,001 penduduk dan ke atas • Anggaran kedatangan pesakit seharian adalah 301 pesakit dan ke atas
Klinik Kesihatan Jenis 4 dan 5	• KK Jenis 4 & 5 adalah jenis klinik kesihatan yang disediakan dalam kawasan Bandar Utama dan Tempatan. • Jumlah tadahan penduduk bagi penyediaan KK jenis ini adalah sederhana iaitu 10,001 penduduk hingga 30,000 penduduk • Anggaran kedatangan pesakit seharian adalah 101 hingga 300 pesakit
Klinik Kesihatan Jenis 6 dan 7	• KK Jenis 6 & 7adalah jenis klinik kesihatan yang disediakan dalam kawasan Pekan dan Kampung • Jumlah tadahan penduduk bagi penyediaan KK jenis ini adalah terendah iaitu antara 5000 penduduk hingga ke 10,000 penduduk • Anggaran kedatangan pesakit seharian adalah 51 hingga 100 pesakit
Klinik Komuniti	• Klinik Komuniti merupakan fasiliti kesihatan primer yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar dengan perkhidmatan pegawai perubatan dan farmasi bagi kawasan yang mempunyai tadahan penduduk kurang daripada 5,000 penduduk • Penyediaan Klinik Komuniti lazimnya dalam bentuk lot rumah kedai • Klinik Komuniti sesuai diletakkan di kawasan bandar di mana terdapat kesukaran untuk mendapatkan tapak pembinaan

Nota: *Jenis klinik yang akan dicadangkan*

Jadual 5.48 : Cadangan Pembinaan Klinik Kesihatan

Perkara	Perincian			
Nama Cadangan	Pembinaan Klinik Kesihatan			
Kod Cadangan	LS6-S2			
Klasifikasi Cadangan	Projek			
Lokasi Cadangan	i. Bandar Baru Lembah Pintar ii. Mukim Perak. iii. Mukim Mentakab.			
Keluasan / Jarak	2.5 ekar (untuk satu klinik kesihatan jenis 4-5)			
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada		
	/	Perancangan Baharu		
		Perancangan Komited		
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keperluan kepada perancangan pembinaan klinik kesihatan mengikut jenis yang baharu di daerah Temerloh berdasarkan unjuran penduduk.			
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kesesuaian pembangunan klinik kesihatan jenis 4 dan 5 adalah secara atas tanah (mendatar) sama ada konvensional atau berpusat.			
Perincian Inisiatif	i. Sebanyak 5 unit klinik kesihatan diperlukan dalam daerah Temerloh yang meliputi mukim Perak (2 unit) dan mukim Mentakab (3 unit). ii. Menyediakan klinik kesihatan jenis 4 dan 5 yang dilengkapi dengan komponen utama seperti Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Pendidikan dan Promosi Kesihatan, Klinik Warga Sihat dan Pesakit Luar dan kemudahan sokongan seperti farmasi, pentadbiran dan kemudahan awam.			
Kepentingan Cadangan	i. Meningkatkan tahap akses terhadap kesihatan yang baik untuk penduduk di daerah Temerloh.			
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan			
Pelaksana	i. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ii. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang iii. JKPTG iv. Pejabat Kesihatan Daerah v. PDT Temerloh vi. MPT			
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**	
	-	√	-	
Sasaran Pencapaian	-	Membina lima (5) unit klinik kesihatan di mukim Perak (2 unit) dan mukim Mentakab (3 unit)	-	

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

Konsep pembangunan kemudahan klinik kesihatan secara konvensional



Klinik Kesihatan Jenis 4 & 5

LS6-S3 Peningkatan Kemudahan Keselamatan

Analisis keperluan kemudahan keselamatan iaitu balai bomba dan penyelamat di daerah Temerloh menunjukkan mukim Lebak, Bangau, Songsang, Sanggang, Lipat Kajang, Kerdau dan Semantan tidak mempunyai jumlah penduduk yang mencukupi bagi penyediaan balai bomba dan penyelamat. Walau bagaimanapun, cadangan peningkatan kemudahan keselamatan akan dilaksanakan sebagai kesiapsiagaan menghadapi risiko bencana dan kecemasan seperti banjir.

Reka Bentuk Balai Bomba dan Penyelamat Kategori E

Mukim-mukim ini sesuai disediakan dengan kemudahan bomba dan penyelamat kategori E iaitu kawasan di bawah Risiko Amat Rendah. Dengan adanya sebuah balai bomba baharu di Kuala Krau yang akan beroperasi dalam tempoh terdekat akan meningkatkan lagi tahap kemudahan keselamatan kepada penduduk setempat. Cadangan ini diperincikan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 5.49 : Cadangan Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat	
Kod Cadangan	LS6-S3a	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Bandar Baru Lembah Pintar ii. Mukim Bangau (Kategori E) iii. Mukim Semantan (Kategori E)	
Keluasan / Jarak	2.5 ekar (untuk satu balai bomba dan penyelamat kategori E)	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keperluan perancangan terbaharu iaitu secara vertikal bagi kemudahan masyarakat adalah berdasarkan keadaan semasa daerah dan mengikut garis panduan perancangan yang terkini. ii. Bencana banjir yang berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh.	

sambungan

<table>
<tr><th>Perkara</th><th>Perincian</th></tr>
<tr><td>Fakta Asas / Baseline</td><td>
<table>
<tr><th>Kategori Tahap Risiko</th><th>Kategori BBP</th><th>Ciri-ciri Utama</th><th>Response Time</th></tr>
<tr><td>Amat Tinggi</td><td>A</td><td>Bandar pesat, pusat perdagangan, industri berisiko tinggi</td><td>5 minit</td></tr>
<tr><td>Tinggi</td><td>B</td><td>Bandar sederhana</td><td>5 – 8 minit</td></tr>
<tr><td>Sederhana Tinggi</td><td>C</td><td>Pinggir bandar (suburban), bandar kecil</td><td>8 – 10 minit</td></tr>
<tr><td>Rendah</td><td>D</td><td>Kawasan-kawasan selain daripada A – C tetapi tidak termasuk kawasan pedalaman.</td><td>10 – 20 minit</td></tr>
<tr><td>Amat Rendah</td><td>E</td><td>• Kawasan terpencil di mana pembinaan balai bomba adalah tidak ekonomik.
• Disediakan dalam lingkungan radius 5 km bagi kawasan petempatan desa atau pedalaman yang mempunyai taburan penduduk tidak setempat.
• Kemudahan kritikal lain seperti RELA boleh diintegrasikan dalam kemudahan BBP bagi mengukuhkan penyediaan kemudahan kecemasan di kawasan luar bandar.</td><td>20 minit ke atas</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Perincian Inisiatif</td><td>i. Membina kemudahan bomba dan penyelamat kategori E secara pembangunan vertikal dan satu fungsi.
ii. Menubuhkan Emergency Respond Team di premis bangunan bertingkat seperti pusat membeli belah dan kompleks pejabat.</td></tr>
<tr><td>Kepentingan Cadangan</td><td>i. Menyokong kepada tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko bencana dan kecemasan.</td></tr>
<tr><td>Peneraju</td><td>i. Kerajaan Persekutuan</td></tr>
<tr><td>Pelaksana</td><td>i. KPKT
ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pahang
iii. JKR
iv. PDT Temerloh
v. MPT</td></tr>
<tr><td>Fasa Pelaksanaan</td><td>
<table>
<tr><th>2023-2025</th><th>2026-2030</th><th>2031-2035</th></tr>
<tr><td>-</td><td>√</td><td>-</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Sasaran Pencapaian</td><td>
<table>
<tr><td>-</td><td>Pembinaan balai bomba dan penyelamat kategori E.</td><td>-</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Pencapaian SDGs</td><td>
</td></tr>
</table>

Pelan susun atur bangunan balai bomba dan penyelamat vertikal



Ringkasan Kesesuaian Penyediaan Kemudahan Bomba dan Penyelamat Mengikut Kaedah Pembangunan

Kategori	Pembangunan Atas Tanah (Mendatar)		Pembangunan Vertikal (Menegak)		
	Konvensional	Berpusat	Satu Fungsi	*Bercampur	Bersepadu
					
A	/	/	/	X	X
B	/	/	/	X	X
C	/	/	/	X	X
D	/	/	/	X	X
E	/	/	/	X	X

Sumber: Kajian GPP Kemudahan Masyarakat (Semakan Semula), 2020

Jadual 5.50 : Cadangan Pembinaan Balai Polis

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembinaan Balai Polis	
Kod Cadangan	LS6-S3b	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Bandar Baru Lembah Pintar ii. Mukim Perak. iii. Mukim Mentakab. iv. Mukim Bangau v. Mukim Sanggang vi. Mukim Jenderak vii. Mukim Semantan	
Keluasan / Jarak	2.5 ekar (untuk satu klinik kesihatan jenis 4-5)	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keperluan kepada perancangan pembinaan balai polis mengikut jenis yang baharu di daerah Temerloh berdasarkan unjuran penduduk.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Berdasarkan analisis semasa, terdapat kepeluan Balai Polis Kategori B bagi bandar baharu Smart City dan Balai Polis Kategori D & E untuk kawasan luar bandar.	
Perincian Inisiatif	i. Sebanyak 12 unit klinik kesihatan diperlukan dalam daerah Temerloh yang meliputi mukim Perak (3 unit) ,mukim Mentakab (4 unit), mukim Bangau (1 unit), mukim Sanggang (1 unit), mukim Jenderak (2 unit) dan mukim Semantan (1 unit) ii. Menyediakan klinik kesihatan jenis 4 dan 5 yang dilengkapi dengan komponen utama seperti Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, Pendidikan dan Promosi Kesihatan, Klinik Warga Sihat dan Pesakit Luar dan kemudahan sokongan seperti farmasi, pentadbiran dan kemudahan awam.	
Kepentingan Cadangan	i. Menyokong kepada tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko bencana dan kecemasan.	
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan	
Pelaksana	i. KPKT ii. PDRM iii. JKR iv. PDT Temerloh v. MPT	

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
Sasaran Pencapaian	Pembinaan 4 unit buah balai polis	Pembinaan 4 unit buah balai polis	Pembinaan 4 unit buah balai polis
Pencapaian SDG			

Gambar Padang Majlis Perbandaran Temerloh

6.0

CADANGAN PEMBANGUNAN FLAGSHIP 2

- ASET ASLI DAN TEMPATAN DAERAH TEMERLOH

6.1 FLAGSHIP 2
ASET ASLI DAN TEMPATAN DAERAH TEMERLOH

Aset Asli Dan Tempatan Daerah Temerloh memberi keutamaan kepada aset-aset semula jadi yang ada di Daerah Temerloh seperti hutan, badan air, dan lain-lain aset yang juga menjadi sumber jaya kepada ekonomi penduduk tempatan. Punca kejadian bencana juga sangat berkait dengan struktur semula jadi semasa yang perlu dipelihara dan dipulihara agar risiko bencana dapat dikurangkan.

Senarai Strategi

Strategi 1	Menguruskan Kawasan Berisiko Bencana Secara Komprehensif
Strategi 2	Memelihara dan Memulihara Aset Semula Jadi dan Tempatan Daerah Temerloh
Strategi 3	Memperkasakan Pembangunan Pelancongan Semula Jadi dan Budaya
Strategi 4	Menghidupkan Sungai Pahang

6.1.1 STRATEGI 1: Menguruskan Kawasan Berisiko Bencana Secara Komprehensif

Terdapat dua (2) projek utama dan tiga (3) projek sokongan yang menjadi keutamaan dalam pelaksanaan strategik ini bagi menguruskan kawasan berisiko bencana secara komprehensif di Daerah Temerloh di samping membentuk corak pembangunan yang bercirikan Konsep Bandar Pintar.

Pelan Pengurusan Bencana Banjir daripada NADMA

Penekanan terhadap langkah-langkah pencegahan jangka pendek, sederhana dan panjang perlu dilaksanakan supaya bencana banjir tidak memberi impak yang besar kepada daerah. Bagi memastikan strategi ini berjalan dengan baik, model pengurusan risiko secara sistematik dan tersusun harus dilaksanakan bagi mengurangkan kekerapan berlakunya gangguan dan meminimumkan impak gangguan.

Konsep *Sponge City*

Beberapa langkah yang perlu diambil kira adalah dalam memperkasa dasar, perundangan dan mekanisma berkaitan pengurusan bencana serta penekanan terhadapa inisiatif Pengurangan Risiko Bencana (DRR) dalam daerah Temerloh.

Berikut merupakan senarai projek bagi Strategi 1 Menguruskan Kawasan Berisiko Bencana Secara Komprehensif:

Senarai projek

AS1 – U1	Pengukuhan Pelan Pengurusan Risiko Bencana Banjir
AS1 – U2	Pengukuhan Sistem Saliran Sedia Ada
AS1 – S1	Pemantapan Sistem Saliran Sekunder
AS1 – S2	Pengawalan Pembangunan di Kawasan Berisiko Banjir
AS1 – S3	Perancangan Pembangunan Kawasan Berisiko Geobencana

Sub cadangan **AS1 – U1** adalah:

a **AS1-U1a** Mengukuhkan Mekanisma Pengurusan Bencana

b **AS1-U1b** Kawalan Pembangunan di Kawasan Berisiko Banjir

c **AS1-U1c** Program *Community-Based Disaster Risk Management*

d **AS1-U1d** Pemulihan Bencana

e **AS1-U1e** Penerapan Konsep Reka Bentuk '*Sponge City*'

Sub cadangan **AS1 – U2** adalah:

a **AS1-U2a** Melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB)

b **AS1-U2b** Melaksanakan Kajian Pencegahan Banjir (*IRBM, PLSB & Kajian Salian Bandar*)

c **AS1-U2c** Melaksanakan *River Restoration Area*

d **AS1-U2d** Melaksanakan Pengerukan Berkala Sungai-sungai Utama, Pembinaan Longkang Monsun & Menaik Taraf Sistem Perparitan

e **AS1-U2e** Memelihara dan Memulihara Aset Ekologi Paya Semulajadi & Zon Riparian

f **AS1-U2f** Mematuhi Syarat Pembangunan di Kawasan Berhampiran Sungai

AS1-U1 Pengukuhan Pelan Pengurusan Risiko Bencana Banjir

Perancangan yang teliti dalam menghadapi bencana alam, terutamanya bencana banjir yang berlaku hampir setiap tahun perlu diberi keutamaan dalam memastikan keutuhan dan kelangsungan janaan ekonomi dapat dipertingkatkan. Hal ini meliputi perancangan daripada aspek pengurusan alam sekitar dan risiko bencana, teknologi infrastruktur dan utiliti yang sesuai, pengurusan lalu lintas dan pengangkutan yang berkesan serta daya ketahanan penduduk dan ekonomi setempat dalam menghadapi risiko semula jadi yang di luar kawalan.

Jadual 6.1 : Cadangan Mengukuhkan Mekanisme Pengurusan Bencana

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Mengukuhkan Mekanisme Pengurusan Bencana	
Kod Cadangan	AS1-U1a	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Kawasan potensi risiko banjir di Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda dan kemerosotan ekonomi setempat. ii. Banjir berlaku terutamanya di jajaran lembangan Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Punca banjir di daerah Temerloh: ✓ Kadar curahan hujan yang tinggi, sama ada tempatan atau di kawasan huluan. ✓ Kelemahan daya tampungan sistem saliran dan pengairan ✓ Kemerosotan keluasan kawasan takungan semulajadi (paya) ✓ Petempatan di kawasan rendah dan lembangan sungai yang merupakan dataran banjir semula jadi. ✓ Kedudukan penempatan yang menghampiri sungai.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 111 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan risiko banjir yang melibatkan kawasan seluas 25,164 hektar (**Rajah F2.1**). ii. Kawasan banjir juga meliputi kawasan tepu bina seluas 1,551 hektar. iii. Sekurang – kurangnya 1,111 unit rumah, 27 taman perumahan, dan 44 lokasi jalan terlibat dengan bencana banjir. iv. Bencana banjir menjadi ketara lagi akibat pembangunan kawasan huluan dan perubahan iklim.	



Petunjuk :

- Kawasan Berisiko Banjir
- Sungai Utama

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Sumber :
1. Jabatan Pengairan dan Saliran, 2021

Rajah 6.1 : Kawasan Risiko Banjir Daerah Temerloh

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	i. Mengukuhkan mekanisma pengurusan bencana yang merangkumi empat (4) komponen utama iaitu pencegahan dan kawalan mitigasi, kesiapsiagaan, tindak balas bencana dan pemulihan bencana.

KOMPONEN PENGURUSAN RISIKO BENCANA BANJIR



- ✓ Mementingkan penggunaan *smart mitigation / smart action* dalam mengawal / menguruskan banjir
- ✓ Memperkukuhkan kesiapsiagaan menghadapi dan menangani bencana banjir.
- ✓ Penglibatan pelbagai agensi bagi membantu mengawal dan mengatasi risiko bencana banjir bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah.
- ✓ Memperkukuhkan urus tadbir dan peruntukan kewangan.
- ✓ Pelan pemulihan merangkumi kesihatan penduduk (penyakit berjangkit, pesakit kronik, kesihatan ibu dan anak, kemurungan), tempat tinggal (kerosakan dan kemusahan, fasiliti), pendidikan (kerosakan aset, psikologi mangsa), kelangsungan hidup (sumber pendapatan), utiliti dan pengurusan sisa.

Peraturan Tetap Operasi Tindak Balas Banjir

Di peringkat persekutuan, sebuah peraturan tetap operasi tindak balas menghadapi bencana banjir telah digariskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Rumusan peraturan tetap operasi tindak balas adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 6.2 : Rumusan Peraturan Tetap Operasi Tindak Balas Menghadapi Bencana Banjir

Perkara		Peneraju
Peringkat Sebelum Berlaku Banjir		
Sistem amaran awal dan pemantauan bencana	Pemantauan cuaca	MetMalaysia
	Pemantauan paras air sungai	JPS
Persediaan logistik dan bekalan	Stok bekalan makanan	JKM
	Keboleh operasian aset agensi	Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
	Penempatan aset	
	Kawasan tanggungjawab agensi	
	Persediaan pesawat udara	APBM, TUDM
	Kawasan pendaratan pesawat udara	PDRM
	Perkhidmatan kesihatan dan stok ubat-ubatan	KKM
	Bekalan utiliti (bahan api, elektrik, air, telekomunikasi)	KPDNKK, KeTTHA, KKMM
	Keboleh operasian sistem komunikasi	KKMM
	Pegawai perhubungan agensi di Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB)	APBN, JPAM
Direktori perhubungan	Maklumat perhubungan	
Persediaan pusat pemindahan	Penentuan pusat pemindahan	JKM
	Pemakluman pusat pemindahan	
	Fasiliti pusat pemindahan	
	Susun atur dalaman pusat pemindahan	
	Penentuan dan pemilihan penyelia pusat pemindahan	
Laporan media	Hebahan perkembangan dan persediaan sebelum banjir	KKMM, APBN
Pengurusan empangan	Persediaan sebelum bencana	Pengendali empangan
Peringkat Semasa Kejadian Banjir		
Pemindahan mangsa	Pengaktifan sistem amaran bencana	JPS
	Arahan pemindahan	Komander Operasi Bencana, PKOB
	Operasi pemindahan	
	Pengaktifan pelan kawasan tanggungjawab	
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Pembukaan pusat pemindahan yang diwartakan	JKM, Penyelia Pusat Pemindahan
	Pembukaan pusat pemindahan baru	JKM
	Mewujudkan jawatankuasa pengurusan di pusat pemindahan	JKM, Penyelia Pusat Pemindahan
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Khidmat bimbingan dan kaunseling	JKM, Penyelia Pusat Pemindahan

sambungan

Perkara		Peneraju
Pembukaan dan pengoperasian pusat pemindahan	Perkhidmatan kesihatan dan kecemasan	PKOB, KKM, APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah, Komander Operasi Bencana
	Perkhidmatan MEDAVAC	APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
	Penyelarasan Khidmat Bantuan Sukarelawan, Korporat dan NGO	APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah, JKM
	Pengumpulan sukarelawan penyedia sajian	JKM
Koordinat aset	Aset operasi menyelamat dan pemindahan	APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
	Aset sokongan penghantaran bantuan	
Kawalan trafik dan keselamatan	Pemastian kelangsungan trafik di jalan utama	PDRM
	Laluan utama rosak / runtuh	JKR
	Tempat letak kenderaan awam	PBT
	Kawalan keselamatan di kawasan tempat letak kenderaan awam	PDRM
	Kawalan keselamatan di kawasan kediaman	
Kelangsungan bekalan dan perkhidmatan	Bekalan elektrik	KeTTHA
	Bekalan air terawat	KeTTHA, JBA, APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
	Bekalan bahan api	KPDNKK, APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
	Perkhidmatan telekomunikasi	KKMM
	Kelangsungan bekalan makanan	KPDNKK
	Penghantaran bekalan melalui laut dan udara	APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah, JPAM
Strategi pengendalian media	Pusat media	APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
	Siaran media	KKMM, APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
Pengurusan empangan	Amaran pelepasan air empangan	Pengendali empangan
	Tindakan evakuasi	PDRM
	Kenyataan media	Pengendali empangan
Laporan operasi		JPAM, APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah
Peringkat Pemulihan dan Pembangunan Semula Selepas Banjir		
Taksiran kerosakan dan pemulihan infrastruktur awam		APBN
Khidmat komuniti		JPAM
Pendaftaran mangsa bencana		JKM, APBN, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah

Sumber: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Carta aliran tindakan pengurusan dan pengendalian bencana seperti **Rajah 6.2**.

Rajah 6.2 : Carta Aliran Tindakan Pengurusan dan Pengendalian Bencana Peringkat Persekutuan



Sumber: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Pengurusan bencana dalam menyalurkan maklumat dalam daerah Temerloh adalah sama seperti di lain-lain kawasan. **Rajah 6.3** di bawah menunjukkan carta penyaluran maklumat dan komunikasi pengurusan dan bantuan bencana peringkat daerah.

Rajah 6.3 : Carta Penyaluran Maklumat, Komunikasi Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah Temerloh



Rajah 6.4 : Senarai Pangkalan Hadapan Daerah Temerloh

MUKIM SEMANTAN

1. Pejabat Penghulu, Kg Mempateh, Mukim Semantan I
2. Pejabat Penghulu Mukim Semantan II

MUKIM JENDERAK

1. Pejabat Penghulu Mukim Jenderak I
2. Pejabat Penghulu Mukim Jenderak II
3. Masjid Pulau Pasir Mandi, Kg. Pulai Pasir Mandi
4. SK Batu Sawar, Kg. Batu Sawar
5. SK Penderas, Kg. Penderas

MUKIM KERDAU

1. Pejabat Penghulu Kerdau
2. Balairaya Desa Baru Purun, Kg. Desa Baru Purun

MUKIM BANGAU

1. Pejabat Penghulu Mukim Bangau
2. SK Teluk Ira, Kg. Teluk Ira
3. SK Sungai Gau, Kg. Sungai gau

MUKIM LEBAK

1. Pejabat Penghulu Mukim Lebak
2. Stor JKKK Paya Perak, Kg. Paya Perak
3. SK Lebak, Kg. Baru Lebak

MUKIM MENTAKAB

1. Pejabat Penghulu Mukim Mentakab I
2. Pejabat Penghulu Mukim Mentakan II
3. SK Batu kapor, Kg. Batu kapor

MUKIM LIPAT KAJANG

1. Pejabat Penghulu Mukim Lipat Kajang

MUKIM SANGGANG

1. Pejabat Penghulu Mukim Sanggang I
2. Pejabat penghulu Mukim Sanggang II
3. SK Bintang, Kg. Bintang
4. SK Sanggang Seberang, Kg. Sanggang Seberang

MUKIM PERAK

1. Pejabat Penghulu Mukim Perak I
2. Pejabat Penghulu Mukim Perak II (Taman Sri kerinau)

MUKIM LIPAT SONGSANG

1. Pejabat Penghulu Mukim Songsang I



Sumber: APM, Temerloh (2020) (Panduan Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah Temerloh 2020 / 2021)

Jadual 6.3 : Senarai Pusat Pemindahan Banjir Daerah Temerloh

MUKIM PERAK

1. SK Kg Tengah
2. SK Belenggu
3. SK Bandar Temerloh
4. SMK Seri Tualang
5. SMK Abu Bakar
6. SMK Temerloh Jaya
7. SK Mentakab Jaya
8. SK Jalan Bahagia
9. Dewan Sri Kerinau
10. Dewan Orang Ramai Kg Tebal
11. SMK Seberang Temerloh
12. SK Tg Batu
13. Dewan Orang Ramai Kg Paya Luas
14. Pusat Bencana Temerloh 1 (cadangan baharu) *

MUKIM MENTAKAB

1. SK Desa Bakti
2. SK Abu Bakar Mentakab
3. SRJK (C) Mentakab I & II
4. SRJK (T) Mentakab
5. Dewan Orang Ramai Sungai Buluh
6. SK Bandar Mentakab
7. SK Bukit Cermin
8. SK Mentakab (Chatin)
9. Balairaya Kg Penak
10. Pusat Bencana Temerloh 2 (cadangan baharu) *

MUKIM SONGSANG

1. Dewan Sri Songsang
2. Surau Kampung Lompat
3. Bangunan Pemindahan Banjir Kg Paya Keladan
4. Tapak Pemindahan Kg Gantok

MUKIM LIPAT KAJANG

1. Balairaya Tg Surau
2. Balairaya Kg Kerai
3. SK Lipat Kajang

MUKIM JENDERAK

1. Balairaya Terengging
2. Balai KRT Kg Tg Kubu
3. Surau Kg. Tg. Kubu
4. Dewan JKKK Kuala Krau
5. SK Kuala Mai
6. SK Tekal
7. SK Paya Luas
8. Balairaya Paya Pelong
9. Dewan SMK Kuala Krau
10. SK Kg. Jenderak
11. SJKC Kuala Krau
12. Dewan Dato' Shariff Ahmad
13. SK Penderas
14. Balairaya Kg Paya Sok
15. Dewan Orang Ramai Kg Pasu
16. Surau Kg Penderas
17. Dewan Orang Ramai MIC Kuala Krau (Tambahan)
18. Dewan Orang Ramai Gong Halt (Tambahan)
19. Balai Seni Kampung Pandan
20. Dewan Puspa Rumpun Makmur
21. SK Batu Sawar
22. Dewan Orang Ramai Pulau Pasir Mandi
23. Masjid Gunung Senyum
24. Balairaya Kg Pulau Raya

MUKIM KERDAU

1. Dewan Dato' Abdullah Kia
2. Masjid Kg Kelibang
3. Balai Penerangan Kg Ketam
4. Balairaya Desa Baru Purun
5. Balairaya JKK Kuala Kerdau
6. SMK Kerdau
7. SBPI Kerdau
8. Dewan Orang Ramai Kg Peragap
9. Dewan MIC Kg Guntong

MUKIM SEMANTAN

1. Balairaya Mempateh
2. Balairaya Kg Lubuk Kawah
3. Surau Kg Sokmek
4. Balairaya Kg Rantau Panjang
5. Balairaya Kg Sg Sementeh
6. Balairaya Sg Kepong
7. SK Lanchang
8. Masjid Kg Bongsu

MUKIM SANGGANG

1. Balairaya Kg Kuala Sanggang
2. SK Sanggang
3. Masjid Bukit Tingkat
4. Balairaya Kg Loyang
5. SMK Telok Sentang
6. SK Kg Bintang
7. SMA Al-Wosto
8. SK Sanggang Seberang

MUKIM LEBAK

1. Balairaya Kg Baru Lebak
2. SK Lebak
3. Balairaya Kg Tanjung Belengu
4. Balairaya Lebak Seberang

MUKIM BANGAU

1. SK Telok Ira
2. SMK Paya Pulai
3. SK Sg Gau
4. SRJK (C) Khee Chee

PUSAT PEMINDAHAN BANJIR

Sumber: APM, Temerloh (2020) (Panduan Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah Temerloh 2020/2021)

Nota:
Tanda * merujuk kepada cadangan baharu iaitu menyediakan Pusat Pemindahan Tetap di *Smart City* iaitu cadangan pembangunan LS1-U2: Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat *Smart City* (Pusat Bencana Temerloh 1) dan cadangan pembangunan LS6-U2: Pembinaan Kemudahan Guna Sama Berpusat Seri Tualang (Pusat Bencana Temerloh 2)



Petunjuk :

- Kawasan Banjir
- Sungai Utama

Pusat Perpindahan

- Pusat Pendidikan (Sekolah)
- Rumah Ibadat/Keagamaan
- Pusat Komuniti (Dewan Orang Ramai / Balai Raya)

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 300,000

Rajah 6.5 : Pusat Pemindahan Mangsa Banjir

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	ii. Pendekatan pengurusan risiko bencana banjir perlu mengambil kira enam aspek utama iaitu:

Peringkat	Perincian
Mengenalpasti Bahaya	i. Pengumpulan maklumat dan penglibatan tenaga profesional untuk penilaian yang lebih tepat. ii. Pengelasan bahaya, pemetaan, ciri-ciri fizikal (geologi, geomorfologi dan geoteknik) kekerapan dan lain-lain.
Analisis Bahaya	i. Analisis data secara menyeluruh termasuk intensiti hujan, analisis aliran punca dan analisis kelajuan aliran permukaan. ii. Analisis faktor penyebab, faktor pencetus dan mekanism berlaku bencana.
Analisis Risiko	i. Menganggar risiko terhadap individu, masyarakat, harta benda, dan alam sekitar (rendah, sederhana, tinggi). ii. Mengenal pasti dan mempertimbangkan risiko banjir yang mungkin berlaku terhadap pembangunan sama ada baharu atau sedia ada.
Penilaian Risiko	i. Meneruskan usaha untuk mengenal pasti kapasiti dan keupayaan menghadapi risiko bencana banjir. ii. Menilai keutamaan sama ada akan menerima ancaman atau menghadapinya dengan langkah-langkah mitigasi tertentu.
Mitigasi	i. Langkah-langkah mitigasi (struktur): • Meminimumkan impak / risiko bencana melalui kaedah kejuruteraan seperti projek tebatan banjir, projek mendalamkan sungai, pembinaan kolam takungan dan lain-lain. iii. Langkah-langkah mitigasi (bukan struktur): • Pendekatan berbentuk undang-undang, akta, garis panduan pembangunan, pengubahsuaian tanah dan kesedaran awam.
Pelaksanaan dan Pemantauan	i. Perancangan / penguatkuasaan yang dipersetujui harus dilaksanakan. ii. Pemantauan dari semasa ke semasa bagi menilai keberkesanan pengurusan risiko bencana.

Jadual 6.4 : Cadangan Kawalan Pembangunan di Kawasan Berisiko Banjir

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Kawalan Pembangunan di Kawasan Berisiko Banjir	
Kod Cadangan	AS1-U1b	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Kawasan potensi risiko banjir di Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda dan kemerosotan ekonomi setempat. ii. Banjir berlaku terutamanya di jajaran lembangan Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Punca banjir di daerah Temerloh: ✓ Kadar curahan hujan yang tinggi, sama ada tempatan atau di kawasan huluan. ✓ Kelemahan daya tampungan sistem saliran dan pengairan ✓ Kemerosotan keluasan kawasan takungan semulajadi (paya) ✓ Petempatan di kawasan rendah dan lembangan sungai yang merupakan dataran banjir semula jadi. ✓ Kedudukan penempatan yang menghampiri sungai.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 111 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan risiko banjir yang melibatkan kawasan seluas 25,164 hektar. ii. Kawasan banjir juga meliputi kawasan tepu bina seluas 1,551 hektar. iii. Sekurang – kurangnya 1,111 unit rumah, 27 taman perumahan, dan 44 lokasi jalan terlibat dengan bencana banjir. iv. Bencana banjir menjadi ketara lagi akibat pembangunan kawasan huluan dan perubahan iklim.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	i. Bagi pengelasan kawasan banjir di daerah Temerloh, pelan awalan tahap risiko banjir yang disediakan bagi kajian ini adalah seperti di bawah. Strategi pembangunan mengikut tahap dan syarat pembangunan (tanah kerajaan atau tanah milik) yang dicadangkan adalah seperti berikut.

TAHAP 1

TAHAP RISIKO RENDAH

Ciri-ciri:
- ✓ Luar dataran banjir.
- ✓ Berdasarkan aliran banjir 100 tahun dan ke atas

Jenis pembangunan yang dibenarkan:
- ✓ Pembangunan yang dilaksanakan seperti perumahan, komersial dan rekreasi perlu sesuai dengan keadaan fizikal dan persekitaran

Syarat Pembangunan:
- ✓ Mengurangkan peratusan permukaan tidak telap air dalam kawasan pembangunan
- ✓ Menerapkan konsep Pembangunan berimpak Rendah (*Low Impact Development*, LID) dalam pembangunan seperti penyediaan kemudahan mengumpul air hujan
- ✓ Perlu mematuhi keperluan (MSMA) dan memastikan tiada perubahan aliran puncak sama ada sebelum atau selepas pembangunan
- ✓ Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di kawasan sekitar dataran banjir

TAHAP 2

TAHAP RISIKO SEDERHANA

Ciri-ciri:
- ✓ Kawasan pinggiran banjir (*flood fringe*).
- ✓ Berdasarkan aliran banjir 50 sehingga 100 tahun

Jenis pembangunan yang dibenarkan:
- ✓ Rekreasi
- ✓ Kawasan lapang dan landskap
- ✓ Zon penampan
- ✓ Pelancongan berkepadatan rendah
- ✓ Pertanian yang sesuai
- ✓ Pembangunan terhad dan terkawal, tertakluk kepada penilaian risiko banjir yang disokong oleh JPS

Syarat Pembangunan:
- ✓ Tidak menyebabkan pencemaran sumber air
- ✓ Reka bentuk bangunan mesra banjir. Pembangunan berdensiti rendah sahaja dibenarkan
- ✓ Struktur dibina tidak menghalang laluan air
- ✓ Infrastruktur saliran lengkap disediakan
- ✓ Langkah kawalan tebatan banjir yang ketat dilaksanakan
- ✓ Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut garis panduan MSMA, JPS dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu JPS

TAHAP 3

TAHAP RISIKO TINGGI

Ciri-ciri:
- ✓ Kawasan laluan banjir (*floodway*)
- ✓ Berdasarkan aliran banjir 50 tahun

Jenis pembangunan yang dibenarkan:
- ✓ Rekreasi
- ✓ Kawasan lapang dan landskap
- ✓ Kawasan terbuka
- ✓ Pemuliharaan
- ✓ Pembangunan terhad, tertakluk kepada penilaian risiko banjir yang disokong oleh JPS

Syarat Pembangunan:
- ✓ Bahan pembangunan dari jenis *flood proof*
- ✓ Pembinaan struktur tebatan banjir seperti *flood mitigation dams*, tetambak, lintasan banjir (*by-pass flood*), dll
- ✓ Tiada struktur kekal dibenarkan
- ✓ Struktur tidak kekal yang dibina mestilah tidak menghalang laluan air (*channel*)
- ✓ Pembangunan di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut MSMA dan Kajian Lembangan Sungai Bersepadu oleh JPS.
- ✓ Tertakluk kepada syarat-syarat umum kebenaran pembangunan di dataran banjir



Petunjuk :

- Risiko Rendah
- Risiko Sederhana
- Risiko Tinggi
- Sungai Utama

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 6.6 : Risiko Banjir Daerah Temerloh

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	ii. Kawalan pembangunan bagi cadangan pembangunan baharu di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi terdedah kepada bencana perlu menyediakan permohonan Kebenaran Merancang (KM): ✓ KM merupakan proses yang berhubung secara langsung dengan perancangan dan pelaksanaan sesuatu pembangunan. Oleh itu, sebagai satu strategi mengurangkan risiko bencana, prosedur **'Penilaian dan Pengurusan Risiko Bencana (PPRB)'** haruslah diterapkan dalam proses penyediaan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang perlu dikemukakan semasa permohonan Kebenaran Merancang dan ubah syarat tanah (LCP 1) dan pelan susun atur (LCP 2). Prosedur kawalan pembangunan diterangkan dalam rajah di bawah.  **Carta Alir Penerapan Prosedur Pengurusan Risiko Bencana (PRB) Dalam Proses Kebenaran Merancang Bagi Rancangan Pembangunan** 

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	**PROSES KELULUSAN KM** Proses kelulusan Kebenaran Merancang yang diterapkan bersama prosedur Pengurusan Risiko Bencana adalah: 1. Pihak Pemaju mengemukakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). Setiap Permohonan Rancangan Pemajuan yang dikemukakan oleh Pihak Pemaju haruslah dikenal pasti dan ditentukan sama ada ia berada di dalam kawasan berisiko bencana atau sebaliknya. 2. Dengan mengenal pasti kawasan yang dicadangkan berada dalam zon risiko bencana, maka prosedur Pengurusan Risiko Bencana (PRB) perlu dilakukan dan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan sebagai Laporan Sokongan kepada penyediaan LCP. Laporan Sokongan ini harus melibatkan kajian-kajian teknikal seperti: • Pelan Hazard Banjir • Pencirian bencana, pengkelasan tahap risiko (tinggi, sederhana dan rendah) • Pelan Kecemasan dan Pelan Evakuasi 3. Sekiranya tapak cadangan tidak terletak di kawasan berisiko bencana, permohonan tersebut boleh diteruskan dengan cadangan reka bentuk dan susun atur projek mengikut kemahuan dan kesesuaian dengan sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal yang lain. 4. Jika dikenal pasti mempunyai risiko tetapi dengan tahap dan magnitud risiko yang boleh ditangani, maka pemohon wajib menyenaraikan langkah-langkah mitigasi yang sesuai. Ini memerlukan pemohon mencadangkan reka bentuk projek secara terperinci mengikut analisis yang telah dilakukan berserta dengan langkah-langkah mitigasi. 5. Sebaliknya jika risiko itu tidak dapat ditangani dan magnitudnya tidak dapat dikawal melalui penyediaan langkah struktur atau bukan struktrur, maka pemohon haruslah menyemak dan mengubahsuai cadangan konsep pembangunan di kawasan tersebut. Kitarannya perlu kembali kepada peringkat asal semula. 6. Dengan penerapan konsep ini, dapat menghadkan keperluan pembangunan di kawasan yang sudah dikenal pasti mempunyai risiko bencana sedia ada. 7. Secara amnya, penyediaan laporan sokongan PRB ini haruslah disediakan oleh jurutera bertauliah atau ahli professional bagi memastikan risiko bencana itu dianalisis secara menyeluruh. Laporan ini juga perlu disokong oleh agensi teknikal yang berkaitan sebelum dibincangkan di peringkat OSC dan diluluskan.

Jadual 6.5 : Cadangan Program *Community-Based Disaster Risk Management*

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Program *Community-Based Disaster Risk Management*	
Kod Cadangan	AS1-U1c	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Kawasan potensi risiko banjir di Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda dan kemerosotan ekonomi setempat. ii. Banjir berlaku terutamanya di jajaran lembangan Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Punca banjir di daerah Temerloh: ✓ Kadar curahan hujan yang tinggi, sama ada tempatan atau di kawasan huluan. ✓ Kelemahan daya tampungan sistem saliran dan pengairan ✓ Kemerosotan keluasan kawasan takungan semulajadi (paya) ✓ Petempatan di kawasan rendah dan lembangan sungai yang merupakan dataran banjir semula jadi. ✓ Kedudukan penempatan yang menghampiri sungai.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 111 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan risiko banjir yang melibatkan kawasan seluas 25,164 hektar (**Rajah F2.1**). ii. Kawasan banjir juga meliputi kawasan tepu bina seluas 1,551 hektar. iii. Sekurang – kurangnya 1,111 unit rumah, 27 taman perumahan, dan 44 lokasi jalan terlibat dengan bencana banjir. iv. Bencana banjir menjadi ketara lagi akibat pembangunan kawasan huluan dan perubahan iklim.	

Nota:
Cadangan AS1-U1c ini adalah merupakan projek LCRP.
(Sila rujuk bersama dokumen Jilid 3: Pengurusan, Pelaksanaan dan Sistem Maklumat Geografi, m/s 2-45)

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	i. Mengukuhkan kesiapsiagaan dan kesedaran agensi kerajaan, swasta dan masyarakat dalam menghadapi bencana. ✓ Menambahbaik sistem amaran awal (penambahan stesen tolok auto yang dilengkapi papan berdigital, pemasangan paparan amaran digital pada tiang lampu di bahu jalan terutama di Bandar Temerloh dan Mentakab, applikasi info banjir khas bagi daerah Temerloh). SISTEM AMARAN AWAL ✓ Meneruskan usaha meningkatkan kesedaran di kalangan agensi kerajaan, swasta dan masyarakat dalam menghadapi bencana melalui: o Kursus dan latihan amalan pengurusan dan pengendalian bencana antara agensi di peringkat daerah dilaksanakan secara berterusan o Meningkatkan program pendidikan kesedaran bencana di setiap peringkat secara berterusan. PROGRAM KESEDARAN BENCANA 1 Agensi Kerajaan, Swasta & Ketua Komuniti **Contoh Program:** o Program Ramalan Bencana Banjir o *Flood Emergency Response* **Kekerapan:** 3 kali setahun **Tempat:** Premis Kerajaan **Jumlah peserta:** 500 – 1,000 orang 2 Pelajar & Komuniti (penduduk) **Contoh Program:** o *Community Based Disaster Risk Management at* Kg. Batu Kapur o *Survival Tips during Flood* **Kekerapan:** 6 kali setahun **Tempat:** Kampung terjejas banjir **Jumlah peserta:** 200 - 300 orang

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	○ Mendidik dan menggalakkan penduduk memuat turun aplikasi berkaitan maklumat banjir seperti: ✓ MyPublicInfoBanjir (Jabatan Pengairan dan Saliran), ✓ myCuaca (Jabatan Meteorologi), ✓ Sistem Bantuan Sokongan Keputusan *Adaptive Emergency Evacuation Centre Management* (AEECM), ✓ InfoBencanaJKM (Jabatan Kebajikan dan Masyarakat) dan lain-lain aplikasi yang dibangunkan kemudian hari. ✓ Lain-lain applikasi yang dibangunkan berkaitan penyaluran banjir. *Aplikasi MyPublicInfoBanjir, myCuaca, sistem Bantuan Sokongan Keputusan Adaptive Emergency Evacuation Centre Management (AEECM) dan InfoBencanaJKM boleh diperoleh melalui google Play Store dan Apps Store.* <u>MyPublicInfoBanjir (Jabatan Pengairan dan Saliran)</u> ✓ Maklumat amaran banjir boleh diketahui 2 hari sebelum banjir berlaku di lokasi terpilih menerusi paparan peta lokasi. ✓ Aplikasi MyPublicInfobanjir terbahagi kepada 5 bahagian: • Utama: paparan peta, maklumat takungan paras air sungai sama ada tahap itu berbahaya, di paras amaran, berjaga-jaga atau normal • Peta Lokasi: Aras air di lokasi sekeliling dan lokasi lain • Notifikasi: Ramalan banjir, amaran cuaca dan pengumuman umum info banjir • SOS: Nombor telefon kecemasan disediakan (contoh APMM, BOMBA, Pejabat Polis) • Lokasi pilihan ramalan banjir POI

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	<u>myCuaca (Jabatan Meteorologi)</u> Maklumat yang disediakan di dalam myCuaca adalah: ✓ Maklumat terkini ramalan cuaca harian untuk negeri, daerah, bandar dan tempat pelancongan; ✓ Notifikasi amaran angin kencang dan laut bergelora, hujan lebat, ribut petir, siklon tropika dan tsunami; ✓ Maklumat seismologi; ✓ Imej radar semasa dan ramalan; dan ✓ Imej satelit <u>Prinsip Aplikasi AEECM (Jabatan Kebajikan Masyarakat)</u> ✓ Pihak pentadbir/ berkuasa yang menguruskan pusat pemindahan akan mengumpul maklumat tentang semua pusat pemindahan sedia ada iaitu (nama pusat pemindahan, alamat, lokasi GPS, maksimum kapasiti, jarak dengan pusat pemindahan lain, jarak dengan sungai terdekat dan nama berserta nombor telefon ketua kampung). Pihak pentadbir/ berkuasa juga akan mengemas kini data yang berkaitan dengan paras air daripada laman sesawang JPS mengikut sungai terpilih. ✓ Jika terdapat pusat pemindahan yang ditutup, sistem ini akan menjana pelan pengagihan semula dengan mencadangkan pusat pemindahan yang terdekat dengan jumlah kapasiti mangsa yang boleh dipindahkan. ✓ Pihak berkuasa juga boleh meninjau keadaan semasa pusat pemindahan melalui aplikasi tersebut: • **MERAH** : Pusat pemindahan ditutup kerana dinaiki air. • **OREN** : Pusat pemindahan yang perlu ditutup kerana kenaikan paras air-amaran dikeluarkan. • **KUNING** : Pusat pemindahan yang mencapai kapasiti 90%. • **HIJAU** : Pusat pemindahan mempunyai kapasiti 75%. • **BIRU** : Pusat pemindahan mempunyai kapasiti 50%.

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	InfoBencanaJKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat). ✓ Aplikasi ini mendedahkan orang ramai tentang maklumat terkini berkenaan: • Peta tinjauan pusat penempatan yang berhampiran lokasi semasa pengguna melalui GPS. • Paparan senarai pusat pemindahan banjir yang terdekat dengan pengguna. • Paparan statistik semasa mangsa yang berada di pusat pemindahan. • Senarai lokasi helipad bagi tujuan penghantaran bantuan. • Senarai lokasi tapak perhimpunan mangsa (*Assembly Point*) ii. Menaiktaraf kemudahan di Pusat Pemindahan Sementara Banjir. Antara cadangan menaik taraf kemudahan adalah seperti berikut: ✓ Menjalankan inventori dan kajian awalan di pusat - pusat pemindahan sementara yang kekurangan kemudahan asas. ✓ Menambah kemudahan asas yang baru seperti klinik sementara, kantin, dan fasiliti mesra orang kurang upaya (OKU)/ warga emas, dan wanita mengandung. ✓ Menyediakan atau menambah infrastruktur sokongan (seperti tandas mudah alih, tangki air, tong sampah berkapasiti tinggi) di Pusat Pemindahan Sementara Banjir. ✓ Menambah kemudahan asas seperti pembahagi ruang mudah alih (*Mobile Flexible Partition, MOPAR*) dan khemah. ✓ Menambah depoh sebagai pusat fasiliti untuk penyimpanan bantuan bencana seperti keperluan asas bagi mangsa banjir. ✓ Menyediakan dana yang mencukupi bagi melakukan penambahan kemudahan asas di Pusat Pemindahan Banjir Sementara. ✓ Meningkatkan dan meluaskan liputan rangkaian komunikasi di Pusat Pemindahan Sementara Banjir bagi memudahkan penyampaian dan penyebaran maklumat

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	PEMBAHAGI RUANG MUDAH ALIH KEMUDAHAN FASILITI BAGI OKU  MENAMBAH INFRASTRUKTUR SOKONGAN DEPOH SIMPANAN BARANGAN BANTUAN

Jadual 6.6 : Cadangan Pemulihan Bencana

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemulihan Bencana	
Kod Cadangan	AS1-U1d	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Kawasan potensi risiko banjir di Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda dan kemerosotan ekonomi setempat. ii. Banjir berlaku terutamanya di jajaran lembangan Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Punca banjir di daerah Temerloh: ✓ Kadar curahan hujan yang tinggi, sama ada tempatan atau di kawasan huluan. ✓ Kelemahan daya tampungan sistem saliran dan pengairan ✓ Kemerosotan keluasan kawasan takungan semulajadi (paya) ✓ Petempatan di kawasan rendah dan lembangan sungai yang merupakan dataran banjir semula jadi. ✓ Kedudukan penempatan yang menghampiri sungai.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 111 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan risiko banjir yang melibatkan kawasan seluas 25,164 hektar. ii. Kawasan banjir juga meliputi kawasan tepu bina seluas 1,551 hektar. iii. Sekurang – kurangnya 1,111 unit rumah, 27 taman perumahan, dan 44 lokasi jalan terlibat dengan bencana banjir. iv. Bencana banjir menjadi ketara lagi akibat pembangunan kawasan huluan dan perubahan iklim.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	i. Penempatan semula penduduk di Kg. Insaf, Kg. Kelubi dan Kg. Batu Kapur. • Pembangunan di kawasan *Smart City* perlu diperuntukkan kepada penduduk dari kampung-kampung ini. • Pemindahan hanya akan dilakukan jika kos membaik pulih saliran dan cadangan tebatan lebih tinggi berbanding penempatan semula. ii. Membangunkan Pusat Penempatan Serbaguna Mangsa Bencana. • Membina dua (2) buah pusat penempatan berskala besar / peringkat daerah Temerloh. • Pusat ini turut berfungsi sebagai pusat niaga / aktiviti masyarakat / dewan pameran dll jika tidak digunakan sebagai pusat penempatan tetap. • Perincian cadangan ini di bawah cadangan **LS1-U2 dan LS6-U2** iii. Bantuan berterusan dalam pelbagai bentuk merangkumi: • Kesihatan penduduk (penyakit berjangkit, pesakit kronik, kesihatan ibu dan anak, kemurungan) • Tempat tinggal (kerosakan dan kemusahan fasiliti) • Pendidikan (kerosakan aset, psikologi mangsa) • Kelangsungan hidup (sumber pendapatan) • Pemulihan utiliti • Pengurusan sisa. BANTUAN BANJIR 

Jadual 6.7 : Cadangan Penerapan Konsep Reka Bentuk *'Sponge City'*

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penerapan Konsep Reka Bentuk *'Sponge City'*	
Kod Cadangan	AS1-U1e	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Kawasan potensi risiko banjir di Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Banjir berlaku hampir setiap tahun di daerah Temerloh dan menyebabkan kerosakan, kemusnahan harta benda dan kemerosotan ekonomi setempat. ii. Banjir berlaku terutamanya di jajaran lembangan Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Punca banjir di daerah Temerloh: ✓ Kadar curahan hujan yang tinggi, sama ada tempatan atau di kawasan huluan. ✓ Kelemahan daya tampungan sistem saliran dan pengairan ✓ Kemerosotan keluasan kawasan takungan semulajadi (paya) ✓ Petempatan di kawasan rendah dan lembangan sungai yang merupakan dataran banjir semula jadi. ✓ Kedudukan penempatan yang menghampiri sungai.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 111 kawasan dikenal pasti sebagai kawasan risiko banjir yang melibatkan kawasan seluas 25,164 hektar. ii. Kawasan banjir juga meliputi kawasan tepu bina seluas 1,551 hektar. iii. Sekurang – kurangnya 1,111 unit rumah, 27 taman perumahan, dan 44 lokasi jalan terlibat dengan bencana banjir. iv. Bencana banjir menjadi ketara lagi akibat pembangunan kawasan huluan dan perubahan iklim.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	i. Penerapan konsep reka bentuk '*Sponge city*' bagi pembangunan *Smart City Temerloh* dan pembangunan baru yang lain. ✓ Perlu mematuhi kesemua syarat pembangunan berkonsepkan *sponge city* yang menekankan unsur-unsur berikut: • *Sponge city* adalah pendekatan moden bagi pengurusan air hujan yang membolehkan bandar mengumpul air hujan dan menggunakannya bagi tujuan-tujuan lain apabila diperlukan. • Pembangunan berkonsepkan *sponge city* mengintegrasikan elemen infrastruktur hijau (*green infrastructure*) seperti taman hujan, turapan telap dll, menaik taraf sistem saliran yang lebih mampan, dan sistem kawalan banjir yang sistematik. • Reka bentuk *Sponge City* menekankan kepada penyelesaian terhadap permasalahan banjir, konsep ini juga mengambil kira isu – isu lain seperti kekurangan bekalan air, pembuangan air tercemar ke badan air berhampiran serta kemerosotan ekosistem bandar.

Langkah meminima impak banjir melalui pendekatan *Sponge City*

✓ **Penggunaan tanah bencah buatan dan kolam takungan semulajadi**
Pembinaan tanah bencah buatan (*artificial wetland*) untuk menyuling dan menyimpan air larian hujan. Ia juga boleh dijadikan kawasan rekreasi dan membantu penyerapan karbon selaras dengan konsep bandar rendah karbon.

✓ **Kesinambungan hijau dan biru**
Kawasan hijau, taman, sungai, parit dan kolam yang saling berhubung di kawasan kejiranan secara semulajadi dapat menyimpan dan menyuling air serta meningkatkan kepelbagaian biologi dan mewujudkan kawasan untuk tujuan bersantai, riadah dan kebudayaan.

✓ **Reka bentuk berliang (*porous*)**
Reka bentuk berliang yang melibatkan pembinaan sistem *bio-swales* dan *bio-retention* serta jalan dan turapan berliang di sepanjang jalan memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. Sistem perparitan membantu air larian mengalir ke ruang hijau untuk penyulingan dan penyerapan semula jadi.

✓ ***Green roof***
Konsep *green roof* melibatkan penanaman tumbuhan yang sesuai untuk menyimpan air hujan dan menyuling secara semula jadi sebelum diguna semula atau dlepaskan untuk diserap ke bawah tanah.

✓ **Penjimatan air dan penggunaan semula air dari blok pembangunan**
Melibatkan usaha meningkatkan kitar semula air terutamanya air basuhan dan penggunaan sistem penuaian air hujan di bangunan. Penjimatan air juga boleh dipertingkatkan melalui kenaikan tariff air, menjalankan kempen kesedaran, dan menggunakan sistem pemantauan pintar untuk mengenal pasti kebocoran dan pembaziran air.

✓ **Penyimpanan air hujan**
Penyimpanan air hujan melalui pembinaan tasik, bekas lombong, kolam takungan *off-river storage* (ORS) dan pembinaan empangan di hilir sungai (*coastal reservoir*).

Sumber: RFN-4

Carta alir reka bentuk konsep *sponge city*

Traditional urban development *Sponge city development*



Pembangunan Sponge City

Green roof



Penjimatan air & penggunaan semula air dari blok pembangunan

Penyimpanan air hujan



Grass Swales





Reka bentuk berliang (*porous*)

Kesinambungan hijau & biru



Penggunaan tanah bencah buatan & kolam takungan semulajadi

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian cadangan / Inisiatif	ii. Penerapan konsep reka bentuk '*Sponge city*' bagi kawasan Bandar Mentakab dan lain-lain kawasan pembangunan sedia ada. ✓ Sistem saliran sedia ada perlu dipertingkatkan dengan menggunakan kaedah bioekologika (BIOECODS) yang menerapkan elemen kejuruteraan penyusupan, pengumpulan dan penyimpanan yang melambatkan aliran air larian. Terdapat dua komponen utama BIOECODS iaitu longkang berumput (swales), dan kolam takungan (kering dan basah). Ini bermakna, larian air permukaan dari kawasan pembangunan sedia ada perlu dihalakan kepada *swale* (saluran terbuka yang ditanam dengan rumput) dan aliran tambahan ditampung oleh saluran bawah tanah yang diperbuat daripada bahan polimer berbeza dengan sistem konvensional. ✓ Memastikan aliran air ke dalam dan keluar dari kolam takungan (*detention pond*) atau kolam rekreasi sedia ada berjalan lancar. Pembersihan berkala dan pembaikan segera perlu dilaksanakan jika berlakunya kerosakan. ✓ Menambah kolam takungan biologi (*bioretention pond*) di kawasan yang sesuai sebagai kawasan simpanan air hujan. ✓ Menaiktaraf landskap kawasan permukaan pembangunan sedia ada dengan menukar permukaan tidak telap air kepada permukaan telap air di laluan pejalan kaki, laluan atau lorong belakang rumah, *shared driveways*, tempat letak kenderaan, kemudahan lintasan pejalan kaki, bahu jalan dan lorong kecemasan. ✓ Mempergiatkan penanaman pokok dan rumput di kawasan lapang sedia ada. ✓ Menggalakkan penanaman tumbuh-tumbuhan dan *swale* di kawasan tempat letak kenderaan sedia ada. ✓ Menggalakkan pemasangan infrastruktur pengumpulan air hujan di setiap bangunan-bangunan komersial bagi mengurangkan air larian permukaan. ✓ Jalan sedia ada yang tidak mesra alam perlu dipertikatkan dengan menggunakan reka bentuk *linear rain garden* melalui penyediaan tanaman landskap dan *swale.* iii. Kajian RKK Mentakab perlu dilunaskan kepada konsep Sponge City dalam pendekatannya. CONTOH REKA BENTUK PERMUKAAN TELAP AIR 

LOW IMPACT DEVELPMENT







slow → spread

flow control: The regulation of stormwater runoff flow rates.

detention: The temporary storage of stormwater runoff in underground vaults, ponds, or depressed areas to allow for metered discharge that reduce peak flow rates.

retention: The storage of stormwater runoff on site to allow for sedimentation of suspended solids.

filtration: The sequestration of sediment from stormwater runoff through a porous media such as sand, a fibrous root system, or a man-made filter.

infiltration: The vertical movement of stormwater runoff through soil, recharging groundwater.

treatment: Processes that utilize phytoremediation or bacterial colonies to metabolize contaminants in stormwater runoff.

Sumaber: http://uacdc.uark.edu/work/habitat-trails-from-infill-house-to-green-neighborhood

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Menjamin pengurusan situasi banjir yang lebih efisien dan lancar. ii. Mengelakkan permasalahan semasa pengurusan banjir daripada berulang. iii. Menambah baik panduan pengurusan bencana banjir dengan lebih lengkap serta dapat berpotensi mengurangkan kos pelaksanaan. iv. Dijadikan rujukan dan panduan tambahan untuk menguruskan situasi banjir.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. NADMA ii. Jabatan Meteorologi iii. JPS iv. JKM v. JK Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	Penerapan sebanyak 25% cadangan penambahbaikan pengurusan bencana banjir berbanding tahun sebelumnya	Penerapan sebanyak 50% cadangan penambahbaikan pengurusan bencana banjir berbanding tahun sebelumnya	Penerapan sebanyak 75% cadangan penambahbaikan pengurusan bencana banjir berbanding tahun sebelumnya
Pencapaian SDG			



Petunjuk :

- Kawasan Potensi Banjir
- Sungai Utama

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 6.7 : Kawasan Potensi Banjir Daerah Temerloh

Pengukuhan Sistem Saliran Sedia Ada

Pembinaan sistem saliran berfungsi untuk mengalirkan air larian hujan daripada permukaan dan menyalurkannya kepada sistem saliran sedia ada. Antara sebab utama kejadian banjir kilat adalah berpunca daripada gangguan terhadap kelancaran sistem saliran di sesebuah bandar tersebut. Selain sikap pembuangan sampah yang lalai, permukaan keras (konkrit) yang banyak dibina di bandar juga menjadi faktor tambahan yang menyumbang kepada masalah perparitan yang sedia ada. Faktor lain termasuklah peningkatan aktiviti pembangunan dan populasi tempatan.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan longkang dan parit di kawasan pentadbiran mereka diselenggara secara sistematik, saliran parit tidak tersumbat dan aliran air tidak tersekat. Selain itu, antara langkah lain yang boleh dipertimbangkan untuk memperkukuhkan sistem saliran sedia ada termasuklah menaik taraf sistem perparitan, kawalan aktiviti manusia (pembuangan sampah), projek pendalaman sungai, dan kajian reka bentuk sistem saliran yang mengikut piawaian.

Jadual 6.8 : Cadangan Melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir	
Kod Cadangan	AS1-U2a	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
1.Kawasan perlindungan sedia ada (HS Kemasul, HS Krau, HS Lakum, HS Jengka, Rizab Hidupan Liar Krau, sebahgaian rangkaian ekologi C-SL1 di bahagian utara daerah) dan cadangan baharu	• Pemajuan, pertanian atau pembalakan tidak dibenarkan kecuali ekopelancongan, penyelidikan dan pendidikan.
2.Habitat terancam di luar kawasan perlindungan (singkapan batu kapur di jajaran Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyoh)	• Pelan pengurusan perlu disediakan di mana habitat dikenal pasti dan diwartakan.
3.Kawasan melebihi kontur 1,000m (Jenderak dan Semantan: 3,522.97 hektar)	• Semua pembangunan dan pertanian di kawasan melebihi kontur 1000m hendaklah mematuhi peraturan serta garis panduan sedia ada dan akan datang secara menyeluruh.
Tahap 2	
1.Semua hutan dan tanah bencah di luar kawasan perlindungan	• Pembangunan atau pertanian tidak dibenarkan. Pembalakan mampan dan ekopelancongan berimpak rendah dibenarkan tetapi tertakluk kepada halangan setempat. • Aktiviti pembalakan mampan harus diberi penekanan dalam pemantauan dan penguatkuasaan.
2.Zon penampan 500m di sekeliling KSAS Tahap 1	• Zon penampan (500m) perlu diubah suai jika terdapat pembangunan yang sedia ada atau yang telah dirancang (komited) tetapi kawalan perlu disediakan mengikut ciri-ciri kawasan tersebut. • Inventori penggunaan tanah perlu dijalankan di mana sempadan zon penampan perlu diperkemas kini dengan mengambil kira: - Pembangunan sedia ada iaitu kawasan perindustrian, pertanian, petempatan dan lain-lain. - Perancangan pembangunan yang terancang (komited). - Perancangan yang melibatkan pembangunan infrastruktur yang kritikal seperti lebuh raya, landasan kereta api, talian penghantaran elektrik dan sebagainya.

sambungan

Tahap Kesensitifan KSAS	Kriteria Pengurusan
Tahap 2	
3.Kawasan antara kontur 300m - 1,000m (Jenderak dan Semantan: 19,658.57 hektar)	• Semua pembangunan dan pertanian di kawasan antara kontur 300m-1,000m hendaklah mematuhi peraturan dan garis panduan sedia ada dan akan datang secara menyeluruh. Kawasan-kawasan pertanian penting yang termasuk kawasan Tanaman Pertanian Kelas 2, Taman Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Rizab Haiwan • Pembangunan di kawasan ini perlu mematuhi peraturan dan garis panduan sedia ada dan akan datang secara menyeluruh.
Tahap 3	
1.Zon penampan 500m di sekeliling KSAS Tahap 2	• Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan perlu tertakluk kepada ciri-ciri halangan termasuk kawasan yang terdedah kepada ancaman banjir.
2.Kawasan tadahan takat pengambilan air (LRA Lubuk Kawah, Seberang Temerloh, Jenderak Kampung, Jenderak Utara dan Mempateh) dan zon recaj air tanah	• Kawasan tadahan yang menyediakan bekalan air bersih. • Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan perlu sejajar dengan prinsip-prinsip pembangunan yang menitikberatkan kemampanan dan kelestarian.
3.Kawasan antara kontur 150m - 300m (Lipat Kajang, Kerdau, Jenderak dan Semantan: 15,149.01 hektar)	• Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan perlu sejajar dengan prinsip-prinsip pembangunan yang menitikberatkan kemampanan dan kelestarian. • Kawasan ini berpotensi sebagai kawasan tarikan pelancongan di samping mengekalkan flora dan fauna.



Petunjuk :

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)

- KSAS Tahap 1
- KSAS Tahap 2
- KSAS Tahap 3

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 6.20 : Tahap Kesensitifan KSAS Daerah Temerloh (Tahap 1, 2 dan 3)

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	iii. Menambah keluasan kawasan perlindungan dengan pewartaan kawasan Tanah Hutan Kerajaan (HTK) kepada Hutan Simpanan Kekal (HSK) • Keluasan Hutan Tanah Kerajaan (HTK) di daerah Temerloh adalah seluas 1,163 hektar. Kawasan ini berpotensi diwartakan sebagai HSK, terutama yang terletak berdekatan Gunung Senyum. • Bagi kawasan hutan tanah kerajaan yang terosot, rehabilitasi kawasan perlu dilaksanakan dengan penanaman semula pokok bersesuaian. • Penanaman semula spesies flora, terutama spesies endemik dan terancam sangat digalakkan. • Pemantauan berkala pokok yang ditaman juga perlu dilaksanakan. iv. Mewujudkan zon di dalam kawasan HSK sebagai Zon Penyerap Karbon. • Menyediakan peruntukan menjalankan inventori dan kuantifikasi stok karbon hutan. • Menentukan kawasan yang layak diklasifikasikan sebagai zon penyerap karbon iaitu kawasan hutan yang mempunyai litupan hutan yang sihat. Kitaran Karbon Hutan  v. Mempertingkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan (rehabilitasi) spesies flora di kawasan HSK • Menjalankan inventori dan penandaan spesies flora, terutama spesies endemik dan terancam di kawasan HSK. • Memperluaskan program penanaman semula spesies flora, terutama spesies endemik dan terancam. Penanaman pelbagai spesies pokok turut digalakkan bagi meningkatkan sumber biodiversiti flora di kawasan tersebut. • Pemantauan berkala pokok yang ditaman juga perlu dilaksanakan. • Menambah peruntukan kewangan bagi kajian pemulihan flora.

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	vi. Memperkukuhkan kawalan, pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan HSK termasuk HTK. • Menjalankan kawalan dan pencegahan serangan penyakit, makhluk perosak dan spesies invasif. • Meningkatkan latihan kawalan dan kemahiran ICT kepada kakitangan yang terlibat dengan pengurusan hutan. • Menyediakan peruntukan kewangan bagi menambahbaik instrumen kawalan berteknologi dalam aktiviti pemantauan termasuk kemudahan peralatan, perisian dan kemahiran ICT (contoh penderiaan jarak jauh dan penggunaan *drone*). • Membangunkankan Sistem Pangkalan Data Geospatial Perhutanan (PDGP) • Semua data pengawasan dan kawalan perlu dintegrasi dengan *Temerloh Urban Observatory*. Penderiaan Jarak Jauh  vii. Memperkasakan peranan komuniti dalam pengurusan KSAS • Menggalakkan penglibatan komuniti dalam usaha memelihara, memulihara dan melindungi habitat semula jadi seperti menubuhkan *Community-based Forest Management (CFM)/ Community Conserved Area (CCA*) yang bertanggungjawab dalam menguruskan kawasan dan habitat semula jadi. • Melaksanakan program *CFM/CCA* bersama-sama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO)
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem, pemeliharaan nilai kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar dan penggunaan sumber kekal terpelihara. Ancaman terhadap sumber flora dan fauna di kawasan HSK dan RHL dapat dikurangkan, terutama bagi spesies-spesies endemik dan terancam. ii. Memastikan kawasan hutan tidak dicerobohi seperti yang terkandung dalam Dasar Perhutanan Negara pada tahun 1978 (Pindaan 1992) dan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993).

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang ii. FRIM iii. MYSA (Agensi Angkasa Malaysia) iv. JAKOA v. NGO vi. PTG vii. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	i. Pengekalan HSK sedia ada ii. Pemulihan kawasan terosot	i. Penambahan pewartaan HTK kepada HSK ii. Zon penyerap karbon diwujudkan	i. Peningkatan litupan kawasan berhutan yang sihat sekurang-kurangnya 50% daripada litupan asal (tahun pertama diiventori). ii. Pengurangan sekurang-kurangnya 50% aduan pencerohohan HSK dan pelanggaran pematuhan yang ditetapkan
Pencapaian SDG			

AS2-U5 Pembangunan Ladang Hutan Yang Mampan

Industri perkayuan Malaysia merupakan sub sektor komoditi ketiga terpenting selepas kelapa sawit dan getah. Kerajaan telah menggubal Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP 2009-2020) untuk memandu pembangunan sektor perindustrian berasaskan kayu kayan. Antara produk kayu yang dihasilkan termasuklah kayu gergaji, produk panel (papan lapis, papan gentian, kayu serpai), lantai, pintu serta produk-produk tanggam yang lain. Sasaran eksport menjelang tahun 2021 adalah sebanyak RM23 billion.

Kerajaan Negeri Pahang adalah antara negeri yang melaksanakan dasar ini dengan pembangunan ladang hutan di dalam HSK di bawah kelas Hutan Pengeluaran. Beberapa jenis tanaman monokultur diusahakan seperti getah balak, jelutong, batai, akasia, karas, kayu putih, buluh dan lain-lain. Antara objektif pelaksanaan projek ladang hutan adalah bagi menjamin bekalan kayu-kayan secara berkekalan di samping mengurangkan tekanan dan permintaan yang tinggi ke atas sumber hutan asli yang sedia ada. Dalam tempoh rancangan pengurusan hutan Negeri Pahang (2006-2015) seluas 80,219.80 hektar ladang hutan telah diluluskan. Daerah Temerloh merupakan antara pusat pengeluaran produk berasaskan kayu kayan utama negeri melalui pembangunan ladang hutan. Projek ladang hutan pertama telah dimulakan seawal tahun 1974 di Hutan Simpan Kemasul.

Jadual 6.22 : Cadangan Pembangunan Ladang Hutan Yang Mampan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Ladang Hutan Yang Mampan	
Kod Cadangan	AS2-U5	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	HSK di bawah kelas Hutan Pengeluaran	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Lebih kurang 87 peratus (36,519.49 hektar) HSK Daerah Temerloh di bawah kelas Hutan Pengeluaran ii. Sumber bekalan kayu kayan telah memangkin pertumbuhan lebih 60 pertubuhan perkilangan berasaskan kayu kayan beroperasi. iii. Sektor pembuatan berasaskan kayu kayan merupakan salah satu asas ekonomi utama Daerah Temerloh.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Keluasan ladang hutan yang telah diluluskan di Hutan Simpan Kemasul ialah 28,727.12 hektar. ii. Sebanyak 33 syarikat swasta telah diluluskan untuk membangunkan ladang hutan di Hutan Simpan Kemasul.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Memelihara dan mewujudkan *'semi natural habitats'* dalam ladang hutan ii. Memperkenalkan insentif kewangan dan bukan kewangan yang sesuai kepada syarikat ladang hutan yang mengamal dan menyediakan komponen *'semi natural habitats'*. iii. Memastikan kawasan ladang hutan memperuntukkan tidak kurang 10 peratus daripada jumlah keluasan ladang hutan untuk rizab *semi natural habitats* yang sesuai (**Rajah F2.19**). iv. Menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan kepada syarikat ladang hutan yang menyediakan komponen *semi natural habitats*. v. Setiap skim pembangunan ladang hutan dipastikan memperolehi persijilan mampan seperti *Malaysia Timber Certification Scheme* (MTCS). vi. Memperkukuh dan mempergiatkan sistem pemantauan pembangunan ladang hutan melalui kaedah teknologi pintar. vii. Membangunkan ladang hutan secara berfasa dan terkawal. viii. Setiap projek ladang hutan perlu melalui proses Kebenaran Merancang (KM). ix. Menggalakkan penggunaan *remote sensing* dan *tree metrics* (*Smart Tree Logging*) atau sistem pintar yang bersesuaian bagi pemetaan kawasan, mengukur bentuk, jenis, saiz dan pokok yang bersesuaian untuk penebangan.
Kepentingan Cadangan	i. Memelihara kawasan dan komponen sensitif alam sekitar dalam kawasan ladang hutan ii. Meminima kesan fragmentasi hutan dalam kawasan HSK iii. Meningkatkan sumbangan perkhidmatan ekologi tapak ladang hutan iv. Meminima konflik ladang hutan dan hidupan liar v. Meningkatkan tahap kesuburan tanah vi. Menyediakan sumber pendapatan sampingan
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. KETSA ii. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia iii. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang iv. Pemaju swasta

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	Sekurang-kurang 5% komponen *semi natural habitats* disediakan daripada jumlah keluasan ladang hutan	Peningkatan 8% komponen *semi natural habitats* disediakan daripada jumlah keluasan ladang hutan	
Pencapaian SDG			

Komponen *Semi Natural Habitats*

Contoh Komponen Agroperhutanan dan Tanaman Penutup Bumi



Petunjuk :

Jenis Pengelasan

- Hutan Pengeluaran
- Hutan Tadahan Air
- Hutan Penyelidikan
- Hutan Pelajaran
- Hutan Lipur
- Hutan Dara

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan
- Rizab Hidupan Liar Krau

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 6.21 : Hutan Simpan Kekal (HSK) Mengikut Pengkelasan Daerah Temerloh/Bera.

AS2-U6 Pemeliharaan Sumber Warisan Asli Daerah

Daerah Temerloh merupakan sumber warisan yang perlu dipelihara dan dipulihara bagi tatapan generasi kini dan akan datang. Pembangunan fizikal atas nama kemajuan dan ekonomi di kawasan warisan perlu menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber ini.

Jadual 6.23 : Cadangan Pemeliharaan Sumber Warisan Daerah

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemeliharaan Sumber Warisan Daerah	
Kod Cadangan	AS2-U6	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Jajaran batu kapur di Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh ii. Gunung Benom iii. Tapak penemuan fosil (Sg. Jentar, Sg. Tekal Besar, Sg. Netas, Lanchang dan Mentakab) iv. Tapak penemuan fauna invertebrata di Gunung Senyum	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Kewujudan fitur geologi dengan nilai warisan yang tinggi terdapat di Gunung Senyum, Gunung Jebak Puyuh dan Gunung Benom. ii. Kawasan-kawasan ini harus dijadikan sebagai tapak geowarisan dan boleh dibangunkan untuk pelancongan semula jadi tanpa memusnahkan asas sumber yang terdapat di setiap lokasi berkenaan. iii. Penemuan singkapan-singkapan batuan yang berusia jutaan tahun serta penemuan fosil-fosil di daerah Temerloh perlu diambil kira dalam pembangunan masa hadapan bagi memastikan pengendalian yang tepat terhadap sumber ini dapat dilaksanakan. iv. Pelbagai biodiversiti gua dijumpai dalam gunung tersebut dan harus dilindungi.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Daerah Temerloh mempunyai **19 tapak warisan** yang berdaftar dengan Jabatan Warisan Negara. ii. Selain itu, terdapat juga tapak warisan geologi yang belum diwartakan iaitu:	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	 **GUNUNG SENYUM** **118 GUA BATU KAPUR** **18 GUA DITEROKA** **GUNUNG JEBAK PUYUH** **7 GUA BATU KAPUR DITEROKA** iii. Gunung Benom turut menyimpan khazanah warisan geologi yang penting. Gunung ini mempunyai batuan igneus, manakala kawasan sekitar merupakan batuan volkanik. iv. Fosil juga direkodkan di daerah Temerloh yang memerlukan pengendalian yang cermat oleh pakar geologi.
Perincian Inisiatif	i. Mewartakan tapak warisan geologi di Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh sebagai Taman Negeri. • Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mengangkat kawasan ini sebagai Taman Negeri. • Kerjasama antara semua pihak berkepentingan diperlukan bagi merealisasikan pewartaannya. • Tiada pembangunan berimpak tinggi dibenarkan dijalankan di kawasan jajaran batu kapur di kawasan ini. ii. Melestarikan Tapak Warisan Geologi • Memperkukuhkan kemudahan capaian ke tapak warisan geologi (selesa, selamat dan mudah) bagi meningkatkan peluang geopelancongan. • Memperuntukkan kewangan bagi meningkatkan pemantauan berkala serta pemulihan oleh konservator bertauliah terhadap tapak warisan geologi. • Memastikan penemuan baru kawasan berfosil dilaporkan dan sumber fosil dikendalikan secara berhemah oleh pakar fosil di daerah Temerloh. • Mewujudkan jawatan pakar geologi di dalam pengurusan PBT bagi memastikan aset warisan geologi daerah dapat dipelihara dan diurus dengan lebih efisien. • Mewujudkan sistem maklumat pelancongan aplikasi pintar/Web secara online mengenai maklumat tapak geologi, akitiviti pelancongan yang disediakan serta sistem tempahan tiket dan penginapan. • QR kod bagi setiap tempat warisan geologi yang menyediakan makluman secara digital, video atau 3D.

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan lokasi tapak warisan daerah dipelihara ii. Meningkatkan pelancongan warisan di Daerah Temerloh		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. MOTAC ii. JMG iii. JWN iv. Jabatan Perhutanan v. Jabatan Pelancongan vi. PTG vii. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	Semua tapak warisan mudah diakses	Pewartaan Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyuh sebagai Taman Negeri.	
Pencapaian SDG			

Rajah 6.22 : Jajaran Batu Kapur di Gunung Senyum



Sumber: Hamzah, Z., Kamal Roslan, M., and Che Aziz, A. (2006). Pemetaan gua batu kapur di Gunung Senyum, Temerloh, Pahang. Annual Geological Conference 2004, June 4– 6, Putra Palace, Kangar, Perlis, Malaysia.Bulletin of Geological Society ofMalaysia, 49, 43-50.

AS2-U7 Pemeliharaan Jaminan Sumber Bekalan Makanan Daerah

KSAS sistem sokongan hidup di daerah Temerloh terdiri daripada kawasan pertanian Tanah Kelas 2, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Rizab Haiwan dan cadangan kluster ikan sangkar. Pemeliharaan terhadap kawasan-kawasan ini diperlukan bagi menjamin Sumber Bekalan Makanan Daerah.

Jadual 6.24 : Cadangan Pemeliharaan Jaminan Sumber Bekalan Makanan Daerah

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemeliharaan Jaminan Sumber Bekalan Makanan Daerah	
Kod Cadangan	AS2-U7	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Kawasan Pertanian Tanah Kelas 2 ii. TKPM Lanchang iii. Rizab Haiwan iv. Kluster sangkar ikan v. Estet Ikan	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Daerah Temerloh mempunyai kawasan pengeluaran sumber bekalan makanan yang perlu dipelihara bagi menjamin sumber bekalan makanan seperti yang disenaraikan dalam Rancangan Fizikal Negara Ke-4.	
Fakta Asas / *Baseline*	1 **Kawasan Pertanian Tanah Kelas 2** Tanah Kelas 2 yang subur seluas **114,351.25** hektar **50.80%** Jumlah keseluruhan keluasan daerah 2 **Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** **TKPM** Lanchang Keluasan: **3,600** hektar Menyediakan kawasan tanaman makanan khususnya buah-buahan dan sayuran kepada negara untuk pasaran domestik dan eksport dan juga menyokong aktiviti hiliran.	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	3 **Rizab Haiwan** Keluasan keseluruhan Rizab Haiwan adalah **2,230.71** hektar Semua jenis ternakan, kecuali babi untuk pengeluaran makanan hasilan ternakan seperti daging, susu dan telur serta pembiakan dan pembakaan 4 **Kluster Ikan Sangkar** Pemodenan insfratruktur dan kemudahan kluster ikan sangkar Meningkatkan pengeluaran ikan lebih efisyen dan mesra alam sekitar
Perincian Inisiatif	i. Mengekalkan guna tanah kawasan Pertanian Tanah Kelas 2 seluas 114,351.25 hektar. ii. Memperkukuhkan aktiviti pertanian di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang. • Mengoptimakan penggunaan TKPM sebagai kawasan tanaman. • Menyediakan kemudahan perhubungan (jalan) yang lebih baik bagi memudahkan transaksi pengeluaran hasil pertanian. iii. Mewartakan Rizab Haiwan terutama yang aktif bagi mengelakkan penukaran guna tanah pada masa hadapan bagi aktiviti pembangunan lain. • Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mewartakan rizab haiwan ini. • Mengoptimakan penggunaan kawasan rizab haiwan. iv. Permodenan infrastruktur kluster ikan sangkar dan pengembangan pembangunan estet ikan bagi menjamin sumber bekalan protein negara serta menjadi produk pelancongan yang penting. v. Menggalakkan pelepasan benih ikan di Sungai Pahang dan Sungai Semantan bagi menjamin sumber bekalan ikan air tawar berterusan. vi. Mengawal aktiviti pengorekan pasir dengan mengambil kira sumber etok di Sungai Pahang.
Kepentingan Cadangan	Memastikan sumber bekalan makanan negara dan daerah mencukupi
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan ii. Jabatan Pertanian iii. Jabatan Veterinar iv. Jabatan Perikanan

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	i. Aktiviti pertanian di TKPM Lanchang dibangunkan sepenuhnya. ii. Estet ikan dibangunkan sepenuhnya. iii. 4 Rizab Haiwan aktif diwartakan	i. Meningkatkan jumlah Rizab Haiwan aktif diwartakan kepada 10 kawasan ii. Permodenan aktiviti dan infrastruktur di kluster sangkar ikan	i. Meningkatkan jumlah Rizab Haiwan aktif diwartakan kepada 15 kawasan
Pencapaian SDG			



Petunjuk :

- Kelas 2 Tanah Pertanian
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 6.23 : Pengekalan Tanah Pertanian Kelas 2 dan TKPM Lanchang



Petunjuk :

Aktiviti Penternakan

- Ayam
- Lembu/Kerbau
- Padang Ragut
- Rizab Lokasi Haiwan

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 1,500,000



Sumber :
1. Pejabat Perkhimatan Veterinar Daerah Temerloh

Rajah 6.24 : Aktiviti Penternakan, Padang Ragut dan Rizab Lokasi Haiwan

6.1.3 STRATEGI 3: Memperkasakan Pembangunan Pelancongan Semula Jadi dan Budaya

World Conservation Union (IUCN) menyatakan ekopelancongan sebagai pengembaraan atau aktiviti luar untuk menikmati dan menghargai alam semula jadi di samping mempromosikan pemuliharaan, adat dan budaya yang melibatkan Orang Asli, memberi kesan impak yang rendah kepada alam semula jadi dan penglibatan sosio-ekonomi yang bermanfaat kepada komuniti tempatan.

Pembangunan ekopelancongan untuk ke peringkat bertaraf antarabangsa adalah selari dengan hala tuju RS Negeri Pahang 2050 untuk menjadikan lokasi seperti Gunung Senyum dan beberapa lokasi yang berpotensi kearah yang lebih holistik. Cadangan ini menekankan beberapa inisiatif terutamanya Gunung Senyum untuk mencapai taraf antarabangsa dengan kajian-kajian lain untuk menyokong hasrat mencapai status tersebut. Kajian cadangan untuk strategi ini melibatkan 5 lokasi iaitu :

Senarai Projek

AS3 – U1	Perancangan Pengurusan Pemeliharaan (*Conservation Management Plan* - CMP) Gunung Senyum Ke Arah Warisan Kebangsaan
AS3 – U2	Pelaksanaan Kajian Khas Ekopelancongan Temerloh
AS3 – S1	Pemuliharaan Ekosistem Pelancongan
AS3 – S2	Pembangunan Fasiliti Ekopelancongan Temerloh
AS3 – S3	Pemerkasaan Pelancongan Budaya Orang Asli
AS3 – S4	Pemuliharaan Kampung Lubuk Terua
AS3 – S5	Pemuliharaan Aset Warisan Yang Berdaftar Dengan JWN
AS3 – S6	Pembangunan *Heritage Street* dan *Alleys*
AS3 – S7	Pembangunan Mini-Akuarium Ikan Air Tawar

Berikut ialah lokasi-lokasi kajian untuk sektor pelancongan mengenai aktiviti semasa dan fasiliti semasa di kawasan ekopelancongan.

Aktiviti Semasa

Gunung Senyum

Aktiviti Bergambar

Mendaki Gunung

Menjelajah Gua

Berkhemah

Kajian Penyelidikan

Air Terjun Paya Kujan - Air Terjun Paya Taram - Air Terjun Lata Bujang

Aktiviti Bergambar

Berkelah

Mandi-Manda

Memancing

Fasiliti Semasa

Gunung Senyum	Terdapat di dua-dua lokasi	Air Terjun Paya Kujan - Air Terjun Paya Taram - Air Terjun Lata Bujang

Papan Informasic

Tangga

Surau

Chalet

Tandas

Jalan Masuk

Gazebo

Pondok Rehat

Tali

Reflection Singboard

Renjer Hutan

Parkir

Papan Tunjuk Arah

Rekreasi

Gunung Senyum

Maklumat Ringkas

- Gunung Senyum terletak di Mukim Jenderak, di Daerah Temerloh di bawah pengurusan Pejabat Hutan Daerah yang yang berpusat di bandar Temerloh.
- Ditubuhkan pada tahun 1987 dan diwartakan kepada pengunjung pada 14 Julai 1989.
- Terletak di kompartmen 1, 2, 3 dan 4 Hutan Simpan Jengka dengan keluasan 1,074 hektar.
- Hutan Simpan Jengka merupakan sebahagian daripada gugusan hutan daripada Banjaran Titiwangsa

Lokasi



Topografi

Hutan
Secara kajian, tiada spesies endemik namun mempunyai kumpulan-kumpulan pokok yang hidup di taman-taman gua adalah menarik bagi tujuan interprestasi dan pendidikan

Gua
Gua ialah produk utama (flagship) yang menarik pelancong. Keunikkan dan bilangan gua yang banyak mampu menjadikan Gunung Senyum antara tempat tumpuan di Daerah Temerloh

Impak
Pengurusan dan perancangan dan keselamatan sumber alam semulajadi agar aktiviti rekreasi dan ekopelancongan tidak membawa isu di masa hadapan

Budaya
Elemen sejarah, lagenda dan adat setempat perlu diketengahkan sebagai produk sekunder yang menjurus kepada demonstrasi Gunung Senyum

Gunung Senyum

- Kajian di Gunung Senyum dilaksanakan sebagai *pilot project* untuk analisis untuk melaksanakan cadangan pembangunan ekopelancongan di Temerloh kerana keunikan batu kapur dar gua-gua yang terdapat di kawasan ini
- Gua ini mempunyai struktur batu yang unik. Antara ciri fizikal yang dijumpai adalah *stalagtif, stalagmite, soda straw, flowstone* dan *column* yang menarik.
- Menjadi tarikan dari aspek alam semula jadi kepada *hikers,* pencinta alam semula jadi dan aktiviti lasak.
- Gunung ini di bawah penjagaan Jabatan Perhilitan dan telah diwartakan di bawah Jabatan Warisan Negara (JWN) sebaga Senarai Daftar Warisan kategori Alam Semula Jadi
- Berdasarkan laporan dari Jabatan Perhutanan, kedatangan pelancongan secara purata sebanyak 7,000 orang setahun







Lingkungan pandangan dari puncak Gunung Senyum

Taburan Gua Di Gunung Senyum





23 **Gua di Gunung Senyum**

- Gua Straw
- Gua Kapal
- Gua Jebak Puyuh
- Gua Candi
- Gua Mayat
- Gua Rangkak
- Gua Ular
- Gua Terowong
- Gua Kerang
- Gua Taman Dua
- Gua Gajah
- Gua Merlap
- Gua Taman Satu
- Gua Makam Tok Long
- Gua Silat
- Gua Angin
- Gua Tapa
- Gua Taman Impian
- Gua Kolam Tujuh
- Gua Kelawar
- Gua Terang Bulan
- Gua Tali Air
- Gua Hidang

GUNUNG
SENYUM

Puncak Gunung Senyum
1594 kaki
TAMAN EKO RIMBA GUNUNG SENYUM
PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH I BERA



Selamat Datang Ke (Welcome to)
HUTAN LIPUR GUNUNG SENYUM
"Hutan Kebanggaan Negara"
PERHUTANAN

1 Gua Mayat

2 Gua Straw

3 Gua Ular



4 Gua Terowong

5 Gua Kapal

6 Gua Rangkak

Keunikan & Tarikan







AS3 – U1 Perancangan Pengurusan Pemeliharaan *(Conservation Management Plan)* Gunung Senyum Ke Arah Warisan Kebangsaan

Pelan Pengurusan Pemuliharaan atau lebih dikenali sebagai *Conservation Management Plan* (CMP) adalah dokumen yang membantu ke arah strategi pembangunan dan pengurusan lokasi warisan, bersejarah, potensi untuk pelancongan dan tempat-tempat yang diwartakan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Perancangan ini juga merujuk kepada Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bagi menerangkan kepentingan aset dan mengkaji penggunaan, pengurusan, perubahan atau pembaikan untuk mengekalkan kepentingan tempat tersebut.

Jadual 6.25 : Cadangan Perancangan Pengurusan Pemeliharaan *(Conservation Management Plan)* Gunung Senyum Ke Arah Warisan Kebangsaan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Perancangan Pengurusan Pemeliharaan *(Conservation Management Plan)* Gunung Senyum Ke Arah Warisan Kebangsaan	
Kod Cadangan	AS3 – U1	
Klasifikasi Cadangan	Program Dan Projek	
Lokasi Cadangan	Gunung Senyum	
Keluasan / Jarak	1,074 hektar.	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Tiada kajian CMP dijalankan di kawasan kajian sebagai usaha memulihara lokasi ini untuk sistem pengurusan dan pemuliharaan yang dipantau dan terancang ii. Rujukan dan integrasi kajian bersama Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	
Fakta Asas / *Baseline*	i. RS Negeri Pahang 2050 bagi **Strategi DL1-S2,** memperkukuhkan dan menaik taraf Negeri Pahang sebagai destinasi utama eko-pelancongan bertaraf antarabangsa ii. Gunung Senyum telah diwartakan sebagai Tapak Warisan kategori Alam Semula Jadi oleh Jabatan Warisan Negara (JWN)	
Perincian Inisiatif	i. Menjalankan kajian CMP yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang dilantik oleh pihak agensi pelaksana / agensi sokongan ii. Melibatkan kajian seperti data sejarah / maklumat dari sumber primer dan sekunder seperti berikut :	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	**Sumber Primer** Peta asal, temuramah, *questionnaire*, lawatan tapak, kajian tapak, spesifikasi lakaran, surat-menyurat, lakaran, lukisan dan sejarah secara lisan **Sumber Sekunder** Artikel, surat khabar, media sosial, video dan youtube **Langkah 1 -** Memahami lokasi kawasan kajian **Langkah 2 -** Menilai kepentingan Gunung Senyum **Langkah 3 -** Kenal pasti masalah dan perancangan pemuliharaan dan pelancongan **Langkah 4 -** Melaksanakan dasar, polisi dan garis panduan untuk pemuliharaan **Langkah 5 –** Menyedia / merujuk Pelan Tindakan iii. Menyediakan kajian *carrying capacity* untuk menghadkan kedatangan pelancong yang ramai dalam satu tempoh yang sama oleh pihak agensi yang terlibat iv. Menjadikan Gunung Senyum ini sebagai Taman Negeri dan diangkat sebagai Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) dibawah pengurusan sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri. v. Membuat rujukan kepada Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum, Pahang 2022-2031 yang disediakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang iaitu dokumen mengenai satu garis panduan dan kerangka yang diwujudkan sebagai strategi untuk mempertingkatkan kualiti ekopelancongan di Gunung Senyum dengan ekosistem dan biodiversiti yang terpelihara. a. Profil pelawat Gunung Senyum b. Strategi Pembangunan Pelan Induk c. Sistem Pengurusan Pelawat d. Pemasaran Gunung Senyum e. Pelan Tindakan (*Action Plan*)

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Kajian CMP membantu menguruskan dan memulihara kepentingan yang berkaitan dengan aset bersejarah dan warisan seperti berikut: • Gunung • Habitat • Landskap alam semula jadi • Tapak geologi dan arkeologi ii. Menilai sumber alam semula jadi dan kebolehupayaan pasaran (*market feasibility*) bagi tujuan pembangunan produk ekopelancongan iii. Pemuliharaan secara lestari dan meminimakan impak negatif atau kerosakan kepada sumber alam semula jadi		
Peneraju	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)		
Pelaksana	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) ii. Jabatan Warisan Negara (JWN)		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	*i. Conservation Management Plan (CMP)* ii. Sistem Pengurusan Pelawat iii. Pelan Tindakan (*Action Plan*) iv. Pemasaran Gunung Senyum	i. Pelan Tindakan (*Action Plan*) ii. Pemasaran Gunung Senyum	i. Pelan Tindakan (*Action Plan*) ii. Pemasaran Gunung Senyum
Pencapaian SDG			

Contoh Kajian *Conservation Management Plan* (CMP)







1 Profil Pelawat Gunung Senyum

- Kajian ini dijalankan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang melalui pendekatan persampelan yang dilakukan secara *'snowball technique'* dan edaran dilakukan secara digital iaitu menggunakan *Google Form.*
- Sejumlah 499 responden telah diperoleh dan memberikan maklumat yang penting bagi tujuan pemasaran dan pembangunan produk di Gunung Senyum

Aktiviti utama

Menjelajah Hutan

Mengambil Gambar / Video

Mendaki Gunung

Menghayati Alam Semulajadi

Tahap Kepuasan Fasiliti Dan Persekitaran



Kali Terakhir Melawat Gunung Senyum



Pengetahuan Tentang Gunung Senyum

Sumber Maklumat Gunung Senyum

Media Sosial Sebagai Sumber Maklumat



Faktor Halangan Melawat Gunung Senyum

Faktor Utama Melawat Gunung Senyum

Keinginan Untuk Melawat Dalam 12 Tahun



Sumber Maklumat Untuk Melancong



2 Strategi Pembangunan Pelan Induk

Kajian sektor pelancongan di Gunung Senyum juga mengambil kira strategi pembangunan pelan induk untuk diselaraskan bagi membentuk produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa dan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan sosio tempatan.

1 Strategi Pengurusan Sumber

- Pembangunan TER ini akan dibantu oleh kerangka *Recreation Opportunity Spectrum*, **ROS** yang secara dasarnya mengkelaskan (**zoning**) satu kawasan rekreasi mengikut jenis sumber, kesesuaian dengan peluang aktiviti rekreasi dan juga keperluan pengurusan.

2 Strategi Pembangunan Fasiliti

- Pembangunan fasiliti di TER ini dipandu oleh konsep mewujudkan pengalaman unik, mengutamakan keselesaan dan keselamatan pelawat.
- Tumpuan strategi ini idalah **konsep** keseluruhan **pembangunan** TER dan perincian yang diperlukan seperti reka bentuk, pemilihan bahan, anggaran dimensi dan perbandingan (benchmarking).

3 Strategi Pengurusan Produk

- Produk utama rekreasi dan ekopelancongan di TER idalah pengalaman lawatan. Tumpuan strategi ini adalah panduan untuk menawarkan aktiviti dalam bentuk **modul aktiviti** terpilih yang bersesuaian dengan tema pembangunan.
- **Pengurusan Risiko** untuk aktiviti rekreasi dan ekopelancongan juga diperincikan oleh strategi ini

4 Strategi Pemasaran

- Strategi ini memperincikan cadangan langkah-langkah penting untuk program **promosi** dan **komunikasi** yang efektif bagi TER ini.

5 Strategi Pengurusan Sumber Manusia

- Sumber Manusia yang diberi keutamaan adalah **kakitangan** Jabatan Perhutanan.
- Strategi akan menggariskan langkah peningkatan pengetahuan dan kemahiran bagi memberikan **perkhidmatan ekopelancongan** yang baik di TER ini di masa hadapan.

Sumber: Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum, Pahang 2022-2031

3 Sistem Pengurusan Pelawat

Sistem pengurusan pelawat perlu diambil kira bagi memastikan pengurusan kedatangan pelancong yang sistematik dan mampu menjadikan pengalaman yang terbaik untuk pelancong. Selain itu, memastikan lawatan dan aktiviti yang disertai di kawasan adalah selamat dan selesa untuk pelancong



Sumber: Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum, Pahang 2022-2031

3 Pemasaran Gunung Senyum

Sistem pemasaran Gunung Senyum sangat penting bagi memperkenalkan kawasan ini kepada dunia luar bagi mencapai sasaran ke peringkat antarabangsa.



Sumber: Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum, Pahang 2022-2031

4 Pelan Tindakan (*Action Plan*)

Pelan Tindakan (*Action Plan*)

- Disediakan bagi membantu pihak Jabatan Hutan Negeri dan Kerajaan Negeri Pahang untuk melaksanakan strategi-strategi serta Tindakan-tindakan utama yang telah digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan bagi tempoh 10 tahun (2022 hingga 2031)
- Menjadikan Daerah Temerloh sebagai sebuah destinasi yang menawarkan pengalaman yang memberi nilai tambah dan bermakna kepada pelawat serta menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan sosial tempatan.





3 ZON UTAMA



Zon Efektif

- Kawasan pembangunan utama yang menempatkan sebahagian besar pelancong
- Luas kawasan adalah 7.8 ha, merangkumi 0.8% daripada keseluruhan taman.

Zon Eksplorasi

- Kawasan aktiviti utama yang menempatkan gua- gua yang sering menjadi tumpuan
- Luas kawasan adalah 23.2 ha, merangkumi 2.4% daripada keluasan taman.

Zon Kembara dan Alam Liar

- Menempatkan gua-gua lain di kompleks gua Gunung Senyum
- Luas kawasan adalah 935 ha yang merangkumi hampir 97% daripada keseluruhan keluasan taman.

Sumber: Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum, Pahang 2022-2031

AS3 – U2 Pelaksanaan Kajian Khas Ekopelancongan Temerloh

Ekopelancongan yang mampan harus merangkumi kajian yang menekankan aspek kelestarian alam semula jadi, sosial, kesesuaian budaya setempat, ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan dan kesan impak yang minimal kepada alam semula jadi.

Jadual 6.26 : Cadangan Pelaksanaan Kajian Khas Ekopelancongan Temerloh

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pelaksanaan Kajian Khas Ekopelancongan Temerloh	
Kod Cadangan	AS3 – U2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Gunung Senyum ii. Air Terjun Paya Kujan iii. Air Terjun Paya Taram iv. Air Terjun Lata Bujang	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Tiada pembangunan pelancongan secara holistiik terhadap ekopelancongan sebagai kawasan pemeliharaan alam semula jadi dari aspek kelestarian alam sekitar, sosio budaya dan ekonomi dari integrasi sektor-sektor lain	
Fakta Asas / *Baseline*	Pembangunan pelancongan masih minimal dari aspek promosi dan pakej	
Perincian Inisiatif	i. Memulihara hutan yang terlibat dengan aktiviti pelancongan dengan pelan pengurusan *Conservation Management Plan* (CMP) ii. Memastian kawasan semula jadi / arkeologi tidak terganggu oleh pembangunan secara besar-besaran iii. Memulihara hidupan liar tanpa pencerobohan haram iv. Memberi pendedahan kepada orang ramai / pelancong tentang kualiti alam semula jadi melalui informasi seperti seminar, media sosial dan sebagainya v. Memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat secara ekonomi vi. Mengekalkan landskap persekitaran dan mengurangkan kerosakan persekitaran	

sambungan

Perkara	Perincian		
	vii. Menghargai dan menghormati budaya tempatan, sejarah tempatan dan tradisi bagi kawasan persekitaran yang berdekatan lokasi pelancongan viii. Pengurusan ekopelancongan yang mampan dan lestari dengan pelbagai seminar / latihan yang berkaitan lokasi		
Kepentingan Cadangan	i. Memastikan lokasi dipantau supaya tidak dieksploitasi untuk tujuan pembangunan berskala besar dan ekonomi tanpa kawalan ii. Memulihara hutan sebagai tapak alam semula jadi dan memberi manfaat kepada aktiviti pelancongan		
Peneraju	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)		
Pelaksana	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) ii. MOTAC iii. Tourism Pahang		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	Pelaksanaan kajian khas dijalankan oleh agensi yang terlibat dengan kawasan kajian	Pelaksanaan kajian khas dijalankan oleh agensi yang terlibat dengan kawasan kajian	
Pencapaian SDG			

1 Faktor Asas Kelestarian Ekopelancongan

- Mempromosikan alam semula jadi seperti penilaian impak persekitaran, kesan visual, bekalan air, kualiti udara, pengurangan sampah, pemuliharaan air dan kesan minimum pada hidupan liar
- Menyediakan pendidikan dan kesedaran persekitaran kepada orang awam
- Memupuk sikap dan tingkah laku yang sihat terhadap alam semula jadi
- Mendorong sumbangan untuk menyumbang kepada perlindungan kualiti udara sumber semula jadi tempatan

Kelestarian Alam Sekitar Ekopelancongan

Kelestarian Sosiobudaya Ekopelancongan

- Menggalakkan penyertaan aktif masyarakat tempatan
- Menggalakkan sosiobudaya tempatan
- Meningkatkan keseimbangan masyarakat tempatan dengan pembangunan pelancongan di kawasan mereka
- Membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat dengan integrasi pelancongan
- Menggalakkan penghargaan dan komunikasi antara budaya setempat dan pelancong dari luar

- Menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan yang berterusan
- Menyediakan pekerjaan tetap untuk komuniti tempatan
- Memacu pengembangan industri lain yang terlibat di kawasan kajian
- Keuntungan dan pendapatan dibahagi sama rata di dalam komuniti setempat seperti penubuhan koperasi
- Membiayai penubuhan dan penyelenggaraan kawasan yang terjejas
- Pengurusan dan pentadbiran sumber semula jadi yang sistematik

Kelestarian Ekonomi Ekopelancongan

2 Perbezaan Ekopelancongan dan Bukan Ekopelancongan

Berikut ialah perbezaan ekopelancongan dan bukan ekopelancongan yang menjelaskan ciri-ciri yang terdapat di kawasan kajian.

Perbezaan Ekopelancongan dan Bukan Eko Pelancongan

Ekopelancongan	Bukan Ekopelancongan
• Bilangan pelancong dalam skala yang kecil	• Bilangan pelancong dalam skala yang besar
• Melibatkan pembangunan pelancongan yang minimal di kawasan pedalaman	• Pembangunan pelancongan yang di kawasan bandar / kota
• Pemasaran aktivti ekopelancongan	• Pemasaran secara global untuk tujuan pemasaran
• Harga yang tinggi kerana mempunyai nilai *authentic (* mengikut keperluan / kajian saintifik / perubatan)	• Harga yang sentiasa berubah mengikut keperluan pasaran
• Memberi kesan impak yang rendah	• Tidak memberi kesan kepada alam semula jadi
• Kawalan pembangunan yang terancang	• Pembangunan secara besar -besaran untuk menarik pelancong
• Membuka peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan	• Peluang ekonomi secara terbuka kepada semua
• Pembangunan sosio ekonomi tempatan	• Pembangunan ekonomi secara menyeluruh untuk pasaran global
• Latihan dan seminar bagi memulihara alam semula jadi	• Pilihan untuk aktiviti lasak, riadah, pembangunan dalam skala besar tanpa sekatan terhadap alam semula jadi
• Pembangunan Fasiliti Secara Minimal	• Pembangunan Fasiliti Secara Maksima

3 Pelaksanaan Kajian Khas Ekopelancongan

Pengurusan Ekopelancongan ini memerlukan pengurusan yang teliti yang terdiri dari pelbagai aspek untuk dikaji dan diuruskan. Berikut ialah elemen yang diperlukan untuk kajian ekopelancongan ini.

Kualiti Alam Semulajadi

Menyumbang kepada kualiti alam sekitar dengan mengelakkan kos memulihkan kerosakan persekitaran jangka panjang

Integrasikan Pelancongan

Pembangunan pelancongan dalam satu perancangan strategik nasional dan tempatan serta agensi-agensi yang berkaitan

Konservasi / Pemuliharaan

Peningkatan pemuliharaan dan pemantauan habitat dan spesies

Menyokong Ekonomi Tempatan

Pelancongan yang menyokong pelbagai aktiviti ekonomi tempatan untuk memberi peluang kepada mereka membangunkan peniaga-peniaga kecil untuk berkembang melalui pelancongan

Kerjasama Dari Semua Pihak

Kerjasama antara industri pelancongan, organisasi, institusi dan komuniti setempat untuk pembangunan pelancongan

Penglibatan Komuniti Setempat

Penglibatan komuniti tempatan dalam sektor pelancongan untuk memberi manfaat kepada mereka dan alam sekitar serta meningkatkan kualiti pelancongan

Latihan Kakitangan

Latihan kakitangan untuk amalan kerja, peningkatan kualiti produk pelancongan dan pengurusan yang mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan

Pendidikan

Memupuk kesedaran sosial terhadap ekologi alam semula jadi dan perkongsian ilmu untuk aktiviti pemuliharaan / pelancongan

Kajian Penyelidikan

Penyelidikan dan pemantauan untuk yang membawa manfaat kepada industri pelancong



4 Kategori Pelancong

Kategori pelancong juga diambil kira bagi mengetahui latar belakang, tujuan dan minat pelancong yang datang ke kawasan ekopelancongan. Kajian yang berasaskan demografi pelancong ini membolehkan kawasan tersebut dinilai dari segi aktiviti, kawalan terhadap *carrying capacity* serta konsep yang boleh dibangunkan seiring dengan pemuliharaan.

Kategori Pelancong di Kawasan Ekopelancongan

SOFT ECOTOURIST

- Penglibatan dan komitmen terhadap alam semula jadi yang sederhana.
- Lawatan dalam pelbagai tujuan dan aktiviti.
- Jangka masa lawatan tidak terlalu lama.
- Kedatangan pelancong dalam kadar yang ramai / tidak terhad.
- Interaksi yang minimum dengan alam semula jadi.
- Bergantung kepada agensi pelancongan.
- Kurang melibatkan diri dalam aktiviti lasak.
- Penyediaan penginapan dan pengangkutan yang selesa.

ADVENTURE ECOTOURIST

- Melibatkan diri dengan aktiviti berisiko tinggi seperti *flying fox, zip line dan hiking.*
- Pelancong yang berminat untuk meneroka ke kawasan di luar zon selesa / suka cabaran.
- Berminat mengenali kesukaran dan keunikan aktiviti yang melibatkan kepelbagaian ekosistem yang ekstrem.
- Aktiviti yang melibatkan kekuatan fizikal di kawasan pemuliharaan ekologi dan hidupan liar

HARD ECOTOURIST



- Penglibatan dan komitmen terhadap alam semula jadi yang tinggi.
- Lawatan yang bertujuan untuk kajian / minat yang mendalam terhadap alam semula jadi.
- Jangka masa lawatan yang lama
- Melibatkan aktiviti fizikal dan cabaran.
- Kebiasaannya merupakan pengkaji / melibatkan pengkaji saintifik / alam semula jadi, biodiversiti / hidupan liar.
- Lawatan yang lebih bersifat peribadi.
- Lebih mengutamakan alam semula jadi dalam melancong seperti pemilihan penginapan yang berkonsepkan *eco-lodge* dan berkhemah.

AS3 – S1 Pemuliharaan Ekosistem Pelancongan

Ekosistem dapat dipulihara secara mampan dan lestari melalui beberapa pendekatan yang praktikal dan efektif dari aspek pembangunan pelancongan. Penerapan kajian terhadap elemen-elemen utama ekosistem yang terhasil dari gabungan spesies, geologi, topografi, dan iklim yang terdapat dalam proses fizikal dan biotik khusus yang berinteraksi antara satu sama lain dalam satu kawasan alam semulajadi. Pembangunan pelancongan ini juga menjadi *tool* utama dalam membantu pemuliharaan, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai kepentingan ekosistem.

Jadual 6.27 : Cadangan Pemuliharaan Ekosistem Pelancongan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemuliharaan Ekosistem Pelancongan	
Kod Cadangan	AS3 – S1	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Gunung Senyum ii. Air Terjun Paya Kujan iii. Air Terjun Paya Taram iv. Air Terjun Lata Bujang	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Masih terdapat sisa buangan sampah dan *barbeque* secara terbuka dalam tempoh yang lama di beberapa lokasi pelancongan yang memberi kesan kepad ekosistem alam semula jadi ii. Kekurangan informasi terhadap ekosistem alam semula jadi kepada pelancong	
Fakta Asas / *Baseline*	Pembangunan pelancongan masih minimal dari aspek promosi dan pakej	
Perincian Inisiatif	Pemuliharaan ekosistem melalui kajian-kajian saintifik untuk mengetahui kepentingan yang terdapat di kawasan tumpuan pelancongan dan pemuliharaan alam semula jadi seperti berikut: • Ekologi • Tanah • Tumbuh-tumbuhan	

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Memulihara ekosistem melalui kerjasama agensi-agensi yang terlibat dalam menjayakan pelancongan ii. Penglibatan pelancong untuk mempromosikan kawasan-kawasan menarik yang dengan khazanah alam semulajadi kepada dunia luar		
Peneraju	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)		
Pelaksana	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	Kajian-kajian saintifik untuk mengetahui kepentingan ekosistem	Pelaksanaan kajian saintifik untuk pembangunan pelancongan	
Pencapaian SDG			

Pemuliharaan Ekosistem di Kawasan Ekopelancongan

EKOLOGI

- Memulihara tumbuh-tumbuhan, tiada penghapusan habitat dan gangguan kepada hidupan liar
- Mengekalkan habitat hidupan liar seperti laluan perjalanan, kawasan berburu, kawasan pembiakan dan sebagainya
- Menguatkuasakan aktiviti kuari untuk eksploitasi batu kapur
- Menguatkuasakan penebangan hutan di kawasan tumpuan pelancong untuk mengekalkan ekosistem asal dan landskap semula jadi

TANAH

- Tiada aktiviti haram berkaitan pengambilan tanah dan batu kapur
- Mengurangkan hakisan tanah kesan dari pembangunan yang tidak terkawal

TUMBUH-TUMBUHAN

- Kawalan pembangunan / minima di sekitar kemudahan fasiliti yang akan memberi kesan negatif
- Sistem pengangkutan yang tidak mengeluarkan karbon kerana akan memberi kesan negatif
- Mengawal kebakaran / aktiviti memasak / BBQ dari pelancong yang mendaki gunung ,berkhemah dan berkelah di kawasan sekitar

UDARA

- Memelihara ruang udara dari tercemar dari aktiviti pembalakan dan eksploitasi batu kapur

HIDUPAN LIAR

- Dilarang memburu dan memancing di kawasan kajian / tumpuan pelancong / kawasan pemuliharaan
- Tiada gangguan oleh pelancong terhadap spesies-spesies, di sekitar kawasan tarikan
- Tidak memberi ancaman atau gangguan kepada hidupan liar secara langsung untuk tujuan ekonomi / pemasaran / video / *live streaming* / media sosial

AIR

- Kawalan pembuangan kumbahan atau sampah di sungai, tasik atau kawasan gunung
- Tidak membuang sampah di kawasan air terjun dan memusnahkan hidupan akuatik / memancing secara besar-besaran

AS3 – S2 Pembangunan Fasiliti Ekopelancongan Temerloh

Pelancongan yang lestari mempunyai banyak kelebihan signifikan yang perlu dikembangkan untuk mengekalkan sumber semula jadi melalui pembangunan fasiliti yang menyokong transformasi aktiviti dan perkembangan sektor pelancongan ke tahap yang lebih global.

Jadual 6.28 : Cadangan Pembangunan Fasiliti Ekopelancongan Temerloh

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Fasiliti Ekopelancongan Temerloh	
Kod Cadangan	AS3-S2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Gunung Senyum ii. Air Terjun Paya Kujan iii. Air Terjun Paya Taram iv. Air Terjun Lata Bujang	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Sistem fasiliti yang minima untuk menarik kedatangan pelancong ii. Rujukan dan integrasi kajian bersama Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum yang disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Merujuk kepada Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum, Pahang 2022-2031 untuk Strategi 2: Pembangunan Fasiliti ii. RS Negeri Pahang 2050 bagi **Inisiatif Pelaksanaan L1S2-P2** adalah mewujudkan *Great Walk* dengan konsep Jejak Alam Semula Jadi bagi produk eko-pelancongan di Gunung Senyum, Temerloh: • Aktiviti pelancongan untuk *hiking*, perkhemahan dan kajian-kajian saintifik. • Perkhidmatan pemandu pelancong yang akan membawa pelancong menikmati pengalaman di kawasan ini.	
Perincian Inisiatif	i. Gunung - Malim gunung, renjer hutan, aplikasi untuk pendaftaran permit, perkhidmatan pemandu pelancong, data pelancong dan kemudahan asas tandas, laluan masuk, kawasan rehat, parking dan sebagainya ii. Air terjun – Menyediakan kemudahan asas seperti tandas, laluan masuk, kawasan rehat, parking, data pelancong dan sebagainya	

sambungan

Perkara	Perincian		
	ii. Aktiviti – • Aktiviti fotografi flora dan fauna • Mempromosikan pemuliharaan *live streaming video* • Menyediakan *channel* dan *subscribe* mengenai pengembaraan di kawasan pelancongan untuk menghasilkan dana • Menghasilkan dokumentari seperti di Netflix dan sebagainya • Menjadikan kawasan pelancongan sebagai lokasi *bucket list* • Menyokong dan mempromosikan pemuliharaan melalui media sosial, seminar dan aplikasi *network* yang terkini • Aktiviti lasak v. Peningkatan perkhidmatan / *lighting* / landskap vi. Penyediaan sijil / cenderamata / cop sebagai penghargaan bagi aktiviti yang terlibat dengan pelancongan atau pemuliharaan vii. Kepelbagaian aktiviti viii. Mini galeri / 3D muzium		
Kepentingan Cadangan	i. Menjadi kajian Penyediaan Pelan Induk Pembangunan Gunung Senyum dan kajian RTD Temerloh 2035 dilaksanakan dengan selari bagi mencapai sasaran untuk melengkapkan fasiliti di Gunung Senyum ii. Menjadikan aktiviti ekopelancongan sebagai lokasi tarikan di Temerloh iii. Memperkenalkan gua-gua di kawasan gunung sebagai lokasi tarikan utama di Temerloh iv. Menyediakan fasiliti-fasiliti asas sebagai pembangunan sokongan kepada produk pelancongan v. Meningkatkan sistem fasiliti, promosi, pakej dan pemasaran yang lebih menyokong kearah pembangunan		
Peneraju	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) ii. Majlis Perbandaran Temerloh		
Pelaksana	i. MOTAC ii. Tourism Pahang iii. Tourism Malaysia Wilayah Timur iv. Pemaju dan penyelidik yang terlibat dalam kajian Pelan Induk Pembangunan Taman Eko-rimba Gunung Senyum, Pahang, 2022-2031		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	i. Promosi ii. Pakej iii. Fasiliti iv. Kepelbagaian aktiviti	Mini galeri / 3D muzium	

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

Peta Cadangan Fasiliti Gunung Senyum

1. Tali, Tangga dan *Canopy Walkway*
2. *Shelter*
3. *Reflection Signboard*
4. 3D Muzium/ Mini Galeri
5. Sistem Pencahayaan
6. Pondok Informasi
7. Pondok Rehat dan *Boardwalk*
8. *Trail Board* dan *Signboard*
9. Menara Tinjau *(Watch Tower)*
10. Amfiteater
11. *Visitor Information Center*
12. Tapak Perkhemahan & Chalet

***Nota** :*

i. Cadangan fasiliti disediakan di kawasan utama laluan trail dan tumpuan pelancong

ii. Taburan lokasi yang bersesuaian dan strategik untuk kemudahan pelancong

Cadangan Fasiliti

Tali, Tangga dan *Canopy Walkway*

- Kemudahan fasiliti seperti tangga dan tali sebagai akses sokongan
- Memudahkan pendaki melalui *trail* yang sukar / curam
- Dipasang di laluan utama / berisiko
- Kemudahan fasiliti ini juga dapat menambah *scenery* landskap di kawasan tersebut



Aplikasi *Hiking Trails*

- Aplikasi *hiking trails* diperlukan bagi memudahkan pengguna/ pendaki mengetahui lokasi / keadaan gunung / aktiviti lasak yang terlibat
- Perkhidmatan sistem yang lebih efisien




Shelter

- *Shelter* ini perlu disediakan sebagai *landscape scenery* dan fasiliti kepada *hiker*, penyelidik yang menjalan kajian, pengguna trail dan aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam hutan sebagai lokasi rehat / berkumpul.
- Menyediakan ruang yang lebih menarik dengan pelbagai kemudahan yang disediakan secara minimal namun mampu memberi pengalaman baru di gunung tersebut.

Name Tag Tree

- Informasi jenis-jenis pokok yang terdapat di sekitar laluan utama trail diperbanyakkan
- Menjadi sumber informasi tambahan kepada pelancong di kawasan eko pelancongan

Reflection Signboard

- Fasiliti kepada *hikers*
- Memudahkan laluan di waktu malam / gelap
- Sebagai petunjuk dan trail kepada pengguna laluan tersebut

QR Code / Bar Code

- *QR Code / Bar Code* digunakan untuk mengesan maklumat secara pantas mengenai informasi secara terperinci
- Boleh diakses secara mudah ke dalam talian melalui sistem digital

3D Muzium/ Mini Galeri

- Sebagai tarikan kepada pelancong yang tidak berpeluang untuk menjelajah kedalam gua di Gunung Senyum
- Memberi informasi mengenai elemen, sejarah dan struktur geologi gua

Sistem Pencahayaan

- Pengindahan melalui sistem pencahayaan yang lebih menarik
- Memberi kesan artistik di kawasan-kawasan gua di Gunung Senyum



Pondok Informasi

- Sebagai rujukan / panduan di kawasan sekitar / laluan trail / gunung/ air terjun.
- Disediakan sebagai panduan asas dan fasiliti pengguna
- Reka bentuk minimal diperlukan dan mampu memberi kemudahan kepada pengguna

Pondok Rehat dan *Boardwalk*

- Penyediaan fasiliti kepada pengguna
- Reka bentuk yang minimal diperlukan di kawasan hutan sebagai menyokong pemuliharaan alam semulajadi

Trail Board* dan *Signboard

- Disediakan di beberapa trail / laluan utama sebagai panduan
- Informasi jarak dan lokasi di dalam hutan





Landskap

- Pengindahan landskap di kawasan kaki gunung sebagai tumpuan pelancong
- Pembentukan *sculpture* dari pokok hiasan

Menara Tinjau *(Watch Tower)*

- Disediakan bagi meninjau persekitaran kawasan Gunung Senyum
- Sebagai alat kawalan keselamatan dan sumber maklumat dari pemandangan sudut yang tinggi



Amfiteater

- Kemudahan amfiteater adalah untuk memudahkan pelbagai aktiviti berkumpulan contohnya seperti:
  - Senaman aerobik dan sebagainya
  - Nyanyian / pertandingan
  - Kem motivasi

Sijil Penghargaan – Hiking / Trekking

- Sebagai pengharagaan kepada yang terlibat untuk memeriahkan aktiviti / menghabiskan pendakian dengan kedudukan yang terbaik
- Menggalakkan penyertaan lebih ramai peserta kerana sijil penghargaan disediakan

Data Pelancong / Permit Digital Secara Online

- Maklumat ini diperlukan sebagai pangkalan data yang sistematik dan memudahkan pihak pengurusan
- Memudahkan pelancong untuk memohon permit melalui online
- Sebagai rumusan data kedatangan pelancong di Temerloh / Pahang / Malaysia



Visitor Information Center

- Ruang informasi yang sistematik untuk kegunaan pelancong yang merangkumi semua fasiliti dan informasi yang terdapat di Gunung Senyum

Tapak Perkhemahan & Chalet

- Pengurusan chalet sediaada yang lebih sistematik dari aspek pengurusan dan penyelenggaraan
- Menyediakan kawasan perkhemahan / penginapan di sekitar kawasan Gunung Senyum yang telah di khaskan

AS3 – S3 Pemerkasaan Pelancongan Budaya Orang Asli

Keunikkan adat dan budaya yang dimiliki oleh kaum orang Asli menjadi tarikan pelancongan di Daerah Temerloh. Aspek ini menjadi cadangan inisiatif dalam membangunkan komuniti ini supaya seiring dengan pembangunan pelancongan dan membuka peluang sosio ekonomi dan budaya ke peringkat yang lebih meluas.

Jadual 6.29 : Cadangan Pemerkasaan Pelancongan Budaya Orang Asli

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemerkasaan Pelancongan Budaya Orang Asli	
Kod Cadangan	AS3-S3	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Perkampungan Orang Asli Che Wong ii. Perkampungan Orang Asli Kampung Pian iii. Perkampungan Orang Asli Penderas	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Tiada promosi dan pakej secara agresif untuk mengangkat adat dan budaya Orang Asli sebagai *nodes* pelancongan budaya di daerah Temerloh	
Fakta Asas / *Baseline*	Kekurangan penglibatan dan tumpuan secara menyeluruh dari agensi lain untuk bekerjasama dengan pihak JAKOA	
Perincian Inisiatif	i. Mempromosi dan mempakejkan produk-produk yang terdapat di perkampungan Orang Asli ii. Menarik pelancong untuk datang ke Temerloh bagi menikmati aktiviti budaya iii. Memperkenalkan perubatan tradisional dengan pemeliharaan hak kepada Orang Asli iv. Mewujudkan festival dan adat budaya yang melibatkan komuniti setempat v. Program melindungi hidupan liar bersama komuniti Orang Asli vi. Menyediakan peluang pekerjaan seperti *tour guide* dan ahli kajian saintifik menggunakan ilmu komuniti Orang Asli vii. Menyediakan program yang berkaitan kajian saintifik dan pemuliharaan berkaitan alam semula jadi viii. Penyediaan tempat tinggal pelancong sebagai sumber pendapatan di rumah Orang Asli ix. Bekerja di pusat-pusat konservasi / pemuliharaan yang berkaitan dengan sektor alam semulajadi	

sambungan

Perkara	Perincian		
	x. Memperkenalkan kraftangan di peringkat yang lebih tinggi xi. Memelihara teknik tanaman secara semula jadi tanpa penggunaan bahan kimia dan hasil padi huma yang *authentic* sebagai tarikan pelancong xii. Mempergiatkan aktiviti fotografi, perfileman dan sebagainya untuk memperkenalkan budaya setempat kepada orang luar		
Kepentingan Cadangan	i. Membentuk simbiosis kepada pemuliharaan hutan dengan pembangunan pelancongan yang lebih mampan ii. Memperkenalkan adat dan budaya kepada pelancong luar iii. Membuka peluang ekonomi dan pembangunan kepada komuniti Orang Asli iv. Menjadikan perkampungan Orang Asli tidak dipinggirkan dari pembangunan pelancongan di daerah Temerloh		
Peneraju	i. JAKOA		
Pelaksana	i. MOTAC ii. JAKOA iii. Tourism Pahang iv. Tourism Malaysia Wilayah Timur v. Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Pahang		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	i. Program-program pelancongan ii. Pelaksanaan landskap dan fasiliti	i. Pelaksanaan landskap dan fasiliti	
Pencapaian SDG			

1 Perkampungan Orang Asli Kg.Pian

Cadangan pembangunan di perkampungan Orang Asli melibatkan beberapa kesesuaian aktiviti dan landskap persekitaran. Oleh yang demikian, perkampungan Orang Asli Kampung Pian telah dijadikan sebagai *pilot project* untuk melaksanakan cadangan program dan projek pelancongan.



Aktiviti Perkampungan Orang Asli Kg.Pian

1

Hiking Ke Air Terjun

Harga : RM35.00 (Dewasa)

2

Menjejak Bunga Pakma

Harga : RM10.00 (Dewasa)



3

Balai Kraftangan

Harga : RM5.00 (Dewasa)
RM 3.00 (Kanak-Kanak)

4

Lawatan Ke Ladang Padi Huma

Harga : RM5.00 (Dewasa)
RM 3.00 (Kanak-Kanak)

5

Bambo Rafting / Aktiviti Berakit

Harga : RM80.00 (Dewasa)

Cadangan Pemerkasaan Pelancongan Orang Asli

Perkampungan Budaya

- Dibina bagi tujuan memperkenalkan secara terbuka dan lebih global kepada dunia luar tentang adat dan budaya setempat
- Ruang yang lebih spesifik untuk pertunjukan, jualan hasil tempatan, informasi dan pusat aktiviti
- Contoh: Perkampungan Budaya Mah Meri (Pulau Carey, Selangor) dan Kampung Budaya Sarawak

Aktiviti Gotong Royong

- Kerjasama dengan komuniti Orang Asli untuk aktiviti kampung
- Membersihkan kawasan persekitaran yang terjejas, bencana dan aktiviti-aktiviti pengindahan landskap



Lokasi Fotografi / Filem

- Memperkenalkan lokasi yang lebih *authentic* dari perspektif budaya, adat dan persekitaran
- Penglibatan Orang Asli mengenai nilai diri dan keunikan yang mereka miliki untuk diperkenalkan kepada dunia luar



Aktivti Penanaman Padi Huma

- Pemeliharaan teknik tanaman padi huma yang hanya terdapat di beberapa tempat sahaja sebagai tarikan agro pelancongan
- Pelancong dapat bersama-sama mempelajari, membuat kajian dan mengetahui teknik penanaman padi huma tanpa menggunakan bahan kimia kerana ia diusahakan secara organik

Perubatan Tradisonal

- Memperkenalkan perubatan tradisional dengan pemeliharaan hak kepada Orang Asli
- Menggunakan bahan-bahan herba semula jadi sebagai alternatif perubatan
- Menyediakan program yang berkaitan kajian saintifik dan pemuliharaan berkaitan alam semula jadi

Pengindahan Landskap

- Penambahan fasiliti yang memberi impak landskap yang menarik
- Penyediaan kemudahan asas untuk menarik pelancong
- Pengindahan *softscape* dan *hardscape*

Kraftangan

- Mempergiatkan usaha pembuatan kraftangan ke peringkat yang lebih luas dan global
- Menggalakkan kerjasama agensi dan komuniti Orang Asli sebagai sumber sosio ekonomi tempatan

Aktiviti Sungai

- Memeriahkan lagi suasana kampung dengan aktiviti di kawasan sungai
- Aktiviti lasak disediakan di sepanjang sungai dengan pelbagai aktiviti yang bersesuaian

Reka Bentuk Pintu Masuk

- Menyediakan reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan konsep perkitaran perkampungan Orang Asli

Pemuliharaan Hutan Dan Hidupan Liar

- Kerjasama dengan agensi terlibat seperti Jabatan Perhilitan, Jabatan Perhutanan dengan komuniti Orang Asli untuk memulihara kawasan hutan
- Mengurangkan pencerobohan dan perburuan haram

Penglibatan Komuniti Setempat Dengan Pelancong

- Membentuk perhubungan antara pelancong, komuniti setempat dan Orang Asli
- Mengenali adat dan budaya setempat
- Mengetengahkan keunikan yang dimiliki untuk diperkenalkan kepada dunia luar
- Dapat menarik pelancong dan menambah ekonomi tempatan

AS3-S4 Pemuliharaan Kampung Lubuk Terua

Pemuliharaan ini bertujuan memulihara Kampung Lubuk Terua yang terletak berhampitran dengan Kuala Semantan sebagai satu lokasi warisan sejarah. Pembangunan ini secara tepatnya adalah untuk memberi informasi sejarah kepada generasi yang akan datang tentang tokoh pahlawan tempatan iaitu Dato' Bahaman di zaman penjajahan Inggeris di zaman dahulu. Cadangan ini juga akan memberi impak positif kepada kawasan persekitaran melalui pembangunan dan aktiviti yang diperkenalkan sebagai tarikan pelancong.

Jadual 6.30 : Cadangan Pemuliharaan Kampung Lubuk Terua

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemuliharaan Kampung Lubuk Terua	
Kod Cadangan	AS3 – S4	
Klasifikasi Cadangan	Projek dan Program	
Lokasi Cadangan	Kampung Lubuk Terua	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Sejarah kawasan tempatan Kampung Lubuk Terua ditinggalkan tanpa pemuliharaan ii. Sejarah pahlawan melayu Dato Bahaman tidak dikenali untuk generasi akan datang	
Fakta Asas / *Baseline*	Kawasan ini tidak dibangunkan dari aspek pemuliharaan sejarah tempatan	
Perincian Inisiatif	i. Pembinaan galeri mini sebagai imej dan karakter untuk diadaptasi sebagai peristiwa sejarah ii. Diperkenalkan di dalam acara-acara tempatan dengan mengunakan nama beliau sebagai nama acara / majlis. Contoh : Larian Dato' Bahaman (aktiviti sukan), Dewan Dato' Bahaman dan sebagainya. iii. Pembinaan *sculpture* / mural / artifak sejarah Dato' Bahaman iv. Menyediakan elemen maklumat sejarah v. Membuka peluang kawasan Sungai Semantan sebagai lokasi tarikan pelancong melalui promosi dan pakej	
Kepentingan Cadangan	Pemuliharaan sejarah warisan tempatan	

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. JWN ii. JPS iii. MOTAC iv. Tourism Pahang v. JPS vi. Tourism Malaysia Wilayah Timur vii. Pihak Pemaju viii. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* ii. Promosi dan pakej iii. Aktiviti fizikal iv. Galeri Mini v. Pembangunan Sungai Semantan	i. Galeri Mini	
Pencapaian SDG			

Cadangan

Galeri Mini

- Galeri Mini merupakan salah satu pendekatan untuk mengenali budaya, sejarah dan pembangunan kampung ini.
- Melalui pendekatan galeri ini, penduduk tempatan dan pelancong dapat mengenali dan menghayati sejarah silam pahlawan tempatan menentang penjajah pada zaman tersebut.

Mural / Artifak Sejarah

- Konsep sejarah dan warisan Dato' Bahaman boleh diterapkan seperti mural / artifak sejarah
- Dinding bangunan di kawasan sekitar yang bersesuaian / galeri mini dihiasi dengan maklumat berinformasi tentang sejarah Dato' Bahaman
- Hiasan barang antik, artifak dan gambar hitam putih Dato' Bahaman dapat menarik pelancong untuk datang di Kampung Lubuk Terua.

Pembinaan *Sculpture*

- Pembinaan *sculpture* Dato Bahaman juga boleh menarik pelancong untuk datang ke kampung Lubuk Terua.

AS3 – S5 Pemuliharaan Aset Warisan Yang Berdaftar Dengan JWN

Aset warisan yang diperolehi dari pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) ini telah disenaraikan mengikut kategori dan serta cadangan potensi yang boleh dibangunkan dalam sektor pelancongan.

Jadual 6.31 : Cadangan Pemuliharaan Aset Warisan Yang Berdaftar Dengan JWN

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemuliharaan Aset Warisan Yang Berdaftar Dengan JWN	
Kod Cadangan	AS3-S5	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Senarai warisan yang berdaftar dengan JWN	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Produk warisan yang disenaraikan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) sebahagiannya tidak dimajukan untuk pelancongan	
Fakta Asas / *Baseline*	i. 19 produk / senarai warisan telah dikenalpasti (Sumber: Jabatan Warisan Negara, JWN) ii. Terdapat beberapa bangunan/rumah yang telah dirobohkan dan tidak dipulihara walaupun telah diwartakan iii. Pekan Sehari Temerloh dicadangkan sebagai UNESCO	
Perincian Inisiatif	i. Penambahbaikan landskap / pemeliharaan dan pemuliharaan ii. Cadangan integrasi dari sektor yang terlibat / *tourism trail* iii. Menaik taraf fasiliti (papan tanda dan papan tunjuk arah produk / lokasi warisan) iv. Cadangan pembangunan berkonsepkan elemen warisan / pengekalan sejarah tempatan / budaya v. Menjadikan Pekan Sehari Temerloh sebagai UNESCO	
Kepentingan Cadangan	i. Memulihara produk warisan yang telah diwartakan ii. Membangunkan produk-produk warisan yang berpotensi untuk pelancongan	
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri	

sambungan

Perkara	Perincian		
Pelaksana	i. JWN ii. MOTAC iii. Tourism Pahang iv. Tourism Malaysia Wilayah Timur v. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* untuk tempat yang berpotensi ii. Promosi dan pakej iii. Pekan Sehari Temerloh sebagai UNESCO	i. Pekan Sehari Temerloh sebagai UNESCO	
Pencapaian SDG			

Jadual 6.32 : Senarai Aset Warisan Yang Berdaftar Dengan JWN

Bil.	Lokasi / Produk Warisan	Kategori
1.	Bangunan Kelab Temerloh	Bangunan
2.	Bangunan Pejabat Tanah Dan Daerah	Bangunan
3.	Sekolah Kebangsaan Kampung Tengah (Bangunaan Pak Sako)	Bangunan
4.	Masjid Kampung Pantai Chenor	Bangunan
5.	Masjid Lama Kampung Bolok, Lanchang	Bangunan
6.	Rumah En. Khatib Akub, Kampung Jeragon, Lanchang	Bangunan
7.	Rumah Sudirman, Kampung Bukit Tok Embun (Tapak)	Bangunan
8.	Kampung Lubuk Terua (Tapak)	Tapak Arkeologi
9.	Kampung Songsang (Tapak)	Tapak Arkeologi
10.	Kampung Lebak (Tapak)	Tapak Arkeologi
11.	Pekan Sehari	Adat dan Budaya
12.	Balai Polis Kuala Krau	Bangunan
13.	Stesen Keretapi Kuala Krau	Bangunan
14.	Makam Sultan Abdul Jalil, Kuala Krau	Bangunan
15.	Jambatan Temerloh	Monumen
16	Pusara Allahyarham Pak Sako, Kampung Bukit Segutang, Buntut Pulau	Tapak / Monumen
17.	Hutan Lipur Gunung Senyum	Tapak Semula Jadi
18.	Santuari Burung Pahang Tua	Tapak Semula Jadi
19.	Rizab Hidupan Liar Krau	Tapak Semula Jadi

Nota:

Potensi / Cadangan	*Keterangan*
	Penambahbaikan landskap / pemeliharaan dan pemuliharaan
	Cadangan projek adaptive-reuse / integrasi dari sektor yang terlibat / tourism trail
	Menaik taraf fasiliti (papan tanda dan papan tunjuk arah produk / lokasi warisan)
	Cadangan pembangunan berkonsepkan elemen warisan / pengekalan sejarah tempatan / budaya
	Tidak berpotensi untuk pembangunan pelancongan / dikekalkan
	Tidak dapat dikesan / dirobohkan

Sumber : Jabatan Warisan Negara (JWN), 2021

AS3–S6 Pembangunan *Heritage Street* dan *Alleys*

Bangunan lama di Bandar Temerloh yang mempunyai sejarah tersendiri sememangnya berpotensi menjadi tarikan pelancong. Malah, seni bina bangunan sejak zaman kolonial menarik perhatian pelancong yang ingin mengabadikan foto untuk kenangan atau dimuatkan dalam laman sosial. Langkah memberi nafas baharu pada bangunan lama di Jalan Tengku Bakar ke Pekan Sehari dengan menghidupkannya semula menerusi sentuhan artistik menambah senarai destinasi pilihan untuk percutian singkat hujung minggu di daerah ini.

Jadual 6.33: Pembangunan *Heritage Street* dan *Alleys*

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan *Heritage Street* dan *Alleys*	
Kod Cadangan	AS3–S6	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Bandar Temerloh (Jalan Tengku Bakar – Jalan Semantan 1/2/3 (Lorong belakang) – Pekan Sehari)	
Keluasan / Jarak	500 – 700 meter	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Identiti bandar yang semakin pudar apabila terlalu banyak pembangunan baharu dibangunkan tanpa mengambil kira pemeliharaan warisan sedia ada.	
Fakta Asas / *Baseline*	Bangunan di Jalan Tengku Bakar merupakan bandar lama Temerloh yang mana fasad bangunan adalah bercirikan senibina zaman awal iaitu kesimbangan palladin pada bahagian bukaan bangunan dan berulang-ulang bagi unit bersebelahan.	
Perincian Inisiatif	• Mewujudkan identiti jalan dan lorong warisan di Jalan Tengku Bakar. • Menghidupkan semula lorong belakang menjadi kawasan pejalan kaki dan penjaja. • Memperindahkan lorong belakang dengan landskap menarik. • Memelihara dan memulihara bangunan warisan di Jalan Tengku Bakar mengikut garis panduan khusus yang disediakan (Jilid 3).	
Kepentingan Cadangan	i. Memperingati sejarah bandar Temerloh. ii. Memelihara nilai warisan. iii. Menonjolkan imej bandar warisan di Bandar Temerloh.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	• Jabatan Warisan Negara • Jabatan Landskap Negara • MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	-	-
Sasaran Pencapaian	Membangunkan '*Heritage Streets and Alleys*' sebagai tarikan baharu di bandar Temerloh dan Mentakab	-	-
Pencapaian SDG			

Nota:
Cadangan AS3-S6 ini adalah merupakan projek LCRP.
(Sila rujuk bersama dokumen Jilid 3: Pengurusan, Pelaksanaan dan Sistem Maklumat Geografi, m/s 2-46)

HERITAGE STREET AND ALLEYS

Heritage Street merupakan inisiatif untuk menggalakkan orang awam berjalan di dalam bandar. *Heritage Street* juga akan menghidupkan aktiviti sekitar bandar dengan lebih aktif dan menambah baik landskap bandar yang lebih menarik dan menggalakkan aktiviti perbandaran untuk memastikan persekitaran menjadi aktif.

Mengadakan program komuniti secara mingguan, bulanan atau tahunan di kawasan zon warisan bandar.



Menempatkan hasil karya unik dan artistik di lorong-lorong untuk menarik minat orang awam berjalan kaki di sekitar bandar.

Illustrasi cadangan Heritage Street di Jalan Tengku Bakar

AS3 – S7 Pembangunan Mini-Akuarium Ikan Air Tawar

Akuarium awam dapat mempamerkan warisan ikan sungai yang terdapat di Sungai Pahang dan anak-anaknya (terutama di dalam daerah Temerloh).

Jadual 6.34 : Cadangan Pembangunan Mini-Akuarium Ikan Air Tawar

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Mini-Akuarium Ikan Air Tawar	
Kod Cadangan	AS3-S7	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Arked Mara Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Setakat ini pendedahan terhadap kepelbagaian sumber ikan sungai di Temerloh tidak diketengahkan untuk pengetahuan umum. ii. Sumber biodiversiti ikan air tawar yang tinggi di Daerah Temerloh boleh dijadikan sebagai pakej dalam meningkatan aktiviti pelancongan daerah. iii. Temerloh dikenali sebagai daerah Ikan Patin, namun Ikan Patin yang biasa diternak berasal dari Negara Thailand. Ikan tempatan tidak ditojolkan sebagai ikon daerah.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Terdapat 114 spesies ikan air tawar di Daerah Temerloh: ✓ 1 spesies Sangat Terancam (Critically Endangered) (*Probarbus jullieni)*, ✓ 2 spesies Terancam (Endangered) (*Poropuntius deauratus & Fluvitrygon signifier*) ✓ 2 spesies Lemah Terancam (Vulnerable) (*Hemibagrus planiceps* & *Bagarius yarrelli*). i. Dasar Kepelbagaian Biodiversiti menitik beratkan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber biodiversiti termasuk hidupan akuatik (termasuk ikan).	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Pameran spesies-spesies ikan sungai di dalam akuarium besar yang mempamerkan ekosistem sungai Pahang, ekosistem paya dan ekosistem ternakan ikan (estet atau sangkar) ii. Pameran statik melalui paparan elektronik dan gambar-gambar. Penggunaan peranti pameran elektronik menjadikan pameran lebih interaktif dengan orang ramai yang menonton. Paparan elektronik dilengkapi dengan maklumat spesies, ekosistem, pemakanan dan sebagainya. iii. Pameran dalam bentuk struktur yang menggamabarkan sejarah kerabat Melayu dalam penangkapan Ikan Jelawat di Sungai Pahang.		
Kepentingan Cadangan	i. Mengadakan mini-akuarium yang mempamerkan ikan-ikan di Sungai Pahang. Matlamatnya: i. Meningkatkan penyelidikan dan pendidikan tentang ikan asli Sg. Pahang ii. Menambah pakej pelancongan di Daerah Temerloh.		
Peneraju	Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. MPT ii. Pemaju Swasta		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* untuk tempat yang berpotensi ii. Promosi dan pakej iii. Pekan Sehari Temerloh sebagai UNESCO	i. Pekan Sehari Temerloh sebagai UNESCO	

Fasa Pelaksanaan	2023-2025	2026-2030	2031-2035
Pencapaian SDG			



Contoh Mini-Akuarium Ikan Air Tawar



1. EXHIBITION AREA
2. ANTRANCE HALL
3. INTRODUCTION HALL
4. MARINE WORLD CONCEPT
5. SNOW ROOM
6. SNOW ROOM EXIT HALL
7. BOX OFFICE
8. SNOW ROOM ENTRANCE HALL
9. CAFE
10. MECHANICAL ROOM
11. RAMP
12. CAVE CONCEPT
13. TOUCH POOL
14. SINGLE PROJECTION
15. SHARKS CONCEPT
16. SHARKS VIEW
17. MECHANICAL ROOM
18. SERVICE
19. MECHANICAL WATERFALL
20. WC
21. HEATING CENTER
22. MECHANICAL ROOM
23. PANEL ROOM
24. TECHANICAL ROOM
25. STAFF CAFETERIA

Contoh Pelan Konsep Pusat Mini-Akuarium Ikan Sungai

6.1.4 STRATEGI 4: Menghidupkan Sungai Pahang

Temerloh terletak di pertemuan antara Sungai Semantan dan Sungai Pahang. Menurut sejarah, Bandar Temerloh yang ada sekarang berkembang dari penempatan yang terletak di kuala Sungai Semantan ke Sungai Pahang yang bernama Kuala Semantan. Perkembangan Temerloh yang bermula di kawasan sungai ini menunjukkan bahawa sungai menjadi katalis utama kepada pertumbuhan daerah Temerloh terutamanya dari segi ekonomi dan kependudukan.

Namun begitu, kawasan sekitar bandar Temerloh sering mengalami banjir sejak tahun 1926 kerana keadaan geografi Sungai Pahang di Temerloh yang merupakan peringkat tengah sungai dan menampung air yang banyak dari hulu sungai. Justeru itu, cadangan penyegaran semula Sungai Pahang (*Pahang River Revitalization*) adalah inisiatif yang melihat semula Sungai Pahang sebagai katalis kepada pertumbuhan bandar Temerloh.



Senarai Cadangan Pembangunan

AS4 – U1	Pembangunan Kemudahan Pengangkutan Air
AS4 – U2	Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang
AS4 – U3	Pembangunan Prasarana dan Aktiviti Pelancongan Sepanjang Sungai

AS4–U1 Pembangunan Kemudahan Pengangkutan Air

Sungai Pahang dan Sungai Semantan mempunyai potensi yang tinggi bagi meningkatkan ekonomi setempat penduduk dan pentadbiran daerah. Aktiviti sedia ada seperti pengangkutan bot penambang dan *river cruise* menarik penduduk dan pelawat sebagai altenatif mod pengangkutan. Penambahbaikan terhadap prasarana dan kemudahan dilihat perlu bagi jangka masa panjang termasuk mengawal bencana banjir.

Jadual 6.35 : Cadangan Pembangunan Kemudahan Pengangkutan Air

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Kemudahan Pengangkutan Air	
Kod Cadangan	AS4–U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Sungai Pahang Sungai Semantan	
Keluasan / Jarak	Sungai Pahang :10 hingga 12 km Sungai Semantan: ~ 20km	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Tahap liputan kebolehcapaian dan ketersambungan pengangkutan air adalah di tahap sederhana.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Pengangkutan air merupakan salah satu mod pengangkutan di daerah Temerloh. ii. Perkhidmatan bot penambang dan *river cruise* di pesisir Sungai Pahang.	
Perincian Inisiatif	i. Merancang dan menyediakan jeti atau *pickup points* di setiap perhentian utama dengan mengambil kira kecenderungan untuk banjir. ii. Menyediakan prasarana jalan masuk yang berturap menggunakan bahan yang bersifat telap. iii. Mengambil kira reka bentuk jeti bagi tujuan kemudahan dan kegunaan pasukan penyelamat. iv. Mempergiatkan promosi pengangkutan air (bot penambang dan *river cruise*) sebagai alternatif dan tujuan pelancongan kepada penduduk dan pelawat.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Membantu menambahbaik perkhidmatan pengangkutan air kepada pengguna dan pelancong. ii. Menambah alternatif mod pengangkutan kepada daerah. iii. Memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengguna dan pelancong. iv. Meningkatkan ekonomi penduduk ke tempat-tempat tumpuan seperti restoran, kedai kraf dan sebagainya. v. Membantu misi penyelamat jika berlaku sebarang insiden sama ada ketika situasi banjir, lemas dan sebagainya melalui fasiliti yang baik.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	• MOTAC • BOMBA • Pengusaha swasta • MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	Peningkatan 10% pengguna bot (bot penambang/*river cruise*/kayak dsb)	Peningkatan 30% pengguna bot (bot penambang/*river cruise*/kayak dsb)	Peningkatan 50% pengguna bot (bot penambang/*river cruise*/kayak dsb)
Pencapaian SDG			

Contoh: *Chicago River*
Reka bentuk berdaya tahan ketika banjir dan menyokong ekologi sungai

- Mengubah perairan yang tercemar kepada perairan yang lebih jernih.
- Menyokong hamparan ruang awam baharu yang menyediakan akses komunal ke pinggir air.
- Reka bentuk pejalan kaki berteres sehingga ke pinggir air yang membolehkan bahagian laluan sungai yang lebih tinggi kekal kering dan boleh diakses semasa kejadian banjir kecil.
- Bahan penurapan tahan lama digunakan dan lekapan lampu gred marin dipasang untuk menahan genangan air.
- Elemen reka bentuk menyumbang kepada persekitaran yang mudah dibersihkan selepas kejadian banjir dan dibuka semula kepada orang ramai dengan cepat.

Sebelum

Semasa pembinaan


Selepas



Contoh: Melaka
Pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka

- Melaksanakan pemasangan dinding cerucuk kepingan keluli di mana ia memberikan penyelesaian terbaik untuk membina dan mengukuhkan parit banjir, benteng, dan sebagainya.
- Landskap yang menarik dan fasiliti orang awam disediakan sepanjang pesisir sungai.
- Pencahayaan hiasan sepanjang laluan utama.

Rajah 6.25 : Lokasi Cadangan Pembinaan Jeti di Sungai Pahang



AS4–U2 Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang

Sungai Pahang antara tarikan utama yang terdapat di Bandar Temerloh. Ramai pelancong dan orang tempatan yang mengunjungi kawasan sekitar Sungai Pahang terutamanya di Esplanade Temerloh. Namun begitu, kawasan ini sering dinaiki air pada musim tengkujuh menyebabkan fasad fizikal di kawasan ini mudah rosak dan memerlukan kos yang tinggi untuk penyelenggaraan. Justeru itu, pembangunan *riverfront* Sungai Pahang perlu menerapkan pendekatan pembangunan yang berdaya tahan.

Jadual 6.36 : Cadangan Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang	
Kod Cadangan	AS4–U2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Bandar Temerloh: *Riverfront* Sungai Pahang	
Keluasan / Jarak	Zon 1 – 0.52 km Zon 2 – 0.47 km Zon 3 – 0.85 km	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Kawasan sekitar Sungai Pahang dan Sungai Semantan merupakan kawasan berisiko banjir terutama pada musim monsun. ii. Risiko banjir memberi kekangan untuk pembangunan di sekitar sungai	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kesan bencana banjir memberi kekangan kepada perancangan pembangunan pelancongan di sekitar sungai.	
Perincian Inisiatif	Komponen cadangan pembangunan utama *riverfront* Sungai Pahang merangkumi *Esplanade (*penambahbaikan), *Linear Park, Pocket Park, jeti, dan Entertainment Park*	
Kepentingan Cadangan	1. Menggunakan pendekatan '*back to nature*' sebagai langkah mitigasi risiko banjir dan mengurangkan impak kerosakan akibat banjir. 2. Mewujudkan ruang dan landskap yang memenuhi keperluan sosial. 3. Mengawal kualiti pembangunan seni bina dan landskap dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan imej Bandar Temerloh.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	• Kerajaan Persekutuan • Kerajaan Negeri		
Pelaksana	• JLN • MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	Menambahbaik Esplanade dan pembangunan Zon 1	Pembangunan Zon 2	Pembangunan *Linear Park* (Zon 3)
Pencapaian SDG			

Rajah 6.26 : Konsep Awal Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang



Rajah 6.27 : Pelan Skematik Pembangunan *Riverfront* Sungai Pahang



Zon 1 *Esplanade*



GAMBARAN CADANGAN

Zon 2 *Entertainment Park*

Nota:
Cadangan Zon 2 ini adalah merupakan projek LCRP.
(Sila rujuk bersama dokumen Jilid 3: Pengurusan, Pelaksanaan dan Sistem Maklumat Geografi, m/s 2-46)



GAMBARAN CADANGAN







Zon 3 *Linear Park*

GAMBARAN CADANGAN



AS4 – U3 Pembangunan Prasarana dan Aktiviti Pelancongan Sepanjang Sungai

Peranan pembangunan aktiviti pelancongan di Sungai Pahang dan Sungai Semantan bertujuan untuk memperkenalkan Daerah Temerloh ke peringkat yang lebih global melalui produk pelancongan yang berpotensi yang terdapat di Kawasan ini. Perspektif perancangan ini merupakan integrasi dari beberapa sektor untuk menjadikan sungai-sungai ini sebagai satu nodus tumpuan pelancong di pusat bandar. Terdapat beberapa cadangan pembangunan pelancongan untuk diperkenalkan sebagai elemen baru dalam usaha untuk menarik pelancong menikmati aktiviti, pembentukan sosio ekonomi dan meningkatkan landskap pembangunan bandar.

Jadual 6.37 : Cadangan Pembangunan Aktiviti Pelancongan Sepanjang Sungai

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Prasarana dan Aktiviti Pelancongan Sepanjang Sungai	
Kod Cadangan	AS4-U3	
Klasifikasi Cadangan	Projek dan Program	
Lokasi Cadangan	Sungai Pahang dan Sungai Semantan	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Risiko banjir memberi kekangan untuk pembangunan di sekitar sungai ii. Tarikan di Sungai Pahang dan Sungai Semantan hanya bergantung kepada kemeriahan Pekan Sehari Temerloh iii. Kurang pembangunan yang menyokong aktiviti di sepanjang sungai	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Tiada pembangunan yang menyokong aktiviti pelancongan buat masa kini kerana kekurangan perancangan di Sungai Pahang dan Sungai Semantan ii. Kesan bencana banjir memberi kekangan kepada perancangan pembangunan pelancongan di sekitar sungai	
Perincian / Inisiatif	i. Menghidupkan semula Sungai Pahang dan Sungai Semantan untuk aktiviti pelancongan ii. Cadangan: • *Riverfront* • *Eco Lodge* / Rumah Rakit • *Jetty / Boat Dock* • *Boardwalk* • *Mini Stage* • *Riverside Café* • *River Cruise* • *Fun Fair* • *Fish Farm* • *Floating Café* • *Linear Park*	

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Pembangunan kepada produk-produk pelancongan dan integrasi keseluruhan yang melibatkan pakej, promosi dan *tourism trail* ii. Pemuliharaan Sungai Pahang dan Sungai Semantan melalui pembangunan warisan Pekan Sehari Temerloh yang menyokong landskap pusat bandar		
Peneraju	i. Majlis Perbandaran Temerloh ii. Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh		
Pelaksana	i. JPS ii. MOTAC iii. Tourism Pahang iv. Tourism Malaysia Wilayah Timur v. Pihak Pemaju vi. Pengusaha Operasi Produk Pelancongan		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran / Indikator Pencapaian	• *Floating Cafe* • *Fish Farm* • *Jetty / Boat Dock* • *Fun Fair* • *Riverside Café* • *Boardwalk* • *Mini Stage* • *Riverfront* • *River Cruise*	• *Eco Lodge* / Rumah Rakit • *Linear Park*	
Pencapaian SDG			

Sungai Pahang

Sungai Semantan

Cadangan Pembangunan Aktiviti Pelancongan Sepanjang Sungai

Riverfront

- Pembangunan di sepanjang sungai di pusat bandar dalam ruang yang ditentukan bagi membentuk satu inovasi baru di bandar Temerloh

***Eco Lodge* / Rumah Rakit**

- Memberi peluang yang lebih baik kepada pembangunan pelancongan khususnya penginapan. Cadangan untuk mewujudkan *Eco-Lodge / Rumah Rakit* dilihat sangat bersesuaian dan membentuk visual baru kepada landskap pembangunan tanpa memberi kesan kepada ekosistem Sungai Pahang/ Sungai Semantan

Ciri-Ciri Eco Lodge

Pengurusan sampah secara *in-house* oleh pihak pengurusan

Penggunaan tenaga solar untuk membekalkan elektrik

Bot yang menggunakan motor elektrik untuk mengurangkan bising

Konsep *Recycle*

Ventilasi udara dan ventilasi yang terbuka

Sumber air dari *water harvesting*

80% pekerja adalah orang tempatan

Konsep *refill* untuk *water dispenser*

Sistem tangki septik yang tidak dibuang ke dalam sungai

Jetty / Boat Dock

- Dibina untuk sistem pengurusan dan perkhidmatan bot yang lebih sistematik di Sungai Pahang untuk kegunaan pelancong
- Konsep binaan secara *floating (pontoon boat)* diaplikasikan di kawasan ini sebagai langkah yang lebih fleksibel ketika banjir

Boardwalk

- Menyediakan kawasan pejalan kaki di sepanjang sungai Pahang sebagai *vibes of tourist*

Mini Stage

- Lokasi tumpuan untuk pelbagai aktiviti di pesisiran Sungai Pahang / Sungai Semantan
- Penyediaan pentas mini ini bertujuan membentuk satu elemen hiburan yang dapat menarik minat pelancong dan komuniti sekitar

Riverside Cafe

- Kedai makan berkonsepkan café di sekitar persisiran sungai
- Pembinaan cafe ini memberi peluang kepada pelancong menikmati makanan tempatan sambil menikmati panorama alam semula jadi

Fun Fair

- Bertujuan membentuk satu *nodes* park and amenity di Daerah Temerloh sebagai menyokong menghidupkan pusat bandar dan Sungai Pahang pada hari tertentu.
- Aktiviti *fun fair* ini akan memberi peluang kepada pembangunan fasiliti lain yang terlibat

Fish Farm

- Penternakan ikan menggunakan kaedah akuakultur yang dibesarkan di sangkar untuk pengeluaran makanan
- Membantu pemilik sangkar menambah pendapatan melalui konsep *fish farm* yang dikunjungi oleh pelancong

Floating Cafe

- Inovasi floating café di persisiran Sungai Pahang dapat mempelbagaikan ruang sekitar
- Konsep green café digunakan sebagai elemen yang menyokong pembangunan tanpa menjejaskan ekosistem sungai

Linear Park

- Menyediakan satu ruang awam dan tarikan pelancong yang berkonsepkan ***linear park and culture***
- Pembangunan yang minimal dan mengutamakan pembaharuan terhadap ***greenery landscape*** tanpa pembangunan fizikal yang memberi kesan kepada ekosistem persekitaran

Keadaan Semasa

Merupakan jalan kampung yang menjadi laluan bagi penduduk sekitar. Tiada pembangunan yang menyokong atau menarik minat pelancong untuk berkunjung ke kawasan ini

Outdoor Gym

Bermain layang-layang

Berbasikal

Volleyball

Jogging

Fitness Class

Art and Craft

Game

Amfiteater






Boardwalk




Jambatan Gantung Esplanade





Jetty / Boat Dock

Linear Park

TEMERLOH
PARK



TEMERLOH

TEMERLOH

TEMERLOH

TEMERLOH

TEMERLOH

TEMERLOH
PARK

Pemandangan Persekitaran Sungai Temerloh

7.0

CADANGAN PEMBANGUNAN FLAGSHIP 3

- TEMERLOH TEKNOLOGI TINGGI (3T)

7.1 FLAGSHIP 3
TEMERLOH TEKNOLOGI TINGGI (3T)

FLAGSHIP 3 : Temerloh Teknologi Tinggi (3T) merangkumi cadangan bagi pembangunan pengeluaran, pemasaran, logistik, pertanian, industri agro dan eko pelancongan

Flagship ini akan membantu kepada perkembangan ekonomi daerah Temerloh dalam meningkatkan daya saing dan potensi daerah ke arah yang lebih berdaya maju.

Senarai Strategi

Strategi 1	Memperkasakan Pembangunan Pelancongan Daerah Temerloh
Strategi 2	Membangunkan Industri Berteknologi Tinggi
Strategi 3	Meningkatkan Aktiviti Komersial Daerah Temerloh
Strategi 4	Membangunkan Ekonomi Tempatan
Strategi 5	Meningkatkan Pengeluaran dan Produktiviti Pertanian

7.1.1 STRATEGI 1: Memperkasakan Pembangunan Pelancongan Daerah Temerloh

Integrasi pembangunan produk pelancongan di daerah Temerloh dipelbagaikan dengan produk seperti agro pelancongan dan eko pelancongan. Pembangunan ini diperlukan sebagai tarikan di daerah Temerloh dengan kerjasama dari agensi-agensi yang terlibat untuk membantu pengusaha-pengusaha tempatan dalam mencapai hasrat mempromosikan produk-produk tempatan.



Senarai Projek

TS1 – U1	Inovasi Produk Pelancongan Daerah Temerloh
TS1 – U2	Kepelbagaian Promosi, Pakej dan *Tourism Trail*

Sub cadangan **TS1 – U1** adalah:

TS1-U1a
a Mengadakan Pesta / Karnival Menjala Ikan

TS1-U1b
Mempromosi Sarang Naga 76 b

TS1-U1c
c Mempromosi Amani VanillaTemerloh

TS1-U1 Inovasi Produk Pelancongan Daerah Temerloh

1. Pesta / Karnival Menjala Ikan

Pesta ini diadakan dua tahun sekali di kawasan Estet Paya Lanar dan Estet Lubuk Kawah sebagai lokasi tumpuan tarikan agropelancongan. Namun pembangunan dari aspek fasiliti, promosi, pakej dan kerjasama dari pihak-pihak lain sangat diperlukan bagi menjayakan kawasan ini sebagai lokasi tumpuan bukan hanya agro sahaja tetapi aktiviti-aktiviti lain yang menyokong pembangunan di kawasan ini.

Jadual 7.1 : Cadangan Mengadakan Pesta / Karnival Menjala Ikan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Mengadakan Pesta / Karnival Menjala Ikan	
Kod Cadangan	TS1-U1a	
Klasifikasi Cadangan	Program dan Projek	
Lokasi Cadangan	i. Estet Lubuk Kawah ii. Estet Paya Lanar	
Keluasan / Jarak	i. Lubuk Kawah - 31 hektar ii. Paya Lanar - 25 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Tiada promosi dan pakej yang meluas ii. Pesta / karnival ini hanya diadakan 2 tahun sekali, menyebabkan tumpuan tarikan di tempat ini mengikut musim sahaja iii. Tiada fasiliti asas yang membantu kedatangan pelancong	
Fakta Asas / *Baseline*	Tempoh yang lama (2 tahun sekali) akan memberi kesan kepada minat pelancong untuk datang melibatkan diri	
Perincian Inisiatif	i. Pesta Menjala Ikan (2 tahun sekali) ii. Cadangan yang akan dilaksanakan selain dari pesta menjala ikan adalah seperti berikut: **a. Senarai cadangan aktiviti:** • Aktiviti Lasak • Berkhemah • Aktiviti Anyaman • Aktiviti Berkayak / *Paddling* / Bot • *Buggy* • Kajian Penyelidikan	

sambungan

Perkara	Perincian		
	b. Senarai cadangan pembangunan fizikal / landskap: • Laluan Penjalan Kaki / Basikal / Berjogging • *Parking* • *Boardwalk* • *Eco – Lodge* • Jeti / *Boat Dock* • *Mini Waterfall* • *Public Space* • *Linear Green Park* • Landskap • Pintu Gerbang • *Riverside Cafe* • Kemudahan Awam		
Kepentingan Cadangan	i. Menjadikan kawasan estet sebagai kawasan tumpuan agro pelancongan ii. Menghidupkan semula kawasan ini dengan agro pelancongandan ekopelancongan yang menjana ekonomi iii. Kemudahan fasiliti yang pelbagai untuk menarik pelancong iv. Menjadikan kawasan estet sebagai kawasan tumpuan agro pelancongan		
Peneraju	i. Majlis Perbandaraan Temerloh		
Pelaksana	i. Jabatan Perikanan ii. JPS iii. MOTAC iv. Tourism Pahang v. Tourism Malaysia Wilayah Timur vi. Pihak Pemaju vii. Penganjur Acara viii. Pengusaha Operasi Produk Pelancongan		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	i. Senarai cadangan aktiviti ii. Senarai cadangan pembangunan fizikal / landskap	i. Eco – Lodge	

Pencapaian SDG	

1 Estet Lubuk Kawah

- Keluasan kawasan estet ikan Lubuk Kawah ini adalah seluas 31 hektar dan kini di bawah seliaan Jabatan Perikanan Pahang
- Menjadi tumpuan pelancong ketika pesta memancing dan menjala ikan yang diadakan setiap 2 tahun
- Ia diadakan setiap 2 tahun sekali untuk memastikan benih-benih ikan yang dilepaskan di sini cukup matang untuk aktiviti pesta ikan

Keadaan Semasa

2 Estet Paya Lanar

- Keluasan kawasan estet ikan Paya Lanar ini adalah seluas 25 hektar dan di bawah seliaan Jabatan Perikanan Pahang
- Menjadi tumpuan pelancong ketika pesta memancing dan menjala ikan yang diadakan setiap 2 tahun
- Pesta diadakan setiap 2 tahun untuk memastikan benih-benih ikan yang dilepaskan di sini cukup matang untuk dipancing, aktiviti sama turut diadakan di Estet Lubuk Kawah
- Diurus sepenuhnya oleh komuniti tuan tanah
- Fasiliti sedia ada :
  - Dewan
  - Pelantar bot

Keadaan Semasa

Aktiviti, Fasiliti dan Landskap Semasa

Estet Paya Lanar

Pesta Menjala Ikan

Pokok Mengkuang

Dewan

Bot

Jalan Masuk

Jeti

Pokok Getah

Papan Tanda Lokasi

Estet Lubuk Kawah


Jeti

Pesta Menjala Ikan

Pokok Getah

Papan Tanda Lokasi

Jalan Masuk

Stor

***Nota** : Pembangunan yang terdapat di kawasan – kawasan ini sangat minimal / tiada . Terdapat kekurangan fasiliti dan aktiviti yang menyokong sektor pelancongan.*

Cadangan pembangunan fizikal, landskap dan aktiviti perlu dibangunkan di kawasan estet-estet ini sebagai usaha untuk memanfaatkan kawasan ini melalui jalinan hubungan dari pelbagai agensi dengan mewujudkan daya tarikan bagi komuniti sekitar dan pelancong. Strategi inovatif yang dibangunkan perlu mengambilkira ekosistem setempat untuk mengurangkan implikasi terhadap alam semula jadi, penternakan ikan, sistem sirkulasi air dan garis panduan untuk kawalan pembangunan.



Senarai Cadangan Aktiviti

- Aktiviti Lasak
- Aktiviti Berkayak / *Paddling* / Bot
- Berkhemah
- *Buggy*
- Aktiviti Anyaman
- Kajian Penyelidikan

Senarai Cadangan Pembangunan Fizikal / Landskap

- Laluan Penjalan Kaki / Basikal / Berjogging
- *Parking*
- *Boardwalk*
- *Eco - Lodge*
- Jeti / *Boat Dock*
- *Mini Waterfall*
- *Public Space*
- *Green Linear Park*
- Landskap
- Pintu Gerbang
- *Riverside Cafe*
- Kemudahan Awam

Cadangan Aktiviti

Berkhemah

- Menyediakan ruang perkhemahan di kawasan sekitar estet ikan bagi golongan yang gemarkan aktiviti penginapan berkonsepkan alam semula jadi

Aktiviti Berkayak / Paddling / Bot

- Aktiviti pengangkutan air yang menjadi tarikan pelancong
- Tidak memberi kesan secara langsung dan mengganggu ekosistem air di kawasan estet
- Perlu mengambil kira jenis-jenis mod pengangkutan air untuk dilaksanakan

Aktiviti Anyaman

- Menarik pelancong ke kawasan Estet Paya Lanar yang memiliki pokok mengkuang
- Keunikan pokok ini hanya terdapat di beberapa lokasi sahaja.
- Pelancong berpeluang melihat dan menganyam mengkuang bersama penduduk tempatan

Aktiviti Lasak

- Mempelbagaikan aktiviti lasak yang tidak memberi kesan kepada ekosistem estet ikan
- Melibatkan ruang udara di kawasan sekitar dengan *aktiviti flying fox* dan *zip line*

Buggy

- Kemudahan pengangkutan awam yang minimal di kawasan estet ikan
- Disediakan untuk kemudahan pelancong / pesta ikan

Kajian Penyelidikan

- Melibatkan golongan institusi pengajian tinggi, agensi perikanan, jabatan yang terlibat dengan flora dan fauna, pegawai peyelidikan akuatik dan sebagainya
- Dapat mengenal pasti tempoh penjagaan / ternakan ikan tersebut untuk dilepaskan bagi tujuan pelancongan seperti acara pesta menangkap ikan

Cadangan Pembangunan Fizikal / Landskap

- Laluan Penjalan Kaki/ Basikal/ Berjogging
- *Boardwalk*
- *Mini Waterfall*

Laluan Penjalan Kaki/ Basikal/ Berjogging

- Memudahkan pelancong / penonton semasa pesta menjala ikan
- Aktiviti berbasikal / berjongging boleh diadakan di kawasan estet ikan sebagai tarikan di hujung minggu bagi komuniti tempatan



Boardwalk

- Sebagai penghubung antara lokasi di kawasan estet
- Pelancong boleh menjelajah melalui *boardwalk* di kawasan persekitaran

Mini Waterfall

- Sebagai landskap tambahan dan imej di ruang utama
- Secara saintifik, ia membantu sirkulasi air di kawasan estet unruk menghasilkan oksigen
- Oksigen terlarut yang terkandung di dalam air digunakan oleh pelbagai hidupan akuatik, di mana ianya menjadi parameter penting kepada pengukuran kesihatan tasik / sungai

- Public Space
- Linear Green Park
- Eco Lodge

Public Space

- Ruang awam / utama di kawasan estet sebagai lokasi tumpuan untuk datang pada hujung minggu
- Menyediakan ruang untuk pelancong / penonton / peserta untuk pesta menangkap ikan

Linear Green Park

- Konsep *green linear park* secara minimal untuk ruang ekosistem yang mengutamakan penternakan ikan dan pemuliharaan alam semula jadi

Eco - Lodge

- Konsep penginapan yang dibina dengan konsep *green* dengan kesan yang minimal kepada alam semula jadi
- Tenaga solar digunakan sebagai sumber tenaga utama
- Bahan binaan perlu dibina dari elemen yang mesra alam suaya tidak memberi kesan secara langsung kepada kawasan estet ikan

- Parking
- Jeti
- Landskap

Parking

- Menyediakan kemudahan fasiliti yang mencukupi
- Memudahkan pelancong / peserta untuk datang kerana ruang fasiliti yang disediakan dengan kadar bayaran masuk yang berpatutan

Jeti / Boat Dock

- Penyediaan utama untuk sistem pengangkutan air untuk bot / kayak / *paddling*
- Binaan jeti perlulah dari elemen tahan lasak seperti *pantoon* / *fiber*
- Berkonsepkan *floating jetty* kerana ketinggian air akan berubah mengikut musim



Landskap

- Pengindahan landskap di kawasan estet ikan dengan pembangunan *softscape* dan *hardscape*
- Mengambil kira secara keseluruhan dari aspek ekosistem agar tidak memberi kesan kepada hidupan akuatik dan alam semula jadi
- Pendekatan pembangunan ini juga perlu dipantau oleh agensi-agensi yang terlibat bagi menyelenggara dan mengurus kawasan estet dari aspek kawalan pembangunan untuk memastikan kawasan ini tidak memberi kesan secara drastik kepada kawasan sekitar serta pemilik-pemilik estet

Pintu Gerbang

- Reka bentuk binaan perlulah berkonsepkan *park* / alam semula jadi
- Dibina di ruang pintu masuk utama untuk mewujudkan *sense of welcoming*

Pintu Gerbang

Riverside Café

Kemudahan Awam

Riverside Cafe

- Menarik pelancong untuk menikmati makanan / masakan hasil dari tangkapan ikan dari estet / makanan temapatan
- Menjadi café ini sebagai tarikan pelancong
- Menambah peluang ekonomi setempat

Kemudahan Awam

- Papan tanda
- *Gazebo*
- *Benches*
- Papan infomrasi digital
- Tong sampah

2. Mempromosi Sarang Naga 76

Merupakan lokasi yang berkonsepkan *glamping*, agro pelancongan dan eko pelancongan. Mula diperkenalkan pada pertengahan 2021 dan kini semakin dikenali melalui usaha promosi yang diperkenalkan. Tempat ini juga sedang mempergiatkan usaha menambahbaik dan membangunkan beberapa aktiviti dan fasiliti sebagai lokasi tarikan pelancong.

Jadual 7.2 : Cadangan Mempromosi Sarang Naga 76

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Mempromosi Sarang Naga 76	
Kod Cadangan	TS1-U1b	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Sarang Naga 76	
Keluasan / Jarak	12 ekar	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
		Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Penemuan lokasi baru untuk aktiviti agro pelancongan dan eko pelancongan ii. Penekanan konsep yang lebih santai dengan ruang-ruang yang menarik dari aspek kemudahan kedai makan, penginapan, hiburan dan *petting zoo*	
Fakta Asas / *Baseline*	Dibuka pada pertengahan tahun 2021 dan dalam proses mempergiatkan usaha pembangunan eko dan agro pelancongan	
Perincian Inisiatif	i. Membantu untuk aktiviti promosi dan pakej ii. Membangunkan nilai eko dan agro pelancongan di kawasan perkampungan sebagai satu *nodes* pelancongan utama melalui sokongan agensi-agensi yang terlibat iii. Mempromosikan kawasan ini sebagai kawasan tumpuan utama pelancongan di daerah Temerloh iv. Menaiktraf laluan / jalan masuk dengan lebih sistematik v. Menyediakan ruang parking yang lebih luas vi. Projek menaiktaraf / pembersihan sungai yang berdekatan sebagai tarikan di kawasan sekitar	
Kepentingan Cadangan	i. Menyediakan kawasan tarikan agro pelancongan dan eko pelancongan ii. Membuka peluang pekerjaan dan menjana ekonomi tempatan iii. Menjadikan daerah Temerloh sebagai *nodes* pelancongan dengan pelbagai konsep pelancongan iv. Kawasan tumpuan agro pelancongan dan eko pelancongan	

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	i. Majlis Perbandaran Temerloh		
Pelaksana	i. MOTAC ii. Tourism Pahang iii. Tourism Malaysia Wilayah Timur iv. Pengusaha Operasi Perniagaan Sarang Naga 76		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* ii. Promosi dan pakej iii. Aktiviti fizikal		
Pencapaian SDG			

Sarang Naga

KEDEY

DRAGON

MENU SPECIAL
1. PATIN SARANG
2. ROTI CANAI SARANG

3. Mempromosi Amani Vanilla Temerloh

Dikenali sebagai lokasi *niche* produk di Daerah Temerloh kerana produk yang dihasilkan merupakan yang pertama di Malaysia. Kini dalam usaha memperlbagaikan aktiviti sampingan sebagai meyokong pembangunan dan pengenalan tanaman pokok vanilla yang dihasilkan sebagai produk utama di tempat ini. Penyelidikan dan *in situ* proses juga ditunjukkan sebagai tarikan dan pakej kepada pelancong.

Jadual 7.3 : Cadangan Mempromosi Amani Vanilla Temerloh

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Mempromosi Amani Vanilla Temerloh	
Kod Cadangan	TS1-U1c	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Amani Vanilla Temerloh	
Keluasan / Jarak	1.6 hektar	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
		Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Penemuan baru agropelancongan untuk pokok vanilla ii. Berkonsepkan kajian penyelidikan, tempat makan dan aktiviti lasak	
Fakta Asas / *Baseline*	Tanaman pokok vanilla yang pertama di Malaysia	
Perincian Inisiatif	i. Mempergiatkan usaha promosi dan pakej yang terlibat di daerah Temerloh / Pahang ii. Disenaraikan di dalam pelan perancangan pertanian di daerah Temerloh iii. Seminar / majlis yang perkaitan tanaman vanilla dipergiatkan ke peringkat yang lebih tinggi untuk usaha diperkenalkan untuk golongan usahawan dan golongan muda iv. Promosi dan pakej bagi memperkenalkan tempat ini sebagai hab utama tumpuan pelancong v. Memberi pendedahan mengenai teknik penanaman pokok Vanilla vi. Menyediakan ruang untuk mengajar mengenai proses membuat ais krim perisa Vanilla	
Kepentingan Cadangan	i. Menyediakan platform tanaman pokok vanilla sebagai tanaman baru di Malaysia ii. Menjadikan Temerloh / Malaysia sebagai pengeluar utama vanilla di Asia iii. Memperkenalkan produk berkonsepkan agropelancongan di Temerloh iv. Menjadikan Amani Vanilla sebagai hab tumpuan pelancong	

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	i. Majlis Perbandaran Temerloh		
Pelaksana	i. MOTAC ii. Tourism Pahang iii. Tourism Malaysia Wilayah Timur iv. Pengusaha Operasi Perniagaan Amani Vanilla Temerloh		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* ii. Promosi dan pakej iii. Aktiviti fizikal		
Pencapaian SDG			

Amani VanillaTemerloh

Perkara	Perincian
Penubuhan Lokasi Pelancongan	• Amani Vanilla mula menerima kunjungan orang ramai selepas PKP (Perintah Kawalan Pergerakan)
Pencapaian	• Menjadi pengeluar pokok Vanilla yang pertama di Malaysia • Pernah menerima pelancong dari luar negara seperti Perancis untuk tujuan penyelidikan
Harga Pokok Vanilla	1 kilo buah vanilla berharga RM1250 (harga asal RM1800)
Aktiviti	• ATV mempunyai 3 trek iaitu : *i. Coconut Farm* *ii. Tanjong Papa* *iii. Downhill Advanture* • *Paintball*
Produk	• Kajian R&D produk aiskrim berasaskan vanilla bermula awal tahun 2020 • Mula dijual selepas 9 kali proses pembuatan
Fasiliti	• Perancangan penambahan infrastruktur dan fasiliti akan dibangunkan sedikit demi sedikit mengikut permintaan dan keperluan
Cawangan	• Cawangan di Seremban • Memiliki pekerja teknikal di seluruh negeri
Waktu Urusan	• Selasa hingga Ahad • 11.00 pagi hingga 7.00 malam

Office
Toilet
Green House
Conventional
nursery
KELUAR

Office
Toilet
Green House
Conventional
nursery
KELUAR

Vanilla
11.00 PAGI
HINGGA
7.00 MALAM
REHAT :
1.00Ptg - 2.00Ptg
TUTUP

LADANG INI DIPERSIJILKAN
Piawaian mGAP
Mengutamakan :-
✓ Tanaman makanan yang selamat dimakan
✓ Penggunaan bahan kimia yang diluluskan
✓ Keperihatinan terhadap alam sekitar
✓ Pekerja asing yang berdaftar

TANDAS
TOILET

VANILLA TEMERLOH

PROJEK TANAMAN VANILLA
USAHAWAN BIMBINGAN
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN TEMERLOH
AMANI VANILLA TEMERLOH SDN. BHD
LOT 2231 KAMPUNG BANGAU,
PARIT 28000 TEMERLOH,
PAHANG DARUL MAKMUR
017-3890277
"LAHIR PELADANG PROGRESIF"
Vanilla
ATV
by
4VI
3 TREK ATV RIDE!
Coconut Farm
RM20
Tanjung Papa
RM60
Down Hill
Adventure
RM20

TS1-U2 Kepelbagaian Promosi, Pakej dan *Tourism Trail*

Produk pelancong yang terdapat di daerah Temerloh akan dipromosi dan dipakejkan mengikut *tourism trail* berdasarkan lokasi, kategori dan tarikan berdasarkan potensi-potensi cadangan. Terdapat beberapa produk pelancongan yang mesti dikunjungi sebagai lokasi pilihan utama. Cadangan *tourism trail* ini juga mengambil kira beberapa elemen sokongan dan integrasi dari sektor-sektor lain sebagai perancangan pembangunan pelancongan yang lebih holistik dan praktikal kepada pelancong.

Jadual 7.4 : Cadangan Kepelbagaian Promosi, Pakej dan *Tourism Trail*

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Kepelbagaian Promosi, Pakej dan *Tourism Trail*	
Kod Cadangan	TS1-U2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Lokasi-lokasi yang terlibat untuk produk pelancongan di daerah Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Tumpuan promosi dan pakej hanya di beberapa lokasi pilihan sahaja ii. Terdapat produk pelancongan di daerah Temerloh namun tidak diperkenalkan secara umum iii. Pakej hanya dijalankan bagi pihak yang mempunyai produk pelancongan tersendiri sahaja iv. Kekurangan fasiliti yang lebih berintegrasi untuk meningkatkan pemasaran produk pelancongan v. Kekurangan fasiliti sokongan di lokasi produk pelancongan yang membantu pelancong	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Aktiviti promosi masih tidak dijalankan secara menyeluruh semasa kajian ini dijalankan ii. Aplikasi *PAHANG.GO* telah diperkenalkan sebagai langkah yang lebih berinovasi dalam meningkatkan pemasaran pelancongan yang lebih sistematik secara menyeluruh iii. Aplikasi ini mempromosikan produk-produk pelancongan, namun masih di peringkat yang minimum / tidak keseluruhan bgai produk yang terlibat dalam kajian ini	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Integrasi secara menyeluruh sistem promosi, pakej dan *tourism trail* yang terlibat dengan produk pelancongan di daerah Temerloh ii. Menyediakan *Tourism Trail* mengikut zon bagi lokasi-lokasi yang terlibat iii. Memilih produk-produk pelancongan yang mempunyai jumlah kedatangan pelancong paling tinggi / unik / niche / tumpuan utama untuk Kalendar Tourism Pahang iv. Mempromosikan produk pelancongan melalui media massa dengai pelbagai rangkaian yang menyokong aktiviti promosi produk pelancongan v. Mempergiatkan usaha penggunaan aplikasi *PAHANG.GO* sebagai komponen yang lebih berinovasi untuk pembangunan sistem pelancongan di daerah Temerloh vi. Menaiktaraf fasiliti dan elemen sokongan dalam pembangunan pelancongan vii. Mempergiatkan usaha integrasi penginapan, pengangkutan dan media sosial viii. Menyediakan sistem fasiliti yang lebih menyeluruh untuk produk pelancongan di daerah Temerloh • Pakej dan *tourism trail* • *Online booking* • *Tourism card* • *Tourism Ticket* • *Tourism apps (Pahang.Go* dan sebagainya) • Bayaran masuk (*parking* / perkhidmatan / renjer/ produk) bagi lokasi yang bersesuaian dengan produk pelancongan) • Papan tanda tunjuk arah • Brosur / risalah • Jalan masuk • Landskap • Tandas • QR Code • *Digital information board* • Papan informasi (plat sejarah / monumen)
Kepentingan Cadangan	i. Menyediakan 1 platform pemasaran yang lebih efisien melalui pelbagai inisiatif pelaksanaan ii. Menjadikan aplikasi *PAHANG GO* sebagai komponen utama yang mempromosikan produk-produk pelancongan iii. Memperkenalkan daerah Temerloh dengan pelbagai produk yang lebih menarik berbanding daerah-daerah sekitar iv. Meningkatkan jumlah kedatangan pelancong untuk datang ke Temerloh selain dari kawasan lain seperti Cameron Highlands, Genting Highland serta kawasan-kawasan pantai v. Mempergiatkan usaha integrasi penginapan, pengangkutan dan media sosial

sambungan

Perkara	Perincian		
	vi. Mempromosi dan mempakejkan semua produk pelancongan yang berpotensi sebagai pemangkin ekonomi daerah Temerloh vii. Menjadikan produk pelancongan di daerah Temerloh mudah untuk dikunjungi dan menarik ramai pelancong viii. Menjadikan sistem fasiliti mudah diakses untuk pembangunan pelancongan ix. Menyediakan fasiliti yang lebih efisien dan efektif pelancong x. Membangunkan sistem fasiliti sokongan *hardscape* bagi tujuan kemudahan perkhidmatan dan informasi		
Peneraju	i. Tourism Pahang ii. Tourism Malaysia Wilayah Timur		
Pelaksana	i. MOTAC ii. Tourism Pahang iii. Tourism Malaysia Wilayah Timur iv. Persatuan Ejen-ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia Pahang (MATTA) v. Persatuan Homestay Malaysia vi. NGO vii. Majlis Perbandaran Temerloh		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	i. Promosi dan pakej *ii. Pakej dan tourism trail* *iii. Online booking* *iv. Tourism card* *v. Tourism apps (Pahang.Go* dan sebagainya) vi. Bayaran masuk (parking / perkhidmatan / renjer/ produk) bagi lokasi yang bersesuaian dengan produk pelancongan) vii. Papan tanda tunjuk arah		

sambungan

	viii. Brosur / risalah ix. Jalan masuk x. Landskap xi. Tandas *xii. Digital information board* xiii. Papan informasi (plat sejarah / monumen)		
Pencapaian SDG			

1 Produk dan Kategori Pelancongan

Produk Pelancongan Sedia Ada dan Cadangan Baru



1 WARISAN KETARA

1. Gunung Senyum
2. Kampung Lubuk Terua
3. Kampung Songsang
4. Istana Bukit Angin
5. Stesen Keretapi Kuala Krau
6. Kuala Semantan
7. Stesen Keretapi Mentakab
8. Bangunan Kedai Lama di Bandar Lama Temerloh dan Mentakab
9. Rizab Hidupan Liar Krau

1 WARISAN TIDAK KETARA

1. Air Mineral Gau
2. Gulai Tempoyak Ikan Patin
3. Ikan dan Daging Salai
4. Serunding Kelapa
5. Madu Kelulut
6. Pais Ikan Patin
7. Ina Kraf / Pusat Kraftangan
8. Pekan Sehari Temerloh
9. Permainan Gasing
10. Permainan Petanque
11. Kueh Paani Puri

2 EKOPELANCONGAN & AGRO PELANCONGAN

1. Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah
2. Deerland Park
3. Air Terjun Lata Bujang
4. Ikan Patin
5. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
6. Pusat Pemuliharaan Seladang
7. Amani Vanilla Temerloh
8. Air Terjun Paya Taram
9. Air Terjun Paya Kujan
10. Tiger Valley
11. Sarang Naga 76

3 REKREASI

1. Taman Tasik Bandar
2. Taman Tasik Chatin
3. Taman Kenangan
4. Taman Tema Air Kubang Gajah
5. Wadi Al Amin
6. Dataran Temerloh
7. Kampung Bangau Tanjung
8. Hogoh De Coco
9. Permainan Skate Board
10. Stesen Titik Tengah Semenanjung Malaysia
11. Pesta / Karnival Memancing
12. Sungai Pahang
13. Pusat Akuarium Ikan Air Tawar
14. Riverfront
15. Eco-lodge / Rumah Rakit
16. Boardwalk
17. Boat Dock
18. Mini Stage
19. Riverside Café
20. Fun Fair
21. Fish Farm
22. Floating Café
23. Linear Park
24. Car Boot Sale
25. Dataran Patin / Jambatan Gantung / Taman Esplanade

4 HOMESTAY /KAMPUNGSTAY/ ORANG ASLI

1. Homestay - Desa Murni
2. Homestay Jengka 25
3. Homestay Rumpun Makmur
4. Perkampungan Orang Asli Che' Wong
5. Perkampungan Orang Asli Kg. Pian
6. Perkampungan Orang Asli Kg. Penderas

Nota:

i. Perincian produk pelancongan boleh dirujuk di dalam laporan LASP2

ii. Cadangan produk pelancongan untuk cadangan baru

Rajah 7.1 : Lokasi Produk Pelancongan di Temerloh

Rajah 7.2: Taburan Kategori Pelancongan



2 Komponen Dan Fasiliti Pelancongan

Pelancongan ini melibatkan 3 peringkat utama iaitu A → B → C

Rangkaian dari aktiviti utama ini membentuk satu integrasi kemudahan fasiliti bagi menyokong aktiviti tersebut. Kemudahan fasiliti ini memberi inovasi yang lebih mudah terhadap pembangunan sektor pelancongan serta menyokong dalam merangsang ekonomi daerah Temerloh.

Komponen Pelancongan

A

Pelancong tempatan / luar

62

Jumlah keseluruhan produk pelancongan

28

Produk pelancongan yang mesti dikunjungi

Pakej & *Tourism Trail*

1 → 2 → 3 → 4

B

Online Booking

Menggunakan tempahan atas talian untuk menempah dan membeli barangan atau perkhidmatan berkaitan dengan produk pelancongan yang boleh menjimatkan masa dan kos

Tourism Card

Satu tiket (*tourism card*) boleh digunakan untuk setiap pakej dan *trail* yang disenaraikan

Tourism Apps

Pelan dan aplikasi pelancong yang dibangunkan melalui atas talian
Contoh: apps -Pahang.go

C

Merangsang ekonomi Daerah Temerloh melalui cadangan - cadangan yang diperkenalkan di dalam kajian ini

Fasiliti-fasiliti ini juga perlu disediakan di setiap produk pelancongan bagi tempat yang bersesuaian kerana ia membantu memudahkan pelancong untuk menikmati fasiliti di lokasi berkenaan. Selain itu, ia juga membantu untuk meningkatkan sistem perkhidmatan serta pengurusan.

Fasiliti Pelancongan

Bayaran masuk

Papan tanda tunjuk arah

Brosur / risalah

Jalan masuk

Landskap

Tandas

Digital Information Board

Papan informasi
(plat sejarah / monumen)

Papan tanda produk pelancongan

QR Code

Majlis Perbandaran Temerloh

3 Promosi

Kalendar Tourism / Brochure

- Produk pelancongan yang berpotensi dan memberi imej daerah Temerloh akan dimasukkan di dalam kalendar *Tourism Malaysia Pahang* sebagai lokasi mesti dikunjungi
- Produk tersebut mempunyai jumlah kedatangan pelancong paling tinggi / unik / *niche* / tumpuan utama



Senarai Media Sosial, Agensi & NGO

- Media sosial sebagai satu platform yang menyokong dan mempromosi sektor pelancongan melalui pendekatan rangkaian teknologi yang lebih berinovasi
- Melibatkan agensi dan NGO yang mempromosi sektor pelancongan ke peringkat yang lebih global



Media Sosial, Agensi & NGO

KRAFTANGAN MALAYSIA
matta
YouTube
Subscribe
ECOMY
TikTok
JAKOA — JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI — JAWATAN KOSONG JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI MALAYSIA (JAKOA)
WWF
YAYASAN HASANAH — A foundation of Khazanah Nasional
TOURISM MALAYSIA
FRIM — INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA
NATURAL HISTORY MUSEUM
Malaysian Nature Society (MNS) — Persatuan Pencinta Alam Malaysia
Forest Activist
WILD BIRD CLUB MALAYSIA
Malaysian Environmental NGOs
EPSM — ENVIRONMENTAL PROTECTION SOCIETY MALAYSIA
NETFLIX
Documentaries
KUASA — PERSATUAN AKTIVIS SAHABAT ALAM
Majlis Perbandaran TEMERLOH
MOTAC — MALAYSIAN ASSOCIATION OF HOTELS — PERSATUAN HOTEL MALAYSIA
Tourism PAHANG MALAYSIA
WARISAN
HOMESTAY MALAYSIA

Kumpulan Media / Blogger

- Program '***Explore This is Temerloh Unlimited, Media and Bloggers Fam Trip'*** telah diadakan di Kampungstay Desa Murni
- Bertujuan meraikan penggiat-penggiat pelancongan dan kebudayaan negeri Pahang
- Dapat mempromosikan produk-produk pelancongan yang terdapat di daerah Temerloh
- Lebih 222 produk pelancongan dan 2,222 foto produk pelancongan dijangka dapat dikumpul melalui program ini untuk tujuan promosi destinasi
- Mempromosikan semula produk-produk pelancongan selepas pandemik Covid 19 dan bencana banjir besar

This is TEMERLOH MALAYSIA UNLIMITED

Digital Billboard

- Menggunakan platform promosi yang lebih luas melalui *digital board* di kawasan laluan utama seperti di kawasan lebuhraya / jalan utama bandar / pusat bandar
- Mempromosikan produk pelancongan yang boleh di kawal oleh sistem pengurusan melalui pengkalan data oleh agensi yang terlibat

Tourism Seminar Digital & MICE

- Seminar secara online boleh diadakan di Kawasan terbuka / tumpuan orang awam / tumpuan pelancong untuk memberi informasi mengenai produk pelancongan
- Flatform yang lebih mesra dan mudah kepada pelancong untuk mengikuti perkembangan tranformasi pelancongan secara global melalui program seperti *Meetings, Incentives, Conferences And Exhibitions* (MICE)

Homestay / Kampungstay

- *Homestay / Kampungstay* Desa Murni menyediakan pakej dan promosi bagi menarik pelancong untuk datang ke daerah Temerloh dari aspek perkembangan budaya dan warisan serta menjana ekonomi komuniti tempatan

Syarikat Jaz Holiday Travel

- Beroperasi di Temerloh
- Mempromosikan pakej pelancongan menarik yang terdapat di daerah Temerloh





Aplikasi Pahang.Go

- Aplikasi Pahang.Go adalah sebuah platform e-tiket yang akan menjadi *'one stop centre'* kepada semua penduduk Pahang termasuk pembayaran bil, pembayaran tempat letak kenderaan dan hebahan informasi terkini.
- Dilancarkan pada Oktober 2019, kira-kira 140,000 pengguna telah direkodkan menggunakan perkhidmatan itu.
- Aplikasi ini boleh dimuat turun di *Play Store* bagi pengguna Android dan *App Store* bagi pengguna iOS
- Sebanyak 2,000 keping Baucar Pelancongan bernilai RM20 (1,000 keping) dan RM30 (1,000 keping) boleh diperolehi melalui aplikasi ini bermula Oktober 2021.
- Merupakan kerjasama antara Tourism Pahang dan PahangGo untuk memeriahkan industri pelancongan di Negeri Pahang
- Semakin mendapat sambutan dalam kalangan warga Pahang dengan lebih 50,000 pengguna telah memuat turun aplikasi ini.
- Pemberian Baucar Pelancongan berupa diskaun untuk hotel-hotel terpilih akan menambah lagi minat pengunjung ke hotel-hotel tersebut.

- **Kebaikan :**

✓ Pengguna boleh menggunakan aplikasi ini untuk membeli tiket masuk ke taman rekreasi milik Kerajaan Negeri.
✓ Baucar tersebut boleh didapati daripada 100 hotel-hotel terpilih yang terdiri daripada hotel-hotel bajet
✓ Selain mempromosikan destinasi pelancongan negeri, ia juga dapat menjadi daya penarik kepada hotel-hotel bajet yang terlibat dalam program ini
✓ Melonjakkan keuntungan bagi setiap hotel yang melalui penggunaan baucar ini.



4 Zon Pelancongan

Produk pelancongan ini dibahagikan kepada 5 zon pembangunan untuk memudahkan pelancong untuk memilih keutamaan dari aspek pakej, lokasi dan tarikan. Perincian tersebut boleh dirujuk di **Zon Pelancongan Daerah Temerloh** dan **Zon dan Skala Potensi Pelancongan**

Rajah 7.3 : Zon Pelancongan Daerah Temerloh



Berikut ialah **Skala Potensi Produk Pelancongan** yang menerangkan keadaan kadar potensi dan status pembangunan setiap produk seperti di **jadual bawah. Zon dan Skala Potensi Pelancongan** yang terdapat di daerah Temerloh. Perincian ini diterangkan melalui skala warna serta maklumat ringkas bagi keperluan untuk produk tersebut.

Skala Potensi Produk Pelancongan



Jadual 7.5 : Zon dan Skala Potensi Pelancongan

Kategori Produk Pelancongan	Zon					Skala Potensi
	A	B	C	D	E	
Kategori 1 - Warisan Ketara						
1. Gunung Senyum		✓				
2. Kampung Lubuk Terua	✓					
3. Kampung Songsang		✓				
4. Istana Bukit Angin				✓		

sambungan

Kategori Produk Pelancongan	Zon					Skala Potensi
	A	B	C	D	E	
5. Stesen Keretapi Kuala Krau	✓					
6. Kuala Semantan	✓					
7. Stesen Keretapi Mentakab				✓		
8.. Bangunan Kedai Lama di Bandar Lama Temerloh dan Mentakab				✓		
9. Rizab Hidupan Liar Krau	✓					
Kategori 1 - Warisan Tidak Ketara						
1. Air Mineral Gau		✓				
2. Gulai Tempoyak Ikan Patin				✓		
3. Ikan dan Daging Salai				✓		
4. Serunding Kelapa				✓		
5. Madu Kelulut	✓					
6. Pais Ikan Patin				✓		
7. Ina Kraf / Pusat Kraftangan		✓				
8. Pekan Sehari Temerloh					✓	
9. Permainan Gasing		✓				
10. Permainan Petanque				✓		
11. Paani Puri				✓		
Kategori 2 - Rekreasi						
1. Taman Tasik Bandar				✓		
2. Taman Tasik Chatin				✓		
3. Taman Kenangan				✓		
4. Taman Tema Air Kubang Gajah				✓		
5. Wadi Al Amin (Taman Air Berhala Gantang)		✓				

sambungan

Kategori Produk Pelancongan	Zon					Skala Potensi
	A	B	C	D	E	
6. Dataran Temerloh					✓	
Kategori 2 - Rekreasi						
7. Dataran Patin / Jambatan Gantung / Taman Esplanade					✓	
8. Hogoh De Coco				✓		
9. Permainan *Skate Board*				✓		
10. Stesen Titik Tengah Semenanjung Malaysia			✓			
11. Pesta / Karnival Memancing			✓			
12. Sungai Pahang					✓	
13. *Riverfront*					✓	
14. *Eco-lodge* / Rumah Rakit					✓	
15. *Boardwalk*					✓	
16. *Boat Dock*					✓	
17. *Mini Stage*					✓	
18. *Riverside Café*					✓	
19. *Fun Fair*					✓	
20. *Fish Farm*					✓	
21. *Floating Café*					✓	
22. *Linear Park*					✓	
23. *Car Boot Sale*				✓		
24. Kampung Bangau Tanjung		✓				
25. Pusat Akuarium Ikan Air Tawar					✓	
Kategori 3 - Homestay / Kampungstay dan Perkampungan Orang Asli						
1. Homestay - Desa Murni Kerdau		✓				

sambungan

Kategori Produk Pelancongan	Zon					Skala Potensi
	A	B	C	D	E	
2. Homestay Jengka 25		✓				
3. Homestay Rumpun Makmur		✓				
4. Perkampungan Orang Asli Che' Wong	✓					
5. Perkampungan Orang Asli Kg. Pian	✓					
6. Perkampungan Orang Asli Kg. Penderas	✓					
Kategori 4 - Ekopelancongan & Agropelancongan						
1. Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah	✓					
2. Deerland Park	✓					
3. Air Terjun Lata Bujang	✓					
4. Ikan Patin					✓	
5. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)			✓			
6. Pusat Pemuliharaan Seladang	✓					
7. Amani Vanilla Temerloh		✓				
8. Air Terjun Paya Taram	✓					
9. Air Terjun Paya Kujan	✓					
10. Tiger Valley	✓					
11. Sarang Naga 76		✓				

28 **Produk pelancongan yang mesti dikunjungi**

5 Pakej dan *Tourism Trail*

EKOPELANCONGAN & BUDAYA

1. Kampung Lubuk Terua
2. Kuala Semantan
3. Stesen Keretapi Kuala Krau
4. Perkampungan Orang Asli Kg. Penderas
5. Pusat Pemuliharaan Seladang
6. Air Terjun Lata Bujang
7. Air Terjun Paya Taram
8. Air Terjun Paya Kujan
9. Perkampungan Orang Asli Che' Wong
10. Perkampungan Orang Asli Kg.Pian
11. Tiger Valley
12. Madu Kelulut
13. Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah
14. Deerland Park
15. Rizab Hidupan Liar Krau

Jalan utama yang digunakan : Jalan Bolok – Mempaga & Jalan Temerloh- Jerantut

PAKEJ PELANCONGAN Zon B

EKOPELANCONGAN & PERKAMPUNGAN

1. Kampung Bangau Tanjung
2. Wadi Al Amin (Taman Air Berhala Gantang)
3. Amani Vanilla Temerloh
4. Ina Kraf / Pusat Kraftangan
5. Permainan Gasing
6. Sarang Naga 76
7. Kampung Songsang
8. Homestay - Desa Murni Kerdau
9. Homestay Jengka 25
10. Homestay Rumpun Makmur
11. Gunung Senyum
12. Air Mineral Gau

Jalan utama yang digunakan : Jalan Mentakab – Temerloh & Jalan Temerloh – Rumpun Makmur

PAKEJ PELANCONGAN Zon C

AGROPELANCONGAN

1. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)
2. Stesen Titik Tengah Semenanjung Malaysia
3. Pesta / Karnival Memancing

Jalan utama yang digunakan : Jalan Bolok – Mempaga , Jalan Teris & Jalan Temerloh - Maran

PAKEJ PELANCONGAN Zon D

PUSAT BANDAR

1. Istana Bukit Angin
2. Bangunan Kedai Lama di Bandar / Lama Temerloh dan Mentakab
3. Permainan Petanque
4. Taman Tema Air Kubang Gajah
5. Hogoh De Coco
6. Permainan Skate Board
7. Car Boot Sale
8. Taman Tasik Bandar
9. Taman Kenangan
10. Paani Puri
11. Gulai Tempoyak Ikan Patin
12. Ikan dan Daging Salai
13. Serunding Kelapa
14. Pais Ikan Patin
15. Taman Tasik Chatin
16. Stesen Keretapi Mentakab

Jalan utama yang digunakan : Jalan Mentakab – Temerloh, Jalan Temerloh – Maran, Jalan Pintasan Temerloh - Mentakab

PAKEJ PELANCONGAN Zon E

SUNGAI

1. Dataran Temerloh
2. Pekan Sehari Temerloh
3. Dataran Patin / Jambatan Gantung / Taman Esplanade
4. Sungai Pahang
5. Riverfront
6. Eco-lodge / Rumah Rakit
7. Boardwalk
8. Boat Dock
9. Mini Stage
10. Riverside Café
11. Fun Fair
12. Fish Farm
13. Floating Café
14. Linear Park
15. Ikan Patin
16. Pusat Akuarium Ikan Air Tawar

Sungai Yang Terlibat : Sungai Pahang & Sungai Semantan

Pusat Bandar

Nota : *Pakej di kawasan sungai melibatkan 16 produk pelancongan yang terletak di sepanjang Sungai Pahang dan dan muara Sungai Semantan*

6 Hab Penginapan dan Pengangkutan

Pengangkutan dan Penginapan

Kuala Lumpur | Temerloh | Kuantan



- Berpotensi sebagai hab kedatangan pelancong kerana integrasi KTM dengan pembangunan ECRL Mentakab

- Sebagai pelancongan transit dan *day trip*
- Merupakan laluan utama barat ke timur
- Dikenali dengan ikon bandar ikan Patin
- Berpotensi menjadi hab utama kedatangan pelancong

- Desa Murni
- Rumpun Makmur
- Jengka 25

- 43 buah hotel
- Menyediakan pilihan penginapan yang lebih banyak di Temerloh

Integrasi pembangunan pelancongan perlu disokong dengan pelbagai elemen seperti pengangkutan dan penginapan. Kombinasi ini saling melengkapi untuk menarik pelancong dengan aspek-aspek fasiliti yang disediakan melalui pakej serta kemudahan yang terdapat di kawasan tersebut.

7 Hab Pelancongan KTM dan ECRL

- Menghubungkan komuniti, sosio ekonomi, dan warisan budaya di sepanjang laluan stesen keretapi
- Industri pelancongan yang melalui jajaran ini berperanan menjadikan sektor pengangkutan yang berintegrasi dan lestari dengan menjadikannya menarik, dikenali dan dapat diakses
- Memudahkan kedatangan pelancong dengan akses pengangkutan yang laju, fleksibel serta kemudahan yang pelbagai.

8 Pelancongan River Cruise

- Tarikan pelancongan di sekitar Sungai Pahang dan Sungai Semantan
- Membantu ekonomi setempat yang berada di sepanjang sungai
- Membentuk landskap pengangkutan air melalui aktiviti *river cruise* sebagai hab pelancongan air



Lokasi Dan Anggaran Jarak



7.1.2 STRATEGI 2: Membangunkan Industri Berteknologi Tinggi

Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) merujuk kepada perkembangan pesat revolusi digital yang merentas ruang siber, fizikal dan biologi merangkumi spektrum sektor industri yang luas. Strategi ini dibentuk bagi memperincikan empat (4) projek utama dan empat (4) projek sokongan yang memberi fokus kepada Pembangunan Industri Teknologi Tinggi bagi sektor pembuatan.

Kilang industri perkayuan, Taman Perindustrian Songsang, Temerloh

Premis industri berderet, Taman Perindustrian Temerloh, Mentakab

Tumpuan utama pembangunan industri berteknologi tinggi terutama pembangunan kawasan perindustrian baharu adalah untuk mengembangkan kluster utama sedia ada dengan penekanan kepada teknik pembuatan, sistem kejuruteraan kompleks dan berasaskan teknologi tinggi.

Di samping itu, pengukuhan terhadap pembangunan industri perlu dipertingkat bagi memastikan pembangunan taman perindustrian baru secara bersepadu dapat membangunkan ekonomi digital dalam memesatkan pelbagai peluang pekerjaan ke arah peningkatan pendapatan secara menyeluruh kepada penduduk bandar dan luar bandar. Berikut merupakan senarai projek bagi strategi ini :

Senarai projek

TS2 – U1	Pembangunan Hab Logistik Wilayah
TS2 – U2	Pembangunan Industri Teknologi Tinggi : Taman Teknologi Tinggi Temerloh
TS2 – U3	Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru: Taman IKS Mentakab
TS2 – U4	Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru : Taman IKS Lanchang
TS2 – S1	Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Kawasan Industri Seberang Temerloh
TS2 – S2	Pengukuhan Pembangunan Kawasan Industri Sedia Ada : Kawasan Perindustrian Kampung Sempadan
TS2 – S3	Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Taman Perindustrian Songsang
TS2 – S4	Pengawalan Aktiviti Kuari Dan Perlombongan Sedia Ada Dan Baru

TS2 – U1 Pembangunan Hab Logistik Wilayah

Pelaksanaan perkhidmatan kereta api ekspres ECRL sebagai sistem pengangkutan wilayah (penumpang dan kargo) akan dapat meningkatkan kemudahsampaian antara Pelabuhan Kuantan-Inland Port Temerloh-Pelabuhan Klang. Selain itu, cadangan peningkatan taraf Jalan Persekutuan 2 (Kuantan-Temerloh-Karak) dan Jalan Persekutuan 98 (Temerloh-Jerantut) serta cadangan hubungan Temerloh-Malaysia *Vision Valley* (MVV) dijangka akan dapat menyokong kepesatan ekonomi daerah terutama sektor perindustrian dan perkhidmatan perniagaan. Berasaskan perletakan yang strategik di peringkat negeri dan wilayah serta sistem infrastruktur pengangkutan serba lengkap, daerah Temerloh mempunyai potensi berperanan sebagai hab/pusat perkhidmatan logistik wilayah bagi memastikan pergerakan barangan/kargo dan perkhidmatan yang cekap dari lokasi pengeluaran ke destinasi pasaran, terutama rangkaian pelabuhan dan lapangan terbang selain keperluan pengguna di rangkaian pusat petempatan sedia ada.

Jadual 7.6 : Cadangan Pembangunan Hab Logistik Wilayah

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Hab Logistik Wilayah	
Kod Cadangan	TS2-U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 10448	
Keluasan / Jarak	108 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Ketiadaan pusat perkhidmatan pengangkutan dan pengurusan kargo serta pengedaran barangan secara bersepadu bagi daerah Temerloh dan daerah/negeri bersempadan. ii. Memudahkan pengaliran barangan dan komoditi dari lokasi pengeluaran (industri, kuari, pertanian dan aktiviti ekonomi lain) ke destinasi pasaran. iii. Perletakan strategik daerah Temerloh di bahagian tengah Semenanjung	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kepesatan aktiviti perindustrian daerah tertumpu di koridor Lanchang-Mentakab-Temerloh dan koridor Temerloh-Songsang. ii. Dilengkapi infrastruktur pengangkutan serba lengkap terutama Lebuhraya Pantai Timur, Jalan Persekutuan serta pelaksanaan	

sambungan

Perkara	Perincian
	perkhidmatan kereta api ekspres ECRL dan *inland port* di Mentakab. iii. Kewujudan kawasan pertanian yang luas bagi pengeluaran pelbagai tanaman komoditi dan tanaman makanan.
Perincian Inisiatif	i. Membangunkan kawasan industri terancang khusus bagi penempatan pusat perkhidmatan logistik bersepadu di bandar Mentakab. Ia bertujuan menyokong sistem rantaian bekalan bagi sektor pembuatan khususnya industri berasaskan sumber (produk perkayuan, pemprosesan makanan dan industri asas tani, mineral bukan logam, elektrik dan elektronik dll) dan pengeluaran hasil pertanian tanaman komoditi dan makanan. ii. Pembinaan kompleks gudang/stor/kawasan penyimpanan, kemudahan hab pengangkutan perdagangan, lapangan parkir kenderaan berat/lori/treler, pejabat bagi pusat maklumat logistik dan pengurusan logistik pintar (sensor, CCTV, pengaturan pengangkutan bagi keluar masuk barangan/komoditi, sistem rantaian bekalan), kemudahan digital & jalur lebar berkelajuan tinggi, infrastruktur dan utiliti, kemudahan guna sama, tempat pendaratan dron dan pelbagai kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, kawasan landskap, kafeteria dan lain-lain. iii. Pembangunan perlu mengambil kira risiko banjir, dengan: • Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir • Memastikan reka bentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. • Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir • Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Menyokong dan menggalakkan pembangunan sektor perindustrian, pertanian dan perkhidmatan perniagaan dengan lebih teratur dan bersepadu. ii. Memberi perkhidmatan pengangkutan bersepadu bagi pengaliran komoditi/hasil pertanian dan produk pembuatan secara sistematik dan efisien iii. Menggalakkan aktiviti logistik secara fizikal dan maya melalui e-dagang merentas sempadan iv. Sektor logistik bakal memangkin pertumbuhan ekonomi daerah dan negeri Pahang secara keseluruhan. v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. MITI iii. ECER v. BPEN vii . MPT ii. MIDA iv. Pahang Corp vi. PKNP viii. Sektor Swasta

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	-	-
Sasaran Pencapaian	Seluas 60 hektar tapak industri baru	Seluas 48 hektar tapak industri baru	-
Pencapaian SDG			

Antara contoh imej dan reka bentuk taman logistik industri serba moden yang menempatkan rangkaian gudang, pusat pengedaran dan pengangkutan perdagangan

Rajah 7.4 : Cadangan Taman Logistik Industri Temerloh



TS2 – U2 Pembangunan Industri Teknologi Tinggi : Taman Teknologi Tinggi Temerloh

Pada amnya pembangunan taman industri teknologi tinggi dapat memberi sumbangan yang luas kepada pertumbuhan ekonomi daerah Temerloh. Perubahan operasi konvensional industri pembuatan kepada industri berteknologi tinggi akan membantu dalam meningkatkan kadar pulangan pelaburan dalam sektor penyelidikan dan pembangunan selain penghasilan produk pembuatan bernilai tambah tinggi seiring dengan keperluan revolusi industri 4.0. RSN Pahang 2050 telah mengenal pasti kluster industri yang sesuai untuk digalakkan dan dibangunkan di daerah Temerloh. Ia termasuk kluster industri teknologi tinggi selain kluster elektrik dan elektronik, kluster berasaskan perkayuan dan perabot serta kluster pemprosesan makanan. Perletakan daerah Temerloh yang strategik iaitu berhampiran Lembah Klang dan konurbasi Kuantan serta dilengkapi kemudahan infrastruktur pengangkutan membolehkan ia menarik pelaburan bagi kluster industri teknologi tinggi di masa hadapan.

Jadual 7.7 : Cadangan Pembangunan Industri Teknologi Tinggi : Taman Teknologi Tinggi Temerloh

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Industri Teknologi Tinggi : Taman Teknologi Tinggi Temerloh	
Kod Cadangan	TS2-U2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 10448	
Keluasan / Jarak	380 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Daerah Temerloh telah dikenalpasti untuk menggalakkan pembangunan kluster industri berteknologi tinggi sebagaimana dicadangkan dalam RSN Pahang 2050. ii. Berasaskan struktur industri sedia ada, antara jenis industri yang berpotensi digalakkan bagi operasi industri berteknologi tinggi adalah industri kimia, getah dan plastik serta industri binaan logam yang direka, jentera dan peralatan terutama elektrik dan elektronik.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kepesatan aktiviti perindustrian daerah tertumpu di koridor Lanchang-Mentakab-Temerloh dan koridor Temerloh-Songsang. ii. Dilengkapi infrastruktur pengangkutan serba lengkap terutama Lebuhraya Pantai Timur, Jalan Persekutuan serta pelaksanaan	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	perkhidmatan keretapi ekspres ECRL selain pembangunan pelabuhan darat (*inland port*) di Mentakab. iii. Mudah dihubungi melalui hubungan lebuh raya dan rel ke Lapangan Terbang Kuantan, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang.
Perincian Inisiatif	i. Membangunkan kawasan industri terancang khusus bagi penempatan aktiviti industri berteknologi tinggi dengan kemudahan infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan sokongan dan jalur lebar berkelajuan tinggi di bandar Mentakab. ii. Pembinaan bangunan industri sesebuah, pejabat/makmal bagi pusat teknologi maklumat/penyelidikan dan pembangunan, asrama pekerja,kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan digital dan jalur lebar berkelajuan tinggi, kemudahan gunasama dan pelbagai kemudahan sokongan seperti kafeteria, tempat letak kenderaan, tempat punggah-memunggah barangan, kawasan landskap dan sebagainya. iii. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: • Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. • Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. • Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. • Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian • Menerapkan pembangunan keseluruhan berkonsepkan '*sponge city*' • Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir. iv. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pemaju/pengusaha perlu memasang alat pengesan pencemar automatik yang menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.
Kepentingan Cadangan	i. Menjana pertumbuhan ekonomi daerah melalui penghasilan produk bernilai tambah tinggi. ii. Menggalakkan operasi kilang pintar (*smart factory*) @ aktiviti industri berteknologi tinggi berasaskan pengetahuan dan teknologi robotik terutama industri farmaseutikal, elektrik & elektronik, bio-teknologi dan lain –lain. iii. Meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan dalam industri berasaskan pengetahuan dan teknologi tahap tinggi seiring dengan keperluan industri 4.0.

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	iv. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir. v. Memastikan kualti alam sekeliling terpelihara dan selamat.		
Peneraju	Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. BPEN ii. PKNP iii. Pemaju swasta iv. MPT		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	-	√
Sasaran Pencapaian	-	-	Seluas 380 hektar tapak industri baru
Pencapaian SDG			

Rajah 7.5 : Cadangan Taman Teknologi Tinggi Temerloh



Contoh imej dan reka bentuk taman industri teknologi tinggi serba moden yang menempatkan rangkaian pusat pengeluaran, penyelidikan dan pembangunan, pusat teknologi maklumat dan pelbagai kemudahan sokongan.

TS2 – U3 Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru: Taman IKS Mentakab

Aktiviti perindustrian di kawasan BP2 Mentakab menjadi kawasan tumpuan utama pelabur industri di daerah Temerloh di mana ia akan berkembang seiring dengan kepesatan sektor ekonomi daerah khususnya aktiviti pertanian dan sumberjaya tempatan selain perkhidmatan perbandaran. Koridor perindustrian yang dikenal pasti bagi menggalakkan pembangunan industri mengikut kluster ekonomi dan kekuatan sumberjaya tempatan yang mantap adalah koridor Mentakab-Temerloh. Berasaskan struktur industri sedia ada dan potensi sumberjaya tempatan, kluster industri yang akan digalakkan adalah kluster industri perkayuan, kluster industri binaan logam yang direka, jentera dan peralatan, kluster industri makanan dan minuman, kluster industri galian bukan logam serta kluster industri kertas, percetakan dan penerbitan. Selain industri skala besar, aktiviti IKS memainkan peranan utama dalam memangkin pertumbuhan ekonomi daerah.

Jadual 7.8 : Cadangan Kawasan Perindustrian Baru Taman IKS Mentakab

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Kawasan Perindustrian Baru Taman IKS Mentakab	
Kod Cadangan	TS2 – U3	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 4027	
Keluasan / Jarak	36 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Pertubuhan IKS menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah pertubuhan industri di daerah Temerloh dan berperanan dalam memesatkan pembangunan industri. ii. Kawasan industri terancang yang baru bagi aktiviti IKS masih diperlukan berasaskan kewujudan aktiviti industri di luar kawasan industri terancang.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kewujudan sebahagian aktiviti IKS di luar kawasan industri terancang terutama di Jalan Persekutuan 2 Lanchang-Mentakab. ii. Kebanyakan aktiviti IKS tertumpu kepada industri berasaskan sumber terutama produk perkayuan, mineral bukan galian dan industri berasaskan hasil pertanian selain industri perkhidmatan dan kerja-kerja kejuruteraan. iii. Permintaan terhadap premis IKS mampu milik semakin meningkat	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Membangunkan kawasan industri terancang khususnya Taman IKS Mentakab di lokasi strategik dengan kemudahan infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan sokongan dan jalur lebar berkelajuan tinggi di koridor Lanchang-Mentakab-Temerloh. ii. Pembinaan bangunan kilang sesebuah, berkembar dan berderet, kemudahan digital dan jalur lebar berkelajuan tinggi, kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan gunasama dan pelbagai kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, lori/treler, punggah memunggah, kawasan landskap dsbnya. iii. Menggalakkan setiap pertubuhan IKS menggunakan teknologi pengilangan pintar bagi mengurangkan pegangan stok dan kos operasi kilang selain meningkatkan produktiviti dan kualiti produk seiring dengan keperluan IR 4.0. iv. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian. ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir. v. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pemaju/pengusaha perlu memasang alat pengesan pencemar automatik yang menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.
Kepentingan Cadangan	i. Memusatkan aktiviti IKS di lokasi strategik dengan kemudahsampaian yang tinggi. ii. Meningkatkan daya pengeluaran dan peluang-peluang pekerjaan iii. Mencapai pulangan guna tanah perbandaran yang lebih ekonomi dan meningkatkan nilai tanah perindustrian. iv. Menyokong pembangunan guna tanah sedia ada dan perancangan guna tanah masa hadapan. v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir. vi. Memastikan kualti alam sekeliling terpelihara dan selamat.
Peneraju	Kerajaan Negeri

sambungan

Perkara	Perincian		
Pelaksana	i. MITI ii. MIDA iii. BPEN iv. MPT v. Sektor Swasta/Pemaju		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 36 hektar tapak industri baru	-
Pencapaian SDG			

Rajah 7.6 : Cadangan Taman IKS Mentakab



Antara contoh imej dan reka bentuk taman industri serba moden yang menempatkan bangunan industri berkembar dan teres yang sesuai untuk dibangunkan di kawasan kajian.

TS2 – U4 Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru: Taman IKS Lanchang

Aktiviti perindustrian di kawasan BP 10 Semantan menjadi kawasan tumpuan utama aktiviti kuari dan perlombongan khususnya kuari granite selain aktiviti industri pembuatan berasaskan sumber khususnya industri batu bata dan industri perkayuan. Berasaskan tren pembangunan semasa dan projek komited infrastruktur pengangkutan, kawasan BP 10 Semantan dijangka akan menjadi tumpuan pelabur industri IKS terutama kluster industri berasaskan sumber dan industri perkhidmatan. Justeru sepanjang tempoh perancangan, terdapat keperluan bagi mewujudkan kawasan industri terancang di koridor pembangunan sedia ada khususnya koridor Lanchang-Batu 5. Ia amat diperlukan dimana aktiviti industri pembuatan sedia ada beroperasi di luar kawasan industri terancang khususnya atas lot persendirian terutama lot pertanian. Pada amnya aktiviti IKS memainkan peranan utama dalam memangkin pertumbuhan ekonomi daerah.

Jadual 7.9 : Cadangan Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru : Taman IKS Lanchang

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Kawasan Perindustrian Baru : Taman IKS Lanchang	
Kod Cadangan	TS2 – U4	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 2094, 2095, 1911, 3092, 3093, 3094, 3095, 3096	
Keluasan / Jarak	85 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Pertubuhan IKS menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah pertubuhan industri di daerah Temerloh dan berperanan dalam memesatkan pembangunan ekonomi daerah. ii. Kawasan industri terancang yang baru bagi aktiviti IKS masih diperlukan berasaskan kewujudan aktiviti industri di luar kawasan industri terancang.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kewujudan sebahagian aktiviti IKS di luar kawasan industri terancang terutama di Jalan Persekutuan 2 Lanchang-Mentakab. ii. Kebanyakan aktiviti IKS tertumpu kepada industri berasaskan sumber terutama produk perkayuan, mineral bukan galian dan industri berasaskan hasil pertanian selain industri perkhidmatan dan kerja-kerja kejuruteraan. iii. Permintaan terhadap premis IKS mampu milik semakin meningkat	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Membangunkan kawasan industri terancang khususnya Taman IKS Lanchang di lokasi strategik dengan kemudahan infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan sokongan dan jalur lebar berkelajuan tinggi di koridor Lanchang-Mentakab-Temerloh. ii. Pembinaan bangunan kilang sesebuah, berkembar dan berderet, kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan digital dan jalur lebar berkelajuan tinggi, kemudahan gunasama dan pelbagai kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, lori/treler, punggah memunggah, kawasan landskap dsbnya. iii. Menggalakkan setiap pertubuhan IKS menggunakan teknologi pengilangan pintar bagi mengurangkan pegangan stok dan kos operasi kilang selain meningkatkan produktiviti dan kualiti produk seiring dengan keperluan IR 4.0. iv. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir. v. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pemaju/pengusaha perlu memasang alat pengesan pencemar automatik yang menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.
Kepentingan Cadangan	i. Memusatkan aktiviti IKS di lokasi strategik dengan kemudahsampaian yang tinggi. ii. Meningkatkan daya pengeluaran dan peluang-peluang pekerjaan iii. Mencapai pulangan guna tanah perbandaran yang lebih ekonomi dan meningkatkan nilai tanah perindustrian. iv. Menyokong pembangunan guna tanah sedia ada dan perancangan guna tanah masa hadapan. v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir. vi. Memastikan kualti alam sekeliling terpelihara dan selamat.
Peneraju	Kerajaan Negeri

sambungan

Perkara	Perincian		
Pelaksana	i. MITI ii. MIDA iii. BPEN iv. MPT v. Sektor Swasta/Pemaju		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 85 hektar tapak industri baru	-
Pencapaian SDG			

Rajah 7.7 : Cadangan Taman IKS Lanchang



Antara contoh imej dan reka bentuk taman industri serba moden yang menempatkan bangunan industri sesebuah dan teres yang sesuai untuk dibangunkan di kawasan kajian.

TS2-S1 Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Kawasan Industri Seberang Temerloh

Pembangunan perindustrian di daerah Temerloh dijangka akan berkembang seiring dengan pelaksanaan projek infrastruktur utama daerah khususnya projek pengangkutan rel koridor Pantai Timur (ECRL), peningkatan taraf Jalan Persekutuan 2 (Kuantan-Temerloh-Karak) dan Jalan Persekutuan 98 (Temerloh-Jerantut) serta cadangan pembangunan pelabuhan darat (inland port) selain kepesatan sektor ekonomi utama daerah khususnya perkhidmatan perniagaan, pertanian dan sumberjaya tempatan. Koridor perindustrian yang dikenalpasti di BP 1 Perak bagi menggalakkan pembangunan industri ialah koridor kecil Temerloh-Maran. Kluster industri yang akan digalakkan adalah kluster industri hiliran berasaskan perkayuan, kertas dan percetakan serta industri makanan. Aktiviti industri di kawasan industri terancang sedia ada tertumpu di kawasan industri Seberang Temerloh selain industri persendirian di sepanjang Jalan Maran-Temerloh.

Jadual 7.10 : Cadangan Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Kawasan Industri Seberang Temerloh

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Kawasan Industri Seberang Temerloh	
Kod Cadangan	TS2-S1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 2576, 4193, 4097, 2844, 6176, 5708, 5985, 6314, 4071	
Keluasan / Jarak	7.63 hektar	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
		Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Aktiviti pembuatan IKS menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah pertubuhan industri sedia ada di daerah Temerloh. Sehingga kini masih wujud aktiviti IKS di luar kawasan industri terancang. Taman Industri Seberang Temerloh adalah satu kawasan industri IKS yang dibangunkan bagi memusatkan aktiviti IKS dengan tapak seluas 6.07 hektar.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kawasan Industri Seberang Temerloh meliputi kawasan seluas 6.07 hektar yang menempatkan aktiviti IKS terutama bagi industri binaan logam yang direka, jentera dan peralatan selain industri perkhidmatan dan kerja-kerja kejuruteraan. ii. Terletak di Jalan Persekutuan Temerloh-Maran iii. Bangunan industri sedia ada meliputi industri teres dan berkembar iv. Luas tapak sedia ada tidak mencukupi bagi menampung keperluan pembangunan masa hadapan.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Meluaskan tapak kawasan industri terancang sedia ada dengan kemudahan infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan sokongan dan jalur lebar berkelajuan tinggi. ii. Pembinaan bangunan kilang berkembar dan berderet, kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan gunasama dan pelbagai kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, lori/treler, punggah memunggah, kawasan landskap dan lain-lain. iii. Menggalakkan setiap pertubuhan IKS menggunakan teknologi pengilangan pintar bagi mengurangkan pegangan stok dan kos operasi kilang selain meningkatkan produktiviti dan kualiti produk seiring dengan keperluan IR 4.0. iv. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir. iv. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pemaju/pengusaha perlu memasang alat pengesan pencemar automatik yang menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.
Kepentingan Cadangan	i. Memusatkan aktiviti IKS yang beroperasi di luar kawasan industri terancang selain pelaburan industri baru. ii. Mengukuhkan peranan IKS dalam memangkin pertumbuhan ekonomi daerah. iii. Meningkatkan penyertaan usahawan IKS tempatan dan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. iv. Menyokong pembangunan guna tanah sedia ada dan perancangan guna tanah masa hadapan. v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir. vi. Memastikan kualti alam sekeliling terpelihara dan selamat.
Peneraju	Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. BPEN ii. Pemilik tanah iii. Pemaju swasta iv. MPT

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 7.63 hektar tapak industri baru (perluasan)	-
Pencapaian SDG			

Antara contoh imej dan reka bentuk taman perindustrian serba moden yang sesuai dibina di kawasan industri terancang sedia ada seperti Kawasan Industri Seberang Temerloh.

Rajah 7.8 : Cadangan Perluasan Taman Industri Seberang Temerloh



Bangunan industri teres dan berkembar sedia ada di Kawasan Industri Seberang Temerloh

TS2 – S2 Pengukuhan Pembangunan Kawasan Perindustrian Sedia Ada : Kawasan Perindustrian Kampung Sempadan

Kawasan perindustrian Kg. Sempadan merupakan salah satu kawasan industri yang dibangunkan bertujuan bagi menggalakkan aktiviti industri perabot. Ia terletak di sempadan daerah Temerloh dan Bentong dan menjadi pintu masuk utama dari arah barat daerah Temerloh khususnya melalui Jalan Persekutuan 2. Dengan kawasan seluas 20.79 hektar, sehingga kini kawasan industri tersebut hanya berjaya menarik 2 pengusaha industri dan sebahagian besar kawasan masih terbiar kosong. Sebagai alternatif, adalah disyorkan kawasan industri tersebut dimajukan semula sebagai pusat IKS berasaskan sumber tempatan seperti industri galian bukan logam, industri asas tani dan pemprosesan makanan serta aktiviti industri perkhidmatan dan kitaran semula. Berasaskan aset dan sumberjaya yang terdapat di daerah Temerloh khususnya sumber hasil hutan, galian bukan logam serta hasil pertanian (tanaman makanan, kelapa sawit & getah, ternakan) adalah wajar kawasan industri tersebut di promosi sebagai Taman IKS Kg. Sempadan.

Jadual 7.11 : Cadangan Pengukuhan Pembangunan Kawasan Industri Sedia Ada : Kawasan Perindustrian Kampung Sempadan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pengukuhan Pembangunan Kawasan Industri Sedia Ada : Kawasan Perindustrian Kampung Sempadan	
Kod Cadangan	TS2 – S2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 9095, 9096, 9097, 9098, 9099, 9100, 9101, 9102, 9103, 9104, 9105	
Keluasan / Jarak	20.79 hektar	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
		Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Sebahagian besar kawasan industri Kg. Sempadan terbiar kosong dan hanya menempatkan sejumlah 2 syarikat industri. ii. Perletakan tapak di Jalan Persekutuan 2 amat berpotensi digalakkan sebagai pusat IKS berasaskan sumber tempatan di kalangan usahawan tempatan dan daerah berjiran.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Luas tapak yang mencukupi bagi menggiatkan aktiviti IKS berasaskan sumber tempatan dan industri perkhidmatan.	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	ii. Ketiadaan aktiviti industri perkhidmatan yang dapat memberi perkhidmatan kepada penduduk dan pemilik kenderaan terutama di mukim Semantan dan daerah bersempadan khususnya Bentong. iii. Sumber tempatan yang tersedia di daerah Temerloh terutama hasil perkayuan/rotan, hasil pertanian dan galian bukan logam seperti `earth material', pasir sungai, tanah liat, granite dsbnya.
Perincian Inisiatif	i. Pembangunan kawasan perindustrian Kg. Sempadan sebagai pusat aktiviti IKS berasaskan sumber serta industri perkhidmatan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan sokongan. ii. Pembinaan bangunan kilang sesebuah dan berkembar, kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan digital dan jalur lebar berkelajuan tinggi, kemudahan gunasama, jalur lebar berkelajuan tinggi serta pelbagai kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, lori/treler, ruang punggah memunggah, kawasan landskap dan sebagainya. iii. Menggalakkan setiap pertubuhan IKS menggunakan teknologi pengilangan pintar bagi mengurangkan pegangan stok dan kos operasi kilang selain meningkatkan produktiviti dan kualiti produk seiring dengan keperluan IR 4.0. iv. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir. iv. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pemaju/pengusaha perlu memasang alat pengesan pencemar automatik yang menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.
Kepentingan Cadangan	i. Memulih kawasan industri yang terbiar dengan projek pembuatan yang dinamik & mampu menarik pelabur dan usahawan IKS tempatan. ii. Meningkatkan nilai tambah akttiviti pembuatan dan pendapatan daerah

sambungan

<table>
<tr><th>Perkara</th><th colspan="3">Perincian</th></tr>
<tr><td></td><td colspan="3">iv. Mewujudkan lebih banyak peluang keusahawanan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan.
v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
vi. Memastikan kualti alam sekeliling terpelihara dan selamat.</td></tr>
<tr><td>Peneraju</td><td colspan="3">Kerajaan Negeri</td></tr>
<tr><td>Pelaksana</td><td colspan="3">i. MITI
ii. MIDA
iii. BPEN
iv. PKNP
v. Pemaju swasta
vi. MPT</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Fasa Pelaksanaan</td><td>2023-2025</td><td>2026-2030</td><td>2031-2035</td></tr>
<tr><td>√</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Sasaran Pencapaian</td><td>Seluas 20.79 hektar tapak industri sedia ada</td><td>-</td><td>-</td></tr>
<tr><td>Pencapaian SDG</td><td colspan="3">
</td></tr>
</table>

Rajah 7.9 : Cadangan Taman IKS Kg. Sempadan



Antara contoh imej dan reka bentuk kompleks / bangunan industri serba moden yang menempatkan rangkaian pusat pengeluaran bagi industri berasaskan sumber.

TS2 – S3 Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Taman Perindustrian Songsang

Pembangunan perindustrian di daerah Temerloh dijangka akan berkembang seiring dengan pelaksanaan projek infrastruktur utama daerah khususnya projek pengangkutan rel koridor Pantai Timur (ECRL), peningkatan taraf Jalan Persekutuan 2 (Kuantan-Temerloh-Karak) dan Jalan Persekutuan 98 (Temerloh-Jerantut) serta cadangan pembangunan pelabuhan darat (*inland port*) selain kepesatan sektor ekonomi utama daerah khususnya perkhidmatan perniagaan, pertanian dan sumberjaya tempatan. Koridor kecil industri yang berpotensi untuk dipergiatkan termasuklah koridor Temerloh-Songsang terutama dengan kewujudan Taman Perindustrian Songsang yang telah diduduki sepenuhnya oleh pelabur industri terutama kegiatan industri berasaskan perkayuan. Berasaskan keadaan sedia ada dan projek infrastruktur pengangkutan komited, terdapat keperluan bagi meluaskan kawasan industri tersebut untuk keperluan pembangunan masa hadapan.

Jadual 7.12 : Cadangan Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Taman Perindustrian Songsang

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Perluasan Kawasan Perindustrian Sedia Ada: Taman Perindustrian Songsang	
Kod Cadangan	TS2 – S3	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 2901, 2902, 2903, 2904, 2905, 2906, 2907, 2908, 2909, 2910, 2911, 2912, 2913, 2914, 2915, 2916, 2917, 2918, 2919, 2920, 2921, 2922, 3503, 4626, 4158	
Keluasan / Jarak	67.74 hektar	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
		Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keseluruhan kawasan Taman Perindustrian Songsang telah diduduki sepenuhnya dan tiada rezab bagi pembangunan masa hadapan. ii. Terdapat kawasan berhampiran yang sesuai bagi menampung keperluan pembangunan masa hadapan.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Taman Perindustrian Songsang meliputi kawasan seluas 55 hektar yang menempatkan aktiviti industri berasaskan sumber terutama produk perkayuan, produk pertanian serta kerja-kerja kejuruteraan.	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	ii. Terletak di koridor Temerloh-Songsang dan berhampiran LPT. iii. Kawasan industri sedia ada telah diduduki sepenuhnya dan terdapat keperluan bagi meluaskan tapak bagi menampung pembangunan masa hadapan.
Perincian Inisiatif	i. Meluaskan tapak kawasan industri terancang sedia ada dengan kemudahan infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan sokongan dan jalur lebar berkelajuan tinggi. ii. Pembinaan bangunan kilang sesebuah, kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan digital dan jalur lebar berkelajuan tinggi, kemudahan gunasama dan pelbagai kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, lori/treler, ruang punggah memunggah, kawasan landskap dan sebagainya. iii. Menggalakkan setiap pertubuhan industri menggunakan teknologi pengilangan pintar bagi mengurangkan pegangan stok dan kos operasi kilang selain meningkatkan produktiviti dan kualiti produk seiring dengan keperluan IR 4.0. iv. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir. iv. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pemaju/pengusaha perlu memasang alat pengesan pencemar automatik yang menyalurkan maklumat secara terus kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.
Kepentingan Cadangan	i. Mengukuhkan aktiviti industri sedia ada dengan menarik lebih ramai pelabur ke kawasan perindustrian tersebut. ii. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. iii. Menyokong pembangunan guna tanah sedia ada dan perancangan guna tanah masa hadapan. iv. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir. v. Memastikan kualti alam sekeliling terpelihara dan selamat.

sambungan

Perkara	Perincian		
Peneraju	Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. MITI ii. MIDA iii. BPEN iv. PKNP v. MPT vi. Sektor Swasta/Pemaju		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 67.74 hektar tapak industri baru (perluasan)	-
Pencapaian SDG			

Antara contoh imej dan reka bentuk taman perindustrian serba moden yang sesuai dibina di kawasan industri terancang seperti perluasan Taman Perindustrian Songsang.

Rajah 7.10 : Cadangan Perluasan Taman Perindustrian Songsang



Kilang papan dan papan lapis serta pusat inkubator kraf di Taman Perindustrian Songsang.

TS2 – S4 Pengawalan Aktiviti Kuari dan Perlombongan Sedia Ada dan Baru

Aktiviti perlombongan dan kuari memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi daerah Temerloh. Ia mempunyai simpanan mineral logam (tembaga, emas, bijih besi dan timah hitam) dan bukan logam (batu granite, tanah liat, tanah merah dan pasir sungai) yang baik untuk diusahakan bagi tujuan pembangunan. Pada masa kini aktiviti kuari giat diusahakan di beberapa lokasi meliputi batu granite, riolite, tanah liat, `earth material', feldspar, bijih besi dan pasir sungai. Pelaksanaan projek infrastruktur pengangkutan utama khususnya keretapi ekspres ECRL dan pembesaran Pelabuhan Kuantan dijangka akan memesatkan aktiviti kuari dan perlombongan di daerah Temerloh. Justeru, terdapat keperluan bagi memastikan aktiviti kuari dan perlombongan sedia ada dan baru dilaksanakan mengikut keperluan yang ditetapkan dalam garis panduan bagi perletakan dan pengezonan industri.

Jadual 7.13 : Cadangan Pengawalan Aktiviti Kuari dan Perlombongan Sedia Ada dan Baru

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pengawalan Aktiviti Kuari dan Perlombongan Sedia Ada dan Baru	
Kod Cadangan	TS2 – S4	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Kawasan perlombongan dan kuari di Daerah Temerloh	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Sejumlah 17 syarikat dan individu giat mengusahakan aktiviti kuari di beberapa lokasi (Bukit Damar, Rantau Panjang, Batu 7-9 Jalan Karak) meliputi batu granite, riolite, tanah liat, `earth material', feldspar dan pasir sungai ii. Sebuah syarikat mengusahakan perlombongan bijih besi di Sg. Rawit, Semantan. iii. Aktiviti peletupan oleh kuari granite melantunkan serpihan batu granite keatas bumbung rumah kampung di kawasan kediaman/ perkampungan berhampiran.	

sambungan

Perkara	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	i. Daerah Temerloh mempunyai simpanan mineral logam (emas, bijih besi, tembaga & timah hitam) dan bukan logam (granite, tanah liat, riolite, feldspar & pasir sungai) yang baik dan diperlukan oleh kerja-kerja pembangunan dalam sektor pembinaan dan yang berkaitan. ii. Aktiviti kuari dan perlombongan menyediakan peluang keusahawanan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan selain sumber pendapatan utama bagi Pihak Berkuasa Negeri serta Pejabat Tanah dan Daerah. iii. Kerja-kerja kuari dan perlombongan bagi pengeluaran mineral logam dan bukan logam bagi sesuatu kawasan/tempat menjadi keutamaan untuk dilaksanakan sebelum sebarang projek pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi dapat dilaksanakan oleh mana-mana pihak/agensi pelaksana sapertimana termaktub dalam Kanun Tanah Negara.
Perincian Inisiatif	i. Pemohon/pengusaha perlu memperoleh lesen mencarigali dan menjelajah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/Jabatan Mineral & Geosains Negeri bagi mengesan simpanan mineral. ii. Kajian Kebolehlaksanaan dan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)/Penilaian Impak Sosial (SIA) perlu dilaksanakan keatas lokasi projek dan kawasan persekitaran. iii. Pemohon/pengusaha perlu mengemukakan Kebenaran Merancang (KM) kepada pihak berkuasa tempatan dan memohon lesen melombong (syarikat/individu) dan pemilikan/pajakan tanah lombong daripada pihak berkuasa negeri bagi kerja-kerja melombong/kuari. iv. Mengamalkan kaedah teknologi kuari dan perlombongan pintar iaitu penggunaan maklumat, autonomi, jentera dan alat pemprosesan yang lebih selamat, jimat kos operasi, mesra alam dan sentiasa produktif seiring dengan keperluan industri IR 4.0. v. Aktiviti kuari dan perlombongan adalah industri berat yang memerlukan zon penampan dengan jarak minima selebar 500 meter daripada sempadan kawasan industri dengan kawasan kediaman terdekat sapertimana ditetapkan dalam Garis Panduan Perletakan dan Pengzonan Industri, 2012. vi. Kawasan penampan yang secukupnya dan selamat daripada sebarang risiko adalah diperlukan terutama kesan letupan daripada aktiviti kuari dan perlombongan. Kawasan penampan boleh meliputi kawasan hutan, tasik, kawasan pertanian, parit dan sungai, taman dan kawasan lapang, padang golf, jalanraya dan yang berkaitan. vii. Pembangunan industri yang melibatkan pembuangan sisa air, pengeluaran asap dan bunyi bising perlu mematuhi tahap pengeluaran yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Penggunaan alat pengesan pencemar automatik diperlukan bagi menyalur maklumat kepada pihak pengawasan dan kawalan JAS.

sambungan

Perkara	Perincian		
Kepentingan Cadangan	i. Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi daerah dan sumber input utama bagi sektor pembinaan dan lain-lain sektor ekonomi pembangunan. ii. Memanfaatkan simpanan mineral sedia ada secara mampan ke arah aktiviti ekonomi bernilai tambah tanpa menjejaskan kualiti alam sekitar. ii. Mewujudkan peluang keusahawanan dan pekerjaan kepada penduduk tempatan melalui latihan kemahiran dan amalan teknologi kuari dan perlombongan terkini seiring dengan keperluan industri IR 4.0. iv. Memastikan kualti alam sekeliling dan kesejahteraan kehidupan penduduk terpelihara dan selamat.		
Peneraju	Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. JMG Negeri ii. BPEN iii. JAS Negeri iv. JAS Daerah v. Pejabat Tanah & Daerah vi. Pengusaha Kuari/Lombong (Syarikat/Individu)		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	-	-	-
Pencapaian SDG			

7.1.3 STRATEGI 3: Meningkatkan Aktiviti Komersial Daerah Temerloh

Strategi ini akan memandu katalis ekonomi dan aktiviti komersial daerah agar pertumbuhan ekonomi adalah seimbang dan dapat disertai oleh semua golongan penduduk. Strategi ini juga memberi penekanan kepada perluasan rantaian ekonomi mengikut kekuatan sumber tempatan dimana setiap pusat petempatan dan mukim akan mempunyai pengkhususan aktiviti dan saling menyokong antara satu sama lain.

Pusat perniagaan di bandar Temerloh

Pusat perniagaan di pekan Kuala Krau

Pelaksanaan pembangunan kawasan perniagaan baru bagi aktiviti komersial mampu untuk mengukuhkan daya saing Temerloh agar terus berada di landasan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan produktif di peringkat Domestik. Pengukuhan daya saing yang lebih dinamik dan mempunyai nilai tabahan tinggi disarankan bagi menjana ekonomi tempatan seiring dengan perkembangan aktiviti komersial Temerloh.

Selain itu, pembangunan semula kawasan perniagaan usang membantu kepada perkembangan ekonomi daerah Temerloh dalam meningkatkan aktiviti komersial yang berdaya maju. Berikut merupakan senarai projek bagi strategi ini :

Senarai Projek

TS3 – U1	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Temerloh
TS3 – U2	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Mentakab
TS3 – S1	Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Lanchang
TS3 – S2	Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kuala Krau
TS3 – S3	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kerdau

TS3-U1 Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru: Pusat Bandar Temerloh

Sepanjang tempoh perancangan, pembangunan perniagaan dan perkhidmatan di rangkaian pusat petempatan sedia ada di daerah Temerloh dijangka akan berkembang pesat seiring dengan pelaksanaan projek infrastruktur utama khususnya Ekspres Rel Pantai Timur (ECRL) dan pelabuhan darat Temerloh. Jumlah penduduk di daerah Temerloh diunjurkan akan meningkat daripada 192,400 (2020) kepada 221,650 (2035). Seiring dengan peningkatan jumlah penduduk, aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di pusat bandar Temerloh yang berperanan sebagai Bandar Utama perlu dipertingkatkan melalui perluasan kawasan perniagaan baru yang dikenalpasti khususnya di kawasan BP 1 Perak.

Jadual 7.14 : Cadangan Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru: Pusat Bandar Temerloh

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru: Pusat Bandar Temerloh	
Kod Cadangan	TS3-U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	• Lot 12134, 12133, 2072, 2074, Jalan Temerloh-Mentakab(3.98 hek) • Lot 278, 279, 1385, 1673, 1003, 1004, Jalan Pak Sako 4 (4.83 hek) • Lot 1028, 30554, 362, 1033, Jalan Dato Hamzah (3.81 hek)	
Keluasan / Jarak	3.98 hektar, 4.83 hektar & 3.81 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Kawasan perniagaan baru seluas 8.0 hektar perlu dikenalpasti di rangkaian pusat petempatan sedia ada khususnya pusat bandar Temerloh bagi menampung pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Jumlah penduduk di BP 1 Perak dijangka akan meningkat daripada 60,100 (2020) kepada 69,300 (2035). ii. Perluasan kawasan perniagaan bukan sahaja bagi menampung keperluan penduduk BP 1 Perak malah keseluruhan daerah selaras dengan peranan bandar Temerloh sebagai Bandar Utama. iii. Menggalakkan jaringan e-dagang antara perniagaan PKS dan pengguna/pelanggan (penduduk tempatan) seiring dengan keperluan ekonomi digital dan penggunaan teknologi terkini.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Menyediakan tapak perniagaan baru seluas 8.0 hektar di pusat bandar Temerloh melalui pembangunan isi penuh ke atas lot yang berpotensi di kawasan pusat bandar. ii. Membina kompleks perniagaan, bangunan kedai pejabat dan aked/bazar peniaga kecil, pusat penjaja terancang, kemudahan tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, kawasan hijau/plaza/ruang awam dan landskap kejur dan lembut pinggiran jalan. iii. Menggalakkan setiap perniagaan PKS di bandar Temerloh menggunakan perkhidmatan e-dagang dan pembayaran tanpa tunai dalam operasi seharian seiring dengan keperluan ekonomi digital selain mewujudkan peluang baru perniagaan. iv. Mewujudkan jaringan digital dengan peserta e-dagang, e-bazar Pahang dan Pahang Mart bagi meningkatkan prestasi perniagaan setiap PKS. v. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Memenuhi keperluan penduduk dan kemasukan pelaburan dalam pelbagai sektor perniagaan dan perkhidmatan di pusat bandar Temerloh ii. Meningkatkan peluang perniagaan dan pekerjaan bagi penduduk tempatan. iii. Mengukuhkan peranan pusat bandar Temerloh sebagai pusat perniagaan & perkhidmatan utama daerah bertaraf tinggi. iv. Menyokong pembangunan guna tanah sedia ada dan perancangan guna tanah masa hadapan. v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
Peneraju	Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. BPEN ii. PKNP iii. MPT iv. Pemaju Swasta v. Pemilik Tanah

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 8.0 hektar tanah perniagaan baru/tambahan	-
Pencapaian SDG			

Contoh imej dan reka bentuk premis perniagaan yang sesuai dibina di kawasan pusat perniagaan baru.

Rajah 7.11 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pusat Bandar Temerloh



Rajah 7.12 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pusat Bandar Temerloh



TS3-U2 Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Mentakab

Jumlah penduduk di BP 2 Mentakab diunjurkan akan meningkat daripada 60,900 (2020) kepada 71,720 (2035). Seiring dengan peningkatan jumlah penduduk, aktiviti perniagaan dan perkhidmatan di bandar Mentakab perlu diperkukuhkan melalui perluasan kawasan perniagaan baru yang dikenal pasti. Perluasan kawasan perniagaan baru akan dapat menampung keperluan sektor perniagaan formal dan informal sehingga tahun 2035. Selain peningkatan jumlah penduduk, Bandar Mentakab dijangka akan berkembang pesat seiring dengan pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang akan mempunyai terminal utama di pusat bandar Mentakab.

Jadual 7.15 : Cadangan Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Mentakab

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pusat Bandar Mentakab	
Kod Cadangan	TS3-U2	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	• Lot 1014, 1016, 138, 139, 4, 2, 1004, 1006, Jalan Temerloh-Mentakab (4.07 hek.) • Lot 1001, 1016, 19, 4, 2, 422, 533, 266, 267, 268, Jalan Temerloh-Mentakab & Jalan Tun Razak (7.09 hek.)	
Keluasan / Jarak	4.07 hektar & 7.09 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Kawasan perniagaan baru seluas 9.9 hektar perlu dikenal pasti di rangkaian pusat petempatan sedia ada khususnya pusat bandar Mentakab bagi menampung pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Jumlah penduduk di BP 2 Mentakab dijangka akan meningkat daripada 60,900 (2020) kepada 71,720 (2035). ii. Perluasan kawasan perniagaan bukan sahaja bagi menampung keperluan penduduk BP 2 Mentakab malahan keseluruhan daerah selaras dengan peranan bandar Mentakab sebagai Bandar Tempatan. iii. Menggalakkan jaringan e-dagang antara perniagaan PKS dan pengguna/pelanggan (penduduk tempatan) seiring dengan keperluan ekonomi digital dan penggunaan teknologi terkini.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Menyediakan tapak perniagaan baru seluas 9.9 hektar di pusat bandar Mentakab melalui pembangunan isi penuh ke atas lot yang berpotensi. ii. Membina kompleks perniagaan, bangunan kedai pejabat dan aked/bazar peniaga kecil, pusat penjaja terancang, kemudahan tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, kawasan hijau/plaza/ruang awam dan landskap kejur & lembut pinggiran jalan. iii. Menggalakkan setiap perniagaan PKS di bandar Mentakab menggunakan perkhidmatan e-dagang dan pembayaran tanpa tunai dalam operasi seharian seiring dengan keperluan ekonomi digital selain mewujudkan peluang baru perniagaan. iv. Mewujudkan jaringan digital dengan peserta e-dagang, e-bazar Pahang dan Pahang Mart bagi meningkatkan prestasi perniagaan setiap PKS. v. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Memenuhi keperluan penduduk dan kemasukan pelaburan dalam pelbagai sektor perniagaan dan perkhidmatan di pusat bandar Mentakab ii. Menyokong pembangunan guna tanah sedia ada dan perancangan guna tanah masa hadapan. iii. Mengukuhkan peranan pusat bandar Mentakab sebagai pusat perniagaan dan perkhidmatan utama daerah. iv. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
Peneraju	Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. BPEN ii. PKNP iii. MPT iv. Pemaju swasta v. Pemilik Tanah

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	√
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 4.9 hektar tanah perniagaan baru/tambahan	Seluas 5.0 hektar tanah perniagaan baru/tambahan
Pencapaian SDG			

Antara contoh imej dan reka bentuk premis perniagaan yang sesuai dibina di kawasan pusat perniagaan baru

Rajah 7.13 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pusat Bandar Mentakab



Rajah 7.14 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pusat Bandar Mentakab



TS3-S1 Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Lanchang

Bagi meningkatkan imej pusat perniagaan sedia ada, program pembangunan semula perlu dilaksanakan keatas kawasan perniagaan usang yang kritikal di pekan Lanchang khususnya rumah kedai lama bersifat sementara. Cadangan ini dijangka akan dapat menarik pelabur perniagaan dan meningkatkan nilai tanah bagi lot atau premis perniagaan yang dikenal pasti. Selain itu, aktiviti perniagaan dan perkhidmatan sedia ada perlu diperkukuhkan melalui perluasan kawasan perniagaan baru di lokasi berhampiran. Perluasan kawasan perniagaan baru akan dapat menampung keperluan sektor perniagaan formal dan informal sehingga tahun 2035.

Jadual 7.16 : Cadangan Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Lanchang

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Lanchang	
Kod Cadangan	TS3-S1	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Lot 10022 & 1641, Jalan Karak-Lanchang-Mentakab	
Keluasan / Jarak	0.5 hektar & 2.45 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Keadaan struktur bangunan kedai berkeadaan buruk yang terdiri daripada rumah kedai kayu bersifat sementara serta tidak mempunyai nilai warisan. ii. Kawasan perniagaan baru seluas 2.45 hektar perlu dikenalpasti khususnya di pusat perniagaan Lanchang bagi menampung pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kewujudan 15 unit rumah kedai lama yang berkeadaan usang & tidak sesuai untuk dikekalkan. ii. Jumlah penduduk di BP 10 Semantan dijangka akan meningkat daripada 19,200 (2020) kepada 21,060 (2035). iii. Perluasan kawasan perniagaan bagi menampung keperluan penduduk BP 10 Semantan sehingga 2035. iv. Menggalakkan jaringan e-dagang antara perniagaan PKS dan pengguna/pelanggan (penduduk tempatan).	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Membangun semula deretan rumah kedai lama yang usang kepada pembangunan perniagaan serba moden selain perluasan kawasan perniagaan baru di kawasan berhampiran. ii. Membina bangunan kedai pejabat dan aked/bazar peniaga kecil, pusat penjaja terancang, kemudahan tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, kawasan hijau/plaza/ruang awam dan landskap kejur & lembut pinggiran jalan. iii. Menggalakkan setiap perniagaan PKS di pekan Lanchang menggunakan perkhidmatan e-dagang dan pembayaran tanpa tunai dalam operasi seharian seiring dengan keperluan ekonomi digital selain mewujudkan peluang baru perniagaan. iv. Mewujudkan jaringan digital dengan peserta e-dagang, e-bazar Pahang dan Pahang Mart bagi meningkatkan prestasi perniagaan setiap PKS. v. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian. ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Mencapai pulangan guna tanah perniagaan yang lebih ekonomi dan meningkatkan nilai tanah perniagaan kepada pemilik harta. ii. Mengukuhkan peranan Lanchang sebagai pusat perniagaan utama. iii. Memenuhi keperluan penduduk dan kemasukan pelaburan dalam pelbagai sektor perniagaan dan perkhidmatan di pusat perniagaan baru Lanchang. iv. Meningkatkan imej perbandaran pekan Lanchang serba moden. v. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
Peneraju	Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. BPEN ii. PKNP iii. MPT iv. Pemaju swasta v. Pemilik tanah

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	-
Sasaran Pencapaian	Seluas 0.5 hektar tanah perniagaan sedia ada (pembangunan semula)	Seluas 2.45 hektar tanah perniagaan baru/tambahan	-
Pencapaian SDG			

Rajah 7.15 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pekan Lanchang



Keadaan premis perniagaan usang sedia ada di pekan Lanchang

Antara contoh imej dan reka bentuk premis perniagaan yang sesuai dibina di kawasan pusat perniagaan sedia ada.

TS3 – S2 Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kuala Krau

Jumlah penduduk di BP 9 Jenderak diunjurkan akan meningkat daripada 23,300 (2020) kepada 25,710 (2035). Aktiviti perniagaan dan perkhidmatan sedia ada di pekan Kuala Krau perlu diperkukuhkan melalui perluasan kawasan perniagaan baru selain melaksanakan program pembangunan semula kawasan perniagaan usang. Perluasan kawasan perniagaan baru akan dapat menampung keperluan sektor perniagaan formal dan informal sehingga tahun 2035.

Jadual 7.17 : Cadangan Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kuala Krau

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Program Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Usang dan Perluasan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kuala Krau	
Kod Cadangan	TS3 – S2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	• Lot 2, 3, 4, 5, 1000, Jalan Kerdau-Kuala Krau-Jerantut (2.01 hek.) • Lot 1-15 (premis perniagaan usang) • Lot 15445,15449, 15459,15460, 15461,15462, 15463,493 (18.32 hek.)	
Keluasan / Jarak	• 2.01 hektar • 18.32 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Kawasan perniagaan baru seluas 3.0 hektar perlu dikenalpasti di pusat bandar Kuala Krau bagi menampung pertambahan penduduk sehingga tahun 2035. ii. Sebahagian deretan premis perniagaan berstruktur sementara/ usang dan tidak sesuai dikekalkan.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Kewujudan lebih 20 unit rumah kedai lama berkeadaan usang dan tidak sesuai untuk dikekalkan. ii. Jumlah penduduk di BP 9 Jenderak dijangka akan meningkat daripada 23,300 (2020) kepada 25,710 (2035). iii. Perluasan kawasan perniagaan bukan sahaja bagi menampung keperluan penduduk BP 9 Jenderak malahan kawasan petempatan di daerah berjiran (Jerantut).	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Membangunkan tapak perniagaan baru seluas 3.0 hektar berhampiran pusat perniagaan sedia ada selain melaksanakan program pembangunan semula keatas premis perniagaan berkeadaan usang. ii. Pusat perniagaan Kuala Krau sedia ada mempunyai potensi untuk berkembang berasaskan perletakannya berhampiran sempadan daerah Jerantut selain pintu masuk utama ke daerah Temerloh. iii. Membina bangunan kedai pejabat dan aked/bazar peniaga kecil, pusat penjaja terancang, kemudahan tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, kawasan hijau/plaza/ruang awam dan landskap kejur & lembut pinggiran jalan. iv. Menggalakkan setiap perniagaan PKS di bandar Temerloh menggunakan perkhidmatan e-dagang dan pembayaran tanpa tunai dalam operasi seharian seiring dengan keperluan ekonomi digital selain mewujudkan peluang baru perniagaan. v. Mewujudkan jaringan digital dengan peserta e-dagang, e-bazar Pahang dan Pahang Mart bagi meningkatkan prestasi perniagaan setiap PKS. vi. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan reka bentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Memenuhi keperluan penduduk dan kemasukan pelaburan dalam pelbagai sektor perniagaan dan perkhidmatan di pusat perniagaan baru Kuala Krau. ii. Mengukuhkan peranan Kuala Krau sebagai pusat perniagaan utama. iii. Memberi perkhidmatan kepada penduduk petempatan Felda di kawasan berhampiran. iv. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
Peneraju	Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. BPEN ii. PKNP iii. MPT iv. Pemaju Swasta v. Pemilik Tanah

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	Seluas 0.6 hektar tanah perniagaan sedia ada (pembangunan semula)	Seluas 3.0 hektar tanah perniagaan baru/tambahan	-
Pencapaian SDG			

Premis perniagaan usang sedia ada di pekan Kuala Krau

Rajah 7.16 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pekan Kuala Krau

Antara contoh imej dan reka bentuk premis perniagaan moden yang sesuai dibina di kawasan pusat perniagaan sedia ada dan baru.

Rajah 7.17 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pekan Kuala Krau (Baru)



Antara contoh imej dan reka bentuk premis perniagaan moden yang sesuai dibina di kawasan pusat perniagaan baru.

Bangunan kedai pejabat tiga tingkat sedia ada di pekan Kuala Kurau

TS3 – S3 Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kerdau

Jumlah penduduk di BP 8 Kerdau diunjurkan akan meningkat daripada 5,800 (2020) kepada 6,430 (2035). Aktiviti perniagaan dan perkhidmatan sedia ada di pekan Kerdau adalah terpencil daripada jalan utama dan perlu diperkukuhkan melalui perluasan kawasan perniagaan baru di lokasi yang lebih strategik khususnya di Jalan Persekutuan Temerloh-Kerdau-Kuala Krau. Perluasan kawasan perniagaan baru akan dapat menampung keperluan sektor perniagaan formal dan informal sehingga tahun 2035. Ia akan memberi perkhidmatan kepada penduduk di BP 8 Kerdau serta kawasan berjiran khususnya BP 7 Lipat Kajang berasaskan ketiadaan pusat petempatan di mukim tersebut.

Jadual 7.18 : Cadangan Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kerdau

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Kawasan Perniagaan Baru : Pekan Kerdau	
Kod Cadangan	TS3 – S3	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	Lot 956, 957, 35020, 35021, 35022, 35023, 1384, 1165 , Jalan Temerloh-Kerdau-Kuala Krau	
Keluasan / Jarak	16.74 hektar	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Kawasan perniagaan baru seluas 15.0 hektar perlu dikenalpasti di rangkaian pusat petempatan sedia ada khususnya pekan Kerdau bagi menampung pertambahan penduduk sehingga tahun 2035.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Jumlah penduduk di BP 8 Kerdau dijangka akan meningkat daripada 5,800 (2020) kepada 6,430 (2035). ii. Perluasan kawasan perniagaan bukan sahaja bagi menampung keperluan penduduk BP 8 Kerdau malahan mukim berjiran terutama BP 7 Lipat Kajang yang tidak mempunyai pusat perniagaan. iii. Menggalakkan jaringan e-dagang antara perniagaan PKS dan pengguna/pelanggan (penduduk tempatan) seiring dengan keperluan ekonomi digital dan penggunaan teknologi terkini.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Menyediakan tapak perniagaan baru seluas 16.74 hektar di laluan utama Jalan Persekutuan Temerloh-Kerdau-Kuala Krau. ii. Pusat perniagaan Kerdau sedia ada adalah tersisih dan jauh daripada jalan utama daerah iii. Membina bangunan kedai pejabat dan aked/bazar peniaga kecil,pusat penjaja terancang, kemudahan tempat letak kenderaan, laluan pejalan kaki, kawasan hijau/plaza/ruang awam dan landskap kejur & lembut pinggiran jalan. iv. Menggalakkan setiap perniagaan PKS di pekan Kerdau menggunakan perkhidmatan e-dagang dan pembayaran tanpa tunai dalam operasi seharian seiring dengan keperluan ekonomi digital selain mewujudkan peluang baru perniagaan. v. Mewujudkan jaringan digital dengan peserta e-dagang, e-bazar Pahang dan Pahang Mart bagi meningkatkan prestasi perniagaan setiap PKS. vi. Penyediaan kemudahan infrastruktur sokongan yang sempurna termasuk bekalan air & elektrik, jalanraya, perparitan & kemudahan telekomunikasi serta perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi. vii. Pembangunan perlu mengambilkira risiko banjir, dengan: ✓ Mengikut garis panduan Pengurusan Banjir. ✓ Memastikan rekabentuk pembangunan adalah bersifat mesra banjir dan berdaya tahan bencana yang tinggi. ✓ Menyediakan sistem saliran yang komprehensif bagi mengelak banjir. ✓ Menyediakan kolam takungan banjir/ bersesuaian ✓ Memastikan kawasan terdedah direka bentuk berliang memudahkan air larian menyusup ke bawah tanah. ✓ Menyediakan pelan mitigasi dan pengurusan banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Memenuhi keperluan penduduk dan kemasukan pelaburan dalam pelbagai sektor perniagaan dan perkhidmatan di pusat perniagaan baru Kerdau. ii. Mengukuhkan peranan pekan Kerdau sebagai pusat perniagaan utama iii. Menambah baik penyediaan kemudahan perniagaan dan perkhidmatan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan penduduk iv. Mengurangkan risiko kerosakan dan kerugian akibat daripada banjir.
Peneraju	Kerajaan Negeri
Pelaksana	i. BPEN ii. PKNP iii. MPT iv. Pemaju Swasta v. Pemilik Tanah

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	-	√	-
Sasaran Pencapaian	-	Seluas 16.74 hektar tanah perniagaan baru (tambahan)	-
Pencapaian SDG			

Rajah 7.18 : Cadangan Tapak Perniagaan : Pekan Kerdau



Antara contoh imej dan reka bentuk premis perniagaan yang sesuai dibina di kawasan pusat perniagaan baru.

7.1.4 STRATEGI 4: Membangunkan Ekonomi Tempatan

Strategi ekonomi ini menerapkkan konsep ekonomi insklusif bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan. Pemangkin ekonomi daerah dipacu oleh sektor yang dikenalpasti berasaskan kekuatan dan potensi sektor dan sumberjaya tempatan.

Pasar Besar Bandar Temerloh

Pelaksanaan strategi ini mampu memberi akses yang mudah kepada penduduk untuk menyertai bidang pekerjaan termasuk berkerja di rumah. Ekonomi kraftangan tempatan dan industri desa adalah sektor ekonomi pemangkin yang boleh membuka peluang untuk semua penduduk.

Baazar Kuala Semantan, Bandar Temerloh

Daerah Temerloh mempunyai keunikan kraftangan tempatan tersendiri. Kraftangan ini boleh membantu ekonomi tempatan dan diperkenalkan sebagai salah satu niche produk yang terdapat di Daerah Temerloh.

Bagi membangunkan ekonomi tempatan penempatan tapak niaga bagi usahawan niaga mikro disediakan bagi menggalakkan aktiviti perniagaan beroperasi semula dengan prosedur operasi yang ditetapkan. Berikut merupakan senarai projek bagi strategi ini.

Senarai Projek

TS4 – U1	Pembangunan *Homestay / Kampungstay*
TS4 – U2	Promosi Kraftangan Tempatan
TS4 – S1	Pembangunan Usahawan Mikro

TS4 – U1 Pembangunan *Homestay / Kampungstay*

Pengenalan kepada adat dan budaya tempatan secara umumnya dapat dirasai di kawasan perusahaan homestay/ kampungstay kerana terdapat pelbagai aktiviti budaya tempatan yang diperkenalkan kepada pelancong. Konsep penginapan ini menerapkan elemen-elemen budaya tempatan sebagai satu tarikan kepada pelancong luar untuk mengenali kehidupan budaya tempatan.

Jadual 7.19 : Cadangan Pembangunan *Homestay / Kampungstay*

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Homestay Dan Kampungstay	
Kod Cadangan	TS4-U1	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Homestay / Kampungstay Desa Murni ii. Homestay / Kampungstay Rumpun Makmur iii. Homestay / Kampungstay Jengka 25	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	**Homestay / Kampungstay Rumpun Makmur dan Jengka 25:** i. Kekurangan promosi berbanding Homestay / Kampungstay Desa Murni ii. Penyelaras aktiviti / tuan rumah semakin berkurang disebabkan kekangan tertentu iii. Terdapat produk dan lokasi tarikan namun kekurangan pakej dan promosi yang lebih agresif iv. Tumpuan pelancong mengikut musim dan acara-acara yang diadakan sahaja v. Tiada pakej / promosi yang terkini untuk memaparkan tentatif bagi menarik pelancong **Homestay / Kampungstay Desa Murni:** i. Mempunyai pakej dan promosi yang mampu menjadikan Daerah Temerloh sebagai lokasi utama dari aspek perkembangan adat dan budaya setempat ii. Menyokong aktiviti produk pelancongan lain / Homestay / Kampungstay lain untuk aspek pembangunan yang lebih berintegrasi	

sambungan

Perkara	Perincian		
Fakta Asas / *Baseline*	i. Bilangan pelancong lebih tertumpu ke Homestay / Kampungstay Desa Murni ii. Kekurangan aktiviti / mengikut musim di Homestay / Kampungstay Rumpun Makmur dan Jengka 25		
Perincian Inisiatif	i. Memperbanyakkan konsep penginapan yang lebih bercorak budaya dan *kampung vibes* ii. Aktiviti cadangan dipelbagaikan dengan konsep-konsep yang menarik dari aspek pembangunan budaya setempat iii. Mempromosi dan mempakejkan lokasi Homestay / Kampungstay bersama-sama produk pelancongan yang lain iv. Aktiviti Berbasikal v. Menoreh Getah / Mengait Sawit vi. Permainan Tradisional vii. Tarian Tradisional viii. Masakan Tradisional / Tempatan ix. Aktiviti Kampung x. Pengangkutan		
Kepentingan Cadangan	i. Menjadikan kawasan homestay / kampungstay sebagai lokasi tumpuan adat dan budaya ii. Membentuk satu tradisi pelancongan dengan aktiviti perkampungan iii. Membuka peluang sosio ekonomi dan peluang pekerjaan untuk komuniti sekitar iv. Membentuk suasana penginapan yang lebih *kampung vibes* v. Memulihara budaya yang menekankan konsep perkampungan setempat		
Peneraju	i. Kerajaan Perekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. Pertubuhan Homestay Malaysia ii. MOTAC iii. Persatuan Homestay Negeri Pahang iv. Tourism Pahang v. Tourism Malaysia Wilayah Timur vi. Persatuan Hotel Malaysia Pahang (MAH) vii. Persatuan Ejen-ejen Pelancongan Dan Pengembaraan Malaysia Pahang (MATTA)		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* ii. Promosi dan pakej iii. Aktiviti fizikal		

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

1 Homestay / Kampungstay Desa Murni

Keadaan Semasa

- Homestay / Kampungstay Desa Murni menyediakan pakej dan promosi bagi menarik pelancong untuk datang ke daerah Temerloh dari aspek perkembangan budaya dan warisan serta menjana ekonomi komuniti tempatan

HOMESTAY MALAYSIA

- *Penginapan* ini berkonsepkan rumah kampung yang dibina dengan suasana yang agak moden.
- Mempunyai landskap seni bina dan kolam renang yang menarik untuk menjadikan tempat ini sebagai lokasi untuk para pelancongan tempatan dan luar datang menginap.
- Tempat ini juga menyediakan pakej, pemandu pelancong untuk *town tour* yang berdekatan dan juga aktiviti memancing.

2 Homestay / Kampungstay Jengka 25

- Jengka 25 menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara untuk ke Gunung Senyum kerana mempunyai keindahan dan keunikan alam semula jadi serta merupakan tapak peninggalan sejarah
- Mula beroperasi sejak 2006 dan diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan
- Sejumlah 15 buah rumah sahaja yang beroperasi berbanding keseluruhan 125 buah rumah yang terdapat di kawasan ini
- Mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Tourism Negeri Pahang dan MOTAC

- Aktiviti sedia ada yang boleh dilakukan adalah seperti melawati kawasan persekitaran kampung, aktiviti di ladang sawit dan tapak semaian sawit Felda Jengka 25 serta melawati kawasan rekreasi Gunung Senyum.
- Kebanyakkan pelancong/penginap daripada kalangan pelajar universiti
- Pernah menerima pelancong/penginap dari Jepun, Singapura dan Brunei

- Lawatan ke kebun getah, kebun sawit, Gunung Senyum dan sangkar ikan
- Pergerakan penginap disediakan oleh pemilik iaitu motor, lori dan ATV
- Pelancong ada yang datang secara sendiri dan agen
- Masih tiada agensi luar yang terlibat untuk penajaan
- Kebiasaan pengunjung menetap 3 hari 2 malam
- Memperkenalkan pakaian melayu kepada pengunjung luar negara

- Suasana kampung boleh dinikmati oleh pelancong yang inginkan pengalaman baru. Peserta akan tinggal serumah dengan pemilik homestay dan akan diberi tunjuk ajar dalam penyediaan makanan tradisional masyarakat desa.

Keadaan Semasa

3 Homestay / Kampungstay Rumpun Makmur

- Homestay / Kampungstay Rumpun Makmur terletak di persekitaran Gunung Senyum
- Bilangan rumah keseluruhan yang beroperasi ialah 25 buah homestay yang berdaftar dari 100 buah rumah
- Mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak Tourism Negeri Pahang dan MOTAC
- Pengangkutan bagi penginap tempat ini disediakan oleh pemilik iaitu motor persendirian
- Terdapat aktiviti kebudayaan seperti tarian piring dan tarian calok
- Makanan yang terkenal di kampung ini adalah Gulai Jagung
- Kebanyakkan pelancong /penginap daripada pelajar universiti
- Belum ada agensi luar yang terlibat untuk penajaan
- Di tempat ini pernah menganjurkan larian Gunung Senyum
- Mencadangkan pembinaan rumah rakit di Sungai Pahang yang terletak berdekatan kawasan ini bagi menarik pelancong

Keadaan Semasa



Cadangan

Aktiviti Berbasikal

- Menarik kedatangan *cyclist* agar datang menginap dengan menyediakan trek laluan berbasikal
- Menawarkan hadiah untuk 10 *cyclist* terawal yang tiba di kawasan homestay
- Aktiviti cabutan bertuah
- Diskaun bayaran penginapan bagi mereka yang merancang untuk ke Gunung Senyum

Menoreh Getah / Mengait Sawit

- Aktiviti menorah getah di kawasan kampung untuk mendedahkan teknik menoreh dan informasi mengenai pokok getah
- Mempelajari teknik mengait sawit dan teknik-teknik tanaman
- Memberi peluang kepada pelancong mengenali tanaman yang menjadi sumber ekonomi tempatan dan negara

Permainan Tradisional

- Aktiviti sukan bersama penduduk kampung seperti sepak takraw, bola sepak, sukan rakyat,galah panjang, baling selipar dan sebagainya.

Tarian Tradisional

- Tarian ini secara umumnya tidak lagi dimainkan oleh komuniti di daerah ini, namun masih dipertahan oleh beberapa penduduk asal sebagai tarian tradisional
- Masih dipelihara sebagai adat dan warisan tempatan sebagai tarikan pelancongan

Masakan Tradisional / Tempatan

- Makanan warisan dan tempatan ini menjadi tarikan utama terutamanya Patin Masak Tempoyak
- Hidangan-hidangan lain juga diperkenalkan seperti masakan kampung beserta tikar mengkuang, talam dan ukiran pinggan mangkuk yang menjadi simbolik masyarakat Melayu

Aktiviti Kampung

- Sebagai tarikan kepada pelancong luar yang inginkan suasana aktiviti kampung
- Aktiviti yang disediakan seperti memancing, tanaman pokok di dusun dan sebagainya

Pengangkutan

- Memberi tarikan baru disekitar kampung dengan menggunakan tram sebagai pengangkutan utama
- Membawa pelancong melihat suasana kawasan kampung

TS4 – U2 Promosi Kraftangan Tempatan

Industri kraftangan di Daerah Temerloh secara umumnya kurang dikenali berbanding dengan perusahaan-perusahaan lain kecuali perusahaan dari Ina Kraf yang dikenali sebagai *niche* produk. Pencapaian dari Ina Kraf telah membuka ruang dan pendangan luar bahawa produk warisan ukiran kayu ini mendapat perhatian dari dunia luar sebagai kategori Warisan Tidak Ketara. Namun, masih terdapat ramai pengusaha-pengusaha tempatan yang tidak mendapat peluang yang luas untuk mempromosikan produk-produk kraftangan kerana kekangan-kekangan tertentu. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa inisiatif sebagai langkah kearah memperkenalkan warisan ini sebagai produk pelancongan di Daerah Temerloh dan negara-negara luar.

Jadual 7.20 : Cadangan Promosi Kraftangan Tempatan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Promosi Kraftangan Tempatan	
Kod Cadangan	TS4-U2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Bangunan di Esplanade berdekatan jambatan gantung / bangunan-bangunan terbiar yang perlu dibangunkan (projek *adaptive reuse*) ii. Pasar Sehari Temerloh *iii. One Stop Center* iv. Kawasan perusahaan oleh pemilik kraftangan v. Bangunan yang telah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Tumpuan sektor kraftangan hanya di Ina Kraf ii. Produk-produk kraftangan lain masih tidak dipromosi dan dipakejkan iii. Ruang promosi dan kawasan tumpuan sangat terhad iv. Bakat dari golongan muda tidak diketengahkan v. Kurang penglibatan dari pihak pengurusan vi. Penglibatan dan kerjasama dari agensi tidak sepenuhnya vii. Bangunan / lokasi yang telah dikhaskan tidak diselenggara dengan baik untuk tujuan tarikan pelancong viii. Lokasi tapak jualan yang dikhaskan tidak dibuka mengikut waktu yang ditetapkan ix. Demografi penduduk tempatan yang kurang berminat terhadap kraftangan menyebabkan peluang pekerjaan / pengusaha juga berkurangan	
Fakta Asas / *Baseline*	Kekangan promosi dan lokasi untuk diperkenalkan kepada dunia luar tentang *niche* produk yang terdapat di daerah Temerloh	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Membuka ruang yang lebih banyak untuk aktiviti promosi dan pakej ii. Menggunakan elemen kraf sebagai lambang bandar Temerloh seperti *mural, sculpture* dan sebagainya iii. Menggunakan bangunan perusahaan di Esplanade Temerloh sebagai ruang barang-barang kraftangan sebagai projek *adaptive reuse* iv. Membina kawasan *one stop closer* untuk tujuan pemasaran berkonsepkan galeri atau *hub craft* v. Promosi melalui *online* (Lazada, Shoppe dan sebagainya) vi. Menyediakan plan lokasi untuk produk-produk kraftangan di atas map vii. Penjualan *keychain*, *fridge magnet* dan sebagainya sebagai ikon jualan di sekitar pasar berdekatan viii. Menyediakan *booth* jualan di Pekan Sehari Temerloh ix. Memperkenalkan *wood carving* sebagai produk Hi-Tech dan sesuai untuk dibangunkan sebagai produk industri yang lebih global x. Menyediakan institut berkaitan kraftangan untuk golongan muda mengasah bakat dan menjadi pengusaha / pelapis xi. Pusat penjualan kraftangan di lokasi-lokasi tumpuan pelancongan di daerah Temerloh xii. Ruang pengiklanan yang lebih moden melalui billboard, visual 3D dan sebagainya xiii. Mengadakan expo dan acara tahunan sebagai pemangkin kepada industri kraftangan xiv. Memperkenalkan *sculpture / mural* berkonsepkan motif daun / bunga kopi , pasu dan tembikar terenang bagi memulihara elemen semula jadi asal di daerah Temerloh / Pahang xv. Mempergiatkan penggunaan apps *Craft On The Go* xvi. Projek *adaptive reuse* bangunan di Esplanade / lain-lain xvii. Cadangan-cadangan sokongan yang lain sebagai pemangkin kepada ekonomi kraftangan
Kepentingan Cadangan	i. Menjadikan sektor perusahaan kraftangan lebih dikenali di daerah Temerloh ii. Memulihara warisan budaya kraftangan untuk generasi akan datang iii. Menjana ekonomi perusahaan kraftangan dan peluang pekerjaan setempat iv. Memulihara warisan budaya kraftangan untuk generasi akan datang dan menjana ekonomi
Peneraju	i. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Pahang ii. Pengusaha Kraftangan iii. PKNP iv. Majlis Perbandaran Temerloh
Pelaksana	i. Pengusaha Kraftangan ii. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Pahang iii. MOTAC iv. Tourism Pahang v. Tourism Malaysia Wilayah Timur

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	i. Promosi & Pakej *ii. Sculpture dan mural* *iii. One Stop Center*	*i. Adaptive reuse* ii. Institut untuk kraftangan	
Pencapaian SDG			

Ina Kraf

PENYEDIAAN BAHAN

LOT SIT
INAKRAF

ADIGURU KRAF KAYU
Muhaimin Hasbollah
MALAYSIA

Cadangan

Institut Kraftangan

Billboard / digital media

Motif bunga kopi / tembikar terenang

Ukiran Kayu Berteknologi tinggi

Expo / pameran

Bangunan adaptive reuse untuk kraftangan

One stop center / pusat informasi

Pusat jualan di lokasi terpilih

Kedai jualan kraftangan

Monumen kraftangan

Kerjasama pihak-pihak yang terlibat

TS4 – S1 Pembangunan Usahawan Mikro

Pembentukkan landskap budaya dan nodus di pusat bandar dapat menarik kedatangan pelancong melalui aktiviti sosio ekonomi tempatan. Kemeriahan di pusat bandar Daerah Temerloh terbentuk melalui penjualan produk-produk tempatan di kawasan pusat bandar. Tumpuan pelancong di kawasan ini secara langsung dapat membentuk imej budaya di pusat bandar.

Jadual 7.21 : Cadangan Pembangunan Usahawan Mikro

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pembangunan Usahawan Mikro	
Kod Cadangan	TS4-S1	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Car Boot Sale - Jalan Semantan 1, Taman Kenangan, Temerloh ii. Pekan Sehari Temerloh – Jalan Ibrahim, Temerloh iii. Kampung Bangau Tanjung	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa	/	Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	*Nodes* utama sosio ekonomi di pusat bandar	
Fakta Asas / *Baseline*	Bilangan kedatangan pelancong meningkat di pusat bandar	
Perincian Inisiatif	i. Mempromosikan tempat-tempat ini sebagai tarikan utama pada hujung minggu di pusat bandar ii. Membuka peluang ekonomi komuniti tempatan untuk aktiviti perniagaan iii. Membentuk imej warisan di pekan Sehari Temerloh supaya sentiasa dipulihara dengan konsep jualan yang telah dikekalkan melebihi 200 tahun	
Kepentingan Cadangan	**Car Boot Sale** i. Menjadikan pusat bandar Temerloh sebagai kawasan landskap budaya ii. Membangunkan ekonomi komuniti setempat **Pekan Sehari Temerloh** i. Menjadi lokasi ini tersenarai sebagai kawasan UNESCO dengan memulihara warisan budaya di kawasan ini ii. Memulihara aspek warisan budaya dan sosio ekonomi tempatan	

sambungan

Perkara	Perincian		
	Kampung Bangau Tanjung i. Menarik pelancong unutk mengenali makanan tempatan terutamanya masakan berasaskan ikan patin ii. Sangkar ikan yang diternak di sepanjang Sungai Pahang ini menjadi ikon tarikan pengunjung untuk datang ke gerai-gerai yang terdapat di kawasan ini		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan ii. Kerajaan Negeri		
Pelaksana	i. MOTAC ii. Tourism Pahang iii. Tourism Malaysia Wilayah Timur iv. Jabatan Warisan Negara v. PKNP		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√		
Sasaran Pencapaian	*i. Tourism Trail* ii. Promosi dan pakej iii. Aktiviti fizikal		
Pencapaian SDG			

1 Car Boot Sale

Aktiviti jualan berkonsep Jualan Bonet Kereta (*Car Boot Sale*) semakin popular di Temerloh dan menjadi tumpuan wajib pengunjung setiap malam minggu.

Jadual 7.22 : Maklumat Jualan Bonet Kereta (*Car Boot Sale*)

Keterangan	
Lokasi	Jalan Semantan 1, Taman Kenangan
Bilangan Peniaga	lebih 180 peniaga.
Masa	8 malam – 1 pagi
Hari	Malam Sabtu
Bayaran Peniaga	RM30 bagi sebuah kereta.
Pengiktirafan	*Car Boot Sale* yang terbesar di Pantai Timur

Barangan yang dijual adalah lebih murah kepada pelanggan kerana peniaga tidak dibebani dengan kos sewa tapak yang mahal. Kebanyakkan peserta *Car Boot Sale* Temerloh terdiri daripada komuniti setempat yang mencari peluang untuk menambah pendapatan.

Aktiviti ini telah membentuk satu landskap sosio budaya di pusat bandar Temerloh dengan kehadiran pelancong tempatan dan dari luar dan menjadi tarikan di pusat bandar pada hujung minggu.



Car Boot Sale

2 Pekan Sehari Temerloh

- Pekan Sehari Temerloh dipercayai telah berusia lebih 250 tahun dan dikatakan antara Pekan Sehari yang tertua di Malaysia yang masih bertahan sehingga hari ini.
- Terletak di Lurah Semantan iaitu berhampiran tepi Sungai Pahang dan tebing Kuala Sungai Semantan, Temerloh.
- Merupakan Pekan Sehari bagi pusat jualan dan membeli belah produk-produk tempatan yang terpanjang dan terbesar di Negeri Pahang.

- Jualan pelbagai barangan dan menjadi tarikan penduduk sekitar serta para pelancong untuk menikmati suasana membeli belah di kawasan kampung.
- Pekan ini secara langsung telah menjadi pusat tumpuan bagi penduduk Temerloh dan sekitar menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi setempat.
- Dicalonkan sebagai Kawasan UNESCO dalam kategori Warisan Tidak Ketara
- Dossier dari pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) telah disediakan sebagai kertas kerja untuk pencalonan pewartaan

Nodes pelancongan sosio budaya

Pusat jualan produk-produk tempatan

Pekan Sehari yang tertua di Malaysia

Pencalonan sebagai Kawasan UNESCO

Berusia lebih 250 tahun

Digazetkan sebagai Warisan Tidak Ketara

Terpanjang dan terbesar di Negeri Pahang

Pekan Sehari Temerloh

TEMERLOH

Teh Bunga
AIR TEMBIKAI

ILHAM SUP
Special

Lurah Semantan
JALAN SEMANTAN 1

3 Kampung Bangau Tanjung

Kawasan kampung ini menawarkan beberapa tarikan untuk potensi kedatangan pelancong seperti kedai-kedai makanan yang menawarkan masakan kampung dan jualan ikan patin yang diternak di Sungai Pahang seperti di **Rajah F3.18 : Taburan Lokasi Kedai- Kedai Makanan Dan Jualan Patin.** Deretan kedai yang terletak berhampiran pusat bandar ini boleh membentuk satu tarikan budaya makanan tempatan dan dapat menarik pelancong untuk datang ke kampung ini.

Rajah 7.19 : Taburan Lokasi Kedai- Kedai Makanan Dan Jualan Patin

7.1.5 STRATEGI 5: Meningkatkan Pengeluaran dan Produktiviti Pertanian

Strategi ini dirangka agar produktiviti sektor utama iaitu pertanian dipertingkatkan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonominya. Disamping itu, inovasi dan kreativiti sewajarnya digalakkan bagi memastikan pertumbuhan mas hadapan. Dari segi perkembangan sektor pertanian , kekuatan daerah Temerloh yang berpotensi sebagai hab pengeluaran, pemasaran dan logistic produk hiliran berasaskan buah-buahan diperkasakan melalui TKPM Lanchang bagi tujuan penaiktarafan infrastruktur dan utiliti.

Taman Kekal Pengeluaran Tanaman

Amani Vanila

Bagi mempertingkatkan produktiviti dan kualiti hasil melalui pengamalan teknologi pertanian pintar, Amalan Pertanian Baik atau (Best Agriculture Practices) diterapakn tanpa mengabaikan pemeliharaan alam sekitar serta mendorong pembangunan pertanian yang lestari.

Selain itu, sektor pertanian mampu menggalakkan penglibatan Agroprenuer Muda dengan penggunaan teknologi pertanian yang terancang. Hal ini mendorong kepada aktiviti pertanian moden berkonsepkan teknologi dan inovasi yang mesra alam dengan menjanakan pengeluaran yang optimal, selari dengan era Revolusi Industri 4.0 iaitu penerapan teknologi digital dalam bidang pertanian. Berikut merupakan senarai projek bagi strategi ini :

Senarai Projek

TS5 – U1	Penaiktarafan Infrastruktur dan Utiliti TKPM Lanchang
TS5 – U2	Galakan Amalan Integrasi Agrikomoditi dan Agromakanan
TS5 – S1	Peningkatan Amalan Pertanian Pintar Kalangan Pekebun Kecil
TS5 – S2	Peningkatan Penglibatan Agroprenuer Muda
TS5 – S3	Program Pertanian Bandar
TS5 – S4	Peningkatan Pemilikan Persijilan Pertanian Mampan
TS5 – S5	Peningkatan Tahap Pendapatan Nelayan Sungai
TS5 – S6	Pemodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar
TS5 – S7	Pewartaan Rizab Haiwan

TS5 – U1 Penaiktarafan Infrastruktur dan Utiliti TKPM Lanchang

TKPM Lancang adalah singkatan kepada Taman Kekal Pengeluaran Makanan Lanchang. Skim ini merupakan sebuah projek TKPM paling luas di Malaysia dengan keluasan fizikal 3,600 hektar. TKPM Lancang menghasilkan 4,309.4 metrik tan buah-buahan pelbagai jenis pada tahun 2020. Jumlah terbesar ialah buah nangka sebanyak 2,813.4 metrik tan. Buah pisang dan pelbagai jenis limau dihasilkan masing-masing sebanyak 338.7 metrik tan dan 254.2 metrik tan.

Potensi untuk TKPM Lanchang menjadi hab pengeluaran, pemasaran dan logistik produk hiliran berasaskan buah-buahan adalah besar. Lokasi daerah Temerloh yang strategik di titik tengah Semenanjung dan impak pembangunan pelabuhan darat, rangkaian lebuh raya dan rel boleh dimanfaatkan.

Jadual 7.23 : Cadangan Penaiktarafan Infrastruktur dan Utiliti TKPM Lanchang

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Penaiktarafan Infrastruktur dan Utiliti TKPM Lanchang	
Kod Cadangan	TS5 – U1	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	TKPM Lanchang	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. TKPM Lanchang merupakan projek TKPM terbesar negara. ii. Produk utama yang dihasilkan ialah pelbagai jenis buah-buahan. iii. Tahap penyediaan infrastruktur dan utiliti yang rendah.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. TKPM Lancang menghasilkan 4,309.4 metrik tan buah-buahan pelbagai jenis pada tahun 2020. ii. Produk hiliran berasaskan buah-buahan banyak diproses dan dikeluarkan di luar TKPM Lanchang.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Menaik taraf rangkaian jalan utama dan jalan ladang kawasan pembangunan TKPM Lanchang. ii. Menyediakan rangkaian utiliti yang lengkap seperti bekalan elektrik, air, telekomunikasi dan internet. iii. Menyediakan sistem pembentungan dan pengumpulan sisa pepejal yang efisyen. iv. Menyediakan sistem perparitan dan saliran yang menyeluruh. v. Memperluaskan potensi dan galakan amalan pertanian pintar di dalam aktiviti tanaman.		
Kepentingan Cadangan	i. Membangunkan TKPM Lanchang sebagai kawasan pengeluaran hasil buah-buahan utama negeri dan negara. ii. Menyediakan rangkaian infrstruktur dan utiliti yang lengkap dan efisyen. iii. Menjadikan TKPM Lanchang khususnya dan daerah Temerloh amnya sebagai hab pemasaran, logistik dan pengeluaran produk hiliran negara. iv. Menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan tempatan dan agroprenuer muda. v. Meningkatkan potensi dan peluang untuk perlaksanaan dan amalan pertanian pintar. vi. Menggalakkan konsep Smart and Precision Agriculture dalam pertanian vii. Memperkukuhkan rangkaian jalur lebar bagi menyokong konsep Smart and Precision Agriculture viii. Menyediakan latihan dan kerjasama industri bagi memudahcara penerimagunaan teknologi digital		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. Jabatan Pertanian ii. PAIP iii. JPS iv. SKMM v. Pengusaha ladang		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	Pembangunan naiktaraf rangkaian infrastruktur dan utiliti TKPM Lanchang meliputi 50% kawasan	Pembangunan naiktaraf rangkaian infrastruktur dan utiliti TKPM Lanchang meliputi 70% kawasan	Pembangunan naiktaraf rangkaian infrastruktur dan utiliti TKPM Lanchang meliputi 100% kawasan

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

Pusat Pemprosesan dan Pembungkusan Buah-Buahan Sedia Ada Milik Malaysian AgriFood Corporation Berhad (MAFC) TKPM Lanchang



Petunjuk :

- Pertanian
- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan TKPM Lanchang
- Sempadan Blok Perancangan

Rajah 7.20 : Kawasan Pembangunan TKPM Lanchang

Pelan Lokasi

N Skala Pelan 1 : 400,000



TS5 – U2 Galakan Amalan Integrasi Agrikomoditi dan Agromakanan

Kawasan pertanian daerah Temerloh didominasi oleh tanaman kelapa sawit dan getah yang secara bergabung mewakili lebih 80.0% daripada jumlah kawasan pertanian. Baki selebihnya iaitu sekitar 20.0% merupakan kawasan tanaman agromakanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman industri dan herba. Dominasi kedua-dua tanaman agrikomoditi ini (kelapa sawit dan getah) mengurangkan ruang dan potensi untuk lain-lain tanaman dan aktiviti berkaitan agromakanan seperti penternakan dan akuakultur untuk berkembang di dalam daerah Temerloh.

Secara keseluruhan, kadar sara diri (SSR) atau *Self Sufficient Level* (SSL) beberapa produk agromakanan negara berada di tahap yang rendah. Antara produk agromakanan mempunyai SSR yang rendah termasuklah : mangga; cili; kobis bulat; halia; daging kambing/berbiri; daging lembu/kerbau; dan susu segar. Pihak kerajaan melalui DAN 2.0 antara lain telah mensasar untuk meningkatkan SSR dan mengurangkan kadar pergantungan import produk agromakanan.

Jadual 7.24 : Cadangan Galakan Amalan Integrasi Agrikomoditi dan Agromakanan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Galakan Amalan Integrasi Agrikomoditi dan Agromakanan	
Kod Cadangan	TS5 – U2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Skim FELDA ii. Skim RISDA iii. Skim FELCRA iv. Ladang Swasta	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Aktiviti berkaitan agromakanan termasuk penternakan dan akuakultur menghadapi kekurangan kawasan untuk berkembang. ii. Matlamat untuk meningkatkan SSR produk agromakanan akan memerlukan pembukaan kawasan pertanian baru terutama kawasan hutan simpan.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Tanaman agrikomoditi meliputi 80.0% jumlah keluasan kawasan pertanian. ii. Keperluan untuk meningkatkan SSR produk agromakanan.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Mengamalkan sistem tanaman sawit dua kembar di peringkat tanaman semula atau tanaman baru terutama di dalam kawasan milik pekebun kecil kelapa sawit yang dapat menyediakan kawasan untuk integrasi aktiviti agromakanan dan kelapa sawit. ii. Ruang integrasi aktiviti agromakanan diusahakan mengikut sistem *contract farming* atau kebun satelit di bawah syarikat induk milik Lembaga Pertubuhan Peladang, syarikat swasta atau secara usaha sama. iii. Keutamaan kepada aktiviti tanaman kontan, buah-buahan, sayur-sayuran, herba, rempah ratus, tanaman industri, penternakan dan akuakultur. iv. Menggalakkan penglibatan koperasi pekebun kecil di dalam projek integrasi. v. Menggalakkan penglibatan generasi kedua ahli pertubuhan peladang kawasan dan agroprenuer muda. vi. Memperluaskan potensi dan galakan amalan pertanian pintar/pertanian tepat di dalam sektor agromakanan. vii. Meminda syarat nyata geran tanaman tunggal agrikomoditi kepada tanaman integrasi. viii. Menggalakkan syarikat perladangan memperuntukkan lebih kurang 20% kawasan ladang untuk aktiviti integrasi. ix. Menggalakkan konsep Smart and Precision Agriculture dalam pertanian. x. Memperkukuhkan rangkaian jalur lebar bagi menyokong konsep Smart and Precision Agriculture. xi. Menyediakan latihan dan kerjasama industri bagi memudahcara penerimagunaan teknologi digital. xii. Menggalakkan aktiviti agromakanan memperolehi persijilan myGAP. xiii. Terdapat rajah yang menunjukkan secara am Konsep dan Mekanisma Pembangunan Kawasan Galakan Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan Kawasan Pekebun Kecil
Kepentingan Cadangan	i. Mewujudkan potensi kawasan baru seluas lebih kurang 20-30% daripada jumlah kawasan tanaman agrikomoditi sedia ada diperuntukkan untuk ruang tanaman dan aktiviti agromakanan. ii. Meningkatkan tahap pendapatan pekebun kecil kelapa sawit dan getah melalui aktiviti integrasi kebun. iii. Menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor agromakanan. iv. Mempelbagaikan sumber pendapatan golongan pekebun kecil. v. Membangunkan daerah Temerloh sebagai hab pengeluaran produk agrokomoditi dan agromakanan peringkat negeri. nasional dan antarabangsa.

sambungan

Perkara	Perincian		
	vi. Meningkatkan tahap SSR agromakanan negara. vii. Mengurangkan tekanan dan keperluan membuka kawasan hutan simpan untuk aktiviti pertanian baru. viii. Meningkatkan tahap biodiversiti ladang/kebun. ix. Menyediakan potensi pembangunan produk agropelancongan.		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. FELDA / FELCRA / RISDA ii. MPOB iii. FAMA iv. MARDI v. Jabatan Perikanan vi. Syarikat perladangan swasta		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	Kawasan aktiviti agromakanan meliputi 25% daripada jumlah kawasan pertanian	Kawasan aktiviti agromakanan meliputi 30% daripada jumlah kawasan pertanian	Kawasan aktiviti agromakanan meliputi 40% daripada jumlah kawasan pertanian
Pencapaian SDG			

Rajah 7.21 : Sistem Tanaman Sawit Dua Kembar



Jarak tanaman dalam baris ialah 28 kaki dan 20 kaki antara baris

Jarak antara dua baris kembar ialah 50 kaki

Kepadatan tanaman sawit ialah 136 pokok/hektar

Lebihkurang 47.2 % kawasan berpotensi untuk integrasi aktiviti agromakanan

Sumber : MPOB

Rajah 7.22 : Cadangan Konsep dan Mekanisma Am Pembangunan Kawasan Galakan Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN TAPAK

Pembahagian Kategori Kawasan Galakan Integrasi

- Integrasi Tanaman Agromakanan
- Integrasi Penternakan
- Integrasi Industri Akuakultur (ZIA) Darat

Kajian dan Analisis Sainstifik Menggunakan Teknologi Pertanian Tepat Kesesuaian Intergrasi Tapak

- Integrasi Kelapa Sawit dan Tanaman Agromakanan
- Integrasi Kelapa Sawit dan Penternakan
- Integrasi Kelapa Sawit dan Akuakultur

Sistem Tanaman Sawit Dua Kembar Peringkat Tanaman Semula dan Baru

Pembangunan Infrastruktur Sokongan

- Rangkaian Jalan Ladang
- Sumber Bekalan Elektrik
- Sumber Bekalan Air
- Pengurusan Sisa Pepejal

Pembangunan Pusat Perkhidmatan

- Pusat Pengumpulan Hasil
- Pusat Pengedaran dan Pemasaran

MODEL OPERASI

Pilihan 1 : Kaedah Koperasi Komuniti

Pekebun kecil bergabung dan menubuhkan Koperasi Komuniti untuk mengurus, membangun dan memasarkan hasil mengikut aktiviti Kawasan Galakan Integrasi

Pilihan 2 : Kaedah Usahasama

Koperasi pekebun kecil berkerjasama dengan pihak agensi awam atau syarikat swasta di bawah konsep Ladang Kontrak

Amalan Pertanian Moden dan Pintar

- Pertanian Tepat (*Precision Farming*)
- Teknologi IoT
- *Big Data Analytic*-BDA
- Teknologi Automasi dan Robotik
- *Veggie Factory*

Penglibatan Agroprenuer Muda

Kumpulan Sasar :

- Graduan Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor
- Graduan Kolej RISDA Pahang
- Graduan Ahli Kelab MyAgrosis IPTA dan IPTS
- Usahawan Tempatan
- Generasi Kedua Pekebun Kecil

PUSAT PEMASARAN DAN PENGELUARAN

Pembangunan zon integrasi agrokomoditi dan agromakanan berfungsi sebagai pusat bekalan bahan mentah agromakanan kepada syarikat pemasaran dan pembuatan yang beroperasi di dalam Hab Pengeluaran, Pemasaran dan Logistik Produk Hiliran TKPM Lanchang, Taman Peindustrian/Logistik Temerloh dan Pusat Operasi FAMA Lanchang

AGENSI PERLAKSANA

i. Jabatan Pertanian
ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
iii. Jabatan Perikanan
iv. Lembaga Pertubuhan Peladang
v. FELDA
vi. RISDA
vii. FELCRA
viii. MPOB
ix. MARDI
x. FAMA
xi. PTG
xii. Syarikat Perladangan Swasta



Petunjuk :

Aktiviti Pertanian

- Kelapa Sawit
- Getah

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 2,500,000

Rajah 7.23 : Kawasan Galakan Integrasi Agrikomoditi dan Agromakanan

Contoh Aktiviti Kawasan Galakan Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan

TS5 – S1 Peningkatan Amalan Pertanian Pintar Kalangan Pekebun Kecil

Tahap amalan pertanian pintar di kalangan pekebun kecil masih rendah. Faktor usia, tahap pendidikan dan pengetahuan menjadi antara faktor utama mendorong kurangnya minat di kalangan pekebun kecil untuk mengamal dan mengguna kaedah teknologi moden dan pintar. Keadaan ini memberi kesan kepada produktiviti hasil pertanian yang rendah dan kurang efisyen. Usaha semasa oleh kerajaan untuk meningkat dan menggalakkan amalan pertanian pintar di kalangan pekebun kecil melalui agensi berkaitan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi masih di dalam daerah Temerloh masih di peringkat projek perintis.

Dasar DAN 2.0 menekankan kaedah pertanian pintar yang akan menjadi fokus memodenkan sektor pertanian. Pertanian pintar merupakan antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama yang telah digariskan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Sehubungan itu, DAN 2.0 bakal dipacu melalui dana pembiayaan, insentif pelaburan dan tenaga kerja bagi meningkatkan tahap penerimagunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat.

Jadual 7.25 : Cadangan Peningkatan Amalan Pertanian Pintar Kalangan Pekebun Kecil

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Peningkatan Amalan Pertanian Pintar Kalangan Pekebun Kecil	
Kod Cadangan	TS5 – S1	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Skim FELDA ii. Skim RISDA iii. Skim FELCRA iv. Kebun Milik Pekebun Persendirian	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Amalan pertanian pintar hanya dilaksanakan secara giat di kalangan syarikat perladangan besar. ii. Majoriti pekebun kecil masih mengamalkan aktiviti pertanian secara tradisional.	
Fakta Asas / *Baseline*	Kurang 5.0 peratus kawasan kebun kecil mengamalkan kaedah pertanian pintar.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Menggalakkan kerjasama strategik antara MPOB, agensi berkaitan dan syarikat perladangan dan pekebun kecil di dalam penggunaan dan pemindahan teknologi pertanian tepat. ii. Memperluaskan aktiviti penyelidikan pertanian pintar oleh institusi pengajian tinggi dan R&D. iii. Menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan kepada pekebun kecil. iv. Menggalakkan penglibatan agroprenuer muda di dalam menyediakan perkhidmatan dan pengamalan kaedah pertanian pintar. v. Menaiktaraf infrastruktur dan utiliti mesra pertanian pintar di kawasan kebun-kebun kecil. vi. Menggalakkan konsep *Smart and Precision Agriculture* dalam pertanian vii. Memperkukuhkan rangkaian jalur lebar bagi menyokong konsep *Smart and Precision Agriculture* viii. Menyediakan latihan dan kerjasama industri bagi memudahcara penerimagunaan teknologi digital		
Kepentingan Cadangan	i. Meningkatkan tahap produktiviti hasil dan kecekapan pengurusan kebun pertanian. ii. Meningkatkan tahap pendapatan pekebun kecil. iii. Membuka ruang, peluang dan minat kepada penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian.		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. MPOB ii. FAMA iii. MARDI iv. IPT v. Jabatan Perikanan vi. Syarikat perladangan swasta		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	Peningkatan 10% kawasan pekebun kecil mengamalkan kaedah pertanian pintar	Peningkatan 30% kawasan pekebun kecil mengamalkan kaedah pertanian pintar	Peningkatan 50% kawasan pekebun kecil mengamalkan kaedah pertanian pintar

sambungan

Perkara	Perincian
Pencapaian SDG	

Teknologi Pertanian Tepat, Sime Darby Plantation Berhad



Sumber : Sime Darby Plantation Berhad

Teknologi Pertanian Tepat MPOB



Sumber : MPOB

TS5 – S2 Peningkatan Penglibatan Agroprenuer Muda

Terdapat 60% petani, penternak dan nelayan yang merupakan golongan berusia melebihi 50 tahun. Keadaan ini memberi kesan kepada keupayaan dan motivasi golongan yang terlibat di dalam sektor primer untuk menggembleng tenaga sepenuhnya bagi menghasilkan tahap produktiviti maksimum. Keinginan dan keupayaan menerima perubahan dari segi penggunaan teknologi dan inovasi perladangan dan penternakan juga agak rendah. Keadaan ini merupakan antara faktor utama kepada tahap pulangan yang tidak memuaskan. Situasi ini seterusnya memberi imej dan persepsi negatif keupayaan sektor pertanian, penternakan dan perikanan sebagai antara bidang pekerjaan atau profesion yang menarik dalam kalangan generasi muda.

Kewujudan institusi pengajian teknikal dan kemahiran berkaitan bidang pertanian seperti Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor dan Kolej RISDA Pahang menyediakan tenaga kerja mahir dan berpotensi untuk membentuk golongan agroprenuer muda. Golongan muda berkemahiran ini boleh digalakkan melibatkan secara aktif di dalam sektor pertanian di dalam daerah Temerloh.

Jadual 7.26 : Cadangan Peningkatan Penglibatan Agroprenuer Muda

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Peningkatan Penglibatan Agroprenuer Muda	
Kod Cadangan	TS5 – S2	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Kawasan Galakan Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan ii. Taman Industri dan Logistik Temerloh iii. Hab Pemasaran, Logistik dan Pengeluaran Produk Hiliran TKPM Lanchang iv. Kawasan aktiviti agromakanan sedia ada	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	• Majoriti petani, penternak dan nelayan berumur lebih 50 tahun dan kebanyakannya mengusahakan aktiviti secara tradisional. • Kewujudan beberapa kolej pertanian di dalam Daerah Temerloh yang menghasilkan graduan dalam bidang sektor pertanian, perikanan dan penternakan.	
Fakta Asas / *Baseline*	Golongan belia yang berumur 40 tahun dan ke bawah terlibat di dalam sektor primer dianggarkan kurang daripada 25%.	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Pembangunan Kawasan Galakan Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan sebagai ruang dan kawasan pengusahaan dalam kalangan agroprenuer muda ii. Pembangunan hab pemasaran, perkhidmatan, logistik dan pengeluaran produk hiliran di dalam TKPM Lanchang untuk usahawan di kalangan agroprenuer muda iii. Golongan sasaran terdiri daripada generasi kedua keluarga petani, penternak dan nelayan, graduan Kolej RISDA, Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, ahli Kelab MyAgrosis dan usahawan muda tempatan. iv. Pembangunan ladang mengikut sistem *contract farming* dan ladang satelit. v. Pelaksanaan program *empowerment* dalam kalangan agroprenuer muda. vi. Memaksimumkan penggunaan amalan pertanian pintar. vii. Menyediakan insentif khusus untuk menggalakkan penglibatan agroprenuer muda di dalam sektor agromakanan daerah Temerloh
Kepentingan Cadangan	i. Meningkatkan peratus kohort umur golongan belia di dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan. ii. Menyediakan sokongan, ruang, kawasan dan infrastruktur yang mencukupi untuk menarik golongan muda menglibatkan diri di dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan secara komersial di semua peringkat rantaian bekalan makanan. iii. Memastikan sektor ekonomi strategik (agromakanan) ini terus mampu berkembang dan dipermodenkan selaras dengan falsafah dan Dasar Agromakanan Negara 2.0.
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan
Pelaksana	i. MPOB ii. FAMA iii. MARDI iv. IPT v. Jabatan Perikanan vi. Syarikat perladangan swasta

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran Pencapaian	30% daripada jumlah kohort umur golongan terlibat di dalam sektor agrikomoditi dan agromakanan terdiri daripada golongan belia	40% daripada jumlah kohort umur golongan terlibat di dalam sektor agrikomoditi dan agromakanan terdiri daripada golongan belia	50% daripada jumlah kohort umur golongan terlibat di dalam sektor agrikomoditi dan agromakanan terdiri daripada golongan belia
Pencapaian SDG			

Latihan Kemahiran Teknikal Penuntut Kolej Vokasional Pertanian

TS5 – S3 Program Pertanian Bandar

Program Pertanian Bandar merupakan program yang dilaksanakan untuk membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan. Pengintegrasian pertanian dalam perancangan dan pembangunan perbandaran adalah penting untuk pembangunan mampan dari pelbagai aspek kehidupan dan keperluan kehidupan bandar termasuk bekalan bahan makanan, menghijaukan persekitaran, pengurusan air dan bahan buangan bandar, hubungan dan kerjasama komuniti, pendidikan serta riadah.

Pihak KPKT telah menggubal Dasar Kebun Komuniti Bandar (DKKB) untuk menggalak dan memandu aktiviti pertanian bandar. DKKB dirangka bertujuan memperkasa komuniti bandar untuk mengoptimumkan tanah atau ruang persekitaran melalui aktiviti perkebunan. Dasar ini juga dilihat dapat menangani cabaran baharu berikutan kepesatan pembangunan, di samping mendokong komitmen Malaysia memenuhi keperluan *Sustainable Development Goals* 2030, dengan mengintegrasi elemen pembangunan ekonomi, perkembangan sosial dan pemuliharaan alam sekitar.

Jadual 7.27 : Cadangan Program Pertanian Bandar

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Program Pertanian Bandar	
Kod Cadangan	TS5 – S3	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Kawasan perbandaran Majlis Perbandaran Temerloh.	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Aktiviti pertanian dalam kalangan penduduk bandar bagi mengeluarkan bahan makanan sendiri merupakan satu pendekatan yang praktikal dan dapat mengurangkan perbelanjaan harian berikutan kenaikan kos sara hidup di bandar terutama golongan miskin dan B40 di kawasan bandar.	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Pada tahun 2019, program pertanian bandar di daerah Temerloh melibatkan seramai 350 orang di bawah kategori individu. ii. Bagi kategori komuniti/institusi, sebanyak 7 buah sekolah.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Meningkatkan bilangan individu dan komuniti terlibat di dalam program. ii. Memperluaskan program untuk melipatkan institusi kerajaan dan swasta. iii. Penyediaan garis panduan pertanian bandar yang jelas oleh Majlis Perbandaran Temerloh sebagai panduan kepada agensi pelaksana berkaitan		
Kepentingan Cadangan	i. Menambah pendapatan isi rumah terutama golongan B40. ii. Menjimatkan perbelanjaan dan kos sara hidup komuniti bandar. iii. Membentuk komuniti bandar yang bermufakat, bersatu padu dan berdaya tahan. iv. Memaksimum penggunaan ruang bandar yang tidak ekonomik. v. Mewujudkan komponen *placemaking* dalam kawasan komuniti atau kejiranan. vi. Membangunkan aktiviti pertanian bandar secara komersial.		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. MPOB ii. FAMA iii. MARDI iv. IPT v. Jabatan Perikanan vi. Syarikat perladangan swasta		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	500 individu dan 20 komuniti/institusi terlibat di dalam program Pertanian Bandar	700 individu dan 30 komuniti/institusi terlibat di dalam program Pertanian Bandar	1,000 individu dan 50 komuniti/institusi terlibat di dalam program Pertanian Bandar
Pencapaian SDG			

Contoh Pembentukan Komponen *Placemaking* Dalam Komuniti Melalui Projek Kebun Komuniti Bandar di Taman Perwira Gombak

TS5 – S4 Peningkatan Pemilikan Persijilan Pertanian Mampan

Pihak MPOB sedang giat untuk memastikan setiap syarikat perladangan dan pekebun kecil kelapa sawit memiliki sijil pertanian mampan iaitu Malaysia *Sustainable Palm Oil* (MSPO). MSPO adalah persijilan yang mengesahkan bahawa produk sawit yang dihasilkan adalah melalui kaedah mampan iaitu tidak mencemarkan alam sekitar, menggunakan kaedah yang selamat dan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP). Sehingga Oktober 2020, hanya 37.8% pekebun kecil kelapa sawit daerah Temerloh telah memiliki sijil MSPO.

Manakala bilangan permohonan persijilan myGAP di kalangan petani daerah Temerloh telah bertambah daripada 10 orang pada tahun 2019 kepada 42 orang pada tahun 2020. Seramai 14 petani telah berjaya memperolehi persijilan myGAP pada tahun 2020 berbanding hanya 4 petani pada tahun 2019. Pencapaian persijilan myGAP di kalangan pengusaha akuakultur adalah seramai tiga (3) pengusaha sahaja iaitu projek kluster sangkar. Sijil pertanian mampan ini amat diperlukan dalam kalangan petani dan penternak terutama berkaitan dengan syarat pematuhan pemeliharaan rizab sungai dan riparian. Kebanyakan rizab sungai telah diceroboh untuk dijadikan sebagai kawasan tanaman. Keadaan ini menyumbang kepada isu dan masalah pencemaran dan mendapan sungai. Pemeliharaan kualiti air sungai amat penting untuk keperluan pengairan terutama kepada kehidupan spesies akuatik untuk sumber kehidupan nelayan sungai dan pengusaha akuakultur dalam daerah Temerloh.

Jadual 7.28 : Cadangan Peningkatan Pemilikan Persijilan Pertanian Mampan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Peningkatan Pemilikan Persijilan Pertanian Mampan	
Kod Cadangan	TS5 – S4	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Kawasan kebun tanaman dan ternakan milik pekebun kecil, penternak dan pengusaha akuakultur daerah Temerloh.	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	Aktiviti pencerobohan rizab sungai di kawasan kebun dan ternakan milik pekebun kecil dan penternak tidak mematuhi salah satu syarat dan garis panduan persijilan MSPO dan myGAP yang menyumbang kepada pencemaran dan mendapan sungai.	

sambungan

	Perincian
Fakta Asas / *Baseline*	i. Sehingga Oktober 2020, hanya 37.8% pekebun kecil kelapa sawit daerah Temerloh telah memiliki sijil MSPO. ii. Lebih kurang 33.0% petani berjaya memperolehi persijilan myGAP daripada jumlah pemohon setiap tahun. iii. Jumlah pengusaha akuakultur yang memperolehi sijil myGAP amat kecil
Perincian Inisiatif	i. Tahap persijilan mampan MSPO mencapai 100% dalam kalangan pekebun kecil menjelang tahun 2035. ii. Kejayaan permohonan persijilan myGAP di kalangan petani mencapai lebih 70% setiap tahun. iii. Pemilikan persijilan myGAP di kalangan pengusaha akuakultur persendirian/individu meningkat. iv. Langkah penyediaan dan pewartaan rizab sungai di kawasan kebun kelapa sawit dilaksanakan. v. Mematuhi garis panduan pemuliharaan kepelbagaian bio rizab sungai dan rizab riparian kawasan kebun kelapa sawit . vi. Menyediakan insentif kewangan dan bukan kewangan persijilan pertanian mampan di kalangan pekebun, penternak dan pengusaha akuakultur.
Kepentingan Cadangan	i. Aktiviti penanaman dan penternakan mengamalkan kaedah yang telus, selamat dan mesra alam sekitar. ii. Hasil pengeluaran petani dan penternak diterima dan dapat dipasarkan di peringkat global. iii. Pemeliharaan kualiti rizab sungai dan rizab riparian kawasan pertanian dapat menjamin kualiti kehidupan akuatik untuk kepentingan nelayan sungai dan pengairan kawasan jelapang padi. iv. Mewujudkan potensi pembangunan sektor pelancongan dan rekreasi sungai
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan
Pelaksana	i. MPOB ii. FAMA iii. MARDI iv. IPT v. Jabatan Perikanan vi. Syarikat perladangan swasta

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	i. Persijilan MSPO pekebun kecil daerah Temerloh mencapai 100% ii. Peningkatan 40% kejayaan pemilikan persijilan myGAP daripada jumlah permohonan setiap tahun	i. Pembaharuan persijilan MSPO pekebun kecil daerah Temerloh mencapai 100% ii. Peningkatan 60% kejayaan pemilikan persijilan myGAP daripada jumlah permohonan setiap tahun	
Pencapaian SDG			

Garis Panduan Am Pemeliharaan Rizab Sungai dan Rizab Riparian Kawasan Kelapa Sawit di Bawah Persijilan MSPO

Spesis berkayu yang menghasilkan produk seperti kekacang, buah-buahan dan bunga-bungaan boleh ditanam di koridor riparian untuk menambah pendapatan tambahan kepada petani



Jarak tanaman dengan rizab sungai

Pemeliharaan dan pemulihan kualiti rizab riparian

TS5 – S5 Peningkatan Tahap Pendapatan Nelayan Sungai

Golongan nelayan sungai daerah Temerloh terdiri daripada kumpulan kecil yang menjalankan aktiviti tangkapan ikan dan udang di sepanjang Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Peralatan tangkapan digunakan terdiri daripada jaring insang, jaring hanyut dan rawai dasar. Golongan nelayan sungai ini boleh dikategorikan berada di dalam kumpulan B40 yang memperolehi tahap pendapatan rendah dari hasil tangkapan. Kesan pencemaran dan mendapan sungai juga menjadi faktor utama kepada kekurangan sumber ikan dan udang. Usaha perlu dipergiatkan untuk membuka peluang kepada golongan nelayan sungai terlibat di dalam sektor pelancongan dan akuakultur, sesuai dengan kemahiran, minat dan pengetahuan mereka berkaitan perikanan sungai.

Jadual 7.29 : Cadangan Peningkatan Tahap Pendapatan Nelayan Sungai

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Peningkatan Tahap Pendapatan Nelayan Sungai	
Kod Cadangan	TS5 – S5	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	i. Nelayan Sungai Pahang ii. Nelayan Sungai Semantan	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Nelayan sungai mempunyai sumber pendapatan yang terhad disebabkan faktor mendapan dan pencemaran sungai dan hasil tangkapan yang berkurangan. ii. Nelayan sungai boleh dikategorikan berada di dalam golongan B40 disebabkan oleh taraf pendapatan yang rendah daripada nilai tangkapan yang diperolehi.	
Fakta Asas / *Baseline*	Nelayan sungai boleh dikategorikan berada di dalam golongan B40 disebabkan oleh taraf pendapatan yang rendah daripada nilai tangkapan yang diperolehi.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Membuka peluang nelayan sungai terlibat aktif di dalam aktiviti pelancongan sungai dan akuakultur. ii. Melatih nelayan sungai sebagai jurumudi bot pelancongan bertauliah dan berlesen. iii. Melatih nelayan sungai dalam bidang penternakan ikan sangkar sungai. iv. Membekalkan peralatan bot yang sesuai kepada nelayan sungai untuk aktiviti pelancongan sungai. v. Mengurus dan menyelaras aktiviti pelancongan di bawah sistem koperasi yang melibatkan nelayan sungai sebagai ahli.		
Kepentingan Cadangan	i. Meningkatkan taraf pendapatan nelayan sungai. ii. Menyediakan sumber pendapatan sampingan nelayan sungai. iii. Menggunakan sepenuhnya kemahiran dan pengetahuan nelayan sungai berkaitan sektor perikanan sungai. iv. Melaksanakan prinsip inklusif bersasar di dalam setiap sektor pembangunan.		
Peneraju	i. Kerajaan Persekutuan.		
Pelaksana	i. MOTAC ii. Jabatan Perikanan iii. Syarikat perladangan swasta		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	40% nelayan sungai terkeluar daripada kumpulan B40	60% nelayan sungai terkeluar daripada kumpulan B40	100% nelayan sungai terkeluar daripada kumpulan B40
Pencapaian SDG			

Penglibatan Nelayan Sungai Dalam Sektor Pelancongan dan Akuakultur

TS5 – S6 Pemodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar

Sektor akuakultur merupakan salah-satu aktiviti ekonomi yang penting bagi daerah Temerloh sehingga dikenali sebagai Bandar Ikan Patin. Sektor ini dijalankan secara aktif oleh 566 pengusaha. Penternakan ikan air tawar secara sangkar di kawasan sungai membentuk jumlah terbesar iaitu 451 pengusaha atau hampir 80% daripada jumlah pengusaha. Hasil pengeluaran akuakultur daerah secara keseluruhan berjumlah 2,292.55 tan metrik dengan nilai RM29,400,629.58. Spesies utama yang diternak adalah Patin Sangkar, Keli dan Tilapia.

Aktiviti penternakan kebanyakan masih menggunakan kaedah tradisional. Amalan kerja secara manual memerlukan tumpuan masa yang banyak dengan hasil produktiviti yang agak rendah. Aktiviti ekonomi ini menghadapai cabaran dan ancaman bencana banjir, kemarau dan kemerosotan kualiti air sungai. Tanpa penggunaan teknologi moden, ancaman tersebut sukar diramal dan ditangani.

Jadual 7.30 : Cadangan Pemodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Pemodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar	
Kod Cadangan	TS5 – S6	
Klasifikasi Cadangan	Program	
Lokasi Cadangan	Projek Perintis Permodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar: i. Projek Kluster Kampung Bintang ii. Projek Kluster Kampung Pangsenam iii. Projek Kluster Tanjung Kubu-kuala Krau	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Terdapat 451 pengusaha (80%) ternakan ikan sangkar di dalam Daerah Temerloh. ii. Golongan ini menghadapi ancaman kemerosotan hasil akibat banjir, kemarau dan pencemaran sungai. iii. Aktiviti ternakan dijalankan secara tradisional.	
Fakta Asas / *Baseline*	Hasil pengeluaran akuakultur daerah secara keseluruhan berjumlah 2,292.55 tan metrik dengan nilai RM29,400,629.58.	

sambungan

Perkara	Perincian		
Perincian Inisiatif	i. Menggalakkan penggunaan amalan akuakultur pintar kluster perikanan sangkar sebagai projek printis ii. Menggunaan kaedah *Recirculating Aquaculture System* (RAS) iii. Menggunakan teknologi solar sebagai sumber bekalan tenaga iv. Menaiktaraf infrastruktur sokongan seperti sangkar tiga lapis, tangga konkrit, tali pengikat sangkar berkualiti, pengukuhan benteng / tebing sungai		
Kepentingan Cadangan	i. Meningkatkan produktiviti dan taraf pendapatan penternak ikan sangkar sungai. ii. Melaksana kaedah dan pengurusan penternakan yang efisyen dan cekap. iii. Membentuk sektor akuakultur yang berdaya tahan. iv. Meminimum kesan pencemaran daripada aktviti ternakan ikan. v. Menarik minat golongan muda dalam sektor akuakultur.		
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan		
Pelaksana	i. LKIM ii. JPS		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	√
Sasaran / Indikator Pencapaian	Hasil pengeluaran akuakultur daerah secara keseluruhan berjumlah 30,000 tan metrik	Hasil pengeluaran akuakultur daerah secara keseluruhan berjumlah 40,000 tan metrik	Hasil pengeluaran akuakultur daerah secara keseluruhan berjumlah 50,000 tan metrik
Pencapaian SDG			

Contoh salah satu teknologi pintar eFishery, di Indonesia yang menggunakan sensor untuk mengesan tahap kelaparan ikan dan memberi makan pada masa yang tepat menggunakan telefon pintar



Contoh penggunaan tenaga solar dalam aktiviti ternakan ikan sangkar sungai

Rajah 7.24 :Cadangan Lokasi Projek Perintis Permodenan Aktiviti dan Infrastruktur Kluster Ikan Sangkar

TS5 – S7 Pewartaan Rizab Haiwan

Rizab haiwan di dalam daerah Temerloh kebanyakan dimajukan sebagai kawasan padang ragut. Rizab haiwan secara keseluruhan berkeluasan 2,230.71 hektar dan terletak di 52 kawasan. Pada masa ini hanya terdapat sembilan rizab haiwan yang diusahakan dengan jumlah keluasan 581.77 hektar atau 26.08 peratus daripada jumlah keseluruhan. Rizab haiwan yang aktif ini merupakan kawasan padang ragut untuk ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, rusa dan tanaman rumput napier. Kawasan selebihnya kebanyakan digunakan untuk aktiviti pertanian atau tidak diusahakan.

Secara keseluruhan, tahap Kadar Sara Diri (SSR) produk ternakan negara masih rendah seperti daging kambing/berbiri (9.6%); daging lembu/kerbau (22.2%); dan susu segar (65.0%). Visi dan halatuju DAN 2.0, Pelan Strategik Pembangunan Pedaging Negara 2021-2025 dan Pelan Strategik Pembangunan Tenusu Negara 2021-2025 antara lain menekankan untuk meningkatkan tahap SSR produk ternakan dan mengurangkan pergantungan kepada import produk tersebut.

Jadual 7.31 : Cadangan Pewartaan Rizab Haiwan

Perkara	Perincian	
Nama Cadangan	Cadangan Pewartaan Rizab Haiwan	
Kod Cadangan	TS5 – S7	
Klasifikasi Cadangan	Projek	
Lokasi Cadangan	i. Kawasan Padang Ragut Berhala Gantang ii. Kawasan Padang Ragut Bolok Hulu iii. Kawasan Padang Ragut Paya Luas iv. Kawasan Padang Ragut Pulau Pasir Mandi	
Keluasan / Jarak	-	
Status Semasa		Perancangan Sedia Ada
	/	Perancangan Baharu
		Perancangan Komited
Pernyataan Isu / Penemuan	i. Rizab Haiwan Daerah Temerloh mempunyai jumlah kawasan seluas 2,230.71 hektar ii. Tiada rizab haiwan yang telah diwartakan iii. SSR produk ternakan negara yang masih rendah	
Fakta Asas / *Baseline*	i. Hanya 581.77 hektar atau 26.08 peratus diusahakan dengan aktiviti berkaitan penternakan	

sambungan

Perkara	Perincian
Perincian Inisiatif	i. Mewartakan sembilan rizab haiwan yang aktif seluas 581.77 hektar ii. Menaik taraf rangkaian infrastruktur dan utiliti rizab haiwan yang aktif seperti jalan ladang, bekalan elektrik, air, telekomunikasi dan perkhidmatan sisa pepejal iii. Menggantikan kegunaan aktiviti bukan penternakan yang dijalankan di atas rizab haiwan kepada aktiviti penternakan secara berperingkat iv. Meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam aktiviti penternakan v. Mempelbagaikan aktiviti rizab haiwan seperti berikut : • Pembiakan dan pembakaan semua jenis ternakan. • Memproses hasil ternakan. • Tanaman untuk makanan ternakan. • Memproses makanan ternakan • Mempromosi sebagai produk agropelancongan. vi. Memberikan keutamaan pengwartaan rezab haiwan yang terletak di luar kawasan sempadan perbandaran dan kawasan berisiko banjir.
Kepentingan Cadangan	i. Melindungi rizab haiwan dari segi perundangan ii. Membangun dan mengeksploit sepenuhnya potensi rizab haiwan sedia ada iii. Memajukan sektor penternakan secara teratur dan efisien iv. Meminimumkan kesan perubahan guna tanah dan penggunaan untuk lain-lain aktiviti ke atas rizab haiwan v. Memodenkan sektor penternakan dengan penggunaan teknologi baru vi. Menarik minat kemasukan pelaburan sektor swasta vii. Meningkatkan minat penglibatan agroprenuer muda viii. Pembangunan sektor penternakan daerah Temerloh dapat menyumbang kepada peningkatan SSR produk ternakan negara ix. Menyediakan potensi pembangunan produk agropelancongan.
Peneraju	i. Kerajaan Negeri ii. Kerajaan Persekutuan
Pelaksana	i. PTG ii. Kerajaan Negeri iii. MOTAC iv. Jabatan Perkhidmatan Veterinar

sambungan

Perkara	Perincian		
Fasa Pelaksanaan	**2023-2025**	**2026-2030**	**2031-2035**
	√	√	
Sasaran Pencapaian	Empat rizab haiwan yang aktif diwartakan	Meningkatkan jumlah rizab haiwan diwartakan kepada 10 kawasan	
Pencapaian SDG			



Petunjuk :

Aktiviti Penternakan

- Ayam
- Lembu/Kerbau
- Padang Ragut
- Rizab Lokasi Haiwan

Lain-Lain Petunjuk :

- Lebuhraya Pantai Timur
- Jalan Raya Utama
- Laluan Rel
- Cadangan Laluan ECRL
- Laluan Rentis
- Sungai Utama
- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Daerah Temerloh
- Sempadan Daerah Bersebelahan

Pelan Lokasi

Skala Pelan 1 : 1,500,000



Sumber :
1. Pejabat Perkhimatan Veterinar Daerah Temerloh

Rajah 7.25 : Aktiviti Penternakan, Padang Ragut dan Rizab Lokasi Haiwan